

**MODEL KURIKULUM BERASASKAN ILMU PERUBATAN
HERBA ORANG ASLI UNTUK SEKOLAH RENDAH
MASA DEPAN**

**ANIZA BINTI MOHD SAID
PHA 120024**

**Tesis Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya bagi Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah
Doktor Falsafah Pendidikan**

2015

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **ANIZA BINTI MOHD SAID**

(No.K.P/Pasport): **680915-01-5190**

No.Pendaftaran/Matrik: **PHA 120024**

Nama Ijazah: **IJAZAH KEDOKTORAN**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil kerja ini”):

MODEL KURIKULUM BERASASKAN ILMU PERUBATAN HERBA ORANG ASLI UNTUK SEKOLAH RENDAH MASA DEPAN

Bidang Penyelidikan **PERKEMBANGAN KURIKULUM**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan, atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam hasil kerja yang lain;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

**MODEL KURIKULUM BERASASKAN ILMU PERUBATAN HERBA
ORANG ASLI UNTUK SEKOLAH RENDAH
MASA DEPAN**

ABSTRAK

Kajian reka bentuk dan pembangunan ini bertujuan membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli yang dicadangkan untuk sekolah rendah masa depan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Model kurikulum yang dicadangkan tersebut memberikan keutamaan terhadap keperluan khas pendidikan murid Orang Asli. Kajian ini menggunakan kaedah Reka Bentuk dan Pembangunan yang dipelopori oleh Richey dan Klein (2014) untuk membangunkan model. Kajian ini dibahagikan kepada tiga fasa iaitu analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan, dan penilaian. Data fasa pertama dikumpul daripada soal selidik ke atas 100 orang guru sekolah yang ada murid Orang Asli di daerah Petaling Perdana. Interpretasi analisis keperluan adalah berdasarkan nilai frekuensi dan peratus. Data fasa kedua dikumpul dengan menggunakan Teknik Delphi Ubah Suaian dua pusingan yang melibatkan seramai 18 orang panel pakar. Data dalam fasa ini telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu median, mod dan julat antara kuartil (IQR). Konsensus pakar terhadap item-item dalam reka bentuk model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli disusun mengikut mod tertinggi, skor median tertinggi dan nilai julat antara kuartil (IQR) yang terkecil. Julat antara kuartil (IQR) merupakan perbezaan antara kuartil 3 dan kuartil 1 digunakan untuk menentukan sejauh mana konsensus pakar telah dicapai. Seterusnya dapatan kajian dipadankan dengan dapatan kajian tinjauan ke atas 144 orang guru dari 11 buah sekolah rendah Orang Asli Negeri Selangor. Data fasa ketiga penilaian model diperoleh melalui Teknik Fuzzy Delphi oleh 15 orang panel pakar. Penilaian tersebut berdasarkan respon pakar terhadap soal selidik yang terdiri dari lima skala *Likert* linguistik. Nilai *threshold* ‘d’ dihitung untuk menentusahkan konsensus pakar terhadap semua item yang terdapat dalam soal selidik. Nilai *threshold* mesti melebihi 75% untuk menentusahkan pencapaian persetujuan pakar. Manakala nilai *defuzzification* pula digunakan untuk menentusahkan persetujuan pakar dan mesti mencapai nilai minimum 0.60. Kajian ini menunjukkan keperluan untuk membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan. Dapatan keseluruhan fasa pertama menunjukkan pandangan guru terhadap ilmu perubatan herba kepada murid Orang Asli iaitu sebanyak 73.0% bersetuju murid Orang Asli mempunyai pengetahuan tentang perubatan herba, 84.9% bersetuju kurikulum perubatan herba dapat memberi sumbangan kepada penerapan nilai dan 85.5% bersetuju kurikulum perubatan herba boleh memberi kesan kepada murid Orang Asli. Selain itu, persetujuan pandangan guru tentang pembangunan model pula menunjukkan objektif yang boleh dicapai sebanyak 81.3%, standard yang boleh dicapai 80.6%, kepentingan model 84.0% dan keperluan membangunkan model 76.5%. Manakala tahap kesediaan guru pula adalah rendah iaitu kesediaan guru sebanyak 15.4%, tahap pengetahuan guru sebanyak 10.9%, tahap kemahiran guru, 17.8% dan tahap sikap guru, 21.1%. Seterusnya pengetahuan guru tentang perubatan herba menunjukkan 31.0% mengetahui tumbuhan herba dan hanya 4.7% mempunyai pengetahuan tinggi tentang perubatan herba. Ini merumuskan bahawa dapatan kajian dalam fasa analisis ini menyokong model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah dibangunkan. Dapatan fasa kedua dikumpul dengan menggunakan Teknik Delphi Ubah Suaian dua pusingan. Konsensus pakar terhadap item-item dalam reka bentuk model kurikulum berasaskan

ilmu Orang Asli disusun mengikut mod tertinggi, skor median tertinggi dan nilai julat antara kuartil (IQR) yang terkecil. Dapatan Delphi Ubah Suaian pusingan ke dua menunjukkan konsensus yang tinggi oleh pakar terhadap 130 item (86.7%). Analisis ‘Wilcoxon signed-rank test’ menunjukkan secara keseluruhannya tiada perbezaan yang signifikan terhadap majoriti item yang diuji antara pusingan pertama dan kedua. Seterusnya dapatan kajian dipadankan dengan dapatan tinjauan ke atas 144 orang guru dari 11 buah sekolah rendah Orang Asli Negeri Selangor. Dapatan kajian turut menunjukkan konsensus yang tinggi oleh pakar terhadap 139 item (95.9%). Dapatan fasa ketiga kajian ini menunjukkan bahawa panel pakar mencapai konsensus persetujuan bersama iaitu nilai *threshold* ($d = 90.0\%$) dari segi kesesuaian elemen dalam model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba. Manakala dapatan penilaian kebolehgunaan model secara keseluruhannya menunjukkan panel pakar mencapai konsensus persetujuan bersama dari segi kesesuaian elemen dalam model kurikulum perubatan herba Orang Asli dan kebolehgunaan model dalam pelaksanaan kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli dengan nilai *defuzzification* melebhi 0.60 iaitu kesepakatan pakar ‘sangat setuju’.

CURRICULUM MODEL BASED ON ORANG ASLI KNOWLEDGE OF HERBAL MEDICINE FOR FUTURE PRIMARY SCHOOL

ABSTRACT

The design and development research aims at developing a curriculum model based on Orang Asli knowledge of herbal medicine recommended of teaching and learning for future primary school. The proposed curriculum model is to give priority to the needs of Orang Asli students education which is becoming a focus in the field of education. The study used Design and Development Research pioneered by Richey and Klein (2014) to develop a model. The study was divided into three phases: needs analysis, design and development, and evaluation. The first phase involved data collection from questionnaires to 100 teachers who have Orang Asli students in the district of Petaling Perdana school. Interpretation is based on the needs analysis of frequencies and percentages. The second phase data were collected using a two-round modified Delphi Technique involving a panel of 18 experts. Data in this phase were analyzed using descriptive statistics median, mode and inter quartile range (IQR). Expert consensus on the items in the design of curriculum model-based on Orang Asli knowledge was sorted by highest mode, and the highest median scores ranging quarter (IQR) of the smallest. Inter quartile range (IQR) is the difference between quartile 3 and quartile 1 and is used to determine how far the expert consensus was reached. Results further matched with survey findings of 144 teachers from 11 Orang Asli primary schools from Negeri Selangor. The third phase of the data obtained through Fuzzy Delphi Technique modified on 15 expert panels. The assessment was based on an expert response to the questionnaire consisted of five Likert scale linguistics. The threshold of 'd' is calculated to verify the consensus of experts on all the items available in the questionnaire. Threshold value must exceed 75% to verify the achievement of consent specialists. While the defuzzification was used to verify the agreement of experts and must achieve a minimum of 0.60. This study shows the need to develop a model curriculum based on Orang Asli knowledge of herbal medicine for future primary school. Overall findings of the first phase showed teachers views toward knowledge herbal medicine to Orang Asli students by 73.0% agreed that Orang Asli students have the knowledge of herbal medicine, 84.9% agreed curriculum herbal medicine can contribute to moral values and 85.5% agreed curriculum herbal medicine can affect Orang Asli students. In addition, teachers' views about the development agreement model shows that the objective can be achieved by 81.3%, the standard can be achieved 80.6%, 84.0% and model the importance of the need to develop models of 76.5%. The readiness level of teachers was low which is 15.4%, and the teachers' knowledge level was 10.9%, the teachers' skill level was 17.8%, and the attitude of teachers, 21.1%. Next teachers' knowledge on herbal medicine was 31.0% for herbal plants and only 4.7% had high knowledge about herbal medicine. It was concluded that the findings in the analysis phase support that the curriculum model based on Orang Asli knowledge of herbal medicine for primary school be developed. The findings of the second phase were collected using a modified two-round Delphi technique. Expert consensus on the items in the design of curriculum model based on Orang Asli knowledge was sorted by highest mode, and the highest median scores and highest inter quartile range (IQR) to the smallest. The findings of the two-round modified Delphi show high consensus by experts of 130 items (86.7%). Analysis of Wilcoxon signed-rank test showed no overall significant differences for the majority of items tested between the first and second rounds. Results

further matched with survey findings of 144 teachers from 11 Orang Asli primary schools from Negeri Selangor. The study also showed a high consensus by experts on 139 items (95.9%). The findings of the third phase of this study show that the panel of experts reached consensus agreement on the threshold ($d = 90.0\%$) in terms of the suitability of the elements in the model curriculum based on herbal medicine knowledge. The usability evaluation model findings all point to a panel of experts reached consensus agreement with the suitability of elements in the curriculum model of Orang Asli herbal medicine and usability of the model in the implementation of curriculum-based on Orang Asli knowledge of herbal medicine with the defuzzification exceeding 0.60 meaning that the experts 'strongly agree'.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang
Segala puji bagi Allah S.W.T. Selawat dan salam buat Nabi Muhammad S.A.W.

ALHAMDULILLAH, setinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah S.W.T atas petunjuk, limpah kurnia dan keizinannya sehingga membolehkan kajian ini berjaya diselesaikan seperti yang dirancangkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah memberi peluang kepada saya bagi mencapai cita-cita mulia ini dengan meluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa. Sekalung penghargaan kepada panel pakar Delphi, panel pakar Fuzzy Delphi, Tok-tok Batin, pengetua-pengetua dan guru besar khususnya Guru Besar dan guru-guru SK (Asli) Negeri Selangor atas kerjasama yang diberikan serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini. Terima kasih tidak terhingga juga ditujukan kepada Profesor Emeritus Dato' Hood Salleh dan Dr Mustafa Omar dari Universiti Kebangsaan Malaysia atas segala input dan kerjasama yang diberikan.

Kalungan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga didedikasikan kepada penyelia saya Profesor Dr Saedah Siraj dan Dr Norlidah Alias atas kebijaksanaan memberi bimbingan, semangat, kesabaran dan tunjuk ajar yang berguna kepada saya sehingga terhasilnya kajian ini. Sesungguhnya inspirasi dan komitmen yang diberikan amat dihargai. Titipan terima kasih juga kepada Dr. Dorothy DeWitt dan Dr Siti Hajar Halili atas bantuan yang telah diberikan.

Penghargaan juga kepada rakan-rakan seperjuangan PhD terutama Dr Mohd Nazri Abdul Rahman, Alijah Ujang, Rashidah Gelamdin, Zanariah Ahmad, Zainuddin Ibrahim, Rafidah Hamzah dan adik-adik Ijazah Sarjana, Mohamad Muhibdin, Fuziah, Salihin Hafizi, Ruslina, Rohani, Khairul, Juhara, Rosman, Sayuti, dan tidak dilupakan rakan-rakan di SMK Seksyen 7, Shah Alam atas sokongan motivasi dan kerjasama dalam menyempurnakan kajian ini.

Limpahan kasih sayang yang tidak terhingga teristimewa buat suami tercinta Hj Abdul Rani Bin Megat Kassim yang memberi keizinan, sentiasa menjadi pendorong dan pembakar semangat untukku meneruskan perjuangan, jua istimewa buat putera puteriku Nur Aqilah Azween, Ahmad Izzwan Fiqry dan Ahmad Imran Fiqry atas pengertian yang amat tinggi.

Tidak lupa juga kepada bapa Allahyarham Hj Mohd Said Hj Marzuki, emak Allahyarham Hjh Puteh Hjh Yusoff yang tidak sempat melihat kejayaan ini serta seisi keluarga yang sentiasa mendoakan kebaikan dan kejayaan untukku. Terima kasih buat semua.

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
 BAB I PENGENALAN	
Latar Belakang Kajian	1
Penyataan Masalah	5
Tujuan Kajian	10
Objektif Kajian	11
Soalan Kajian	11
Rasional Kajian	12
Signifikan Kajian	14
Batasan Kajian	15
Definisi Istilah	16
Kesimpulan	19
 BAB II SOROTAN KAJIAN	
Pengenalan	20
Latar Belakang Masyarakat Orang Asli di Malaysia	20
Masalah Pendidikan Orang Asli	24
Pembangunan Pendidikan Masyarakat Orang Asli	32
Perkembangan Penyelidikan Ilmu Orang Asli	40
Era Kolonialisme	41
Era Pasca Perang Dunia Kedua	42
Era Masa Kini	43

Pendidikan Pembangunan Lestari	45
Kepelbagai Budaya	46
Pemuliharaan Biodiversiti	47
Ilmu Masyarakat Orang Asli	49
Konsep Ilmu Orang Asli	52
Kepentingan Ilmu Orang Asli	53
Ilmu Orang Asli Di Malaysia	54
Ilmu Perubatan Herba Masyarakat Orang Asli	58
Pendidikan Orang Asli di Luar Negara	64
Pendidikan Orang Asli di Amerika Syarikat	66
Pendidikan Orang Asli di Australia	67
Pendidikan Orang Asli di Kanada	69
Pendidikan Orang Asli di New Zealand	72
Kerangka Teori	74
Model Kurikulum Hunkins	75
Model Kurikulum Masa Depan	78
Teori Konstruktivisme Sosial Oleh Vygotsky	80
Kerangka Konsep	82
Kajian Penggunaan Tumbuhan Perubatan Orang Asli Di Luar Negara	84
Kajian Penggunaan Tumbuhan Perubatan Orang Asli Di Dalam Negara	85
Kesimpulan	108

BAB III METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan	109
Reka Bentuk Kajian	109
Fasa Analisis Keperluan	113
Fasa Reka Bentuk Dan Pembangunan	114
Fasa Penilaian	118
Prosedur Memilih Responden	121
Prosedur Pengumpulan Data	124
Matriks Kajian	126
Instrumen Kajian	128
Prosedur Penganalisaan Data	130
Kesimpulan	131

BAB IV DAPATAN KAJIAN FASA 1 ANALISIS KEPERLUAN

Dapatkan Kajian: Analisis Pandangan Guru Tentang Ilmu	
Perubatan Herba Orang Asli Kepada Murid Orang Asli	141
Dapatkan Kajian: Analisis Pandangan Guru Keperluan Model	
Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba Orang	
Asli Untuk Sekolah Rendah Masa Depan	144
Dapatkan Kajian: Analisis Pandangan Guru Tentang Kesediaan	
Guru Terhadap Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan	
Herba Orang Asli	147
Dapatkan Kajian: Analisis Pengetahuan Guru Tentang Ilmu	
Perubatan Herba Orang Asli	152
Rumusan Dapatkan Fasa Analisis Keperluan	154

BAB V DAPATAN KAJIAN FASA 2 REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN

Dapatkan Teknik Delphi Ubah Suaian	156
Deskripsi Panel Pakar	157
Ringkasan Pengendalian Teknik Delphi dan Analisis Data	157
Pembentukan Instrumen Delphi	159
Analisis Dapatkan Delphi Ubah Suaian Pusingan 1	160
Rumusan Dapatkan Delphi Ubah Suaian Pusingan 1	169
Analisis Dapatkan Delphi Ubah Suaian Pusingan 2	170
Rumusan Dapatkan Delphi Ubah Suaian Pusingan 2	182
Rumusan Teknik Delphi Ubah Suaian	183
Analisis Dapatkan Delphi Ubah Suaian Tinjauan	187
Rumusan Dapatkan Tinjauan	194
Kesimpulan	194
Pembangunan Model	195

BAB VI DAPATAN KAJIAN FASA 3 PENILAIAN

Dapatkan Fasa Penilaian	198
Dapatkan Penilaian Kebolehgunaan Model Kurikulum	
Berasaskan Ilmu Perubatan Herba Orang Asli	
Untuk Sekolah Rendah Masa Depan	202

Dapatkan Kajian Kesesuaian Elemen dalam Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba Orang Asli	204
Dapatkan Kajian Kebolehgunaan Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba Orang Asli	213
Rumusan Dapatkan Fasa Penilaian	217
BAB VII RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
Ringkasan Kajian	220
Perbincangan Dapatkan Kajian	222
Perbincangan Dapatkan Analisis Keperluan	222
Perbincangan Dapatkan Fasa Reka bentuk dan Pembangunan	227
Perbincangan Dapatkan Fasa Penilaian	230
Implikasi Kajian	232
Implikasi dan Cadangan Terhadap Teoritis	232
Implikasi Amalan	237
Implikasi dan Cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	238
Implikasi dan Cadangan Terhadap Guru	239
Implikasi dan Cadangan Terhadap JAKOA, Ibu bapa dan Masyarakat Orang Asli	241
Implikasi dan Cadangan Terhadap Murid Orang Asli	242
Sumbangan Terhadap Ilmu Bidang	243
Cadangan Kajian Lanjutan	243
Penutup dan Rumusan	244
BIBLIOGRAFI	247
LAMPIRAN	270
SENARAI ARTIKEL DAN KERTAS PEMBENTANGAN	371

SENARAI JADUAL

Jadual 1. 1	Standard Kandungan Sains Tahap 1(Tahun 1, 2 & 3 KSSR)	4
Jadual 1. 2	Standard Kandungan Pendidikan Kesihatan Tahap 1 (Tahun 1, 2 & 3 KSSR)	4-5
Jadual 2. 1	Kelompok Etnik Orang Asli di Semenanjung Malaysia	23
Jadual 2. 2	Rumusan Kajian Terhadap Tumbuhan Perubatan Herba Masyarakat Orang Asli Mengikut Suku Kaum	63-64
Jadual 2.3	Tumbuhan Ubatan Orang Asli	86
Jadual 2.4	Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Masyarakat Orang Asli	87-89
Jadual 2.5	Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Orang Asli Kampung Bawong, Perak	90-93
Jadual 2.6	Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Kaum Temuan Ulu Langat, Selangor	94-95
Jadual 2.7	Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Kaum Temuan di Kampung Jeram Kedah	96-98
Jadual 2.8	Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Kaum Temuan	99-100
Jadual 2.9	Penggunaan Tumbuhan Perubatan Oleh Kaum Jah Hut	101-104
Jadual 2.10	Penggunaan Tumbuhan Perubatan Oleh Kaum Semai	105-107
Jadual 3.1	Fokus Dua Jenis Kajian Pembangunan	111
Jadual 3.2	Penekanan dan Dapatan Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan	112
Jadual 3.3	Hubungan Fasa-fasa dalam Kajian dengan Peringkat-peringkat Pembangunan Model Kurikulum	1143
Jadual 3.4	Proses Kajian- Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	115
Jadual 3.5	Contoh Skala Linguistik	119
Jadual 3.6	Langkah dalam Teknik Fuzzy Delphi	120
Jadual 3.7	Agihan Panel Pakar Delphi Ubah Suaian	122-123
Jadual 3.8	Kriteria Pemilihan dan Agihan Pakar Penilai Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	124
Jadual 3.9	Prosedur Pengumpulan Data	125
Jadual 3.10	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Analisis Keperluan (Cronbach's Alpha)	129
Jadual 3.11	Perkaitan Pengurangan Ralat dengan Saiz Panel	129
Jadual 4. 1	Suku Kaum Responden	134

Jadual 4. 2	Kelulusan Akademik	134
Jadual 4. 3	Umur Responden	135
Jadual 4. 4	Pengalaman Mengajar	135
Jadual 4. 5	Pengalaman Terlibat Dengan Masyarakat Orang Asli	136
Jadual 4. 6	Pernah Mengikuti Kursus Berkaitan Herba	136
Jadual 4. 7	Pihak Bertanggungjawab Melaksanakan Perubatan Herba	137
Jadual 4. 8	Pendidikan Perubatan Herba di Sekolah Rendah	137
Jadual 4. 9	Mata Pelajaran Mengandungi Perubatan Herba	138
Jadual 4. 10	Mata Pelajaran yang Sesuai Untuk Diajar Perubatan Herba	138
Jadual 4. 11	Tahap Sesuai Untuk Diajar Perubatan Herba	139
Jadual 4. 12	Bahan dan Sumber Yang Sesuai Digunakan Untuk Pengajaran dan Pembelajaran Perubatan Herba	139
Jadual 4. 13	Keberkesanan Pendidikan Perubatan Herba	140
Jadual 4. 14	Implementasi Kurikulum Perubatan Herba yang Berkesan	140
Jadual 4. 15	Pandangan Guru Tentang Murid Orang Asli dari Segi Pengetahuan	141
Jadual 4. 16	Pandangan Guru Tentang Sumbangan Nilai Melalui Kurikulum Perubatan Herba Kepada Murid Orang Asli	142
Jadual 4. 17	Pandangan Guru Tentang Kesan Kurikulum Perubatan Herba Selepas Tamat Persekolahan	143
Jadual 4. 18	Pandangan Guru Tentang Objektif Model Kurikulum Perubatan Herba	144
Jadual 4. 19	Pandangan Guru Tentang Standard Model Kurikulum Perubatan Herba	145
Jadual 4. 20	Pandangan Guru Tentang Kepentingan Model Kurikulum Perubatan Herba	146
Jadual 4. 21	Pandangan Guru Tentang Keperluan Membangunkan Model Kurikulum Perubatan Herba	146
Jadual 4. 22	Pandangan Guru Tentang Kesediaan Guru Terhadap Kurikulum Berasaskan Perubatan Herba Orang Asli	147-148
Jadual 4. 23	Pandangan Guru Tentang Tahap Kesediaan Pengetahuan Guru	148-149
Jadual 4. 24	Pandangan Guru Tentang Tahap Kesediaan Kemahiran Guru	150
Jadual 4. 25	Pandangan Guru Tentang Tahap Kesediaan Sikap Guru	151
Jadual 4. 26	Pengetahuan Guru Tentang Perubatan Herba	152

Jadual 4. 27	Pengetahuan Guru Tentang Nama Tumbuhan Herba Orang Asli	153-154
Jadual 5.1.1	Komponen Kurikulum	161
Jadual 5.1.2	Objektif Kurikulum Perubatan Herba Orang Asli	161
Jadual 5.1.3	Isi Kandungan Kurikulum Perubatan Herba Orang Asli	162-164
Jadual 5.1.4	Kemahiran yang Perlu Diterapkan	165
Jadual 5.1.5	Nilai-Nilai yang Perlu Diterapkan	166
Jadual 5.1.6	Aktiviti Pelaksanaan (Strategi Pengajaran dan Pembelajaran)	167
Jadual 5.1.7	Pentaksiran	167
Jadual 5.1.8	Peringkat Pelaksanaan	168
Jadual 5.1.9	Cara Pelaksanaan	168
Jadual 5.1.10	Rumusan Delphi Ubah Suaian Pusingan 1	169
Jadual 5.2.1	Komponen Kurikulum	170
Jadual 5.2.2	Objektif Kurikulum Perubatan Herba Orang Asli	171
Jadual 5.2.3	Isi Kandungan Kurikulum Perubatan Herba Orang Asli	172-175
Jadual 5.2.4	Kemahiran yang Perlu Diterapkan	176
Jadual 5.2.5	Nilai-nilai yang Perlu Diterapkan	177
Jadual 5.2.6	Aktiviti Pelaksanaan (Strategi Pengajaran dan Pembelajaran)	178
Jadual 5.2.7	Pentaksiran	179
Jadual 5.2.8	Peringkat Pelaksanaan	180
Jadual 5.2.9	Cara Pelaksanaan	181
Jadual 5.2.10	Rumusan Delphi Ubah Suaian Pusingan 2	182
Jadual 5.3.1	Rumusan Kesepakatan Delphi Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba Untuk Sekolah Rendah Masa Depan	183-186
Jadual 5.4.1	Komponen Kurikulum	187
Jadual 5.4.2	Objektif Kurikulum Perubatan Herba Orang Asli	187
Jadual 5.4.3	Isi Kandungan Kurikulum Perubatan Herba Orang Asli	188-190
Jadual 5.4.4	Kemahiran yang Perlu Diterapkan	190-191
Jadual 5.4.5	Nilai-nilai yang Perlu Diterapkan	191
Jadual 5.4.6	Aktiviti Pelaksanaan (Strategi Pengajaran dan Pembelajaran)	192
Jadual 5.4.7	Pentaksiran	192
Jadual 5.4.8	Peringkat Pelaksanaan	193
Jadual 5.4.9	Cara Pelaksanaan	193
Jadual 5.4.10	Rumusan Analisis Dapatan Tinjauan	194

Jadual 6.1	Maklumat Demografi Pakar : Status	199
Jadual 6.2	Maklumat Demografi Pakar : Bangsa dan Suku Kaum	199
Jadual 6.3	Maklumat Demografi Pakar : Pengalaman Terlibat Dengan Masyarakat Orang Asli	200
Jadual 6.4	Maklumat Demografi Pakar : Bidang Pekerjaan	200
Jadual 6.5	Maklumat Demografi Pakar : Taraf Pendidikan	201
Jadual 6.6	Kesepakatan Pakar Terhadap Kesesuaian Elemen Komponen Kurikulum Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	204
Jadual 6.7	Kesepakatan Pakar Terhadap Kesesuaian Elemen Objektif Kurikulum Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	205
Jadual 6.8	Kesepakatan Pakar Terhadap Kesesuaian Elemen Isi Kandungan Kurikulum Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	206-207
Jadual 6.9	Kesepakatan Pakar Terhadap Kesesuaian Elemen Kemahiran Dalam Kurikulum Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	208
Jadual 6.10	Kesepakatan Pakar Terhadap Kesesuaian Elemen Nilai Dalam Kurikulum Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	209
Jadual 6.11	Kesepakatan Pakar Terhadap Kesesuaian Elemen Strategi Pengajaran Dalam Kurikulum Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	210
Jadual 6.12	Kesepakatan Pakar Terhadap Kesesuaian Elemen Pentaksiran Dalam Kurikulum Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	211
Jadual 6.13	Kesepakatan Pakar Terhadap Kesesuaian Elemen Tahap Pelaksanaan Kurikulum Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	212
Jadual 6.14	Kesepakatan Pakar Terhadap Kesesuaian Elemen Pelaksanaan Kurikulum Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	212
Jadual 6.15	Kesepakatan Pakar Terhadap Kesesuaian Elemen Jumlah Herba Yang Sesuai Diajar Dalam Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	213
Jadual 6.16	Kesepakatan Pakar Terhadap Kebolehgunaan Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba Orang Asli Untuk Sekolah Rendah Masa Depan	214-216

Jadual 6.17	Kesepakatan Pakar Terhadap Kebolehgunaan Keseluruhan Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba Orang Asli Untuk Sekolah Rendah Masa Depan	218
-------------	---	-----

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Pelan Tindakan PBB (2005-2014)	45
Rajah 2.2	Model Holistik Pendidikan Sepanjang Hayat Orang Asli di Kanada	72
Rajah 2.3	Tujuh Aspek Utama Model GPILSEO	74
Rajah 2.4	Adaptasi Model Kurikulum Hunkins (1980)	76
Rajah 2.5	Adaptasi Model The Core of Futures Studies, Richard A. Slaughter (1996)	79
Rajah 2.6	Zon Perkembangan Prokimal Vygotsky	81
Rajah 2.7	Kerangka Konsep Kajian	83
Rajah 3.1	Fasa Kajian	114
Rajah 3.2	Rajah Tiga Segi Bermakna Terhadap Tiga Segi	119
Rajah 3.3	Matriks Kajian	126-127
Rajah 5.1	Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba Orang Asli Untuk Sekolah Rendah Masa Depan	196
Rajah 7.1	Gabungan Model Kurikulum Hunkins Dan Teori Vygotsky Dalam Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Orang Asli Untuk Sekolah Rendah Masa Depan	235

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Surat
Lampiran B	Surat
Lampiran C	Surat
Lampiran D	Surat
Lampiran E	Surat
Lampiran F	Soal Selidik Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba Orang Asli Untuk Sekolah Rendah Masa Depan: Analisis Keperluan
Lampiran G	Protokol Temu Bual Pakar
Lampiran H	Persetujuan Menjadi Panel Pakar
Lampiran I	Borang Soal Selidik Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba Orang Asli Untuk Sekolah Rendah Masa Depan Pusingan 1
Lampiran J	Borang Soal Selidik Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba Orang Asli Untuk Sekolah Rendah Masa Depan Pusingan 2
Lampiran K	Pelantikan Panel Pakar Teknik Fuzzy Delphi
Lampiran M	Ujian Kebolehgunaan
Lampiran N	Fuzzy Delphi

SENARAI SINGKATAN

ABS	Access and Benefit Sharing
CBD	Convention on Biological Diversity
GLC	Government Linked Companies
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
KAP	Kurikulum Asas Orang Asli dan Penan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
NGO	Non-Government Organization
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
SD	Sustainable Development
UN-DRIP	United Nation Declaration On Right of Indigenous People
UNESCO	The United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization
WHO	World Health Organization

BAB 1

PENGENALAN

Latar Belakang Kajian

Kurikulum ialah pengalaman pembelajaran yang disediakan dalam bentuk rancangan pembelajaran (Norlidah Alias, 2010). Manakala bagi Ornstein dan Hunkins (2009), kurikulum bermaksud perancangan untuk mencapai matlamat. Ornstein dan Hunkins (2009) juga menyatakan bahawa penekanan terbaik ialah pembelajaran berdasarkan keperluan masyarakat yang diperlukan oleh semua kelas sosial dan matlamat pendidikan adalah memastikan peradaban atau warisan masyarakat diteruskan. Kurikulum juga merupakan suatu konsep yang telah melalui beberapa tahap transformasi yang meninggalkan kesan-kesan dalam bentuk idea, model, dan tindakan-tindakan yang dijelmakan dalam projek-projek di sekolah-sekolah dan di institusi-institusi pendidikan lainnya (Abu Bakar Nordin, 2014). Oleh itu, jika sesuatu program pendidikan hendak dirancang dan jika usaha untuk mendapatkan kemajuan yang berterusan diperlukan, maka konsep tentang sesuatu kurikulum adalah amat penting untuk dijadikan landasan kepada pelaksanaan sesuatu kurikulum tersebut (Tyler, 1990).

Kurikulum masa depan pula dirumuskan sebagai kurikulum yang dibina pada hari ini berdasarkan jangkaan (termasuk matlamat, kandungan, implementasi dan penilaian) yang dibuat secara sistematik. Setiap aspek dalam pembinaan kurikulum memerlukan data empirikal melalui kajian seperti Teknik Delphi dan Cross Impact Analysis. Kurikulum terhasil ini digunakan dalam sistem pendidikan supaya apa yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan mempunyai matlamat yang jelas bagi membentuk generasi masa depan yang mantap serta dapat mengelakkan pembaziran kos, tenaga dan sumber (Saedah Siraj, 2011).

Kurikulum yang berasaskan ilmu Orang Asli bukanlah sesuatu yang baharu. Kajian-kajian luar negara tentang pembangunan kurikulum untuk masyarakat pribumi mereka telah banyak dijalankan di negara mereka (Barnhardt, 2005; Battiste, 2002; Bishop, 2008; Hart, 2010; Nakashima, 2002, 2010; Riggs, 2005; Harrison, 2005; McKay, 2003; Snively, 2000). Orientasi kurikulum terhadap masyarakat peribumi menurut Gilliland (1987) perlu mempunyai matlamat, penerangan program, input daripada guru yang akan menggunakan kurikulum, penerangan tentang aktiviti yang sesuai, jangka masa dan penilaian prosedur. Antara matlamat yang diharapkan ialah pelajar akan terdedah dengan warisan budaya mereka yang boleh membantu meningkatkan imej kendiri untuk menghadapi masa depan. Pelajar juga akan belajar tentang tradisi mereka tentang alam sebagai sumber dalam semua aspek kehidupan, dan ini akan mencambahkan kecintaan terhadap alam dan berusaha mengekalkannya.

Orang Asli adalah masyarakat yang kaya dengan budaya, kepercayaan dan tradisi (Syuhana Khalid, 2014; Vanitha Thanabalan, 2011). Alam dan alam sekitar merupakan ciri-ciri unik yang terdapat dalam kehidupan mereka (Hood Salleh, 2004). Ciri-ciri ini memainkan peranan penting dalam membentuk pembangunan sosial dan ekonomi mereka. Hutan adalah segala-galanya bagi masyarakat Orang Asli dan mereka dapat hidup penuh harmoni tanpa gangguan. Nilai dan etos mereka banyak diwarnai oleh keadaan alam sekeliling mereka (Itam Wali Nawan:1993). Hutan dan haiwan contohnya adalah elemen penting dalam kehidupan mereka manakala perubatan tradisional daripada daun dan pokok-pokok digunakan untuk menyembuhkan penyakit. Terdapat hubungan yang kuat antara Orang Asli dan alam sekitar terutamanya berhubung kepada tumbuh-tumbuhan (Zainon Abu Samah, 1997). Zainon melaporkan bahawa sebanyak 315 spesies tumbuhan telah digunakan untuk pelbagai tujuan seperti makanan, perubatan dan upacara oleh Orang Asli.

Budaya dan cara hidup Orang Asli yang begitu unik telah menarik minat ramai pengkaji untuk melakukan kajian mendalam terhadap aspek sosial kehidupan mereka kerana hampir kesemua aspek sosiologi termasuk budaya, kesenian, ekonomi, pendidikan, agama dan perubahan sosial dalam kalangan Orang Asli telah mendapat perhatian untuk dikaji (Juli Edo, 1990). Memandangkan masyarakat Orang Asli merupakan masyarakat yang masih kuat berpegang kepada cara hidup nenek moyang mereka yang bersandarkan kepada alam semula jadi, maka tidak hairanlah mereka masih menolak bidang pendidikan yang tidak relevan dengan kehidupan mereka (Norazira Yusof, 2002). Penyelesaian yang terbaik perlu dilakukan untuk mengelakkan keciciran terus berlaku agar mereka juga dapat manfaat daripada sistem pendidikan negara. Pendidikan Orang Asli mampu ditingkatkan ke tahap yang lebih baik kerana dasar pendidikan negara yang sentiasa menyokong golongan ini untuk maju dan memperbaiki peluang untuk masa hadapan (Abdul Razaq Ahmad, Pang Shiao Wai, Ahmad Ali Seman, Nor Aniza Ahmad, 2009).

Di Malaysia, program kurikulum ataupun strategi pembelajaran yang memfokuskan ilmu perubatan herba Orang Asli dalam pembelajaran masih belum wujud. Dalam Dokumen Standard Kurikulum Sains Tahap 1 KSSR, pengajaran tentang tumbuhan hanya terdapat dalam satu standard kandungan sahaja iaitu Tumbuhan, yang dijelaskan seperti jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1
Standard Kandungan Sains Tahap 1 (Tahun 1,2 & 3 KSSR)

Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
Standard Kandungan	Standard Kandungan	Standard Kandungan
4. TUMBUHAN	3. TUMBUHAN	4. TUMBUHAN
4.1 Menganalisis tumbuhan dan bahagian tumbuhan	3.1 Mengenali keperluan asas tumbuhan	4.1 Memahami ciri tumbuhan
4.2 Mencipta produk daripada bahagian-bahagian tumbuhan	3.2 Menyedari tumbuhan mempunyai keperluan asas untuk hidup	
4.3 Menghargai pelbagai tumbuhan di sekeliling kita	3.3 Memahami tumbesaran tumbuhan	

Sumber: Dokumen Standard Kurikulum Sains, 2011

Manakala dalam mata pelajaran Pendidikan Kesihatan pula, topik mengenai kesihatan diri dan reproduktif terdapat dalam Modul 1 Kesihatan Fizikal Tahap 1(Tahun 1, 2 & 3 KSSR) tetapi mempunyai topik yang sama bagi setiap tahun dan hanya merangkumi asas penjagaan kesihatan secara umum.

Jadual 1.2
Standard Kandungan Pendidikan Kesihatan Tahap 1 (Tahun 1,2 & 3 KSSR)

Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
Standard Kandungan Modul 1: Kesihatan Fizikal	Standard Kandungan Modul 1: Kesihatan Fizikal	Standard Kandungan Modul 1 : Kesihatan Fizikal
Kesihatan Diri dan Reproduktif	Kesihatan Diri dan Reproduktif	Kesihatan Diri dan Reproduktif
1.1 Mengetahui dan memahami pertumbuhan serta perkembangan fizikal yang sihat. 1.2 Mendemonstrasikan keupayaan dan kemahiran untuk menangani pengaruh dalaman serta luaran yang mempengaruhi kesihatan diri dan reproduktif	1.1 Mengetahui dan memahami pertumbuhan serta perkembangan fizikal yang sihat. 1.2 Mendemonstrasikan keupayaan dan kemahiran untuk menangani pengaruh dalaman serta luaran yang mempengaruhi kesihatan diri dan reproduktif	1.1 Mengetahui dan memahami pertumbuhan serta perkembangan fizikal yang sihat 1.2 Mendemonstrasikan keupayaan dan kemahiran untuk menangani pengaruh dalaman serta luaran yang mempengaruhi kesihatan diri dan reproduktif.

Jadual 1.2(Sambungan)

Standard Kandungan Pendidikan Kesihatan Tahap 1 (Tahun 1,2 & 3 KSSR)

Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
Standard Kandungan Modul 1: Kesihatan Fizikal	Standard Kandungan Modul 1: Kesihatan Fizikal	Standard Kandungan Modul 1 : Kesihatan Fizikal
Pemakanan 1.3 Mengetahui dan mengamalkan pemakanan yang sihat serta selamat.	Pemakanan 1.3 Mengetahui dan mengamalkan pemakanan yang sihat serta selamat.	Pemakanan 1.3 Mengetahui dan mengamalkan pemakanan yang sihat serta selamat.
Penyalahgunaan Bahan 1.4 Mengetahui jenis dan kesan penyalahgunaan bahan serta berkemahiran menangani situasi berisiko terhadap diri, keluarga dan masyarakat	Penyalahgunaan Bahan 1.4 Mengetahui jenis dan kesan penyalahgunaan bahan serta berkemahiran menangani situasi berisiko terhadap diri, keluarga dan masyarakat	Penyalahgunaan Bahan 1.4 Mengetahui jenis dan kesan penyalahgunaan bahan serta berkemahiran menangani situasi berisiko terhadap diri, keluarga dan masyarakat.

Sumber: Dokumen Standard Pendidikan Kesihatan Tahap 1, KSSR, 2011

Selain itu, taman-taman herba yang diusahakan di sekolah-sekolah merupakan satu alternatif yang baik untuk mewujudkan tanaman yang boleh dijadikan ubatan tradisional namun dari pemerhatian penyelidik, kewujudannya juga tidak digunakan secara menyeluruh dalam sistem pembelajaran.

Oleh itu, kajian ini yang berfokuskan kepada ilmu perubatan herba Orang Asli adalah sangat relevan untuk mananamkan minat pelajar Orang Asli untuk ke sekolah. Mendidik anak Orang Asli mengikut kurikulum yang sesuai dengan cara dan gaya hidup serta persekitaran sosiobudaya mereka adalah satu anjakan baharu dalam sistem pendidikan negara khususnya untuk golongan minoriti ini pada masa depan.

Penyataan Masalah

Dasar Pendidikan Kebangsaan mempunyai matlamat untuk memberikan pendidikan kepada seluruh rakyat di negara ini tanpa mengambil kira budaya, kelas sosial, kelompok etnik, amalan atau cara hidup (KPM, 2012). Pendidikan untuk masyarakat Orang Asli turut diberi perhatian supaya mereka diberi peluang untuk

mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti dan relevan berasaskan persekitaran mereka pada peringkat awal pendidikan (KPM, 2012). Selain itu, dasar ini selari dengan dasar UNESCO yang menekankan kepentingan pendidikan pembangunan lestari, kepelbagaian budaya dan pemuliharaan biodiversiti dalam sistem pendidikan (UNESCO, 2010). Tambahan pula, penekanan kepada ilmu Orang Asli merupakan satu isu dan fokus yang terkandung dalam Pelan Strategik Pembangunan Orang Asli (2011-2015) agar pengetahuan tradisi dan harta intelek Orang Asli dikekalkan (JAKOA, 2011). Malahan, pendidikan terhadap masyarakat Orang Asli ini selari dengan Seksyen 19 (1) yang menyatakan bahawa Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan maksud Akta ini dan khususnya bagi yang berikut:

Mengadakan peruntukan bagi penubuhan sekolah di dalam kawasan Orang Asli, rizab Orang Asli dan tempat yang diduduki oleh Orang Asli dan menetapkan kurikulum sekolah itu dan kelayakan bagi guru di sekolah itu;

(Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) semakan 1974,2006)

Bagaimanapun, secara amnya terdapat pelbagai isu dalam pendidikan masyarakat Orang Asli. Isu yang pertama dapat dilihat daripada kadar keciciran dalam kalangan pelajar Orang Asli (Asnarulkhadi Abu Samah, Marof Redzuan & Sarjit S.Gill, 2006; Carey, 1976; Farah Amaneena Abdul Rahman, 2011; Hasan Mat Nor, 1997; JHEOA, 2003; JAKOA, 2011; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010; Mohd Hanif Zakaria, 1991; Nicholas, 2006; Nurhidayah Abdullah, Noorain Samsudin, Nazli Daud, Ibrahim Mamat & Nazhri Ismail, 2010; Omar Othman, 2010; SUHAKAM, 2010). Kajian lalu menunjukkan bahawa keciciran masih berlaku walaupun ada usaha yang dibuat untuk mengatasinya. Walaupun kadar keciciran pelajar Orang Asli di sekolah rendah yang tidak menamatkan alam persekolahan sehingga darjah 6 telah

menunjukkan perubahan yang ketara di mana kadar telah menurun dari tahun ke tahun namun keciran masih tetap berlaku. Manakala peratusan keciran pelajar Orang Asli di sekolah menengah pula berada pada tahap yang agak tinggi terutamanya dari peralihan sekolah rendah ke tingkatan iaitu pada tahun 2006 (34.50%), 2007 (36.10%), 2008 (31.77%) dan turun pada tahun 2009 (29.02%) (JAKOA, 2011).

Selain itu, isu yang dikenal pasti wujud dalam pendidikan masyarakat Orang Asli ialah masyarakat Orang Asli yang menolak kurikulum yang tidak relevan dengan kehidupan mereka (Norazira Yusof, 2002). Dalam hal ini, perbezaan antara pedagogi pendidikan dan budaya masyarakat Orang Asli itu sendiri menyebabkan murid Orang Asli tidak berminat untuk mengikuti proses pembelajaran di dalam bilik darjah. (Alangui, 1997; Fatan Hamamah Yahya, 2008; Ma'Rof Redzuan & Abdul Razak Abd Rahman, 2009 ; Nicholas, 2008; SUHAKAM, 2010).

Penilaian terhadap Kurikulum Asas Penan yang telah dijalankan di beberapa sekolah terpilih mendapati bahawa kandungan modul tersebut tidak sesuai dengan keupayaan dan keperluan murid (SUHAKAM 2011; Hasmah Abdul Manaf, 2011; Sharifah Md Nor, Samsilah Roslan, Aminuddin Mohamed, Kamarudin Abu Hassan, Mohamad Azhar Mat Ali & Jaimah Abdul Manaf, 2011; Mohd Aziz, Mohammad Shamsuddin, & Noor Akbari, 2008). Oleh itu, satu pendekatan baru untuk mereka bentuk kandungan dan pedagogi masyarakat Orang Asli perlu dilakukan. Kajian ini merupakan satu sumbangan kepada masyarakat Orang Asli dengan membangunkan model kurikulum yang berdasarkan ilmu masyarakat Orang Asli.

Konteks pelajar dan konteks pembelajaran merupakan faktor penting dalam mereka bentuk pengajaran bilik darjah yang berkesan (Dooley & Assaf, 2009). Kajian ini melihat kepada pembangunan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba yang ada pada Orang Asli agar murid-murid mempelajarinya bukan sahaja untuk keperluan akademik malahan untuk kehidupan. Walaupun masyarakat Orang Asli kaya

dengan ilmu perubatan tetapi hanya sedikit sahaja pengetahuan tersebut terutama berkaitan ilmu perubatan herba direkodkan. Sebahagiannya tersimpan di dada pengamal seperti bomoh dan tok batin dan hanya diturunkan atau diajar secara oral dan praktikal kepada generasi seterusnya (Zainon Abu Samah, 2002).

Berdasarkan penyelidikan yang dibuat oleh penyelidik, terdapat empat fokus utama yang sering diberi tumpuan oleh para penyelidik berkaitan dengan Orang Asli iaitu bidang pendidikan, kesihatan, undang-undang dan sosioekonomi. Kajian tentang pendidikan lebih banyak hanya berkisar kepada masalah keciran Orang Asli (Asnarulkhadi Abu Samah, Marof Redzuan & Sarjit S.Gill, 2006; Carey, 1976; Farah Amaneena Abdul Rahman, 2011; Hasan Mat Nor, 1997; JHEOA, 2003; JAKOA, 2011; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010; Mohd Hanif Zakaria, 1991; Nicholas, 2006; Nurhidayah Abdullah et al, 2010; Omar Othman, 2010; SUHAKAM, 2010). Ada juga penyelidikan tentang penggunaan ICT dalam kalangan Orang Asli seperti yang dibuat oleh (Asmara Alias, Jamilah Hamid, Harnani Mat Zin, Saira Banu Omar Khan & Norhasbiah Ubaidullah, 2011; Sarjit S. Gill & Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail, 2008; Suhaidi Mohamed Amin & Mohd Yusri Ibrahim, 2011; Vanitha Thanabalan, 2011). Kebanyakan kajian mutakhir ini lebih tertumpu pada mengenal pasti kesan-kesan negatif yang dialami oleh masyarakat Orang Asli akibat daripada pembangunan pesat yang berlaku di negara ini (Hassan Mat Nor, 1998).

Penyelidikan yang berkaitan kesihatan pula banyak ditumpukan kepada jangkitan penyakit dalam masyarakat Orang Asli (Abdulhamid Ahmed et al, 2012; Hesham M Al-Mekhlafi, Mahdy MAK, Fatmah Md Salleh & Norhayati Mokhtar, 2011; Mariam Ahmad Zawawi et al, 2012; Nabil A Nasr, Hesham M Al-Mekhlafi, Abdulhamid Ahmed, Muhammad Aidil Roslan & Awang Bulgiba, 2013; Romano Ngui et al, 2011; Tengku Shahrul Anuar et al, 2012, Tengku Shahrul Anuar, Mohamed Kamel Abdul Ghani, Siti Nor Azreen, Fatmah Md Salleh & Norhayati Mokhtar, 2013).

Selain itu, ada juga tumpuan kajian kepada isu sosioekonomi (Abu Talib Bon, 2003; Kavitha Subramaniam, 2003; SUHAKAM, 2010) dan kajian tentang undang-undang (Gurdial Singh Nijar & Azmi Sharom, 2004; Rusaslina Idrus, 2010; Aiken, S. Robert, 2009; dan Anuar Alias, SN Kamaruzzaman & Md Nasir Daud, 2010).

Setakat ini amat kurang penyelidikan dilakukan terhadap pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah Orang Asli khususnya dalam negara. Kebanyakan penyelidikan tentang perubatan herba Orang Asli hanya dilakukan dalam kajian etnobotani iaitu sebanyak 61 peratus (Kamaruddin Mat Salleh, G.Kusalah & A. Latiff, 2001). Walaupun terdapat kajian-kajian yang melibatkan Orang Asli tetapi yang didapati kurang ialah kajian yang melibatkan potensi ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah Orang Asli khasnya dari segi masa depan. Sehingga kini penyediaan model sedemikian belum banyak diusahakan terutamanya yang melibatkan kajian masa depan apatah lagi kajian ilmiah mengenainya amat kurang. Di samping itu kaedah kajian tempatan tentang pendidikan Orang Asli lebih bertumpu kepada kaedah tinjauan, soal selidik dan temubual (Azlima Deraman, 2006; Farah Amanena Abdul Rahman, 2011; Fakirah Jamaludin, 2011; Fauzi Hassan, 2006; Huma Pandak Rahman, 2006; Osman Bungsu, 1994; Rozianah Jiwah, 2012; Sarimah Ismail, 1993; Wan Afizi Wan Hanafi, 2006; Zuraidah Ahmad, 2006) dan hanya dua kajian yang telah menggunakan kaedah pembangunan untuk kajian pendidikan ke atas masyarakat Orang Asli (Vanitha Thanabalan, 2011, Mohd Nazri Abdul Rahman, 2014).

Justeru, kajian yang akan dijalankan bertujuan untuk membangun model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan. Untuk tujuan itu, penyelidik akan menggunakan penyelidikan pembangunan yang ditakrifkan oleh Seel dan Richey (1994) iaitu kajian sistematik untuk mereka bentuk, membangunkan dan menilai program-program pengajaran, proses dan produk

yang mesti memenuhi kriteria dalaman yang konsisten dan berkesan. Model yang dihasilkan melalui kajian pembangunan ini diharap dapat membantu masyarakat Orang Asli dalam sistem pendidikan negara dengan menyediakan kurikulum yang relevan dengan kehidupan mereka khususnya model ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan. Hal ini kerana sehingga kini terlalu kurang kajian dan model yang khusus mengaitkan ilmu perubatan herba di sekolah rendah Orang Asli pada masa depan.

Kajian ini akan dapat memberi kefahaman yang menyeluruh tentang proses mereka bentuk model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah Orang Asli pada masa depan dan menilai model tersebut. Selain itu, model ini yang sesuai dengan cara hidup mereka yang kuat berpegang kepada alam persekitaran merupakan kekuatan agar model kurikulum ini berjaya dilaksanakan pada masa depan selaras dengan kepentingan pendidikan lestari, kepelbagaian budaya dan pemuliharaan biodiversiti. Kajian ini akan memberi peluang kepada para guru serta pihak yang terlibat untuk memberi tumpuan kepada pembangunan pendidikan masyarakat Orang Asli mengikut model kurikulum yang sesuai dengan budaya mereka pada masa depan, khususnya model berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli masa depan.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian pembangunan ini dijalankan adalah untuk membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu Orang Asli untuk Sekolah rendah masa depan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Dalam membangunkan model kurikulum, kajian ini telah mengenal pasti keperluan guru dalam menghasilkan satu model kurikulum yang berasaskan ilmu perubatan herba yang berkesan dan sesuai digunakan oleh guru-guru di sekolah rendah Orang Asli pada masa depan. Berdasarkan sorotan kajian, model

seperti ini belum lagi dibangunkan oleh mana-mana pihak termasuklah Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu, penghasilan model ini berguna bagi memberi pertimbangan kepada pengajaran yang berdasarkan keperluan masyarakat Orang Asli pada masa depan.

Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang diutarakan, penyelidik ingin membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah Orang Asli pada masa depan. Kajian ini dijalankan secara 3 fasa mengikut pendekatan kajian pembangunan. Kajian ini diharapkan dapat mencapai beberapa objektif berikut:

- 1) Mengenal pasti keperluan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli
- 2) Merangka dan membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli mengikut konsensus pakar
- 3) Menilai kebolehgunaan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli mengikut kesepakatan pakar.

Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, berikut adalah soalan kajian yang telah dibentuk:

FASA 1: ANALISIS KEPERLUAN

Soalan 1: Apakah keperluan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan?

- 1.1) Apakah pandangan guru terhadap keperluan kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan?

- 1.2) Sejauh mana pengetahuan guru mengenai ilmu perubatan herba Orang Asli ?

FASA 2: REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN

Soalan 2: Apakah reka bentuk model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan?

- 2.1) Apakah matlamat dan kandungan yang sesuai dalam kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli mengikut konsensus pakar?
- 2.2) Apakah strategi pengajaran dan kaedah penilaian berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan mengikut konsensus pakar?

FASA 3: PENILAIAN

Soalan 3: Apakah kebolehgunaan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli dalam memenuhi keperluan khas pendidikan murid-murid Orang Asli?

- 3.1) Apakah kesepakatan pakar mengenai kesesuaian elemen dalam model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli ?
- 3.2) Apakah kesepakatan pakar terhadap kebolehgunaan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan?

Rasional Kajian

Kajian pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan dijalankan dengan rasional-rasional berikut:

- 1) Kurikulum dan pedagogi yang tidak sesuai seperti yang dinyatakan oleh SUHAKAM (2010); Alangui (1997); Nicholas (2006); Fatan Hamamah Yahya (2009), Ma'Rof Redzuan & Abdul Razak Abd Rahman (2009) menyebabkan pelajar tidak berminat untuk mengikuti pelajaran. Sehingga kini, model sedemikian belum banyak diusahakan apatah lagi kajian-kajian mengenainya amat kurang. Sehubungan itu satu kurikulum yang membolehkan mereka belajar dalam konteks kehidupan dan ilmu mereka perlu diperkenalkan dan sangat relevan dengan masyarakat Orang Asli.
- 2) Perasaan tidak minat ke sekolah menyebabkan pelajar Orang Asli sering dikatakan tercicir dalam pendidikan. Sehingga kini walaupun nampak penurunan peratusan kadar keciciran anak Orang Asli sejak pengambilalihan pengurusan sekolah oleh KPM, namun bilangan yang tamat sekolah rendah (Darjah 6) tidak sepenuhnya (JHEOA, 2003). Peratusan keciciran pelajar Orang Asli di sekolah menengah pula berada pada tahap yang agak tinggi terutamanya dari peralihan sekolah rendah ke tingkatan. Peratusan keciciran tersebut pada tahun 2006 (34.50%), 2007 (36.10%), 2008 (31.77%) dan turun pada tahun 2009 (29.02%) (JAKOA, 2011)
- 3) Kepentingan pendidikan pembangunan lestari, kepelbagaian budaya dan pemuliharaan biodiversiti yang ditekan oleh pihak UNESCO terhadap masyarakat Orang Asli perlu diberi perhatian oleh seluruh dunia agar kita dapat mengangkat darjat Orang Asli dan warisan mereka terus terpelihara. Ini secara tidak langsung menyumbang kepada pemeliharaan khazanah sumber biodiversiti negara yang merupakan salah satu daripada 12 negara mega-biodiversiti di dunia dan seterusnya dapat melengkapi obligasi Malaysia di peringkat antarabangsa bagi memenuhi objektif Konvensyen Kepelbagaian Biologi, 1993 (*United Nation Convention on Biological Diversity- 'CBD'*) yang mempunyai

peruntukan Artikel 8 (j) yang mengiktiraf peranan masyarakat Orang Asli berkaitan sumber biologi dan pengetahuan intelektual Orang Asli.

Signifikan Kajian

Kajian pembangunan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan ini akan memberikan dapatan yang dapat mencorakkan kurikulum pembelajaran untuk anak Orang Asli agar peningkatan yang positif dapat dilihat dari semasa ke semasa. Oleh itu dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan dan sangat bermanfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menanamkan minat dan kecenderungan pelajar dalam menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kajian pembangunan model ini juga menyediakan input-input untuk pelajar dan guru untuk meningkatkan pencapaian dalam bidang pendidikan.

- i) kajian ini dapat memberi bukti empirikal mengenai penggunaan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli. Data dari reka bentuk kurikulum yang dibentuk melalui kesepakatan pakar berpotensi memberi input kepada penggubal polisi di Kementerian Pendidikan Malaysia khasnya Bahagian Perkembangan Kurikulum dan Bahagian Pendidikan Guru untuk merangka kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli. Kajian ini dapat memberi gambaran positif bagaimana model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli boleh diperkenalkan di sekolah rendah Orang Asli pada masa depan. Seterusnya, dapatan dari fasa reka bentuk melalui teknik Delphi Ubah Suaian merupakan dapatan yang unik kerana ia merupakan konsensus daripada 18 orang pakar dan seterusnya dipadankan dengan tinjauan ke atas 144 orang guru sebagai pelaksana. Dapatan ini dapat membantu Bahagian Perkembangan Kurikulum dalam menyediakan kandungan kurikulum yang merangkumi matlamat,

kandungan, implementasi dan penilaian berasaskan perubatan herba Orang Asli. Dari segi bahan bantuan mengajar, model kurikulum ini dapat dijadikan alternatif kepada buku teks untuk memurnikan isi kandungannya. Kandungan dan latihan dalam model kurikulum ini boleh ditambah dan dimurnikan mengikut keperluan terkini.

- ii) Kajian ini penting dalam menghasilkan model bagi pembangunan kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan. Dengan menggunakan model tersebut, pengkaji lain dapat mengetahui bagaimana model sedemikian boleh dilaksanakan secara sistematik dan berkesan.
- iii) Model pembangunan kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah Orang Asli masa depan yang dihasilkan dalam kajian ini merangkumi matlamat, kandungan, implementasi dan penilaian boleh digunakan untuk setiap mata pelajaran di sekolah rendah. Model ini unik kerana dibentuk dari reka bentuk kesepakatan pakar kurikulum serta dibangunkan melalui ulasan pakar.

Justeru, kajian ini amat signifikan kerana dapat menghasilkan satu reka bentuk model yang mempunyai matlamat untuk memenuhi pendidikan pembangunan lestari, kepelbagaiannya budaya dan pemuliharaan biodiversiti agar meningkatkan minat murid Orang Asli untuk ke sekolah.

Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membangun dan menilai model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan. Oleh

itu, kajian yang telah dijalankan berbentuk penyelidikan pembangunan yang membolehkan penyelidik melihat proses pembangunan pada masa yang sama.

Kajian ini bergantung pada kerjasama yang diberikan oleh peserta kajian. Kesahan dapatan bergantung pada kerjasama yang telah diberi semasa teknik pungutan data secara tinjauan, temu bual dan teknik *Fuzzy Delphi*. Kaedah tinjauan pula hanya dijalankan ke atas sekolah rendah Orang Asli di negeri Selangor. Model kurikulum yang telah dibangunkan hanya merangkumi empat aspek utama iaitu matlamat, kandungan, implementasi dan penilaian seperti yang terdapat dalam reka bentuk kurikulum. Oleh itu, maklumat yang didapati menerusi kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua sekolah rendah yang lain kerana penyelidikan yang telah dijalankan adalah spesifik kepada konteks dan bukan bertujuan untuk membuat kesimpulan yang umum.

Kandungan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli ini adalah terbatas kepada konsensus pakar.

Definisi Istilah

Model Kurikulum

Menurut Sheehan (1986), proses dan produk kurikulum boleh diterjemahkan melalui model pembentukan kurikulum. Model boleh didefinisikan sebagai merealistikkan suatu hubungan yang dirancang kepada kedudukan sebenar dengan mengambil berat pelbagai faktor-faktor yang mempengaruhi hubungan berkenaan. Oleh itu suatu model itu sangat penting untuk menentukan pelaksanaan perancangan dan merealisasikan matlamat.

Kurikulum yang dibina tidak akan dapat dipisahkan daripada kumpulan sasarannya (Saedah Siraj, 2000). Pembangunan sesuatu reka bentuk kurikulum perlu mengambil kira aspirasi dan keperluan pelbagai pihak serta berasaskan model-model

kurikulum tertentu yang bersesuaian dengan konteks sesebuah negara (Norlidah Alias dan Mohd Nazri Abdul Rahman, 2014).

Dalam konteks kajian ini, model kurikulum merujuk kepada orientasi kurikulum berasaskan masyarakat Orang Asli khususnya ilmu perubatan herba yang dibangunkan berdasarkan konsensus pakar.

Ilmu

Ilmu ialah sesuatu yang meyakinkan dan dipercayai benar. Ilmu juga merupakan himpunan maklumat yang meyakinkan, diwarisi beribu tahun dan disusun mengikut struktur tertentu bagi memenuhi pelbagai tujuan (Abu Bakar Nordin, 2014).

Ilmu dalam konteks kajian ini merujuk kepada ilmu pengetahuan peribumi yang telah diterjemahkan dengan perkataan ilmu atau kebijaksanaan untuk mengangkat darjat masyarakat ini kerana intelektual Orang Asli adalah unik merangkumi bentuk-bentuk dan jenis-jenis pengetahuan yang ada pada Orang Asli. Antara maksud lain yang diguna pakai oleh kebanyakan penyelidik termasuklah 'pengetahuan tempatan', 'kaum pengetahuan', 'pengetahuan rakyat', 'kebijaksanaan tradisional' atau 'sains tradisional'. Pengetahuan dan kebijaksanaan ini diturunkan dari generasi ke generasi berikutnya biasanya melalui ritual mulut dan budaya, merangkumi keperluan asas, seperti pertanian, penyediaan makanan, penjagaan kesihatan, pendidikan, pemuliharaan dan aktiviti-aktiviti lain yang mengekalkan keunikan masyarakat tersebut dalam banyak aspek. Orang Asli mempunyai pengetahuan yang luas tentang bagaimana untuk hidup secara berterusan. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan formal telah mengganggu aspek ilmu mereka dengan corak pembelajaran yang mengantikan mereka dengan pengetahuan abstrak dan pembelajaran bercorak akademik. Hari ini, terdapat risiko bahawa ilmu Orang Asli banyak yang hilang dan terkubur begitu sahaja.

Perubatan Herba

Perubatan herba ialah rawatan penyakit menggunakan tumbuhan berkhasiat perubatan secara interna (dalaman) dan eksterna (luaran) bagi memulihkan kesihatan pesakit (Wan Omar Abdullah, 1998). Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia secara khususnya mendiami kawasan-kawasan pedalaman, pinggir-pinggir hutan dan sebahagiannya di pinggir perkampungan Melayu. Oleh itu keadaan alam persekitarannya yang dikelilingi tumbuhan tropika membolehkan mereka menggunakan tumbuhan semula jadi untuk dijadikan keperluan kehidupan sehari-hari mereka sebagai makanan dan ubatan. Masyarakat Orang Asli merupakan antara kaum yang telah beratus tahun menggunakan sumber tumbuh-tumbuhan di dalam hutan sebagai ubatan-ubatan kepada pelbagai jenis penyakit. Masyarakat ini mempunyai hubungan yang begitu akrab dengan hutan sekeliling mereka. Pengamalan yang diwarisi sejak generasi ke generasi membolehkan mereka mengetahui dan memahami rahsia tumbuh-tumbuhan yang boleh dijadikan herba untuk mengubat penyakit sehingga setiap spesies telah dikenal pasti bagi kegunaan yang tersendiri.

Ilmu Perubatan Herba

Ilmu perubatan herba dalam kajian ini merujuk kepada kebijaksanaan masyarakat Orang Asli dalam bidang perubatan herba. Bagi tujuan kajian ini, ilmu perubatan herba Orang Asli menjadi fokus untuk membangunkan model kurikulum bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran dengan mengenal pasti keperluan guru dalam menghasilkan satu model kurikulum yang berasaskan ilmu perubatan herba yang berkesan dan sesuai digunakan oleh guru-guru di sekolah rendah Orang Asli pada masa depan.

Sekolah Rendah Masa Depan

Sekolah rendah masa depan merujuk kepada sekolah rendah Orang Asli pada masa akan datang yang melaksanakan kurikulum berdasarkan konteks masyarakat Orang Asli khususnya kurikulum perubatan herba. Sekolah ini bertujuan untuk mengekalkan identiti dan seterusnya mengangkat martabat masyarakat Orang Asli yang mempunyai pelbagai ilmu dan kebijaksanaan mereka tersendiri dalam perubatan herba melalui sistem pendidikan formal.

Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan pendahuluan, latar belakang kajian model kurikulum berdasarkan perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan. Di samping itu, penyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi istilah turut dibincangkan dalam bab ini sebagai pengenalan kajian.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

Pengenalan

Bab ini membincangkan bahagian sorotan kajian yang berkaitan. Bahagian pertama meninjau latar belakang masyarakat Orang Asli meliputi masalah pendidikan Orang Asli dan pembangunan pendidikan ke atas masyarakat Orang Asli. Bahagian kedua, penyelidik meninjau tentang perkembangan penyelidikan ilmu Orang Asli dari era kolonialisme, era pasca perang dunia kedua dan era masa kini yang mementingkan pendidikan pembangunan lestari, kepelbagaian budaya dan pemuliharaan biodiversiti. Seterusnya bahagian ketiga bab ini juga membincangkan konsep ilmu Orang Asli dan kepentingannya secara umum serta ilmu Orang Asli di Malaysia. Bahagian kelima pula menerangkan tentang ilmu perubatan herba masyarakat Orang Asli. Bahagian keenam bab ini, turut menjelaskan kerangka teori dan kerangka konseptual kajian yang dijadikan panduan asas pelaksanaan kajian ini. Akhir sekali, untuk melengkapkan sorotan kajian ini, turut dimuatkan beberapa kajian tentang penggunaan tumbuhan perubatan Orang Asli di luar dan dalam negara.

Latar Belakang Masyarakat Orang Asli Di Malaysia

Carey (1976) mentakrif ‘asli’ berasal daripada perkataan Arab iaitu Asali atau *Original*. Semasa pemerintahan British Orang Asli dipanggil Sakai, manakala orang Inggeris memanggil masyarakat Orang Asli sebagai *aborigines*. Kerajaan Malaysia telah menukar istilah tersebut kepada Orang Asli yang lebih menjurus kepada kehidupan yang moden dan tidak menyentuh sikap negatif masyarakat tersebut.

Orang Asli merupakan orang asal di Semenanjung Malaysia (Osman Ali, 2005).

Istilah ini diperkenalkan selepas merdeka untuk mengelompokkan suku kaum yang bertaburan di seluruh Semenanjung di bawah satu pentadbiran.

Seksyen 3 Akta Orang Asli 1954 [Akta 134] (semakan 1974) telah memberikan tafsiran Orang Asli sebagai:

- (a) mana-mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan termasuk seorang keturunan melalui jurai lelaki orang itu;
- (b) mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa bayi oleh Orang Asli yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan ialah anggota suatu masyarakat Orang Asli; atau
- (c) anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi anggota suatu masyarakat Orang Asli.

(Akta Orang Asli 1954[Akta 134] semakan 1974,2006)

Akta 134 juga memperuntukkan bahawa mana-mana Orang Asli yang oleh sebab memeluk mana-mana agama lain atau kerana apa-apa sebab lain tidak lagi berpegang kepada kepercayaan Orang Asli tetapi dia masih mengikut cara hidup Orang Asli dan adat Orang Asli atau bercakap bahasa Orang Asli tidak boleh disifatkan tidak lagi menjadi Orang Asli semata-mata oleh sebab dia mengamalkan agama itu. Apa-apa

persoalan sama ada mana-mana orang ialah Orang Asli atau bukan Orang Asli hendaklah diputuskan oleh Menteri.

Menurut Asma Ahmat (1996), Orang Asli merangkumi komuniti yang terdiri daripada pelbagai peribumi yang mendiami Semenanjung Malaysia selama beberapa ribu tahun yang lalu. Orang Asli dibahagikan kepada 18 suku bangsa dengan menggunakan 12 bahasa yang berbeza. Suku bangsa itu pula dibahagikan kepada tiga kumpulan besar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Setiap satu kumpulan tersebut dipecahkan kepada 6 suku kaum yang lebih kecil menjadikannya 18 suku kaum (JAKOA, 2011; Mohd Fauzi Mohd Harun, 2006; Ramlee Abdullah, 2007; Rohani Mohd Yusof & Nurhidayah Mohamed Sulaiman, 2010; Zalizan Mohd Jelas, Abdul Razaq Ahmad & Ahmad Rafaai Ayudin, 2009). Pecahan ini dibuat berdasarkan perbezaan asal usul, tutur bahasa dan juga rupa bentuk fizikal mereka. Masyarakat Orang Asli ini merupakan sebuah masyarakat unik yang kaya dengan kebudayaan dan amalan tradisi mereka yang tersendiri. Mereka merupakan sebahagian daripada rakyat negara ini yang berhak untuk hidup selesa, mendapat pendidikan dan tidak dipandang rendah (Abdul Talib Bon, 2003).

Orang Asli merupakan kelompok minoriti masyarakat peribumi di Semenanjung Malaysia (Nicholas, 2000; Sunaidin, 1997). Mereka dianggap minoriti kerana dengan penduduk seramai 132,000 orang pada tahun 2000, mereka hanya membentuk 0.5% dari jumlah keseluruhan penduduk negara (JHEOA, 2003). Banci penduduk dan perumahan Malaysia 2010 pula menunjukkan bahawa bilangan Orang Asli Semenanjung Malaysia adalah mewakili 0.63% daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia (Syuhana Khalid, 2014). Walaupun dikelompokkan di bawah satu kaum yang sama serta mengamalkan kegiatan sosio-ekonomi yang hampir sama, Orang Asli bukanlah kelompok manusia homogenous. Hal ini demikian kerana masyarakat Orang Asli telah

dibahagikan kepada tiga (3) kumpulan suku bangsa iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto (JAKOA, 2011; Nicholas, 2000; Noraini Ali, 1999; Sunaidin 1997)

Jadual 2.1

Kelompok Etnik Orang Asli di Semenanjung Malaysia

SENOI	MELAYU-PROTO	NEGRITO
Semai	Temuan	Kensiu
Temiar	Semelai	Kintak
Jahut	Jakun	Jahai
Che Wong	Kanaq	Lanoh
Mah Meri	Orang Kuala	Mendriq
Semoq Beri	Orang Seletar	Bateq

Sumber : Jabatan Kemajuan Orang Asli, PSKOA 2011-2015

Carey (1976) telah membuat pembahagian ke atas masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang terbahagi kepada empat komuniti yang berbeza.

- a) Kumpulan-kumpulan yang masih tinggal di dalam hutan. Keadaan ini menyebabkan beberapa hari diperlukan untuk sampai ke perkampungan orang Melayu yang berdekatan dan perhubungan dengan orang luar amat terbatas.
- b) Kumpulan yang tinggal di kawasan-kawasan yang hanya mengambil masa beberapa jam untuk sampai ke jalan-jalan raya yang berhampiran. Kumpulan ini lebih maju daripada sesi ekonomi dengan menjual hasil hutan kepada orang tengah
- c) Kumpulan Orang Asli yang tinggal di luar hutan iaitu yang tinggal berhampiran dengan perkampungan Melayu dan boleh sampai ke penempatan mereka dengan kereta. Kehidupan mereka juga banyak berubah terutamanya di kawasan-kawasan yang dimajukan oleh JHEOA

- d) Kumpulan Orang Asli yang telah diasimilasikan dengan masyarakat Melayu. Kebanyakan dari mereka telah pun memeluk agama Islam, tetapi dalam beberapa hal adat tradisi mereka masih lagi diamalkan.

Kedudukan komuniti Orang Asli dari segi masyarakat arus perdana Malaysia sekarang telah dibincangkan oleh Ma'Rof Redzuan dan Abdul Razak Abdul Rahman (2008) tentang isu utamanya iaitu sejauh mana komuniti Orang Asli yang dipersepsi sebagai masyarakat minoriti terpinggir dan mundur berada dalam kedudukannya pada masa sekarang ini. Isu penting ini cuba mengupas kedudukan Orang Asli pada masa hadapan. Kajian mereka mendapati komuniti Orang Asli di kawasan kajian telah lama seperti komuniti lain diintegrasikan ke dalam masyarakat arus perdana, baik dari segi sosial, budaya maupun ekonomi. Melalui konteks fizikal dan juga media massa mereka sentiasa terdedah dengan dunia di luar komuniti mereka. Dalam kes tertentu terdapat Orang Asli yang positif dengan perubahan dan integrasi tetapi ada juga terdapat kes mereka masih menentang integrasi dengan alasan akan menghilangkan identiti dan ‘keaslian’ Orang Asli.

Masalah Pendidikan Orang Asli

Laporan SUHAKAM (2010) menyebut antara isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli termasuklah isi kandungan pelajaran sukar difahami kerana banyak perkara baru yang mereka tidak tahu. Mereka juga tidak dapat memahami pengajaran guru kerana masalah bahasa (Bahasa Melayu adalah bahasa kedua kanak-kanak ini). Selain itu, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran kurang sesuai dengan latar belakang, kebolehan dan keperluan murid khasnya di sekolah pedalaman. Pengajaran guru pula dikatakan terlalu terikat dengan sukatan pelajaran dan peperiksaan awam.

Isu berkaitan pendidikan anak-anak Orang Asli terus diperkatakan. Mengikut Fadzil Mahamud (2005) Ketua Pengarah JHEOA dalam Laporan Persidangan Dasar Pembangunan Orang Asli Di Masa Hadapan menyatakan, isu-isu utama berkaitan pendidikan anak-anak Orang Asli ialah tidak hadir ke sekolah, keciciran, tidak hadir peperiksaan dan penempatan yang jauh.

Isu ini turut mendapat pandangan yang sama berdasarkan kajian Hasan Mat Nor (1997; Mohamad Johdi Salleh & Abdul Razak Ahmad, 2009; Mustaffa Omar, 2008) yang dalam laporannya menyatakan walaupun masyarakat Orang Asli telah menerima sistem pendidikan yang disediakan oleh JHEOA, tetapi mereka masih tidak komited kepada pendidikan dan persekolahan. Hal ini terbukti melalui jumlah besar pelajar yang cicir dan tidak menamatkan persekolahan walaupun pada peringkat rendah dan menengah. Kegagalan mereka memajukan diri dalam pendidikan menjadi satu hambatan untuk memajukan masyarakat ini.

Sikap pelajar yang masih bersekolah terhadap pendidikan mengikut Hassan Mat Nor (1997) juga hanya sambil lewa menyebabkan mereka tercicir kerana tidak yakin pelajaran boleh menjamin masa depan. Majoriti murid yang masih bersekolah ini memilih aktiviti membaca, melukis dan menulis sebagai aktiviti pelajaran yang digemari. Alasan yang digunakan untuk berhenti sekolah pula ialah jemu, malas dan tidak berminat.

Punca yang sama juga diperoleh dalam kajian keciciran pelajar Orang Asli yang telah dijalankan oleh Hassan Mat Nor (1996), yang menyebutkan terdapat 16 sebab yang dikenal pasti sebagai punca pelajar Orang Asli menamatkan persekolahan mereka lebih awal. Antara sebab-sebab tersebut ialah sikap jemu dan malas, tiada minat, dimarahi guru, mengikut keluarga bekerja, rasa malu, pengaruh kawan, ingin bekerja lebih awal, masalah kewangan, sekolah jauh dari rumah, diberhentikan oleh bapa, tidak lulus, bergaduh di asrama, sering sakit, tukang masak suruh bantu mencari kayu api dan

jugaberasa diri tidak pandai dan tidak mampu mengikuti pelajaran. Menurut Itam Wali Nawan (1985) faktor masyarakat Orang Asli masih ketinggalan dalam bidang pendidikan ialah:

- a) Pelajaran dan pembangunannya yang terdedah kepada Orang Asli agak keterbelakang sedikit berbanding dengan penglibatan masyarakat di negara ini
- b) Golongan dewasa Orang Asli sebahagian besar tidak mempunyai pelajaran sempurna dan kurang memahami mustahaknya pelajaran. Akibatnya tidak ada yang menitik beratkan pelajaran anak-anak mereka
- c) Cara hidup Orang Asli lebih suka berdampingan dengan alam semula jadi (*nature*) sentiasa merindui suasana hutan belantara, bukit bukau, sungai dan lurah. Keadaan ini disenangi oleh mereka tanpa mempedulikan apa-apa perkembangan kemajuan yang berlaku di sekeliling mereka. Akibatnya mereka tidak turut serta dalam apa-apa perkembangan kemajuan dan terus ketinggalan
- d) Sifat-sifat hidup bebas, kurang disiplin diri, maka tidak dapat mencorakkan cara hidup yang teratur
- e) Perubahan sikap yang diharapkan dalam kalangan Orang Asli tidak akan wujud sekiranya mereka sendiri tidak bersungguh dalam menerima segala bantuan dan pemberian yang diberi. Perubahan sikap hanya akan wujud sekiranya pemberi dan penerima bekerjasama dalam memastikan peningkatan pendidikan dan pembelajaran masyarakat Orang Asli.

Beberapa kajian juga telah dijalankan ke atas pendidikan masyarakat Orang Asli yang kebanyakannya menunjukkan situasi yang negatif kepada masyarakat ini. Fauzi Hasan (2006) dalam kajiannya tentang faktor-faktor berkaitan dengan prestasi akademik di kalangan pelajar-pelajar Orang Asli iaitu kajian kes di sekolah-sekolah menengah di

Daerah Gua Musang, Kelantan mendapati bahawa faktor yang paling kuat mempengaruhi prestasi pelajar tingkatan 2 ialah faktor hubungan dengan rakan berlainan etnik manakala faktor yang paling berpengaruh bagi tingkatan 4 ialah faktor aspirasi pelajar terhadap pendidikan dan kerjayanya. Implikasi dapatan kajiannya menunjukkan bahawa faktor pelajar, keluarga, rakan sebaya dan sekolah mempengaruhi prestasi akademik dalam kalangan pelajar Orang Asli.

Walaupun pelbagai pembangunan infrastruktur dan pelbagai program pendidikan dijalankan untuk anak-anak Orang Asli namun kajian Wan Afizi Wan Hanafi (2009) pula mendapati secara keseluruhannya prestasi pendidikan pelajar Orang Asli berada di peringkat yang kurang baik. Antara faktor utama yang mempengaruhi prestasi pencapaian pendidikan anak-anak Orang Asli ialah peranan ibu bapa, pelajar sendiri, persekitaran fizikal dan budaya serta cabaran guru. Beliau menyarankan pendidikan Orang Asli perlu penyusunan semula oleh semua pihak yang terlibat untuk peningkatan prestasi pendidikan generasi muda Orang Asli. Pelajar yang tidak hadir ke sekolah turut mempengaruhi prestasi pelajar.

Kajian Kamarudin Abu Hassan dan Narendra Kumar Anopchand (2009) tentang program kelas intervensi awal membaca dan menulis (KIA 2M) sekolah angkat anak Orang Asli mendapati masalah yang dihadapi ialah kehadiran murid KIA 2M ini tidak menentu dan sikap mereka yang sudah berpuas hati dengan kehidupan sedia ada. Program ini dikatakan amat mencabar dan perlu diteruskan kerana program ini lebih baik daripada program sebelumnya dalam membantu pendidikan anak Orang Asli. Responden dalam kajiannya juga bersetuju bahawa program ini sememangnya mempunyai masalah terutama dari segi strategi, kaedah, teknik dan aktiviti yang sesuai untuk proses P & P dalam bilik darjah. Cadangan penambahbaikan untuk program ini ialah anak Orang Asli perlu diberikan pendedahan luar supaya sifat rendah diri, ketidakyakinan dan sifat pemalu mereka dapat dikurangkan. Kerjasama erat perlu ada

antara guru dan pensyarah dalam kaedah mengajar anak Orang Asli. Bagi mereka, untuk keperluan dalam dunia pendidikan masa kini, guru KIA 2M Orang Asli juga mencadangkan supaya murid-murid Orang Asli tidak lagi diasingkan dalam komuniti mereka sahaja tetapi perlu diintegrasikan dengan murid sekolah kebangsaan yang lain supaya mereka dapat menyesuaikan diri lebih awal lagi. Dengan ini sifat rendah diri, pemalu dan terasing dalam kalangan mereka dapat dihapuskan di peringkat sekolah rendah lagi.

Latar belakang pendidikan dan pendapatan ibu bapa turut dikatakan mempengaruhi penglibatan mereka dalam akademik anak-anak seperti yang dilaporkan Sarimah Ismail (1993) dalam kajiannya tentang kesan penglibatan ibu bapa Orang Asli terhadap pencapaian akademik anak mereka di Cameron Highland yang mendapati responden yang berpendidikan dan berpendapatan tinggi melibatkan diri secara aktif dalam pelajaran anak-anak mereka. Selain itu, ibu bapa juga mempunyai aspirasi dan pendapat yang tinggi terhadap pelajaran anak-anak. Begitu juga dengan tahap pengetahuan mereka terhadap kepentingan pelajaran dan sekolah anak-anak. Hasil kajiannya mendapati ibu bapa orang-orang Asli mempunyai sikap yang negatif terhadap pelajaran anak-anak mereka.

Selain itu, wujud hubungan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar Orang Asli melalui kajian Osman Bungsu (1994) tentang hubungan cara gaya asuhan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar Orang Asli. Beliau juga mendapati wujud hubungan yang bererti di antara latar belakang ibu bapa dengan gaya asuhan ibu bapa terhadap anak-anak Orang Asli ini. Manakala Huma Pandak Rahman (2006) yang membuat kajian tentang penglibatan ibu bapa masyarakat Orang Asli dalam pendidikan anak-anak mendapati masyarakat Orang Asli lebih banyak terlibat dalam pendidikan anak-anak di rumah berbanding di sekolah.

Beliau juga mendapati tahap pendidikan ibu bapa masyarakat Orang Asli turut mempengaruhi penglibatan mereka dalam pendidikan anak-anak.

Banyak isu-isu pendidikan dalam masyarakat Orang Asli yang melibatkan guru, pelajar dan ibu bapa seperti kajian oleh Farah Amaneena Abdul Rahman (2011) di kalangan Orang Asli sekitar Slim River, Perak. Beliau membahagikan hasil dapatannya kepada pelajar, guru dan ibu bapa. Isu-isu yang berkaitan dengan pelajar ialah masalah ketidakhadiran ke sekolah disebabkan struktur jalan yang berubah mengikut keadaan cuaca terutama selepas hujan. Mereka juga merasakan kedudukan untuk ke sekolah menengah mengambil masa yang lama. Selain itu, mereka berpendapat anak-anak Orang Asli perlu dimasukkan dalam sekolah arus perdana supaya mereka dapat membiasakan diri dengan masyarakat biasa dan sifat pemalu dalam diri mereka dapat dihapuskan. Bagi isu guru pula, pendekatan pendidikan sedia ada yang mementingkan pembelajaran melalui buku teks dan bilik darjah dengan menggunakan kaedah '*chalk and talk*' tidak bersesuaian dengan kehidupan pelajar Orang Asli yang terdedah kepada alam sekitar. Sekiranya mereka berada dalam keadaan yang tidak selesa atau berasa bosan, mereka akan hilang minat untuk mengikuti pelajaran. Lama-kelamaan keadaan sedemikian akan menyebabkan mereka ketinggalan berbanding dengan pelajar lain yang berada di sekolah lain. Di samping itu juga isu ibu bapa turut diberi perhatian. Ibu bapa dalam masyarakat Orang Asli rata-rata tidak menguasai 3M, menunjukkan bahawa ibu bapa tidak memberi penekanan terhadap kepentingan perkembangan pendidikan anak mereka di rumah.

Selain itu , Mohd Hanif Zakaria (1991) dalam kajian ke atas Orang Asli di Bukit Kemandol, Kuala Langat Selangor turut mendapati keciciran pelajar disebabkan pelajar itu sendiri, ibu bapa dan masyarakat serta kelemahan pentadbiran JHEOA dalam mengendalikan bidang pendidikan untuk komuniti ini. peratus yang lebih tinggi berpunca daripada sikap Orang Asli itu sendiri.

Masalah keciciran masyarakat Orang Asli dalam bidang pendidikan masih terus diperkatakan dan mendapat perhatian. Nurhidayah Abdullah et al, (2000) dalam kajian mereka menyatakan keciciran dalam kalangan murid Orang Asli adalah dikatakan masih tinggi. Hal ini demikian kerana sikap ibu bapa yang tidak mempunyai kesedaran terhadap kepentingan pendidikan menyebabkan dorongan kepada anak-anak mereka untuk belajar tidak wujud. Keciciran juga berlaku kerana persekitaran yang wujud membuktikan kepada mereka bahawa tanpa pendidikan formal mereka boleh hidup dengan bergantung kepada alam semula jadi. Berdasarkan kajian mereka, sistem kepercayaan dan pantang larang yang masih diamalkan oleh Orang Asli juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan keciciran berlaku. Misalnya kalau anak-anak dipukul oleh ibu bapa, ia akan mendatangkan bencana. Oleh sebab itu ibu bapa tidak dapat memaksa anak-anak mereka ke sekolah. Sikap murid-murid Orang Asli yang tidak mempunyai daya inisiatif untuk belajar dan mereka cepat bosan dengan alam persekolahan. Selain itu proses integrasi dalam kalangan pelajar Orang Asli sukar dilaksanakan kerana mereka masih berpegang kuat kepada fahaman etnik masing-masing. Taburan penduduk yang berselerak dan ketiadaan kemudahan pengangkutan juga menyebabkan mereka tidak dapat ke sekolah mengikut jadual yang ditetapkan.

Laporan Kajian Orang Asli Berjaya (1999), turut memuatkan faktor yang menghalang Orang Asli untuk berjaya. Faktor-faktor tersebut termasuklah taraf hidup dan pendidikan masyarakat Orang Asli yang rendah; faktor geografi yang menyebabkan perhubungan sukar dan menjadikan penempatan mereka terasing; sikap rendah diri yang berleluasa dalam kalangan Orang Asli; amalan dan kepercayaan kepada tradisi lama yang sudah tidak sesuai; sikap ibu bapa yang tidak mementingkan pendidikan anak-anak; cara gaya asuhan yang lebih bersifat permisif; tidak ada bantuan dan persekitaran belajar yang baik di rumah; guru-guru kurang peka kepada sensitiviti pelajar Orang Asli; kurangnya kesedaran tentang kepentingan pelajaran dalam kalangan anak-anak

Orang Asli; pelajar tidak mempunyai cita-cita kerana tidak faham akan kerjaya; pelajar tidak faham bagaimana memanfaatkan peluang untuk melanjutkan pelajaran; ibu bapa tidak dapat mendorong anak-anak mereka kerana mereka tidak jelas tentang peluang-peluang pendidikan dan tidak ada kuota khas untuk pelajar orang asli melanjutkan pelajaran ke IPT seperti yang disediakan kepada pelajar peribumi Sabah dan Sarawak.

Walaupun banyak kajian yang menunjukkan aspek negatif tentang keciciran pelajar Orang Asli namun ada juga beberapa aspek kajian positif yang diperoleh melalui penyelidikan yang dijalankan. Laporan Kajian Orang Asli Berjaya (1999) menyatakan anak Orang Asli yang datang dari keluarga yang mempunyai pekerjaan yang stabil dan tahap kehidupan yang agak selesa mempunyai lebih peluang untuk berjaya dalam pendidikan. Pelajar yang mempunyai ahli keluarga yang telah berjaya ke IPT lebih terdorong untuk berjaya. Ibu bapa yang mempunyai kesedaran adalah mereka yang lebih terdedah dan bergaul dengan masyarakat luar. Sementara itu guru yang faham tentang psikologi pelajar Orang Asli dapat membantu menggalakkan mereka berjaya. Kajian turut mendapati bahawa pelajar yang berjaya ke IPT kebanyakannya adalah bekas penghuni asrama sekolah biasa. Peluang tinggal dengan pelajar bukan Orang Asli memberikan kesempatan bergaul dan bersaing sistem pengurusan waktu belajar dan bermain yang terdapat di asrama mampu membina disiplin dan tekad untuk mereka mencapai kejayaan. Kajian ini juga menunjukkan mereka yang berjaya dalam pelajaran mempunyai keyakinan diri yang tinggi serta lebih berdisiplin dalam membuat ulang kaji. Yang lebih penting ialah mereka sanggup mencuba sampai berjaya. Dalam kajian ini turut memberikan ujian psikologi yang menunjukkan mereka yang berjaya mempunyai orientasi pencapaian dan motivasi yang tinggi berbanding dengan mereka yang tidak berjaya. Pelajar yang berjaya juga mempunyai personaliti asertif yang tinggi berbanding dengan mereka yang tidak berjaya. Mereka juga mempunyai skor penghargaan kendiri yang tinggi berbanding dengan kumpulan yang tidak berjaya.

Kesimpulannya faktor psikologi seperti penghargaan kendiri, motivasi dan personaliti asertif mempunyai kolerasi yang tinggi dengan mereka yang berjaya.

Adalah penting bagi kita untuk mengetahui kaedah terbaik untuk diorientasikan ke dalam kurikulum pelajar daripada masyarakat Orang Asli. Satu pendekatan yang berbeza perlu digunakan untuk mereka kerana mereka masih di peringkat awal untuk menerima perubahan pendidikan. Hal ini penting supaya mereka tidak berasa tertekan dan berasa seronok untuk belajar. Masih ramai dalam kalangan masyarakat kita yang belum memahami masyarakat Orang Asli. Ada yang memberi tanggapan negatif terhadap masyarakat ini. Tidak dinafikan mereka ketinggalan dari segi pembangunan material tetapi dari segi peradaban dan adat susila, mereka telah pun mencapai satu tahap kemajuan yang tinggi. Seharusnya kita menerima mereka sebagaimana masyarakat lain.

Pembangunan Pendidikan Masyarakat Orang Asli

Masyarakat Orang Asli di Malaysia merupakan penduduk asal negara ini. Mereka tidak pernah dipinggirkan oleh kerajaan dalam rencana merealisasikan wawasan negara (Talib Bon, 2003). Pelbagai usaha untuk meningkatkan tahap pendidikan yang bukan sahaja meningkatkan pengetahuan, tetapi juga membantu mereka meningkatkan keyakinan diri dan seterusnya menghapuskan rasa rendah diri bagi membolehkan mereka bersaing dengan kaum-kaum lain (Zainal Abidin Hj. Ali, 2008).

Pendidikan persekolahan dalam kalangan masyarakat Orang Asli telah bermula sejak zaman British dan selepas Perang Dunia Ke-2, langkah untuk mengembangkan pendidikan persekolahan dipergiatkan oleh Richard Noone, Pesuruhjaya Orang Asli ketika itu. Menurut Zainal Abidin Borhan (1984), pelaksanaan pendidikan formal kepada Orang Asli dijalankan setelah penubuhan JHEOA pada tahun 1953. Bermula

pada tahun 1978, wujud Panduan Tugas Pembangunan Orang Asli dan pindaan Akta Orang Asli 1974, jabatan ini telah menyusun semula strategi dengan memberi keutamaan kepada pembangunan sosioekonomi Orang Asli di samping menguruskan aspek pentadbiran dan kebijakan mereka. Selepas merdeka, fungsi JHEOA dalam penyampaian pendidikan formal kepada kanak-kanak masyarakat Orang Asli telah berubah. Pembantu Orang Asli telah ditugaskan sebagai guru untuk mengendalikan sekolah-sekolah yang telah dibina oleh JHEOA. Objektifnya untuk mempertingkatkan taraf mutu pendidikan, mengurang dan membasmi buta huruf serta menghapuskan tahap keciciran yang tinggi dalam kalangan anak-anak orang Asli. JHEOA ini juga bertanggungjawab memperbaiki dan penyelenggara perkhidmatan pendidikan serta kemudahan-kemudahan persekolahan.

Banyak usaha dilaksanakan untuk meningkatkan taraf pendidikan Orang Asli di Malaysia dengan memastikan mereka juga mendapat perkhidmatan dan kemudahan, persekolahan yang setaraf dengan sekolah-sekolah lain sejak pengambilalihan pengurusan sekolah oleh JHEOA kepada Kementerian Pendidikan Malaysia pada 19 Januari 1996 iaitu melibatkan 95 buah sekolah rendah dan 47 buah asrama. Bagi pelajar-pelajar Orang Asli di peringkat sekolah menengah, mereka disalurkan terus ke sekolah-sekolah menengah biasa untuk menggalakkan mereka bercampur dan berinteraksi dengan pelajar-pelajar lain (Hasan Mat Nor, 2009). Walaupun sekolah-sekolah itu telah diserahkan dan dikendalikan oleh KPM, tetapi pihak JHEOA masih lagi meneruskan pemberian bantuan kebijakan kepada pelajar-pelajar Orang Asli di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah seterusnya ke peringkat IPTA dan IPTS.

Masyarakat Orang Asli berhak mendapat pendidikan selaras dengan matlamat Dasar Pendidikan Negara yang bertujuan melaksanakan pendemokrasian dalam pendidikan, memberi penekanan kepada sains dan teknologi, pembudayaan ilmu dan mewujudkan pembelajaran sepanjang hayat. Berdasarkan Akta Orang Asli 1954 [Akta

134] (semakan 1974) Orang Asli tidak boleh dilarang masuk ke mana-mana sekolah. Seksyen 17(1) memperuntukkan bahawa tiada kanak-kanak Orang Asli boleh dihalang daripada pergi ke mana-mana sekolah semata-mata sebab dia Orang Asli. Manakala Seksyen 19(1) pula menyatakan bahawa Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan maksud Akta ini dan khususnya bagi yang berikut:

- i) *Mengadakan peruntukan bagi penubuhan sekolah di dalam kawasan Orang Asli, rizab Orang Asli dan tempat yang diduduki oleh Orang Asli dan menetapkan kurikulum sekolah itu dan kelayakan bagi guru di sekolah itu;*

(Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) semakan 1974, 2006)

Daripada akta ini jelas menunjukkan bahawa terdapat keistimewaan yang diberi kepada masyarakat Orang Asli dalam bidang pendidikan. Akta ini merupakan satu jaminan kepada anak-anak Orang Asli untuk mendapat peluang pendidikan yang sama seperti masyarakat lain.

Dalam Penyata Dasar Mengenai Pentadbiran Orang Asli, Persekutuan Tanah Melayu juga kepentingan mengenai pendidikan Orang Asli turut diperkatakan :

- 1 e) Satu perkara yang harus diberikan keutamaan tinggi ialah perkara memberi kesempatan belajar kepada Orang Asli. Tindakan harus diambil untuk menjamin Orang Asli akan ada kesempatan untuk mendapatkan pelajaran dalam segala peringkat dengan taraf yang sama dengan golongan rakyat lain. Serentak dengan itu juga perhatian umum harus diambil untuk menjamin supaya bahasa-bahasa mereka itu sendiri terpelihara dan usaha baru dilakukan untuk mengajar bahasa-bahasa ini di sekolah mereka.

Program Khas Murid Orang Asli (PKMOA) ialah inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menangani masalah keciciran dalam kalangan murid

sekolah Orang Asli. PKMOA memberi ruang kepada murid yang menghadapi risiko kecinciran untuk melalui program pemulihan selepas Tahun 2 iaitu sebelum memasuki Tahun 3. Program ini dilaksanakan di 39 buah sekolah Orang Asli pada tahun 1999 dan diperluas kepada 55 buah sekolah lagi pada tahun 2001. Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) bertanggungjawab menyediakan dan membekalkan bahan kurikulum bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik dan pada peringkat perluasan, PPK juga mengendalikan kursus orientasi untuk guru PKMOA.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, Akta 597 telah mengadakan Program Out-Reach Pendidikan Orang Asli. Objektif ini adalah:

1. Meningkatkan kesedaran masyarakat Orang Asli mengenai hak kanak-kanak terhadap pendidikan
2. Meningkatkan kesedaran tanggungjawab ibu bapa masyarakat Orang Asli untuk memastikan anak mereka hadir ke sekolah dan tidak tercicir dari persekolahan
3. Mendapat input serta pandangan daripada ibu bapa masyarakat Orang Asli tentang corak pendidikan yang sesuai untuk ana mereka selaras dengan latar belakang budaya dan cara hidup Orang Asli
4. Bekerjasama dengan agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Jabatan Pendaftaran Negara dalam menangani isu ketiadaan sijil kelahiran dan kad pengenalan yang memberi impak kepada pendidikan anak Orang Asli.

(Sumber: Hassan Mat Nor 2000; SUHAKAM (2010); Abdul Razaq Ahmad et al, 2009)

Dalam program ini, SUHAKAM bukan sahaja memberi tumpuan pada isu-isu pendidikan tetapi kepada isu-isu sampingan yang menjadi penghalang kepada pembelajaran yang lebih efektif dan tersusun.

SUHAKAM (2010) juga telah menggariskan beberapa syor untuk mengatasi isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli ini, antaranya ialah Kementerian Pendidikan Malaysia meninjau semula pendekatan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi murid-murid Orang Asli memandangkan mereka datang dari latar belakang, budaya dan cara hidup yang agak berlainan dari kanak-kanak arus perdana. Punca kenapa masih ramai murid-murid Orang Asli yang tidak dapat menguasai kemahiran 3M perlu dikenal pasti. Selain itu, keberkesanan Kurikulum Baru Masyarakat Orang Asli (KAP) ditingkatkan dari segi pengisian kurikulum, latihan guru dan kesesuaian bahan bantu mengajar. Kementerian Pendidikan Malaysia boleh menyelitkan pengetahuan kemahiran hidup yang sesuai dengan keperluan sehari-hari Orang Asli bagi murid lemah dan tidak menguasai kemahiran asas 3M serta berkemungkinan tidak akan menamatkan pelajaran.

Pihak UNICEF Malaysia bersama Kementerian Pendidikan juga menjalankan kajian berkaitan hak terhadap pendidikan anak-anak Orang Asli di pedalaman. UNICEF dan Kementerian Pendidikan berusaha untuk mengurangkan ketidaksamaan dan mengurangkan jurang perbezaan dia antara kumpulan kanak-kanak yang menetap di luar bandar atau pedalaman. UNICEF Malaysia telah melaksanakan program pendidikan pemulihan perintis dengan Kementerian Pendidikan untuk menggabungkan kisah-kisah lagenda dan cerita rakyat Orang Asli di dalam alat-alat bantuan mengajar untuk membaiki pembacaan dan penulisan dalam kalangan anak-anak Orang Asli. Sebagai tambahan UNICEF juga memberikan sokongan teknikal dan kewangan kepada Kementerian Pendidikan untuk menilai impak dan keberkesanannya Program Pembacaan Tambahan iaitu program di lapangan yang telah dimulakan pada tahun 2006

untuk memberikan bahan-bahan pendidikan tambahan kepada para pelajar di sekolah pedalaman khususnya masyarakat Orang Asli.

Bagi pelaksanaan program Sekolah Orang Asli dan Penan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Projek Kurikulum Asli dan Penan (KAP) bertujuan memperkasakan pencapaian pendidikan Orang Asli/Penan yang sering dilaporkan tercicir dalam pendidikan arus perdana. Pada tahun 2007, sebanyak enam buah sekolah Orang Asli telah dikenal pasti dan dipilih untuk melaksanakan projek rintis Kurikulum Asli dan Penan. KAP dilaksanakan dengan matlamat untuk melahirkan murid-murid orang asli dan Penan berpengetahuan, berkemahiran, berakhhlak mulia, mencintai alam persekolahan dan sosiobudaya mereka serta dapat menyesuaikan diri dengan sosiobudaya negara ini. Manakala objektif KAP pula secara ringkasnya ialah penguasaan kemahiran 3M oleh pelajar; pelajar berminat ke sekolah; pelajar mempraktikkan amalan kebersihan, kesihatan dan keselamatan; pelajar boleh berinteraksi dengan masyarakat setempat dan sejagat; pelajar yang bersikap positif; mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian dan memahami sosiobudaya setempat dan sejagat (Asnarulhadi Abu Samah, Maria Mansor, Zahid Emby, Mariani Mansor & Hanina Halimatunsaadiah Hamsan, 2007). Berkaitan hal ini, pelbagai insentif, bantuan dan program telah dilaksanakan untuk peningkatan prestasi akademik dan menangani isu-isu pendidikan di sekolah Orang Asli dan Penan seperti bantuan pakaian,, alat tulis, wang saku, makanan (RMT), pengangkutan dan tuisyen.

Usaha yang berterusan sedang diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk memastikan masyarakat Orang Asli diberi peluang yang sama dalam pendidikan. Menurut Fatan Hamamah Yahya (2008) Kementerian telah menggariskan empat objektif untuk meningkatkan pendidikan masyarakat Orang Asli iaitu:

- a) Untuk membangunkan masyarakat Orang Asli menjadi berpendidikan, berkemahiran dan mampu untuk bersaing dengan orang lain

- b) Untuk menyediakan bantuan pendidikan kepada setiap pelajar orang asli
- c) Untuk memaklumkan tentang semua dasar kerajaan dan kepentingan pendidikan serta nilai dengan mengambil kira pembangunan masyarakat Orang Asli dan
- d) Untuk meningkatkan kualiti pendidikan dalam kalangan Orang Asli.

Dalam usaha untuk mencapai objektif ini, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk memastikan bahawa masyarakat diberikan akses yang sama kepada pendidikan. Sehubungan dengan itu Transformasi Pendidikan Orang Asli telah diumumkan pada 21 Jun 2012 oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyidin Mohd Yassin yang menggariskan tujuh (7) teras strategi utama ke arah mempertingkatkan kualiti pendidikan masyarakat Orang Asli selaras dengan Dasar Pendidikan Negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Strategi tersebut ialah:

- a) Memantapkan tadbir urus pembangunan pendidikan Orang Asli bertujuan menjelaskan terma-terma rujukan, peranan, fungsi dan tanggung jawab di pelbagai peringkat dalam KPM dan mencapai matlamatnya menjelang tahun 2018.
- b) Mereka bentuk kurikulum bagi melengkapkan murid-murid Orang Asli dengan pelbagai kemahiran bagi mempersiapkan diri dalam dunia pekerjaan dengan memperkenalkan mata pelajaran Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di program Sekolah Model Khas Komprehensif (K9)
- c) Mengurangkan kadar keciciran murid Orang Asli yang tamat sekolah rendah ke tingkatan satu dikurangkan sebanyak enam peratus setahun dalam tempoh lima tahun. Di samping itu mengurangkan sebanyak 20% setahun Sekolah Orang Asli (SOA) yang berada di dalam Band 6 dan Band 7 untuk ditingkatkan ke tahap Band 5 atau band yang lebih baik.

- d) Meningkatkan ambilan khas anak Orang Asli mengikuti Program Khas Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang dan mewujudkan jawatan Pembantu Pengurusan Murid (PPM) dalam kalangan Orang Asli untuk membantu guru-guru mengurus penyediaan makanan, penjagaan diri dan kebersihan murid-murid Orang Asli.
- e) Penambahbaikan kemudahan infrastruktur dan prasarana pendidikan Orang Asrama Berpusat dan penyediaan kemudahan pengangkutan kepada murid Orang Asli serta keperluan pembinaan sekolah rendah/menengah baru di kawasan penempatan Orang Asli yang ramai.
- f) Memperkasakan ekosistem dalam konteks hubungan rakan sepasukan, rakan sinergi, rakan di lapangan serta rakan antara bangsa termasuk memperkasakan PIBG sekolah. Sebagai contoh jalinan kerjasama pihak sekolah dengan IPG, IPTA, IPTS, badan korporat, swasta, syarikat GLC, pihak NGO adalah sangat penting; dan
- g) Mewujudkan Sistem Maklumat Pengesanan Prestasi Sekolah yang bertujuan mengambil tindakan segera menambah baik dan menambah nilai pendidikan Orang Asli.

(Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012)

KPM berharap impak program hasil daripada pelaksanaan inisiatif-inisiatif Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli (PTPOA) ini akan dapat dilihat dalam tempoh lima tahun (2013-2017) iaitu:

- a) Mengurangkan kadar keciciran murid Orang Asli di peringkat rendah dan menengah
- b) Meningkatkan kadar kehadiran murid Orang Asli ke sekolah

- c) Meningkatkan tahap kemudahan infrastruktur di Sekolah Orang Asli
- d) Menambah baik penyediaan pengangkutan murid khusus di Sekolah Orang Asli kawasan pedalaman
- e) Menambah bilangan guru dalam kalangan Orang Asli; dan
- f) Peluasan program Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) dan pembinaan Asrama Berpusat.

(Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012)

Walaupun banyak inisiatif yang diambil untuk meningkatkan tahap gaya hidup dan pendidikan masyarakat Orang Asli, keadaan mereka masih memerlukan perhatian. Banyak sekolah di pedalaman dalam keadaan miskin dari segi prasarana, kurikulum dan guru terlatih (Fatan Hamamah Yahya, 2008). Fatan Hamamah juga melaporkan bahawa tidak mahir berbahasa Melayu adalah satu lagi sebab untuk tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan Orang Asli. Oleh itu, ia mencadangkan bahawa kurikulum dibina berdasarkan tradisi sendiri dan pengalaman masyarakat. Pendidikan formal yang berjaya harus merangkumi faktor-faktor seperti bahasa ibunda, budaya, sistem kekeluargaan dan proses sosialisasi masyarakat Orang Asli (Fatan Hamamah Yahya, 2008).

Perkembangan Penyelidikan Ilmu Orang Asli

Penyelidikan tentang ilmu Orang Asli telah banyak dilakukan oleh para pengkaji. Berdasarkan sorotan bacaan, penyelidik telah membahagikan perkembangan penyelidikan ilmu Orang Asli ini kepada tiga tahap iaitu era kolonialisme, pasca perang dunia kedua dan era masa kini.

i) Era Kolonialisme

Pada era kolonialisme, masyarakat Orang Asli menjadi subjek penyelidikan yang menarik minat dan dianggap ‘*exotic*’ terutamanya ahli *ethologist* Barat kerana ia mempunyai nilai dari aspek penyelidikan terhadap kehidupan awal manusia primitif. Wilkinson (1926) memberikan penerangan yang persuasif (berupaya mempengaruhi) kepada para pendukung teori evolusi spesies dengan mendedahkan penemuan bekas kehidupan awal manusia primitif di Tanah Melayu. Beliau menyatakan bahawa terdapat suatu misteri seperti berpaut dengan masyarakat Orang Asli di Semenanjung dan adalah disarankan bahawa di kawasan yang tertentu di dalam hutan Tanah Melayu mungkin terdapat suku pribumi yang paling primitif di dunia, iaitu puak yang boleh dikaitkan dengan gagasan teori Darwin. Sir Hugh Low seorang Residen British di Perak dan juga ahli botani ‘*naturalist*’ telah mengasaskan Muzium Taiping pada tahun 1883 untuk menjadi pusat para penyelidik kolonial bagi menjalankan kajian mengenai masyarakat Orang Asli yang merangkumi pelbagai aspek sama ada budaya, bahasa dan kehidupan dijalankan. Kajian para orientalis barat ini menekankan dan menerokai aspek sains sosial bagi memahami kehidupan masyarakat Orang Asli itu sendiri.

Kajian tersebut tidak menyentuh mengenai aspek pendidikan, ontologi, epistemologi, teknologi, pengurusan alam sekitar, biodiversiti, ilmu atau yang meningkatkan kedudukan atau darjah Orang Asli. Hal ini boleh difahami jika diteliti pernyataan Carey (1976) yang berpendapat bahawa sikap pegawai Kolonial terhadap masyarakat Orang Asli adalah suatu yang meragukan dan mereka menganggap masyarakat Orang Asli adalah satu puak yang ‘*savage*’ dan tidak bertamadun. Pendekatan kajian antropologi tersebut lebih kepada memenuhi keperluan kolonial untuk mengeksplorasi hasil bumi negara yang dijajah dan memperluaskan tanah perladangan. Dalam hal ini, Lye (2011) memberikan komen mengenai kajian yang dilakukan oleh pihak kolonial terhadap masyarakat Orang Asli bahawa tumpuan utama

ahli pemuliharaan dan perhutanan bukan terhadap hal ehwal manusia tetapi lebih kepada bidang pengurusan dan eksplotasi balak atau hidupan liar yang sewajarnya dan dengan itu, hasil kejayaan mereka akan bergantung kepada bagaimana untuk mengasingkan kawasan Orang Asli.

ii) Era Pasca Perang Dunia kedua

Fenomena kajian terhadap masyarakat peribumi dalam bentuk dan format yang sama juga berlaku di negara koloni oleh pihak penjajah sehinggalah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang ditubuhkan pada 24 Oktober 1945. Pembangunan bagi memajukan manusia akibat kemusnahan perang diberi perhatian utama oleh PBB. Dalam hal ini, pembangunan ekonomi negara bangsa menjadi objektif utama dan pelbagai perjanjian perdagangan yang dimeterai antara negara bagi memenuhi tujuan tersebut. Pendekatan ekonomi *Keynesian* dan pemikiran *laissez faire* digunakan bagi pelaksanaan doktrin pasaran ekonomi bebas yang bertujuan untuk pembangunan ekonomi dan menggalakkan perdagangan antara negara.

Pada tahun 1970an, PBB menyedari bahawa perkembangan pesat ekonomi yang berlaku adalah tidak seimbang telah mengancam biodiversiti, menyebabkan pencemaran alam sekitar dan seterusnya menjelaskan planet yang diduduki oleh manusia. Persidangan PBB di Stockholm pada 5 hingga 16 Jun 1972 telah berhasil menujuhkan *United Nations Environment Programme* (UNEP). Skop UNEP ini adalah untuk menyelaras aktiviti dan polisi PBB berkaitan atmosfera, ekosistem, ekonomi hijau dan pengurusan alam sekitar. Isu dan perkara ini disokong selanjutnya dengan penubuhan Suruhanjaya Brundt oleh PBB pada tahun 1983 yang telah menerbitkan Laporan yang bertajuk “*Our Common Future*” dengan menekankan konsep pembangunan lestari atau ‘*sustainable development*’ (SD). Fikiran dan konsep pendidikan alam sekitar dan pembangunan lestari (SD) diterokai dan diperkenalkan bagi tujuan mengimbangkan

kemajuan ekonomi dunia tanpa menjelaskan keupayaan memenuhi keperluan generasi akan datang. Pendidikan Alam Sekitar membantu generasi masa hadapan untuk mengawal kehidupan mereka dan memakmurkan masa hadapan (Perikleous, 2004). Pembangunan lestari merupakan pembangunan yang dijalankan secara terancang dan berterusan serta tidak menjelaskan keadaan alam sekitar, bukan sahaja untuk generasi semasa malah untuk generasi akan datang. Justeru, aspek dan konsep pembangunan lestari ini juga telah secara langsung dan tidak langsung telah menyentuh masyarakat Orang Asli dan peranan ini dijalankan oleh UNESCO sebagai agensi khas PBB.

iii) Era masa kini

Kini, penyelidikan ilmu Orang Asli lebih menumpukan kepada tiga aspek iaitu pendidikan pembangunan lestari, kepelbagaian budaya dan pemuliharaan biodiversiti. Keperluan dan kepentingan pendidikan alam sekitar telah ditekankan menerusi beberapa siri forum dan dokumen antara kerajaan bermula dari tahun 1972 sebagai satu strategi untuk menangani trend yang semakin meningkat tentang masalah alam sekitar. Konsep memelihara alam sekitar dan pembangunan lestari telah membawa hasil pada tahun 1992 apabila masyarakat antarabangsa mengambil strategi serampang dua mata dalam Sidang Kemuncak Bumi (*Earth Summit-Agenda 21*) di Rio de Janeiro dengan fokus tema Pembangunan Lestari dan Alam Sekitar. Agenda tersebut disambut oleh UNESCO dan menyatakan idea-idea pembangunan lestari sebagai pendekatan pemeliharaan alam sejagat yang berkesan. Agenda 21 tersebut mengandungi prinsip-prinsip bagi membantu sesebuah negara dan institusi-institusi yang berkaitan untuk melaksanakan dasar-dasar dan program-program pembangunan lestari dengan pengkhususan akan kepentingan pendidikan dalam menjayakan pembangunan lestari.


Dalam perkara ini, Nakashima yang telah dilantik menjadi Pengarah UNESCO menerangkan bagaimana ilmu Orang Asli adalah faktor penting bagi pendidikan lestari

dan menyatakan bahawa pengetahuan sofistikated tentang alam dunia adalah tidak terhad kepada sains. Masyarakat manusia di seluruh dunia telah membangunkan satu aturan yang penuh dengan pengalaman dan penjelasan berkaitan dengan persekitaran dan alam yang mereka huni. Sistem pengetahuan lain tersebut, yang kini sering dirujuk sebagai pengetahuan ekologi tradisional atau pengetahuan peribumi atau Orang Asli. Bidang ini merangkumi aturan maklumat yang hebat, suatu pemahaman dan tafsiran yang membimbing masyarakat manusia di seluruh dunia dalam hubungan mereka yang luas dengan persekitaran semula jadi: sama ada dalam sektor pertanian dan penternakan; memburu, memancing dan memungut hasil; perjuangan menentang penyakit dan kecederaan; menamakan dan penerangan fenomena semula jadi; dan strategi untuk menghadapi persekitaran yang berubah-ubah.

Dei (2002) pula menyatakan bahawa sejak tahun 1970-an ramai cendekiawan dan agensi PBB memberi perhatian penuh untuk meneliti bagaimana ilmu dan institusi peribumi boleh menyumbang kepada pembangunan yang lebih sesuai dengan budaya yang lestari. Beliau menegaskan bahawa kita perlu mengiktiraf sebuah model kelestarian tempatan yang merangkumi realiti masyarakat peribumi, dengan mengambil kira semua perkara yang berkaitan dengan matlamat dan aspirasi masyarakat, budaya, politik, spiritual, moral, dan ekologi mereka. Dalam konteks ini, pendidikan intelektual Orang Asli sedia ada telah dijelaskan oleh Dei (2000, 2002) sebagai diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain melalui simbol, seni, cerita lisan, peribahasa, dan persembahan seperti lagu, bercerita, kata-kata bestari, teka-teki dan tarian.

Pada tahun 2002, negara anggota PBB bersetuju untuk membuat perubahan di Persidangan Rio+10 yang diadakan di Johannesburg iaitu sektor pendidikan akan diberi perhatian utama dalam melaksanakan agenda global tersebut. Bagi memusatkan usaha supaya terdapat komitmen yang menyeluruh bagi mencapai matlamat yang ditetapkan seperti di atas, PBB mengumumkan bahawa mulai 2005 sehingga 2014, PBB akan

mewujudkan pelan tindakan berdasarkan tema ‘Dekad PBB bagi Pendidikan untuk Pembangunan Lestari’ atau *UN Decade of Education for Sustainable Development* (2005-2014) yang merangkumi empat perkara seperti Rajah 2.1 di bawah.



Rajah 2.1 Pelan Tindakan PBB (2005-2014)

Sumber: Diubah suai daripada *UN Decade of Education for Sustainable Development (2005-2014)*

a) **Pendidikan Pembangunan Lestari**

Pembangunan lestari adalah satu konsep yang memberi tumpuan penuh kepada pemuliharaan dan pemeliharaan sumber alam terhadap apa-apa aktiviti yang dijalankan berkaitan dengan kehidupan manusia di atas muka bumi termasuk aktiviti ilmu Orang Asli. McManus (1996) menyatakan bahawa kelestarian adalah suatu keadaan di mana

amalan ekonomi, politik, budaya dan ekologi beroperasi bagi membolehkan generasi seterusnya boleh menerima kembali sebahagian modal dari alam semula jadi yang diagihkan secara adil untuk memenuhi keperluan mereka, yang mana hendaklah tidak kurang secara perkapita dalam kuantiti dan kualiti daripada apa yang telah digunakan oleh generasi yang sebelum ini bagi memenuhi keperluan mereka sendiri. Dalam erti kata yang lain takrif tersebut bermaksud untuk mengambil kira dan meninggalkan sebanyak dan sebaik mungkin apa-apa sumber semula jadi untuk keperluan generasi akan datang sepertimana yang telah dinikmati oleh generasi terdahulu.

Oleh itu, pendidikan untuk kelestarian (*sustainability*) secara umumnya merupakan suatu proses untuk membangunkan keprihatinan, kemampuan, sikap dan nilai-nilai yang ada pada pelajar-pelajar yang membolehkan penglibatan mereka dalam pembangunan lestari lebih berkesan di peringkat tempatan, nasional dan antarabangsa serta membantu mereka untuk bekerja ke arah masa depan yang lebih lestari. Secara khususnya, pendidikan lestari membolehkan pelajar-pelajar dapat mengintegrasikan pertimbangan persekitaran dalam membuat sebarang keputusan secara lebih berhemah (Mukaddes & Agnello, 2009).

b) Kepelbagaian Budaya

PBB telah mengisyiharkan tahun 2010 sebagai Tahun Antarabangsa bagi Gerak Damai atau Penyatuan Kembali Budaya (*International Year for the Rapprochement of Cultures 2010*) dengan matlamat untuk “memaparkan manfaat kepelbagaian budaya sedia ada dengan mengiktiraf akan kepentingan pemindahan dan pertukaran antara budaya secara berterusan dan mengakui hubungan yang telah terjalin antara mereka sejak awal kehidupan manusia”. Dalam ucapan untuk melancarkan Tahun tersebut, Ketua Pengarah UNESCO, Irina Bokova, telah menyatakan bahawa budaya merangkumi lebih daripada hanya skop seni atau sastera. Gaya hidup, sistem nilai,

tradisi dan kepercayaan juga penting dan menjadi sebahagian daripada apa yang dimaksudkan sebagai budaya dan dia menegaskan bahawa kepelbagaian ini mesti dilindungi dan digalakkan. Empat tema utama telah dikenal pasti untuk dilaksanakan iaitu:

- i. menggalakkan pengetahuan dua hala kepelbagaian budaya, etnik, bahasa dan agama;
- ii. membina satu rangka kerja bagi nilai-nilai yang boleh dikongsi bersama;
- iii. mengukuhkan pendidikan yang berkualiti dan pembinaan kecekapan antara budaya;
- iv. memupuk dialog bagi pembangunan lestari.

(Sumber: UNESCO, 2010)

Dalam konteks melaksanakan gagasan tersebut, UNESCO telah mengambil pendirian mengiktiraf dan menghormati ilmu - termasuk pengetahuan tradisional dan ilmu Orang Asli ; yang menyumbang kepada pembangunan yang lestari ; mempromosi hak asasi manusia, falsafah dan dialog antara budaya, dengan penekanan khusus kepada menentang sikap perkauman dan diskriminasi.

c) Pemuliharaan Biodiversiti

Konvensyen CBD (1993) yang telah dipersetujui oleh Malaysia mempunyai 3 objektif utama iaitu tanggungjawab pemuliharaan biodiversiti, penggunaan sumber biodiversiti secara lestari dan perkongsian secara adil penggunaan sumber genetik yang dihasilkan. Artikel 8 (j) CBD dengan jelas menyatakan tanggungjawab negara untuk mengambil tindakan bagi menghormati, memulihara dan mengekalkan pengetahuan, inovasi dan amalan masyarakat Orang Asli. Proses penggunaan pengetahuan tradisional dan ilmu Orang Asli hendaklah dengan penglibatan Orang Asli itu sendiri dan perkongsian yang adil bagi apa-apa manfaat hasil penggunaan apa-apa pengetahuan

tersebut berdasarkan mekanisme akses dan perkongsian secara adil (*equitable access and benefit sharing* – ‘ABS’). Dalam hal ini, akses terhadap pengetahuan ilmu Orang Asli berkaitan sumber genetik diperuntukkan di bawah Artikel 15, CBD yang menyatakan bahawa akses tersebut tertakluk kepada prinsip maklumat awal (*prior informed consent* – ‘PIC’) dan yang diberikan atas dasar syarat-syarat yang dipersetujui bersama (*mutually agreed terms* - ‘MAT’). Konvensyen CBD ini secara langsung mengiktiraf peranan unik Orang Asli bagi memulihara dan pengetahuan inteleknya dalam menggunakan sumber biologi secara lestari (Konvensyen CBD,1993).

Dalam konteks ini, Alcorn (1994) menyatakan bahawa bukti kejayaan suatu pemuliharaan merujuk kepada biologi, namun pemuliharaan itu sendiri adalah proses sosial dan politik, bukannya satu proses biologi. Oleh itu, penilaian pemuliharaan memerlukan satu penilaian terhadap institusi sosial dan politik yang boleh menyumbang kepada, atau pun yang boleh mengancam, pemuliharaan. Salah satu utama aspek sosial yang berkaitan dengan biodiversiti adalah, sudah pasti, melibatkan ilmu masyarakat Orang Asli. Masyarakat ini mengekalkan tradisi lama bagi memenuhi sebahagian besar daripada keperluan bahan mereka bukan dari pasaran, tetapi atas sumber semula jadi kawasan mereka sendiri. Dasmann (1988) mengkategorikan masyarakat ini sebagai ‘orang ekosistem’ yang mempunyai pengetahuan intelek yang dipergunakan untuk mendapatkan makanan, ubat-ubatan dan lain-lain keperluan dengan menghindari apa-apa ancaman bahaya yang mungkin timbul. Mereka bukan sahaja mempunyai motivasi yang tinggi untuk mendapatkan bekalan sumber asli tersebut secara berhemah, tetapi memulihara sumber tersebut untuk generasi akan datang.

Claudia (2008) dalam laporannya kepada World Bank menyokong pendirian bagi melibatkan ilmu dan masyarakat Orang Asli dengan lebih berkesan dalam pemuliharaan biodiversiti. Orang Asli adalah pembawa pengetahuan nenek moyang dan kebijaksanaan mengenai biodiversiti ini. Penyertaan mereka yang berkesan dalam

program pemuliharaan biodiversiti sebagai pakar dalam melindungi dan menguruskan sumber asli dan biodiversiti akan membolehkan pemuliharaan yang lebih menyeluruh dan kos efektif dalam pengurusan biodiversiti.

Dalam hal ini, menurut Nicholas (2010) Orang Asli di Malaysia mempunyai 3 prinsip penggunaan dan pemuliharaan sumber iaitu:

- i. pemilikan secara kolektif sumber di dalam sesebuah kampung, yang mereka umpamakan sebagai *cak samak*, istilah suku Semai untuk 'makan bersama'. Perkongsian musim menuai - sama ada tanam-tanaman, hasil buruan atau tangkapan ikan - dengan jiran tetangga adalah amalan biasa, walaupun individu mempunyai hak untuk mengusahakan hasil pertanian, kraftangan dan pemeliharaan haiwan sendiri.
- ii. konsep bahawa semua sumber semula jadi adalah milik Pencipta Yang Maha Esa dan dengan itu seseorang itu menghormati sumber-sumber semula jadi, termasuk tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Upacara seperti *cenagoh* meminta kebenaran membuka tanah pertanian dan mengelakkan pembaziran mana-mana sumber adalah satu bentuk penghormatan.
- iii. tanah dan biodiversiti di dalamnya adalah mempunyai nilai intrinsik kepada identiti Orang Asli itu sendiri. Oleh sebab itu, orang-orang tua dalam masyarakat Orang Asli berasa tanggungjawab ke atas diri mereka untuk memastikan bahawa amalan tradisional bagi pemuliharaan dan pengurusan terhadap sumber asas diturunkan dari generasi ke generasi.

Ilmu Masyarakat Orang Asli

Ilmu pengetahuan peribumi merupakan pengetahuan yang unik kepada budaya (Fien, 2010). Antara maksud lain yang diguna pakai oleh kebanyakan penyelidik termasuklah 'pengetahuan tempatan', 'kaum pengetahuan', 'pengetahuan rakyat', 'kebijaksanaan tradisional' atau 'sains tradisional'. Pengetahuan dan kebijaksanaan ini

diturunkan dari generasi ke generasi berikutnya biasanya melalui ritual mulut dan budaya, merangkumi keperluan asas, seperti pertanian, penyediaan makanan, penjagaan kesihatan, pendidikan, pemuliharaan dan aktiviti-aktiviti lain yang mengekalkan keunikan masyarakat tersebut dalam banyak aspek. Orang Asli mempunyai pengetahuan yang luas tentang bagaimana untuk hidup secara berterusan. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan formal telah mengganggu aspek ilmu mereka dengan corak pembelajaran yang mengantikan mereka dengan pengetahuan abstrak dan pembelajaran bercorak akademik (Fein, 2010). Hari ini, terdapat risiko bahawa ilmu Orang Asli banyak yang hilang dan terkubur begitu sahaja.

Ilmu pengetahuan peribumi secara amnya merupakan pengetahuan yang digunakan oleh masyarakat peribumi untuk hidup dalam persekitaran tertentu (Fein, 2010). Terma yang digunakan dalam bidang pembangunan untuk menetapkan konsep ini merangkumi pengetahuan teknikal yang asli, pengetahuan tradisional tentang alam sekitar, pengetahuan luar bandar, pengetahuan tempatan dan pertanian atau boleh juga dikonsepkan sebagai pengetahuan yang asli (tempatan) masyarakat yang dikumpulkan dari generasi ke generasi. Definisi ini merangkumi semua bentuk pengetahuan, teknologi, pengetahuan kemahiran, amalan dan kepercayaan yang membolehkan masyarakat untuk mencapai kehidupan yang stabil dalam persekitaran mereka.

Khairul Hisyam Kamaruddin dan Ibrahim Ngah (2007) telah merumuskan bahawa sistem ilmu pengetahuan peribumi ialah sistem maklumat yang dinamik yang sentiasa mengalami penambahbaikan. Kedinamikan ini dipengaruhi oleh kreativiti dalaman dan usaha eksperimentasi komuniti kesan daripada interaksi dalaman dan antara sistem kehidupan harian.

Dalam konteks kajian ini, ilmu pengetahuan peribumi telah diterjemahkan dengan perkataan ilmu atau kebijaksanaan untuk mengangkat darjah masyarakat ini kerana penyelidik berpendapat bahawa ilmu Orang Asli adalah unik merangkumi

bentuk-bentuk dan jenis-jenis pengetahuan yang ada pada Orang Asli. Mereka mempunyai gaya hidup yang unik hingga mereka tidak mahu kepada peraturan. Oleh itu kita mesti menghargai keistimewaan Orang Asli dengan menyusun semula kebijaksanaan mereka dalam bentuk institusi kerana selama ini kebijaksanaan mereka tinggal sebagai lagenda. Sekiranya tidak dibukukan akan hilang keistimewaan itu. Kita perlu mengekalkan keaslian Orang Asli. Sehubungan dengan itu, kita perlu membina kurikulum berdasarkan kepakaran Orang Asli dan membawanya ke dalam pembangunan kurikulum di sekolah Orang Asli pada masa depan.

Pendidikan dan ilmu Orang Asli adalah saling berkait dan mempunyai hubungan kerana menurut Easton (2004) pendidikan memainkan peranan penting dalam penghantaran, pengumpulan, meningkatkan dan mentransformasikan ilmu Orang Asli.

Bagi tujuan tersebut konsep pedagogi Orang Asli juga telah dikembangkan oleh Boon (2008) yang menyatakan bahawa jika ditakrifkan secara sempit, pedagogi secara mudahnya bermaksud satu kaedah pengajaran dan dalam kerangka yang luas, ianya adalah satu kepercayaan berbentuk falsafah yang akan memberi panduan kepada strategi pengajaran sedangkan istilah peribumi bermaksud orang tempatan atau orang asli. Pedagogi Orang Asli boleh diteliti melalui spektrum yang luas bermula dengan pedagogi yang memaparkan budaya Orang Asli tersebut, pandangan alam dan kepercayaan atau dari sudut pandang yang lain, pedagogi yang diolah oleh bukan orang asli sendiri, iaitu yang cenderung ke arah Eurocentric. Boleh juga dikatakan bahawa pedagogi Orang Asli adalah satu strategi pengajaran yang muncul kesan daripada pelaksanaan dalam konteks tempatan dan lebih penting lagi, dalam kalangan mereka yang mempunyai pengetahuan dan melaksanakannya. Pendidik yang melaksanakan pedagogi itu boleh menyatakan hak pemilikan pedagogi tersebut kerana mereka telah membentuknya untuk disesuaikan dengan keperluan mereka sendiri.

Manakala Hemara (2000) menjelaskan lagi pedagogi Orang Asli sebagai bersifat holistik yang melibatkan dimensi empat unsur kejadian: semangat, akal, jasad, kalbu. Dalam pendekatan pembelajaran Orang Asli, pelajar, guru dan komuniti terlibat dalam hubungan timbal balas dan kerjasama dalam pembelajaran.

Konsep Ilmu Orang Asli

Beberapa pengkaji masyarakat Orang Asli di luar negara telah menjelaskan tentang ilmu Orang Asli. Antaranya Dei, Hall dan Rosenberg (2000) yang menyatakan ilmu Orang Asli itu merupakan pengetahuan yang terpinggir atau pengetahuan yang dipunyai oleh komuniti yang lemah dan pengetahuan yang mungkin tidak ada pendokumentasian atau pengetahuan yang diturunkan secara lisan dari satu generasi ke generasi oleh orang-orang tua dalam masyarakat itu. Selain itu, Snively dan Corsiglia (2001) berpendapat bahawa ilmu peribumi mempunyai ciri berikut iaitu pengetahuan yang merangkumi perspektif budaya, kepercayaan, seperti tahuul, pengalaman dan persekitaran sosial dan alam semula jadi. Sillitoe (2002) pula menyatakan ilmu Orang Asli ialah pengetahuan yang biasanya tidak dipelajari dalam sistem pendidikan formal atau pengetahuan yang tidak dalam sisipan kerangka di universiti. Fischer (2004) menambah bahawa ilmu peribumi boleh dikenal pasti melalui ciri berikut iaitu pengetahuan yang telah berjaya mengekalkan keasliannya walaupun berlaku peperangan dalam sejarah, imperialisme, penjajahan, dan arus pemodenan.

Johnson (1992) mentakrifkan pengetahuan peribumi sebagai sistem pengetahuan yang dibina oleh sekumpulan orang melalui beberapa generasi yang hidup dan mempunyai hubungan yang rapat dengan alam semula jadi. Secara umumnya, ilmu itu berkembang dalam persekitaran tempatan, supaya ia khusus disesuaikan untuk keperluan orang tempatan dan mempunyai syarat-syarat tertentu. Pengetahuan ini juga kreatif dan sentiasa teruji yang menggabungkan sesuatu di luar pengaruh dan di dalam

inovasi untuk memenuhi syarat-syarat baru. Dalam konteks ini, Castellano (1999) telah mengenal pasti 3 aspek ilmu Orang Asli iaitu : a) pengetahuan tradisional yang merupakan pengetahuan antara generasi ke generasi yang diperturunkan oleh orang-orang tua dalam masyarakat itu; b) pengetahuan empirik iaitu berdasarkan pemerhatian yang teliti terhadap persekitaran sekeliling (alam semula jadi, budaya dan masyarakat) dan c) pengetahuan ilham suci, iaitu yang diterima melalui mimpi, ramalan dan gerak hati. Ciri-ciri utama pengetahuan peribumi adalah ianya adalah bersifat peribadi / yang diperibadikan, (iaitu, tidak ada pengataan ianya sebagai ilmu untuk alam sejagat); percaya terhadap pengetahuan itu adalah secara ikatan dan bukannya integriti dan kepekaan ilmu ‘pakar’ tersebut.

Grenier (1998) pula menjelaskan bahawa ilmu Orang Asli sebagai intelektual yang tersimpan dalam memori puak itu dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan dipaparkan dalam bentuk cerita, lagu, cerita rakyat, peribahasa, tarian, mitos, nilai-nilai budaya, kepercayaan, ritual, undang-undang masyarakat, bahasa tempatan dan taksonomi, amalan pertanian, peralatan, bahan-bahan, spesis tumbuhan, dan baka haiwan. Ilmu Orang Asli dikongsi dan disampaikan secara lisan, dengan contoh yang khusus, dan melalui budaya. Bentuk pola komunikasi peribumi dan struktur organisasinya adalah penting di peringkat proses membuat keputusan dan untuk pemuliharaan, pembangunan dan penyebaran ilmu Orang Asli.

Kepentingan Ilmu Orang Asli

Ilmu Orang Asli sangat penting dan perlu diberi perhatian oleh seluruh masyarakat. Dalam hal ini, Grenier (1998) cuba untuk memberi penjelasan tentang kepentingan ilmu Orang Asli dan beliau menerangkan bahawa terdapat dua sebab mengapa ilmu Orang Asli sangat penting untuk penyelidikan dan perlu dikembangkan pengetahuan tentangnya. Pertama sekali, dengan menggabungkan ilmu Orang Asli ke

dalam penyelidikan boleh menyumbang ke arah memperkasakan masyarakat ini. Selain itu, dengan menggunakan ilmu Orang Asli dapat memberikan kesahihan dan kredibiliti serta kebanggaan budaya masyarakat peribumi. Kedua, Orang Asli boleh memberikan input yang berharga tentang persekitaran tempatan dan cara untuk menguruskan sumber alamnya.

Corsiglia dan Snively (1997) menyatakan bahawa pengetahuan Orang Asli adalah sebahagian daripada pengetahuan yang lebih kaya dan kebijaksanaan orang terdahulu yang kini hidup sezaman dan termasuk pengetahuan purbakala. Kepentingan ilmu masyarakat Orang Asli ini juga mendapat pengakuan daripada pelbagai pengkaji termasuk juga ahli sosiologi seperti Atchoarena & Sedel (2003); Atran (1999); Hunn (2003); Hunn, Johnson, Russell, dan Thornton (2003); Srikantaiah (2008); UNESCO (2009); United Nations (2012).

Ilmu Orang Asli ini boleh bertindak sebagai alat yang berkuasa dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar. Kebanyakan ujian pencapaian di banyak negara tidak menggunakan ilmu Orang Asli. Namun, persekitaran pembelajaran perlu disesuaikan dengan membantu pelajar membina ilmu masyarakat mereka dan budaya asli mereka. Pendidik boleh melanjutkan nilai pendidikan ini dengan menggabungkan teknik dan pedagogi yang sesuai. Pelbagai strategi boleh digunakan oleh pendidik agar dapat mengenali ilmu Orang Asli yang mereka bawa untuk digunakan dalam situasi pembelajaran dan boleh menjadi batu loncatan untuk membantu mereka berjaya dalam bidang akademik.

Ilmu Orang Asli Di Malaysia

Konsep ilmu Orang Asli ini boleh dianggap sebagai pengetahuan budaya termasuk semua aspek sosial, politik, ekonomi dan rohani cara hidup masyarakat peribumi. Walaupun banyak penyelidikan tentang pengetahuan peribumi hanya

menekankan pengetahuan tentang alam sekitar, namun kini telah diterima bahawa konsep pengetahuan peribumi semakin meluas.

Dalam konteks Malaysia, penyelidik melihat ilmu Orang Asli boleh dilihat dari aspek berikut iaitu ilmu mereka dalam bidang herba dan ubat-ubatan, ukiran, perhiasan, kepercayaan, muzik, anyaman dan alat-alat keperluan. Kemahiran, kebijaksanaan dan banyak khazanah yang tersembunyi yang ada pada masyarakat Orang Asli ini perlu didokumenkan untuk generasi akan datang.

Dalam bidang perubatan herba, memang tidak dinafikan bahawa masyarakat Orang Asli mempunyai kepakaran mereka sendiri yang menggunakan tumbuhan ubatan juga herba sebagai sumber utama mereka untuk merawat penyakit. Masyarakat Orang Asli masih lagi menggunakan perubatan tradisional kerana mereka masih berpegang kuat kepada nilai dan kepercayaan tentang alam sekeliling. Perubatan Orang Asli adalah berdasarkan hubungan manusia dengan alam sekelilingnya. (Hanina H.Hamsan & Asnarulkhadi Abu Samah, 2008). Dalam perubatan tradisional masyarakat Orang Asli menggunakan bahan-bahan berdasarkan tumbuhan ubat seperti daun, akar kayu dan buah-buahan.

Ilmu Orang Asli juga dapat dilihat melalui kepakaran mereka dalam bidang ukiran. Ukiran kayu hanya diusahakan oleh suku kaum Mah Meri dan Jah Het yang menjadi sebahagian daripada kepercayaan animisme mereka. Patung yang diukir melambangkan unsur-unsur yang pelbagai seperti tanah, pelangi, guruh, angin, lautan dan bumi. Kemahiran tukang ukirnya terbukti pada sentuhan larikan garis-garis geometri tanpa menggunakan sebarang alat mekanikal dan ukiran-ukiran patung tersebut mencerminkan keunikan yang tersendiri dan menjadi kekayaan warisan budaya masyarakat Orang Asli (Roland, 1986; Adi Taha, 2006; Anthony, 2006).

Selain itu, masyarakat Orang Asli juga bijak menampilkan keunikannya yang tersendiri melalui kepakaran mereka dalam membuat perhiasan. Kebanyakan perhiasan

mereka berhubung rapat dengan alam semula jadi. Mereka juga percaya perhiasan yang dipakai akan menyerlahkan kecantikan serta mengelakkan daripada bencana alam atau gangguan semangat jahat. Perhiasan yang selalu digunakan ialah rantai manik, biji tumbuhan, rantai gigi dan kuku binatang dan tangkai daun ubi. Kadangkala perhiasan daripada gading gajah logam perak dan tembaga juga turut digunakan (Adi Taha, 2006).

Dalam bidang ritual/kepercayaan, masyarakat Orang Asli mewarisi adat yang kaya dengan pantang larang. Sebagai masyarakat yang berpegang kepada kepercayaan animisme, mereka dinaungi oleh semangat alam dan tumbuh-tumbuhan. Dalam hidupnya mereka amat percaya kepada semangat baik dan jahat. Setiap benda mempunyai semangat dan boleh membawa kemudaratatan ataupun kebaikan. Bukit bukau, gunung ganang, pepohon besar, batu batan dan hutan belantara dipercayai mempunyai semangat. Oleh yang demikian, pantang larang perlu dipatuhi agar alam tidak membawa padah kepada kehidupan Orang Asli (KPM, UNICEF, 1998; Kementerian Kesenian Dan Warisan, 2006 ; Fatanah et al, 2012)

Kehidupan masyarakat Orang Asli turut mempunyai hubungan yang erat dengan muzik. Kebijaksanaan mereka diperlihatkan melalui penggunaan alat muzik yang digunakan. Alat-alat muzik Orang Asli diperbuat daripada sumber-sumber dari hutan seperti kulit binatang dan batang kayu. Gendang contohnya diperbuat daripada batang kayu dan kulit binatang manakala seruling diperbuat daripada buluh. Mereka juga menyanyikan lagu dengan irama yang dihasilkan melalui hentakan kaki. Muzik seiring dengan aktiviti masyarakat iaitu ketika menuai hasil tanaman mahupun majlis perkahwinan. Muzik tertentu dipercayai dapat menghindari semangat jahat daripada mengganggu manusia. Sewang merupakan tarian tradisional atau tarian ritual masyarakat Orang Asli di Malaysia. Ia mempunyai kaitan dengan pelbagai adat istiadat, kepercayaan, pemujaan, pengorbanan dan penyembahan. Upacara sewang diketuai oleh

Tok Halaq dan disertai oleh beberapa masyarakat yang terdiri daripada lelaki dan perempuan (Adi Taha, 2006)

Kemahiran masyarakat Orang Asli dalam bidang anyaman turut memperlihatkan ilmu mereka. Daun mengkuang, pandan dan rotan digunakan untuk menghasilkan produk anyaman, seperti bakul, tikar, raga galas, nyiru dan tikar kelarai. Bakul dan raga galas memperlihatkan teknik anyaman yang rapi serta kukuh, digunakan oleh Orang Asli untuk mengangkut barang-barang keperluan seperti binatang buruan dengan menyangkutkannya pada bahu atau kepala. Tikar mengkuang dan kelarai yang dihasilkan dengan teknik anyaman yang halus mempamerkan motif-motif tertentu. Nyiru dalam pelbagai bentuk dan jenis pula digunakan untuk menampi padi. Sementara itu, hasil kraf moden telah dieksplorasi sepenuhnya bagi tujuan komersial. Motif-motif hasil seni yang menarik ini dipindahkan pada lukisan fabrik. Barang-barang cenderamata yang kecil seperti pemegang pensel, replika patung dan topeng kertas turut dihasilkan (Adi Taha, 2006).

Kehijauan alam rimba yang melingkungi masyarakat Orang Asli mempengaruhi kehidupan mereka dan memberi ilham kepada mereka untuk mencipta alat-alat keperluan yang digunakan dalam kehidupan mereka. Penciptaan serta keberkesanan fungsi alat-alat ciptaan mereka adalah lambang ketinggian kreativiti mereka. Bahan-bahan asas yang mudah ditemui di persekitaran mereka umpsamanya buluh dan pohon-pohon kayu dieksplot oleh mereka secara bijaksana. Alat-alat yang direka banyak membantu dalam urusan harian mereka. Contohnya rakit, gobek api, lesung padi, tuai padi, timba upih, raga galas, cawan buluh dan Chek Reij Nuej/Buai Latep. Malah masyarakat Orang Asli juga terkenal dengan kemahiran mereka di dalam hutan. Ketajaman deria memberikan mereka kelebihan sebagai pemburu yang menggunakan alat panah, sumpitan dan perangkap. Mereka juga menjalankan kegiatan menangkap ikan di sungai dengan menggunakan perangkap seperti bubu buluh (Adi Taha, 2006).

Ilmu Perubatan Herba Masyarakat Orang Asli

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mendefinisikan herba sebagai tumbuhan kecil yang batangnya lembut tidak berkayu, daunnya dapat dibuat makanan, ubat, dan pewangi. Perubatan herba ialah rawatan penyakit menggunakan tumbuhan berkhasiat perubatan secara interna (dalaman) dan eksterna (luaran) bagi memulihkan kesihatan pesakit (Wan Omar Abdullah, 1998). Sistem perubatan yang berkaitan dengan penggunaan tumbuhan yang berkhasiat ini mampu meningkatkan keupayaan pesakit untuk sembuh dan kini semakin dikukuhkan dengan perkembangan saintifik. Di Malaysia sumber ubat-ubatan tradisi ini boleh diperoleh daripada semua bahagian tumbuhan. Terdapat sekurang-kurangnya 1,158 spesies tumbuhan tinggi di Malaysia direkodkan mempunyai nilai perubatan meliputi 1,075 adalah tumbuhan berbunga, 75 spesies paku pakis dan 7 spesis daripada keluarga gimnosperma (Jabatan Muzium Malaysia, 2010).

World Health Organization (2002) menyatakan bahawa perubatan tradisional adalah satu istilah yang komprehensif yang digunakan untuk merujuk kepada kedua-dua sistem perubatan tradisional seperti perubatan tradisional Cina, India- ayurveda dan Arab Unani, dan pelbagai bentuk perubatan asli. Perubatan tradisional selalunya disebut sebagai komplementari, alternatif atau bukan perubatan konvensional. Malah pengetahuan tradisional tentang tumbuhan ubatan ini telah banyak dilaporkan sejak pemerintahan British lagi seperti Gimlett (1913, 1920, Gimlet dan Burkhill (1930) dan yang paling komprehensif sehingga ke hari ini ialah Burkhill (1935).

Nordin Lajis (2002) menyatakan definisi tumbuhan ubatan yang mungkin boleh diterima pakai ialah satu tumbuhan yang mengandungi sesuatu sebatian yang mengubahsuai fisiologi yang baik ke atas sesuatu haiwan mamalia, dan ia telah digunakan oleh manusia bagi tujuan ini. Menurutnya, spesies tumbuhan ubatan ini di dalam dunia dianggarkan sebanyak 250,000 dengan 60 peratus daripadanya terdapat di

dalam hutan tropika. Bahkan hutan di Malaysia turut mengandungi kepelbagaiannya biologi yang tinggi dan tergolong dalam 12 negara mega-diversiti di dunia (Bidin & Latiff, 1995; Shamsul Khamis, 2014).

Hutan hujan tropika di Malaysia mempunyai lebih kurang enam hingga tujuh ribu spesies tumbuhan yang telah digunakan dengan meluasnya sebagai tumbuhan ubatan oleh masyarakat Orang Asli (Zainon Abu Samah, 2002). Oleh itu tidak hairanlah ianya menjadikan Orang Asli sebagai komuniti yang terbukti kaya dengan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan tentang pengurusan alam semula jadi (Khairul Hisyam Kamaruddin & Ibrahim Ngah, 2007). Hasil kebijaksanaan ilmu tradisional yang diwarisi daripada generasi terdahulu diaplikasikan dalam kehidupan mereka. Proses ini mendedahkan kewujudan sistem pendidikan tidak formal dan ilmu yang tersendiri sejak dahulu lagi. Selanjutnya ia memberi makna kepada falsafah hidup masyarakat Orang Asli sendiri seperti yang dimanifestasi dalam bentuk sistem adat, agama dan kepercayaan, kosmologi, pantang larang dan sebagainya yang mengatur cara mereka bertindak dan berhubungan dengan manusia lain dan alam (Abdul Talib Bon, 2003). Ilmu, pendidikan dan falsafah tersebut diturunkan oleh generasi yang lebih tua yang merupakan guru dan pakar herba dari satu generasi ke satu generasi secara langsung dan tidak langsung, seterusnya membentuk amalan sosiobudayanya yang bersifat heterogen menambah nilai budaya istimewa yang Malaysia miliki oleh (Adi Taha, 2006; Hood Salleh, Ruzy Suzila Hashim, Christof Jaenicke, Joerg Gruenwald & Zurinawati Zainal Abidin, 2009).

Kebanyakan daripada masyarakat Orang Asli tinggal di hutan belantara dan di tanah-tanah tinggi di antara 2000 hingga 6000 kaki dari paras laut (Doris Padmini Selvaratnam et al, 2012; KPM, UNICEF, 1998). Kehidupan masyarakat yang mendampingi tumbuhan sudah tentu menemui banyak daripada tumbuhan di sekitarnya untuk perubatan (Nordin Lajis, 2002) Oleh itu, nilai-nilai dan ilmu pengetahuan

mereka perlu diperkembangkan dan dipertahankan agar terus diwarisi untuk generasi akan datang.

Tumbuhan merupakan elemen kehidupan yang penting dalam kehidupan manusia dan digunakan sejak turun temurun dalam pelbagai penggunaan (Shamsul Khamis, 2014; Zainon Abu Samah, 2002). Hal ini dijelaskan lagi oleh Wan Omar Abdullah (1998) yang turut menyatakan sejarah tentang perubatan herba yang telah digunakan untuk mengubati penyakit semenjak permulaan peradaban manusia lagi yang bermula di China. Daripada catatan sejarah bangsa-bangsa lain yang mempunyai tamadun juga mempunyai pengetahuan tentang tumbuhan yang mempunyai khasiat. Orang Yunani dan Rom seperti Hippocrates juga telah diakui mempelopori perubatan herba dan Hippocrates diakui sebagai Bapa Perubatan. Manakala sumbangan oleh Dioscoides dan Theophrastus meluaskan lagi bidang ilmu perubatan herba. Namun, bagi Nordin Lajis (2002), manusia telah menggunakan tumbuhan untuk berbagai-bagai tujuan sejak bermulanya sejarah manusia di muka bumi ini iaitu sejak Nabi Adam.

Kehidupan Orang Asli tidak dapat dipisahkan daripada alam semula jadi (Hood Salleh et al, 2009; Itam Wali Nawan, 1993; Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah, 2007; Lim Hin Fui, 1997; Mohd Irwan Law Abdullah, 1993; Ramlee Abdullah, 2008). Mereka amat menghormati alam sekitar dan hubungan erat yang terjalin ini membolehkan Orang Asli terus hidup dalam keadaan harmoni. Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia secara khususnya mendiami kawasan-kawasan pedalaman, pinggir-pinggir hutan dan sebahagiannya di pinggir perkampungan Melayu (Jabatan Muzium Malaysia, 2010). Oleh itu keadaan alam persekitarannya yang dikelilingi tumbuhan tropika membolehkan mereka menggunakan tumbuhan semula jadi untuk dijadikan keperluan kehidupan sehari-hari mereka sebagai makanan dan ubatan. Herba ini bukan sahaja mendedahkan pengetahuan tentang tradisi kesihatan tetapi turut menjelaskan pemahaman saintifik dan kaitannya dengan latar belakang budaya dan

sejarah masyarakat Orang Asli sendiri. Masyarakat Orang Asli merupakan antara kaum yang telah beratus tahun menggunakan sumber tumbuh-tumbuhan di dalam hutan sebagai ubat-ubatan untuk mengubati penyakit. Masyarakat ini mempunyai hubungan yang begitu akrab dengan hutan sekeliling mereka. Pengamalan yang diwarisi sejak generasi ke generasi membolehkan mereka mengetahui dan memahami rahsia tumbuh-tumbuhan yang boleh dijadikan herba untuk mengubat penyakit sehingga setiap spesis telah dikenal pasti bagi kegunaan yang tersendiri.

Katalog Pameran Magis Belantara Herba Orang Asli (2010) mengutarakan penggunaan herba dalam kalangan masyarakat Orang Asli adalah untuk mencegah, mengubati dan melindungi daripada penyakit seperti demam, cirit birit, buasir, barah dan sebagainya. Herba turut digunakan untuk penjagaan kesihatan seperti memberi tenaga awet muda dan penjagaan selepas bersalin. Selain menguatkan sistem imunisasi badan, herba juga digunakan oleh masyarakat Orang Asli dalam ritual untuk menghindari gangguan makhluk halus. Tok Batin, Tok Halaq atau orang-orang tua dalam kalangan suku kaum Orang Asli ialah orang yang sangat arif dengan sumber-sumber tumbuhan di hutan. Walaupun mereka tidak mempunyai pendidikan secara formal namun mereka pakar kepada semua jenis tumbuhan serta memahami kitaran dan perubahan keadaan tumbuhan di dalam hutan seperti waktu berbunga, musim buah dan sebagainya. Mereka juga memastikan sistem ekologi tumbuhan herba terus kekal di dalam hutan untuk kegunaan generasi mereka seperti menjaga amalan dan petua ketika mengambil tumbuhan hutan serta kepercayaan tentang roh dan semangat hutan yang perlu sentiasa dipelihara. Mereka mempunyai sistem perkongsian hidup yang begitu unik dengan alam semula jadi. Oleh sebab itulah walaupun telah beratus-ratus tahun tinggal di hutan, masyarakat Orang Asli tetap memastikan sumber alam khususnya herba yang tidak ternilai ini dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang (Hood Salleh et al, 2009; Jabatan Muzium Malaysia, 2010).

Menurut Kamarulzaman Yahya (1988) secara umumnya pengamalan perubatan tradisi Orang Asli mempunyai dua aspek utama iaitu jampi, mantera/serapah dan penggunaan berbagai-bagai jenis tumbuhan. Masyarakat Orang Asli yang tinggal jauh di pedalaman amat bergantung pada bahan-bahan/tumbuhan di hutan belantara. Hanya segelintir sahaja daripada mereka yang menggunakan tumbuhan pinggiran.

Mustaffa Omar dan Zanisah Man (2010) telah merekodkan hampir seratus tumbuh-tumbuhan ubatan Orang Asli dari komuniti Jakun, Semelai dan Batek yang digunakan bagi mengubati pelbagai jenis penyakit. Masyarakat Orang Asli memang berpengetahuan luas tentang khazanah ilmu berkaitan tumbuh-tumbuhan ubatan berdasarkan hubungan mereka yang sangat rapat dengan hutan rimba. Kajian mereka merujuk kepada tumbuhan untuk rawatan wanita selepas bersalin, penyakit kulit, perdarahan, demam selesema, sakit gigi, sakit perut, mandian kanak-kanak, sakit mata, sakit urat/pinggang, darah tinggi dan meningkatkan tenaga batin serta amalan perancang keluarga.

Masyarakat Orang Asli memang terkenal dengan keistimewaan dan kebolehan mengenal pasti tumbuhan yang boleh dijadikan sebagai penawar kepada pelbagai penyakit di samping kepercayaan dan amalan ritual mereka yang banyak menggunakan hasil dari tumbuhan hutan. Namun, herba yang sering dikaitkan sebagai ubat tradisional yang sangat kaya dengan khasiat serta mampu dijadikan alternatif kepada pengubatan moden ini mempunyai kepercayaan dan pantang larangnya dalam proses pengambilannya yang perlu dipatuhi supaya herba itu tidak hilang khasiatnya.

Berdasarkan sorotan kajian, penyelidik telah membuat rumusan terhadap beberapa kajian yang telah dijalankan tentang tumbuhan ubatan ini. Rumusan penggunaan tumbuhan ubatan masyarakat Orang Asli ini mengikut suku kaum. Daripada jadual ini dapat dilihat pengelasan jenis penyakit yang menggunakan tumbuhan ubatan ini hampir sama oleh setiap suku kaum iaitu untuk kesihatan umum,

penyakit kronik, kesihatan wanita, kesihatan lelaki penyakit dalam dan penyakit luaran. Cara penggunaan juga hampir sama iaitu dengan cara direbus untuk diminum atau disapu pada bahagian yang berkenaan. Jadual 2.2 menunjukkan rumusan tersebut.

Jadual 2. 2

Rumusan Kajian Terhadap Tumbuhan Perubatan Herba Masyarakat Orang Asli Mengikut Suku Kaum

Pengkaji	Tujuan Kajian	Suku Kaum	Cara	Kegunaan
Ong (1995) (Sumber: Perubatan Tradisional Di Kalangan Orang Asli Kaum Temuan)	Meninjau peranan tumbuhan tempatan dalam perubatan tradisional kaum Temuan di Ulu Langat, Selangor	Temuan	Kebanyakan tumbuhan tersebut direbus dan minum. Ada tumbuhan yang dikunyah dan telan sahaja. Daun ditumbuk dan ditampal	Digunakan untuk kesihatan umum, kesihatan lelaki, kesihatan wanita, penyakit minor dan penyakit kronik.
Kamaruzzaman Yahya (1988) (Sumber: Perubatan Tradisi Di Kalangan Masyarakat Orang Asli)	Menggambarkan penggunaan tumbuh-tumbuhan dalam perubatan tradisi Orang Asli	Orang Asli	Disapu, dikisar, direbus dan minum.	Digunakan untuk kesihatan umum, kesihatan wanita selepas bersalin dan penyakit minor.
Zainon Abu Samah (1997) (Sumber: Kajian Etnobotani Ke Atas Enam Suku Kaum Orang Asli Di Semenanjung Malaysia)	Mendokumentasikan variasi tumbuh-tumbuhan yang digunakan oleh masyarakat Orang Asli dalam kalangan suku kaum yang berbeza dan faktor yang mempengaruhi penggunaan tumbuhan tersebut	Semai, Temiar, Lanoh, Batek, Jakun dan Semelai	Menggunakan air rebusan bahagian daun, akar, kulit akar, batang, kulit batang (rizom) untuk penyakit dalam. Penyakit luaran menggunakan daun yang ditumbuk atau dilenyek.	Digunakan untuk kesihatan umum, kesihatan lelaki, kesihatan wanita, penyakit minor
Samuel, Kalusalingam, Chellappan, Gopinath, Radhamani, Husain, Muruganandham & Promwichit (2010) (Sumber: Ethnomedical tinjauan of plants used by the Orang Asli in Kampung Bawong, Perak, West Malaysia)	Untuk mengumpul maklumat mengenai penggunaan tumbuh-tumbuhan perubatan dan menilai potensi kegunaan tumbuh-tumbuhan perubatan tempatan yang digunakan untuk penyembuhan penyakit.	Orang Asli	Kebanyakannya menggunakan daun dan keseluruhan tumbuhan yang direbus. Terdapat juga penggunaan akar yang direbus dan jus dari rizom	Digunakan untuk kesihatan umum, penyakit minor, kesihatan kanak-kanak, penyakit kelamin, kesihatan lelaki

Jadual 2. 2 (Sambungan)

Rumusan Kajian Terhadap Tumbuhan Perubatan Herba Masyarakat Orang Asli Mengikut Suku Kaum

Pengkaji	Tujuan Kajian	Suku Kaum	Cara	Kegunaan
Ong, Chua & Millowl (2011) (Sumber: Ethno-medicinal Plants Used by the Temuan Villagers in Kampung Jeram Kedah, Negeri Sembilan, Malaysia)	Mendapatkan maklumat melalui temu bual tentang tumbuhan perubatan yang digunakan.	Temuan	Menggunakan herba yang direbus untuk diminum, dan ditumbuk untuk disapu.	Digunakan untuk kesihatan umum, kesihatan wanita, kesihatan lelaki, kesihatan kanak-kanak, penyakit minor, penyakit kronik
Ong, Faezah & Millow (2012) (Sumber: Medicinal Plants Used By the Jah Hut Orang Asli at Kampung Pos Penderas, Pahang, Malaysia)	Mendokumenkan tumbuhan ubatan yang digunakan oleh penduduk kampung.	Jah Hut	Keseluruhannya menggunakan akar yang direbus dan daun yang ditumbuk	Digunakan untuk kesihatan umum, kesihatan lelaki, penyakit minor, kesihatan wanita, ubat pengasih/benci
Azliza, Ong, Vickneswary, Noorlidah & Haron (2012) (Sumber: Ethno-medicinal Resource Used By the Temuan in Ulu Kuang Village.)	Untuk mendedahkan penggunaan etno-ubatan dalam masyarakat Temuan	Temuan	Menggunakan akar, daun dan cendawan. Kebanyakan herba akan direbus sebelum diminum.	Digunakan untuk kesihatan umum, penyakit minor, hipertensi, penyakit kronik
Ong, Lina & Millow (2012) (Sumber: Traditional Knowledge and Usage of Medicinal Plants among the Semai Orang Asli at Kampung Batu 16, Tapah ,Perak, Malaysia)	Mengumpulkan maklumat tentang pengetahuan tradisional dan penggunaan tumbuhan ubatan.	Semai	Menggunakan kulit, daun, akar, batang dan bunga daripada herba liar. Kebanyakannya juga direbus sebelum diminum	Digunakan untuk kesihatan umum, ritual, penyakit minor, kesihatan wanita, kesihatan bayi

Pendidikan Orang Asli di Luar Negara

Dasar pendidikan bagi masyarakat Orang Asli di luar negara yang bersifat *Eurocentric* (kebaratan) telah merencatkan pencapaian pendidikan dan gagal memberikan kejayaan akademik kepada pelajar anak-anak Orang Asli. Di samping itu, dasar pendidikan tersebut itu sendiri mempamerkan kegagalan untuk menghormati

prinsip hak asasi manusia dan meremehkan latar belakang budaya masyarakat Orang Asli, dan sebagai akibatnya melemahkan semangat untuk mengikuti proses pembelajaran dan komitmen mereka untuk ke sekolah (Battiste, 2002; Yamauchi, 2005).

Keadaan ini mencetuskan kebimbangan masyarakat Orang Asli dan membangkitkan isu yang mendapat perhatian pihak kerajaan. Bagi mengatasi masalah ini, Gay (2000) menyatakan bahawa model pendidikan yang bersifat ‘*Culturally Relevant Education*’ telah dibangunkan bagi membaiki jurang prestasi pendidikan Orang Asli yang sangat ketinggalan. Menurut Gay (2000) lagi, ‘*Culturally Relevant Education*’ menggunakan pengetahuan adat dan budaya , gaya pembelajaran dan penggunaan bahasa pelajar yang terdiri dari pelbagai suku kaum untuk menjadikan pembelajaran lebih berkesan dan relevan. Objektif model ini adalah untuk mengukuhkan hubungan mereka dengan sekolah dan memberi kesan mengurangkan isu-isu pendidikan dan meningkatkan pembelajaran . Dalam perspektif ini, Barnhardt (2004) telah membuat pemerhatian dan analogi bahawa budaya adalah seperti *aisberg*; iaitu, unsur secara zahir 10% daripadanya boleh dilihat , sementara 90% lagi adalah unsur yang tidak kelihatan. Kedua-dua unsur tersebut iaitu budaya benda (*tangible*) dan budaya bukan benda (*intangible*) yang wujud dalam kerangka budaya pelajar Orang Asli perlu diberi penekanan dan digunakan bagi manfaat pendidikan , Berikut dibincangkan pendidikan untuk masyarakat Orang Asli di Amerika Syarikat, Australia, Kanada dan New Zealand yang menunjukkan bahawa model-model pendidikan untuk murid Orang Asli memberi fokus kepada kepelbagaian budaya dalam pendidikan murid Orang Asli.

Pendidikan Orang Asli di Amerika Syarikat

Castagno dan Brayboy (2008) membuat pemerhatian bahawa ‘*culturally responsive education (CRE)*’ bukanlah suatu fenomena baharu di Amerika Syarikat; sebaliknya, ia telah menjadi isu dan kehendak utama bagi masyarakat Orang Asli bagi tujuan membaiki mutu dan prestasi persekolahan anak-anak Orang Asli bermula sejak pada awal abad ke-20. Awal mula desakan untuk melaksanakan model CRE bagi pelajar Orang Asli Asli telah dibuat apabila *U.S. Indian Office* mengemukakan Laporan Meriam (Institute, 1928). Laporan ini dibuat hasil daripada suatu siasatan yang menyeluruh yang dilaksanakan dengan mengetengahkan kesan dasar pendidikan asimilasi yang tidak berjaya ke atas masyarakat Orang Asli. Laporan itu selanjutnya menekankan keperluan untuk memasukkan budaya Orang Asli ke dalam bahan dan sistem pendidikan sedia ada. Laporan itu juga menekankan supaya sistem pendidikan arus perdana dan rangka kerja kurikulum bergerak di luar sistem bagi tujuan memberi pendidikan yang sempurna kepada anak-anak Orang Asli Amerika.

Dalam perspektif ini, Castagno dan Brayboy (2008) mengambil perhatian akan perbezaan antara “model asimilasi” dan “model CRE” dan membuat kesimpulan bahawa tidak terdapat bukti bahawa model asimilasi meningkatkan kejayaan akademik; malah terdapat bukti yang semakin jelas bahawa model yang bersifat CRE meningkatkan kejayaan dan prestasi akademik bagi kanak-kanak Indian Amerika. Dalam konteks ini, pada tahun 1995, *Alaska Rural Systemic Initiative* (AKRSI) telah ditubuhkan bagi melaksanakan inisiatif untuk mendokumentasikan secara sistematik sistem pengetahuan masyarakat Orang Asli di Alaska, Amerika Syarikat dan membangunkan kurikulum sekolah dan amalan pedagogi yang sesuai merangkumi ilmu Orang Asli ke dalam sistem pendidikan formal dan dasar pendidikan tempatan. AKRSI memberikan tumpuan kepada pembelajaran berkaitan tanah dan mengikuti saranan Chet Bowers (1993) yang menekankan keperluan pendidikan “celik tanah” (*land*

literacy). Saranan ini meminta pelajar untuk mempelajari ekologi kawasan rumah mereka dan amalan lestari yang mampu untuk memulihara tanah bagi manfaat generasi akan datang . Contohnya, model yang bersifat CRE dan bahan kurikulum berdasarkan pengetahuan tentang tanah adalah buku *Between Sacred Mountains: Navajo Stories and Lessons from the Land* yang pertama kali diterbitkan pada tahun 1982 oleh *Rock Point Community School* iaitu salah satu sekolah Orang Asli terkawal yang pertama di Amerika Syarikat.

Dalam konteks ini, Demmert dan Towner (2003) telah mengkaji pendidikan Orang Asli dan mendapati enam elemen yang penting pendidikan berdasarkan CRE yang memberi kesan ke atas pencapaian akademik pelajar Orang Asli di Amerika. Elemen-elemen tersebut adalah pengiktirafan dan penggunaan bahasa ibunda Orang Asli; pelaksanaan pedagogi yang menggunakan ciri-ciri budaya tradisional; penggunaan strategi pengajaran dan kurikulum yang bersesuaian dengan budaya tradisional; penyertaan masyarakat asli yang bermakna dalam pendidikan; dan pengetahuan dan penggunaan kuasa dan adat istiadat masyarakat tempatan.

Pendidikan Orang Asli di Australia

Pendidikan Orang Asli pada awalnya adalah melalui para mubaligh Kristian dan melibatkan dasar asimilasi kaum. Dasar pendidikan bagi Orang Asli secara khusus tidak diberikan perhatian oleh kerajaan di Australia sehingga sekitar tahun 1970-an berikutan Referendum yang dibuat pada tahun 1967 (Beresford Q, 2003). Referendum ini disediakan dengan kuasa untuk membuat undang-undang mengenai isu-isu yang memberi kesan secara langsung terhadap Orang Asli dan pelbagai inisiatif dasar telah diwujudkan termasuk penubuhan ‘*Commonwealth Department of Aboriginal Affairs*’ pada tahun 1972. Kerajaan juga telah menggubal satu dasar pendidikan bagi Orang Asli secara khusus iaitu *National Aboriginal and Torres Strait Islander Education Policy*

pada tahun 1990 yang masih kekal sebagai dasar hari ini, walaupun setelah melalui beberapa semakan. Dasar pendidikan yang berbentuk dan mengandungi unsur pengasingan Orang Asli telah diubah kepada dasar bersifat budaya inklusif (*cultural inclusive*) (Ministerial Council on Education, Employment, Training and Youth, 2000).

Kurikulum budaya inklusif dari perspektif Australia melibatkan pandangan alam (*world view*) Orang Asli itu sendiri. Pemahaman budaya dan warisan mereka dalam semua aspek aktiviti-aktiviti pembelajaran termasuk keperluan mereka untuk ruang pembelajaran yang sesuai dengan budaya Orang Asli juga diberi penekanan (Gollan, S. Steen, T & Gollan, M. (2008).

Dalam konteks ini, *Australian Curriculum and Assessment Reporting Authority* (ACARA, 2010) telah memasukkan perspektif Orang Asli ke dalam kurikulum kebangsaan bagi memastikan semua murid warga Australia mempunyai peluang untuk mempelajari, mengiktiraf dan menghormati sejarah dan budaya Orang Asli Australia. Semua Jabatan Pendidikan di setiap negeri Australia mengarahkan guru untuk menerapkan perspektif Orang Asli di semua peringkat pembelajaran dari Tadika hingga Tahun 6 (Harrison, 2008). Dalam hal ini, Mundine & Giugne (2006) menyatakan bahawa “semua kanak-kanak Australia mempunyai hak untuk mengetahui sejarah Orang Asli dan Orang Asli juga mempunyai hak supaya sejarah sebenar Australia diberitahu. Adanya penyelarasan di peringkat kurikulum awal kanak-kanak adalah sangat penting”. Komponen utama kurikulum tersebut dikembangkan lagi pada tahun 2012 dengan memasukkan tiga teras “*cross-curricula*” (ACARA, 2012) iaitu ‘Komitmen Australia dengan Asia’, ‘Kelestarian’ dan ‘Kepentingan Sejarah dan Budaya Orang Asli dan Penduduk Kepulauan Selat Torres’. Kurikulum yang menekankan kepentingan sejarah dan budaya Orang Asli ini adalah berasaskan tiga konsep utama iaitu Negeri/Tempat, Bangsa dan Budaya. Konsep pertama meletakkan hubungan khas antara Orang Asli dan Negeri/Tempat dan mengiktiraf sistem

kepercayaan yang menghubungkan manusia dari aspek fizikal dan rohani kepada Negeri/Tempat.

Konsep kedua menangani kepelbagaian masyarakat dan suku kaum Orang Asli. Ia meneliti struktur kekeluargaan dan sumbangan besar Orang Asli di peringkat tempatan, kebangsaan dan global . Konsep yang ketiga mempamerkan kepelbagaian budaya Orang Asli melalui bahasa, cara hidup dan pengalaman seperti yang dinyatakan melalui kanta sejarah, sosial dan politik. Ia memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai Orang Asli dan cara Orang Asli mengetahui, berfikir dan melakukan sesuatu.

Pendidikan Orang Asli di Kanada

Pada awalnya, pendidikan yang diberikan kepada masyarakat Orang Asli di Kanada diberikan oleh penjajah Perancis melalui para mubaligh Kristian (Barman, 1986). Strategi pendidikan yang digunakan oleh para mubaligh ini adalah menyediakan kerangka pembelajaran supaya anak-anak Orang Asli mempunyai cara berfikir kebaratan. Di samping itu, kaedah pendidikan berbentuk indoktrinasi juga digunakan iaitu anak-anak Orang Asli ditempatkan di sekolah berasrama dan sebarang bentuk penggunaan budaya atau bahasa ibunda akan dikenakan tindakan (Haig-Brown, 1988). Dasar untuk mengubah pemikiran anak-anak Orang Asli dengan cara berfikir Barat ini gagal dicapai. Justeru, Kerajaan telah menghasilkan Kertas Putih pada tahun 1969 dan menempatkan anak-anak Orang Asli di sekolah awam bagi tujuan integrasi dan memulihara keharmonian kaum (La Roque, 1975).

Dalam perspektif ini, Hampton (1995) menyatakan bahawa kandungan dan struktur pendidikan Barat sedia ada secara keseluruhannya adalah mengancam kedudukan Orang Asli malah merupakan suatu bentuk pembunuhan budaya (*cultural genocide*). Masyarakat Orang Asli membantah pendekatan asimilasi tersebut dan pada


tahun 1972, pertubuhan *National Indian Brotherhood* telah menghasilkan Kertas Dasar bertajuk “*Indian Control of Indian Education*” yang mendesak supaya dasar pendidikan menghormati identiti dan budaya masyarakat Orang Asli berasaskan prinsip tanggung jawab ibu bapa dan kawalan pendidikan oleh Orang Asli sendiri (*Indian control*). Pendekatan pendidikan melalui prinsip “*Indian Control*” ini telah berkembang menjadi “*self-government*” sebagai asas kawalan terhadap pendidikan melalui peruntukan undang-undang (Abele, Dittburner, & Graham, 2000).

Dalam konteks ini, pada tahun 1995 kerajaan memperkenalkan dasar baharu yang dikenali sebagai “*Aboriginal Self-Government Policy*” melalui pindaan kepada seksyen 35 Akta Perlombagaan, 1982 yang secara rasminya mengiktiraf dan mengesahkan hak Orang Asli di Kanada termasuk yang terdiri daripada suku kaum Indian, Inuit dan Metis. Mahkamah Agung Kanada selanjutnya menyatakan bahawa hak tersebut termasuklah hak untuk memberikan pendidikan kepada generasi muda berkaitan ilmu pengetahuan, amalan, adat dan tradisi masyarakat Orang Asli itu sendiri (Battiste, Marie & Henderson, James (Sa’ke’j), 2000).

Cairns (2000) memperkenalkan istilah “*parallelism*” yang menyatakan pendekatan pendidikan yang berasingan antara murid Orang Asli dan bukan Orang Asli yang wujud secara bersama tetapi saling tidak menceroboh pelaksanaannya. Dalam aspek ini, sungguhpun mempunyai kawalan terhadap pendidikan, kebanyakan komuniti Orang Asli mengalami jurang pendidikan yang tinggi berbanding rakyat Kanada yang lain dan mengalami masalah sosial dan terus hidup pada tahap kemiskinan yang keterlaluan (Smith, 1999). Sebagai negara demokrasi yang bertujuan untuk berlaku adil, inklusif dan adil, kedudukan Orang Asli di Kanada yang mengekalkan kedudukan relatif yang lemah adalah merupakan suatu masalah (Wotherspoon, 2002). Dalam hal ini kerajaan telah bekerjasama dengan Orang Asli untuk melaksanakan pembaharuan pendidikan dengan matlamat untuk "meningkatkan kualiti dan pendidikan yang bersifat

relevan budaya untuk pelajar Orang Asli; meningkatkan keberkesanan guru di bilik darjah; menyokong penglibatan komuniti dan ibu bapa di sekolah; meningkatkan pengurusan dan menyokong sistem kapasiti Orang Asli; dan meningkatkan pembelajaran dengan menyediakan akses kepada teknologi untuk sekolah murid Orang Asli” (INAC 1997).

Pendekatan “*integrationism*” telah diajukan bagi mengatasi isu yang berbangkit sebagai pendekatan bersifat holistik yang di samping mampu mengekalkan budaya Orang Asli dan memasukkannya ke dalam sistem pendidikan, ianya dapat menjamin kejayaan Orang Asli dalam sistem arus perdana dan menjadi aktif sebagai sebahagian masyarakat Kanada (Brant Castelano, Davis & Lahache, 2000; Friesen & Friesen, 2002). Dalam hal ini, untuk menurut saranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang meminta supaya kerajaan dan masyarakat Orang Asli bekerja bersama-sama untuk memastikan suatu ukuran pendekatan khas dirancang bagi mencapai aspirasi Orang Asli (United Nation General Assembly, 2009), kerajaan Kanada telah memperkenalkan model pendidikan *First Nations Holistic Lifelong Learning* sebagai model pembelajaran sepanjang hayat dan untuk kesejahteraan masyarakat umumnya. Model pendidikan *First Nations Holistic Lifelong Learning* (Rajah 2.2) menggunakan analogi sebuah pohon untuk menggambarkan sistem ilmu dan budaya masyarakat Orang Asli. Ini adalah kerana tujuan pembelajaran bagi Orang Asli adalah untuk menghormati dan melindungi bumi dan memastikan kelestarian jangka panjang sebuah kehidupan.



Rajah 2.2: Model Holistik Pendidikan Sepanjang Hayat Orang Asli di Kanada

Sumber: *Canadian Council on Learning, Redefining How Success is Measured in First Nations, Inuit and Métis Learning* (2007)


Pendidikan Orang Asli di New Zealand

The Wananga Capital Establishment Report (1999) menyatakan bahawa benih-benih kemunduran Orang Asli Maori dalam sistem pendidikan telah disemai oleh beberapa dasar pendidikan pada masa lalu. Dasar kerajaan umumnya meletakkan faktor sosio-ekonomi sebagai punca kepada kemunduran dan bukan berpunca mengenai faktor kaum itu sendiri. Ini menyebabkan para pendidik memberi tumpuan kepada latar belakang sosial, keibubapaan, dan pengaruh masyarakat sebagai faktor kekurangan dan masalah pembelajaran Orang Asli Maori. Dengan kata lain, para pendidik berfikir bahawa masalah pembelajaran adalah disebabkan oleh pelajar Orang Asli itu sendiri dan bukannya melibatkan guru atau sistem. Namun mulai tahun 2002 dasar meneliti sosio-ekonomi tersebut telah diubah kepada responsif budaya (*cultural responsive*) dalam semua aspek pendidikan. Profesor Sir Mason Durie menyatakan bahawa kejayaan pelajar Orang Asli Maori akan lebih jelas dilihat apabila *whanau* dan sekolah boleh

berkongsi sikap positif, aspirasi, dan harapan (Durie, 2011). Dalam konteks ini, inisiatif dasar pendidikan bagi mempertingkatkan kejayaan pelajar Orang Asli seperti “*Closing the Gaps*” (1999) telah disemak semula kerana cenderung kepada melihat sosio-ekonomi tanpa meneliti kepelbagaian budaya (Comer, 2008).

Model pendidikan responsif budaya Orang Asli di New Zealand telah menggunakan model GPILSEO yang diasaskan oleh Coburn (2003) dan dikembangkan oleh Bishop dan O’Sullivan (2005) dalam mempertingkatkan pencapaian pendidikan Orang Asli Maori. Model pendidikan ini adalah pendekatan khas untuk murid Orang Asli yang komprehensif dan telah memastikan kejayaan dalam meningkatkan pencapaian pendidikan termasuk kesannya membaiki taraf sosial masyarakat Orang Asli Maori. Terdapat tujuh aspek utama Model GPILSEO (Rajah 2.3) ini bagi tujuan mempertingkatkan pembaharuan pendidikan iaitu penetapan matlamat (*Goals*), membangunkan pedagogi yang responsif budaya (*Pedagogy*), pembaharuan institusi yang responsif kepada perubahan bilik darjah (*Institution*), kepimpinan yang menyokong pedagogi untuk memasukkan budaya dan aspirasi suku Maori iaitu whanau, iwi dan hapū (*Leadership*), penyebaran pembaharuan pendidikan melibatkan pihak yang lain (*Spread*), membuat keputusan berdasarkan bukti (*Evidence*) dan pemilikan oleh semua pihak berkepentingan yang mempunyai matlamat yang sama untuk meningkatkan kejayaan pelajar Maori (*Ownership*). Kesan pelaksanaan model ini juga menjadikan mereka menjadi satu masyarakat yang dapat melibatkan diri secara aktif terutamanya dari segi sumber, bahasa, budaya dan ekonomi melalui program pendidikan yang dijalankan sejak tahun 2001 (Bishop & Glynn, 1999). Antara program pendidikan yang masyhur adalah program *Te Kotahitanga* yang matlamatnya untuk memperbaiki dan meningkatkan pencapaian pendidikan murid Orang Asli Maori. Projek ini kini telah berkembang ke 50 buah sekolah dan kesannya telah dilihat dengan baik sekali terutama perubahan dalam penglibatan murid dalam pembelajaran dan

pencapaian dalam akademik tanpa menghilangkan identiti asli mereka. Projek ini dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan New Zealand dan iaanya berdasarkan kepada pendekatan secara teoritikal bagi aspek kajian kepada pencapaian pendidikan (Bishop, Berryman, Cavanagh, & Teddy, 2007; Bishop, Berryman, Tiakiwai & Richardson, 2003).



Rajah 2.3: Tujuh Aspek Utama Model GPILSEO (Bishop & O' Sullivan, 2005)

Kerangka Teori


Kerangka teori untuk kajian ini merupakan gabungan teori pembelajaran dan model kurikulum iaitu Model Kurikulum Hunkins, Model Kurikulum Masa Depan dan Teori Konstruktivisme Sosial. Perbincangan kerangka teori ini dimulakan dengan Model Kurikulum Hunkins untuk reka bentuk kurikulum diikuti Model Kurikulum Masa Depan dan seterusnya Teori Konstruktivisme untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

Model Kurikulum Hunkins

Menurut Ornstein dan Hunkin (1998), kurikulum adalah satu rancangan tindakan atau satu dokumen bertulis yang mengandungi strategi untuk mencapai matlamat yang diharapkan. Pendekatan kurikulum merupakan posisi yang menyeluruh iaitu merangkumi asas-asas kurikulum, domain kurikulum dan teori serta prinsip kurikulum (Ornstein & Hunkins, 1988) . Menurut mereka, satu reka bentuk kurikulum dapat dibangunkan melalui lima pendekatan kurikulum untuk mengukuhkan objektif kurikulum iaitu pendekatan tingkah laku-rasional, pendekatan sistem pengurusan, pendekatan akademik-intelek, pendekatan humanistik dan pendekatan konseptual. Di samping itu, Ornstein dan Hunkin (2009) turut memfokuskan bahawa terdapat empat unsur atau komponen asas kepada reka bentuk model pembentukan kurikulum iaitu:

- 1) tujuan, matlamat dan objektif
- 2) mata pelajaran
- 3) pengalaman pembelajaran
- 4) penilaian

Hunkins (1980) menggariskan tujuh fasa dalam membuat keputusan iaitu mengkonsepsikan kurikulum dan mendapat kesahan, diagnosis, pemilihan kandungan, pemilihan pengalaman, pelaksanaan, penilaian dan pengekalan. Rajah 2.4 menunjukkan adaptasi daripada model kurikulum Hunkins.



Rajah 2. 4 Adaptasi Model Kurikulum Hunkins (1980)

i) Mengkonsepsikan kurikulum dan mendapat kesahan

Fasa ini akan menentukan konsep kurikulum yang akan digunakan yang mementingkan keperluan pelajar dan kurikulum yang dicadangkan itu perlu mendapat pengesahan berdasarkan keperluan pelajar.

ii) Diagnosis

Fasa ini mempunyai dua tugas utama iaitu menterjemahkan keperluan kepada punca dan mewujudkan matlamat dan objektif daripada keperluan. Sekiranya kurikulum diterima berdasarkan kepada keperluan pelajar maka matlamat dan objektif boleh diterima sebagai garis panduan.

iii) Pemilihan Kandungan

Fasa ini menentukan ‘apa’ yang hendak diajar atau dipelajari. Kandungan adalah asas kepada pembinaan kurikulum yang berkaitan dengan fakta, konsep, prinsip, teori dan generalisasi.

iv) Pemilihan Pengalaman

Fasa ini melibatkan peranan guru untuk menentukan cara penyampaian kandungan kepada pelajar atau pengalaman pembelajaran yang harus diterima oleh pelajar. Guru-guru juga akan menentukan bahan-bahan yang akan digunakan dalam pengajaran.

v) Pelaksanaan

Fasa ini melibatkan dua peringkat iaitu menjalankan ujian perintis kurikulum untuk mengesahkan masalah yang wujud dalam sesuatu program. dan mendiffusi program yang telah diuji.

vi) Penilaian

Fasa ini melibatkan penilaian berterusan untuk memberi data sama ada program perlu dilanjutkan, dibaikpulih atau ditamatkan.

vii) Pengekalan

Fasa akhir ini ialah untuk membuat keputusan tentang pembinaan kurikulum. Fasa ini melibatkan kaedah atau cara untuk mengurus kurikulum supaya berkesan.

Justifikasi pemilihan model kurikulum Hunkins digunakan untuk reka bentuk kurikulum masa depan ialah untuk menentukan kesesuaian pemilihan elemen-elemen model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan. Elemen pengekalan dalam model kurikulum Hunkins merupakan suatu elemen yang unik dan bersesuaian dengan keberkesanannya pelaksanaan dalam kajian ini. Berdasarkan model kurikulum Hunkins ini, pendekatan Teknik Delphi Ubah Suaian


digunakan sebagai kaedah untuk membuat keputusan pemilihan elemen model kurikulum berasaskan perubatan herba Orang Asli.

Model Kurikulum Masa Depan

Model *The Core of Futures Studies* telah diperkenalkan oleh Richard A. Slaughter (1996) yang boleh dijadikan teras kajian masa depan. Slaughter (1996) menyatakan sekalipun masa depan tidak boleh dijangka dengan tepat tetapi banyak perkara yang saling bersinambungan, antaranya:

- a) trend-trend utama
- b) banyak perkara-perkara yang bakal berubah seperti *event* penting dan proses-proses yang ada antaranya yang terhenti langsung
- c) gambaran tentang pilihan pada masa depan boleh dibina misalnya senario pada masa depan; dan
- d) pilihan yang dibuat boleh diteliti seperti strategi-strategi masa depan

Berdasarkan Rajah 2.5, salah satu cara untuk melihat ke masa depan ialah dengan meneroka beberapa elemen yang antaranya mengandungi elemen asas atau ilmu pengetahuan. Slaughter (1996) menyatakan dengan mengkaji elemen-elemen tersebut membolehkan generasi kini membuat persediaan untuk kehidupan pada masa depan. Hal ini demikian kerana elemen-elemen utama yang digariskan itulah yang akan membawa kita melihat ke masa depan. Sehubungan itu, Slaughter (2003) menyatakan masa depan adalah ruang kosong yang tidak kita ketahui tetapi kita boleh melakukan jangkaan ke atasnya.



Rajah 2.5 Model The Core of Futures Studies, Adaptasi daripada Richard A. Slaughter (1996)


Dalam konteks kajian ini, model kurikulum masa depan ini digunakan kerana pengamatan dan penelitian terhadap takrifan dan pemahaman berkaitan dengan masa depan menjurus kepada kefahaman bahawa masa depan adalah suasana gambaran masa depan impak daripada dasar-dasar yang dibuat pada hari ini. Telahan atau jangkaan terhadap kemungkinan-kemungkinan pada masa depan mempunyai kesinambungannya dengan penerokaan terhadap aspek asas keilmuan. Maka, kajian terhadap asas sesuatu bidang keilmuan membolehkan generasi masa kini membuat telahan dan seterusnya

mempersiapkan diri untuk kehidupan masa depan (Saedah Siraj, Norlidah Alias & Mohd Nazri Abdul Rahman, 2014).

Teori Konstruktivisme Sosial Oleh Vygotsky

Lev Vygotsky merupakan seorang ahli psikologi yang mempelopori konstruktivisme sosial (Slavin, 2006; Woolfolk, 2007). Vygotsky mempercayai bahawa perkembangan kognitif adalah hasil daripada interaksi sosial, perbezaan dalam prestasi kognitif adalah berkait dengan persekitaran kognitif dan perkembangan kognitif adalah dibantu oleh individu yang mahir.

Dari perspektif Vygotsky, interaksi interpersonal membantu memperkembangkan pengetahuan individu. Vygotsky percaya bahawa perkembangan individu tidak boleh difahami tanpa merujuk kepada konteks sosial dan budaya sekelilingnya. Menurut Slavin, (2007), teori Vygotsky memberi penekanan kepada konteks pembelajaran sosial. Vygotsky lebih mengutamakan peranan yang dimainkan oleh guru dalam pembelajaran. Hal ini demikian kerana bagi Vygotsky pembelajaran akan berlaku apabila seseorang individu itu bekerja dalam lingkungan ‘*zone of proximal development*’ (ZPD). Oleh itu teori ini menerangkan tugas dalam zon ZPD merupakan tugas yang belum dapat dilakukan oleh pelajar sebaliknya memerlukan bantuan orang dewasa atau rakan sebaya supaya mereka akan dapat memahami sesuatu konsep dan idea (Slavin, 2006; Woolfolk, 2007). Ringkasnya Vygotsky memperkenalkan konsep ini untuk menjelaskan interaksi antara individu. ZPD merupakan jarak antara peringkat perkembangan sebenar dengan peringkat perkembangan potensi individu yang ditentukan dengan bantuan orang dewasa atau kolaborasi antara rakan-rakan yang berkebolehan. Proses Zon Perkembangan Prokimal Vygotsky digambarkan melalui Rajah 2.6 berikut:



Rajah 2.6 Zon Perkembangan Prokimal Vygotsky


Teori Vygotsky juga menekankan ‘*scaffolding*’ (peranca atau penyokong) iaitu istilah yang digunakan oleh Vygotsky untuk menjelaskan bantuan dan sokongan yang diberikan oleh individu yang lebih berpengetahuan kepada individu yang kurang berpengetahuan supaya berlaku perkembangan kognitif. Ringkasnya, teori konstruktivisme menjelaskan bahawa ilmu pengetahuan tidak boleh wujud di luar minda, tetapi dibina dalam minda berdasarkan pengalaman sebenar.

Dalam konteks kajian ini, teori konstruktivisme ini digunakan dalam kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli ini untuk menunjukkan bahawa kurikulum ini dapat meningkatkan prestasi murid Orang Asli dengan dibantu oleh guru atau rakan mengikut tahap dan kemampuan mereka berdasarkan pengalaman yang mereka ada. Selain itu, justifikasi pemilihannya adalah berdasarkan kepada konsep *scaffolding* yang dilihat mampu memberi impak kepada pendidikan murid-murid Orang Asli iaitu model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli sebagai satu *scaffolding* dalam pendidikan masyarakat Orang Asli agar dapat dilaksanakan.

Kerangka Konsep

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli. Kerangka kajian ini diadaptasi dari model reka bentuk pengajaran oleh Hunkins (1980). Dalam pembangunan sesuatu kurikulum Hunkins telah menentukan tujuh langkah iaitu mengkonsepsikan kurikulum dan mendapat kesahan, diagnosis, pemilihan kandungan, pemilihan pengalaman, pelaksanaan, penilaian dan pengekalan.

Kajian ini menumpukan kepada pembentukan kandungan kurikulum yang secara ringkasnya boleh dikategorikan kepada empat perkara iaitu matlamat, pembentukan isi kandungan, implementasi dan penilaian. Pelaksanaan dalam membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan dalam kajian ini melibatkan tiga fasa mengikut kajian reka bentuk pembangunan. Fasa 1 melibatkan analisis keperluan dengan melibatkan soal selidik. Fasa ll pula melibatkan reka bentuk dan pembangunan model kurikulum dengan menggunakan kaedah Delphi Ubah Suaian dan tinjauan menggunakan soal selidik. Akhir sekali ialah Fasa lll yang melibatkan penilaian, menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*.



Rajah 2.7 Kerangka Konsep Kajian

Kajian Penggunaan Tumbuhan Perubatan Orang Asli Di Luar Negara

Beberapa kajian tentang penggunaan tumbuhan perubatan turut dikesan di luar negara. Dalam merawat kesihatan umum dan penyakit-penyakit biasa, tumbuhan perubatan masih digunakan seperti kajian oleh Mohamad Fahim Kadir, Muhammad Shandaat & Mia (2012) ke atas pengamal perubatan tradisional di Rangamati, Bangladesh, untuk merawat penyakit am. Kajian ini bertujuan untuk mengumpul, menganalisis dan menilai pengetahuan pada tumbuhan perubatan di Rangamati dan cuba untuk mengenal pasti spesies penting yang digunakan dalam perubatan tradisional. Dapatan kajian mereka ialah sejumlah 144 spesies tumbuhan, kebanyakannya pokok, milik kepada 52 keluarga telah dikenal pasti untuk merawat lebih daripada 90 jenis penyakit dalam 25 kategori. Daun adalah bahagian tumbuhan yang paling kerap digunakan dan merebus adalah cara penyediaan bahagian utama spesis tumbuhan tersebut.

Tumbuhan perubatan juga turut digunakan untuk penyakit-penyakit yang serius seperti penyakit hati. Sharma, Gairola, Gaur, & Painuli (2012) dalam kajian mereka mendapati herba masih memainkan peranan penting dalam pengurusan pelbagai penyakit hati. Kajian mereka adalah untuk merakamkan penyediaan herba yang digunakan oleh masyarakat peribumi dalam rawatan jaundis dan menunjukkan tumbuhan-tumbuhan yang digunakan untuk merawat jaundis. Hasil kajian mendapati sebanyak 40 tumbuhan ubatan milik kepada 31 keluarga dan 38 genus telah direkodkan untuk digunakan oleh komuniti yang dikaji dalam 45 rumusan sebagai penawar jaundis.

Penggunaan tumbuhan perubatan bukan sahaja berkesan malah merupakan satu alternatif untuk menjimatkan kos rawatan. Dalam hal ini, kajian Njume & Goduka (2012) mendapati cirit-birit adalah punca utama tidak sihat dan kematian dalam masyarakat luar bandar di Afrika, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak di bawah umur lima tahun. Kajian mereka dilakukan sebagai strategi alternatif dengan kos

efektif melalui penggunaan ubat-ubatan herba dalam rawatan cirit-birit dalam komuniti ini. Pendidikan masyarakat dan penyelidikan pengetahuan pribumi mengenai cara untuk memaksimumkan potensi perubatan dalam tumbuh-tumbuhan asli boleh mengurangkan masalah ini.

Kajian Penggunaan Tumbuhan Perubatan Orang Asli Di Dalam Negara

Kajian terhadap penggunaan tumbuhan perubatan dalam kalangan masyarakat Orang Asli meliputi sebanyak 61 peratus (Kamaruddin.Mat Salleh et.al, 2001). Hal ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan tumbuhan perubatan. Hutan merupakan pusaka semula jadi yang unik yang sangat kaya dengan tumbuhan unik yang mempunyai nilai perubatan. Kamaruddin Mat Salleh et.al (2001), menyatakan kaum etnik di Malaysia terkenal dalam amalan penggunaan tumbuhan dalam kehidupan seharian. Tumbuhan yang digunakan dalam kehidupan seharian ini diperoleh dengan pelbagai cara.

Menurut Kamaruzzaman Yahya (1988), dalam kalangan masyarakat Orang Asli terdapat beberapa jenis tumbuhan yang sering mereka gunakan dalam perubatan tradisi yang dipercayai jika diamalkan mereka akan selalu sihat dan sukar dihinggapi penyakit. Jadual 2.3 menunjukkan beberapa tumbuhan ubatan Orang Asli seperti yang dinyatakan oleh Kamaruzzaman Yahya (1988).

Jadual 2.3

Tumbuhan ubatan Orang Asli , Kamaruzzaman Yahya (1988)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Tongkat Ali	Kesihatan umum	Tidak dinyatakan
Kacip Fatimah		
Rempah Gunung		
Serai Gunung		
Dewa Muda		
Ubi Careng		
Gajah Beranak		
Tengkok Biawak		
Bunga Pakma	Selepas bersalin	Tidak dinyatakan
Jelutong Badak	Merawat resdung	Kulit pokok dikisar, dimasukkan dalam hidung
Pisang Kera	Merawat resdung	Hisap akar yang berjuntai
Setong Jantan	Gatal mata, telinga, hidung	Diasah bercampur air, disapukan
Susuh Denak		
Setong Kelapa		

Sumber: Diubah suai daripada Kamaruzzaman Yahya (1988)

Hasil kajian Zainon Abu Samah (1997) pula ke atas enam suku kaum masyarakat Orang Asli iaitu kaum Semai, Temiar, Lanoh, Batek, Jakun dan Semelai telah mendapati 142 spesis tumbuhan digunakan untuk tujuan perubatan. Mereka menggunakan bahagian tumbuhan yang berbeza untuk dijadikan penawar bagi menyembuhkan sesuatu penyakit sama ada bahagian daun, akar, kulit akar, batang, kulit batang atau rizom. Menurut beliau, masyarakat Orang Asli yang berlainan menggunakan spesies tumbuhan perubatan yang berbeza untuk menyembuhkan sesuatu penyakit. Mereka juga mempunyai pengetahuan dan cara yang tersendiri untuk menggunakan tumbuhan tersebut.

Jadual 2.4

Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Masyarakat Orang Asli, Zainon Abu Samah (1997)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Mangle, Kenyet, Kandis , Jering , Kerdas Dan Belung Tanah	Kencing manis, kencing tidak lawas, batu karang	Tidak dinyatakan
Akar Jerapat ,Jangkar Resam	Darah tinggi	Tidak dinyatakan
Ubat Makok , Paku Langsoyar , Lipo, Jalak Tektak, Jelaih	Demam, batuk	Tidak dinyatakan
Pedal Kuang ,Jalak Tektak,Perut Kelentong.	Sebu, sembelit, berak berdarah, cacing	Tidak dinyatakan
Yau Papan	Sakit mata	Tidak dinyatakan
Sup Pelabas	Kesan keracunan dalam badan	Tidak dinyatakan
Bebentah, Sodeou , Kenyet , Ubet Makok , Legar, Kacip Fatimah , Pecah Cahaya , Pemadam Darah , Palas ,Jarang Anak	Mengecutkan rahim selepas bersalin, memberi tenaga, memudahkan hamil, menghalang haid, menjarang kan anak	Tidak dinyatakan
Tengkuk Biawak, Jalak Tektak , Payung Ali , Belung Tanah, Segindor, Tongkat Ali	Sakit pinggang, sakit sendi, lumpuh , menambah tenaga batin kaum lelaki	Tidak dinyatakan
Jelas, Cong Berber , Batang Wawek	Berak berdarah, sakit perut, sembelit	Air rebusan
Sembali , Gapeh, Jelaih	Sakit bahagian urat, pinggang, tulang	Kulit batang dan kulit akar
Buspeg , Mengie, Gasek, Tagan Sindor, Jelaih	Batuk,demam, selsema	Batang
Jangkak, Cong Pasek, Gelapoh , Cong Cerues,Cong Serpit, Kelegmek	Perut kembung, sakit perut, cirit birit	Minum air batang atau memamah mentah batang
Cong Barog	Penyakit mata	Air batang
Cawong	Penyakit pecah pecah lidah	Getah batang
Pulai, Bor	bengkak	Getah batang
Manyak, Mengie, Gabok	Demam , batuk	Diminum atau dibuat mandi
Jemmat, Tepus kilat	Pecah pecah lidah	Diminum
Misai kucing	Kencing manis, darah tinggi	

Jadual 2.4 (Sambungan)

Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Masyarakat Orang Asli, Zainon Abu Samah (1997)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Pemadam darah	Cirit berdarah	Air rebusan
Sembelit, Yau papan	Sakit mata	Air rebusan disapu ke bahagian mata
Lekang hutan, Cong manikan ,Ubat lukak , Cong Cetrot	Luka	Daun ditumbuk dan ditampal pada luka
Belaran, Buspeg, Pokok Rayak	Sakit kepala	Daun dilumatkan , ditampal pada dahi
Kelawok	Sakit kepala	Daun disalai, diserkupkan ke kepala
Gelenggang	Kurap	Daun diramas lumat, disapukan ke bahagian tersebut
Penyau	Gatal	Daun diramas lumat, disapukan ke bahagian tersebut
Daun Merge	Panas badan	Daun diramas, disapukan ke badan
Petis, Kelangis	Penyakit ulu hati	Daun disapukan di dada
Misai Kucing , Bebentah. Mengkudu, Salung, Latong	Kecutkan rahim selepas bersalin	Daun disalai, dibalut ke perut atau dibuat alas duduk
Salung, Cong Gadik	Kurang darah	Air rendaman atau rebusan dibuat mandi
Paku	Bisul	Pucuk muda ditelan mentah
Yau Papan	Bengkak	Daun disalai dan ditampal di bahagian yang bengkak
Penawar , Jerangan,. Hulog	Hindar penyakit, cepat sembahukan penyakit	Dijampi dan dibuat tangkal
Hulog	Memudahkan bersalin	Air rebusan diminum

Jadual 2.4 (Sambungan)

Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Masyarakat Orang Asli, Zainon Abu Samah (1997)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Hulog	Memudahkan bersalin	Air rebusan diminum
Ubi Jareng	Menambah tenaga batin (lelaki), ubat sakit-sakit badan	Ubi dimakan
Temuk., Cengkadoi	Luka, sakit gigi	Rizom dilumatkan dan ditampal di bahagian berkenaan
Laloh	Cirit birit	Air rebusan diminum oleh kanak-kanak
Renit, Latong	Kudis, gatal, demam, bisa ulat bulu	Ditumbuk
Halia Bara, Tepus Tanah	Sakit kepala	Ditumbuk lumat, ditampal atau dibalut di dahi
Buah Mengkeng	Kurap	Ditumbuk
Buah Lar	Bisul	Buah yang masak ditelan tanpa dikunyah
Buah Kacip Fatimah	Cirit birit	Dimakan
Bunga Belaran	Sakit kepala, demam	Ditumbuk
Bunga Pakma	Sakit sakit tulang	Air rebusan diminum

Sumber: Diubahsuai daripada , Zainon Abu Samah (1997)

Maklumat mengenai penggunaan tumbuhan perubatan dalam usaha untuk menilai potensi kegunaan perubatan tumbuhan tempatan yang digunakan dalam menyembuhkan penyakit juga dibuat oleh Samuel et.al (2010) yang telah menjalankan satu kajian tumbuhan ubatan di sebuah perkampungan Orang Asli di Kampung Bawong, Perak. Melalui kajian ini sejumlah 62 spesies tumbuhan yang digunakan oleh Orang Asli. Tumbuhan ini milik kepada 36 keluarga dan digunakan untuk merawat pelbagai ketidakselesaan dan penyakit. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa

majoriti Orang Asli, Kampung Bawong masih bergantung kepada tumbuhan tempatan sebagai sumber utama untuk mengubati penyakit mereka.

Jadual 2.5

Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Orang Asli Kampung Bawong , Perak , Samuel et.al (2010)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Penawar Seribu Bisa	Untuk menghilangkan ketuat	Gunakan daun segar
Hempedu landak	digunakan ke atas inflamed area	Daun yang dihancurkan dan dijadikan pes
Deras malam	Untuk mengeluarkan batu dalam buah pinggang	Serbuk daun kering bercampur dalam air suam dan minum
Sangsang karuk	Untuk merawat kekejangan otot	Daun dijadikan pes
Bayam karang	Untuk meningkatkan sistem imunisasi	Daun segar ditelan
Durian Makkah	Daun digunakan untuk merawat untuk membunuh semua jenis kutu. Jus buah-buahan yang digunakan untuk merawat sakit perut dan tekanan darah tinggi	Gunakan daun dan buah
Segombong	Untuk mengubati ulcer perut	Daun direbus
Ondolus	Untuk melegakan sakit badan	Akar direbus dan diminum
Pokok kapal terbang	Digunakan sebagai diuretik	Daun direbus
Takop	Untuk menyembuhkan luka dan kecederaan	Daun dihancurkan
Kapok	Untuk sakit badan	Daun direndam dan direbus untuk mandi
Gorek	Untuk selera makan	Biji dihancurkan dan dicampur dengan sambal
Kerak nasi	Digunakan pada bahagian radang untuk mengurangkan kesakitan dan keradangan	Dihancurkan daun dengan air
Mangusta	Sebagai nutrien minuman untuk menyembuhkan luka terbuka	Jus segar buah-buahan yang digunakan sebagai nutrien minuman.Serbuk kering digunakan

Jadual 2.5 (Sambungan)

Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Orang Asli Kampung Bawong , Perak , Samuel et.al (2010)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Mangusta	Sebagai nutrien minuman untuk menyembuhkan luka terbuka	Jus segar buah-buahan yang digunakan sebagai nutrien minuman. Serbuk kering digunakan
Ulam mak wan	Untuk batuk	daun segar dikunyah
Daun dewa	Untuk mengawal paras glukosa darah	Daun segar digunakan
Akar pinang kutai	Untuk merawat jerawat	pes daun digunakan
Binsangut	Untuk merawat demam panas	Daun muda yang panas digunakan
Tapasan komudi	Infusi digunakan sebagai Pemakanan.	Akar direbus
Mentulang	Untuk membuang ketuat	Getah digunakan
Jarak Belanda	Untuk merawat luka Untuk merawat cirit-birit	Pes daun muda digunakan. Akar direbus
Dukung Anak	Untuk merawat penyakit kuning	Merebus keseluruhan tumbuhan
Petai	Digunakan untuk merawat masalah buah pinggang	Biji segar dimasak
Langod langod	Untuk melegakan demam dan selesema	Keseluruhan tumbuhan direbus dan diminum
Cemara Puteri	Untuk rawatan mati pucuk	Ramuan semua pokok digunakan
Bulinat	Untuk membunuh kutu	Daun digunakan
Daup-daup	Untuk merawat keletihan	Akar direbus
Cugah	Digunakan di kawasan yang terjejas untuk merawat psoriasis	Kulit serbuk digunakan
Laut	Digunakan untuk menghalau serangga. Untuk membunuh cacing usus	Daun segar dan biji dihancurkan. Kulit direbus
Kembang Lohor	Untuk rawatan demam	Daun dibuat tuam
Salidan	Untuk merawat sakit kepala	Pes daun digunakan

Jadual 2.5 (Sambungan)
*Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Orang Asli Kampung Bawong , Perak ,
Samuel et.al (2010)*

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Bunga Raya	Untuk merawat ulcer	Kulit akar direndam di dalam air semalam dan diambil dalam perut kosong
Daun baru	Untuk mengubati semua jenis penyakit kelamin	Kulit kering serbuk digunakan
Pacar cina	Untuk mengurangkan demam	Bunga digunakan
Kayu kaling	Untuk mengubati luka	kulit segar dihancurkan dan jus digunakan
Pokok patawali	Untuk merawat kencing manis	Batang direbus
Pacar inai	Untuk mengubati jangkitan virus seperti herpeszoster, campak	Daun direbus
Mata Ayam	Untuk merawat Sakit telinga dan demam	Seluruh tumbuhan dihancurkan
Bagu	Sebagai satu penggiat	Akar direbus dan diminum
Red Jambu	Untuk merawat jangkitan kulit	Daun digunakan
Kampupot	Untuk merawat gallstones. Untuk merawat kencing manis	Daun muda yang direndam di dalam air sejuk dan minum. Akar direbus
Tulod-ulod	Digunakan untuk merawat Sifilis	Satu koktel daripada daun bersama-sama dengan buah-buahan
Tatau	Digunakan untuk merawat demam	Daun direbus
Lalang	Digunakan ke atas luka-luka untuk mencegah jangkitan mikrob	dijadikan serbuk kering
Akar singsum	Untuk merawat asma	Serbuk bunga kering dicampur dengan teh dan minuman
Bingkudu	Untuk merawat Jaundis	Jus buah-buahan yang digunakan
Siku-siku	Sebagai Sedatif	Jus daun segar digunakan
Snake plant	Untuk mengurangkan kesakitan dan keradangan	2 atau 3 titik jus segar diterapkan ke dalam telinga

Jadual 2.5 (Sambungan)
Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Orang Asli Kampung Bawong , Perak , Samuel et.al (2010)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Gombirat	Untuk melegakan sakit kepala	Pes daun digunakan pada dahi
Ribu-ribu	Untuk mengubati jangkitan mata	Daun digunakan
Tongkat Ali	Digunakan sebagai perangsang seksual	Akar direbus dengan teh
Terong meranti	Untuk merawat jangkitan saluran pernafasan	Buah-buahan dan daun dikunyah
Pegaga	Digunakan untuk ibu yang baru melahirkan	Daun direbus
Bunga Tahi Ayam	Untuk menghalau serangga	Daun direbus dan disembur
Bunga malam	Digunakan pada ligamen tercedera untuk melegakan kesakitan dan keradangan	Keseluruhan dihancurkan dengan air
Temu Puteri	Untuk mengubati sakit perut	Jus rizom digunakan
Lengkuas Kecil	Untuk penghadaman	Rizom cincang digunakan
Cekur	Untuk merawat sakit perut dan Batuk	Jus daripada rizom digunakan
Kunyit Terus Hitam	Untuk mengubati semua jenis jangkitan bakteria	Jus daripada rizom digunakan

Sumber: Diubah suai daripada Samuel et.al (2010)

Dalam masyarakat Temuan kajian Ong (1995), perubatan tradisional kaum mereka merangkumi dua aspek iaitu mengaitkan penggunaan tumbuhan bersama unsur magisme dalam proses pengubatan dan bahan tumbuhan sebagai sumber tunggal penawar penyakit. Tok bomoh akan menggunakan unsur magisme dalam proses perubatan apabila beliau berpendapat bahawa penyakit tersebut disebabkan oleh kuasa ghaib.

Menurut Ong (1995), dalam perubatan tradisional Kaum Temuan, ubat akan diminum atau digunakan pada luar badan. Ubatan bukan sahaja diambil oleh orang

yang sakit malahan orang yang sihat pun akan mencarinya terutama Tongkat Ali. Selain itu, Orang Asli menggunakan beberapa jenis tumbuhan untuk menambahkan kekuatan tenaga batin orang lelaki, menambahkan stamina, kesihatan diri dan panjangkan umur. Tumbuhan juga digunakan oleh kaum perempuan untuk tujuan tertentu seperti mengandung dan bersalin. Jadual 2.6 menunjukkan senarai herba yang digunakan oleh Kaum Temuan di Ulu Langat, Selangor hasil kajian Ong (1995).

Jadual 2.6

Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Kaum Temuan Ulu Langat, Selangor , Ong (1995)

Herba/Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Tongkat Ali	Untuk kesihatan	Rebus dan minum
Umbut pisang pinang	Hidangan pengantin supaya cepat mendapat anak	Masak dan makan
Akar bunga	Wanita yang sukar mengandung, Penawar cendawan kosong (Untuk mengandung semula)	Kunyah dan telan
Batang dan akar pokok pelekat anjing	Wanita yang mudah keguguran	Rebus dan minum
Ubi dawai, kulit arang	Menguatkan tenaga batin lelaki	Makan
Pulai Hitam, Akar Kelambu, Pinang Pacat,Rumpur Kelurut, TongkatAli Hitam,Rancang Tembaga	Menguatkan stamina dan kesihatan, panjangkan umur	Rebus dan minum
Pengecut urat/pencecut darah	Selepas bersalin (memendekkan hari berpantang dan tidak bersih, mengecutkan urat dan faraj)	Rebus dan minum
Daun Kemoyang	Untuk mengecutkan perut	Dipanaskan
Rumput Berhenti Beranak	Perancang keluarga	Rebus dan minum
Cendawan Kosong	Berhenti beranak	Makan
Daun Resam Muda	Luka	Tumbuk dan tampal
Daun Kenduduk	Luka dan gatal-gatal	Tumbuk dan tampal
Akar Rumput Tambah Darah, Akar Sampu Pucat, Sampu Sejuk, Akar Sampu Keledek, Rumput Kelurut,Kerambong	Ubat sampa	Tidak dinyatakan

Jadual 2.6 (Sambungan)

Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Kaum Temuan Ulu Langat, Selangor , Ong (1995)

Herba/Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Akar perah, keriyet	Buasir	Tidak dinyatakan
Ubat periuk	Kencing manis, darah tinggi, batu karang, buasir, sampu, sakit tulang, sakit perempuan, meroyan, tonik, batuk, lelah	Ramuan campuran 35-65 spesis tumbuhan

Sumber: Diubah suai daripada Ong (1995)

Penggunaan herba dan tumbuhan yang hampir sama juga digunakan oleh Masyarakat Orang Asli Temuan di Kampung Jeram Kedah, Negeri Sembilan seperti yang kaji oleh Ong et al (2011). Sejumlah 56 spesies tumbuhan perubatan telah dicatatkan digunakan oleh suku kaum ini. Tumbuh-tumbuhan yang digunakan untuk merawat pelbagai jenis penyakit bermula dari yang ringan seperti sakit sendi dan sakit kepada penyakit serius seperti kencing manis, malaria dan tumor. Bahagian tumbuhan yang paling kerap digunakan dalam jangka peratusan jumlah spesies adalah akar, batang, daun dan buah. Mereka turut mendakwa pengetahuan dan penggunaan tumbuhan perubatan semakin berkurangan disebabkan oleh pelbagai faktor seperti ubat-ubatan moden yang mudah didapati, generasi muda kurang berminat dalam perubatan kaum mereka, perubahan di dalam habitat menyebabkan tumbuhan perubatan tertentu tiada untuk digunakan.

Jadual 2.7

Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Kaum Temuan di Kampung Jeram Kedah , Ong et al (2011)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Pertap	Hiperaktif	Direbus dan diminum
Akar penghong	Sakit sendi	Direbus dan diminum
Lidah buaya	Sembelit Kelemumur, rambut gugur, terbakar, melecur	Jus diminum Daun gel disapu
Tepus balak	Ruam panas, sakit lidah	Jus disapu
Akar sebuih	Terbakar, melecur	Ditumbuk dengan minyak dan kelapa
Merian kayu	Selepas bersalin kembung	Direbus dan diminum
Parisika	Kencing manis	Direbus dengan <i>Rourea concolor</i> dan Diminum
Kepayo	Demam malaria	Direbus dan minum
Medang rawang	Demam, panas badan	Direbus dan minum
Kelapo	Demam	Air kelapa diminum
Sampu bertut betina	Demam	Dikikis dan dicampur kalsium karbonat, disapu
Belung tawar	Demam, influenza	Infusi diminum
Daun penebal	Pencegahan demam	Infusi diminum
Ranyis	Batuk	Direbus dan minum
Nyuwah	Sakit belakang, otot yang lemah	Direbus dan minum
Sampu landak	Demam kerana makan landak Mea	Direbus dan minum
Tutup bumi	Luka, luka, penyakit kulit	Ditumbuk dan disapu
Sembung	Luka, luka panas badan, demam	Ditumbuk dan disapu Direbus dan diminum
Yuri	Cirit-birit, muntah-muntah	Direbus dan minum
Januari putih	Luka, luka, kudis Malaria, lelaki tenaga seksual rendah	Ditumbuk dan disapu Direbus dan minum

Jadual 2.7 (Sambungan)

Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Kaum Temuan di Kampung Jeram Kedah , Ong et al (2011)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Akar sebenas	Sakit sendi, tulang yang lemah	Direbus dan minum
Merian darah	Selepas bersalin	Direbus dan minum
Merian biasa	Selepas bersalin kembung	Direbus dan minum
Puah gemur	Selepas bersalin kembung	Direbus dan minum
Sampu merisik	Demam, bengak-bengak badan	Direbus dan minum
Sampu pucat	Demam (kanak-kanak) dengan sendi yang lemah	Direbus dan minum
Akar khadam	Demam, pucat	Direbus dan minum
Muring	Demam disebabkan oleh pengambilan makanan	Direbus dan minum
Bombong	Lemah, keletihan, letih	Direbus dan minum
Akar sinik	Hemafecia	Direbus dan minum
Mengkurat jakun	Demam, penat	Direbus dan minum
Sampu bertut jantan	Demam malaria	Dikikis dan bercampur dengan calcium carbonat, disapu
Pokok sirin	Demam	Ditumbuk dan disapu
Petai	Sakit gigi	Direbus dan minum
Akar chuping	Kencing manis	Direbus dan minum
Akar rejan	Influenza,demam	Ditumbuk dan disapu
Serau malam	Ketidakselesaan perut kanak-kanak	Diletakkan di atas katil
Pokok sani	Demam Kanak kanak	Infusi diminum
Kiambai	Penyakit paru-paru	Direbus dengan daging atau kaki kambing dan diminum
Paku kunyit	Kekurangan stamina, otot lemah	Lendir disapu
Sentawan	Sakit mata	Jus diminum Direbus dan minum
Januari hitam	Tumor perut Lelaki tenaga seksual rendah	Direbus dan minum

Jadual 2.7 (Sambungan)

Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Kaum Temuan di Kampung Jeram Kedah , Ong et al (2011)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Jambu batu	Cirit-birit, sakit perut	Direbus dan minum
Akar semelit	Penyakit buah pinggang, kencing manis	Direbus dan minum
Akar pelasan	Penyakit buah pinggang, tumor paru-paru, kanser perut	Direbus dan minum
Lebang	Demam tinggi dengan kelemahan	Direbus digunakan untuk mandi
Tepus layang	Otot lemah dalam bayi yang baru lahir	Direbus digunakan untuk mandi
Landay	Sejuk, selesema	Ditumbuk dan disapu
Pokok pemandam	Penyakit kulit	Direbus dan minum atau dibuat mandi
Pokok gading	Demam	Direbus dan minum
Pokok penajam	Sakit dada, kesesakan dada	Direbus dan minum
Akar mempelas	Lemah kerana demam atau selesema	Direbus dan minum
Akar seburut	Sakit belakang, tumor paru-paru, kanser perut panas badan, demam	Direbus dan minum atau dibuat mandi
Sampu nonas	Panas badan, demam	Infusion ditambah gula diambil secara lisan
Halia	Influenza	Air yang diperoleh dari pelepah diminum
Pokok chadak	Konjunktivitis	Air yang diperoleh dari pelepah digunakan

Sumber: Diubah suai daripada Ong et al (2011)

Selain itu, kajian penggunaan tumbuhan perubatan Kaum Temuan turut dilakukan oleh Azliza Mad Anuar et al (2012) yang telah menjalankan kajian di Kampung Ulu Kuang, Gombak, Selangor. Kajian yang telah dijalankan melalui soal selidik separa mendapat sebanyak 47 spesies tumbuhan daripada 36 keluarga, 7 spesis cendawan daripada 5 keluarga, dan 12 spesies haiwan dari 10 keluarga yang sedang

digunakan sebagai ubat oleh penduduk kampung. Antara penyakit yang dirawat ialah tekanan darah tinggi yang merupakan penyakit yang paling tinggi dirawat menggunakan 12 spesis sumber asli.

Jadual 2.8

Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Kaum Temuan, Azliza Mad Anuar et.al (2012)

Tumbuhan	Kegunaan
Sengkuas	<i>Tinea versicolor</i>
Bayam Duri	Jaundis
Hempedu Bumi	Hipertensi dan kencing manis
Paku Gajah	Hematochezia, Kurap dan <i>Tinea versicolor</i>
Pokok Jering	Hipertensi dan kencing manis
Sembelit Betina	Sembelit dan sakit sendi
Nangka	Kudis
Belimbing besi	Hipertensi dan kencing manis
Akar Lepang	Ruam pada bibir
Pokok Lada	Kurap
Pokok penduk	Penawar
Medang Tijo	Ketegangan otot atau sakit
Bunga Maman	Sakit kepala ringan
Sembelit jantan	Sembelit dan sakit sendi
Akar sembelit	Hipertensi dan kencing manis
Kelapa muda	Shingle
Tembaga suasa	Patah dan terseliuh
Merian gete'h	Demam panas
Daun bemban	Bisul dan nanah
Pokok durian	Hipertensi dan kencing manis
Tongkat Ali	Sakit otot, kencing manis, dan hipertensi
Akar tenguk jawak	Asma dan batuk

Jadual 2.8 (Sambungan)

Penggunaan Tumbuhan Ubatan Oleh Kaum Temuan, Azliza Mad Anuar et.al (2012)

Tumbuhan	Kegunaan
Tepus pemulih	Ulser mulut
Pokok demam panas	Jaundis
Pokok kayu pagar anak	Kesuburan
Kacip fatimah	Kesihatan umum Bengkak Selepas bersalin
Akar segemali	Mengeluarkan angin, hipertensi dan kesihatan umum
Pokok membali/pokok memali	Luka
Pokok tembung	Hidung berdarah dan hidung tersumbat
Mengkuang bantut	Perancang keluarga
Akar Ulan	Luka
Daun Ulan	Luka
Lembak	Ulser
Daun Cere	Kencing manis
Pisang hutan	Ulser
Pisang abu	Kegagalan kongestif jantung dan hipertensi
Pokok petai	Kencing manis
Daun semalam	Kesihatan umum
Sirih Murai	Ubat penurun panas dan sejuk
Sirih Camai	Hipertensi
Tongkat Ali hitam	Asma, kencing manis, sakit pinggang
Ubi jaga	Patah, kesihatan umum, sakit sendi
Lebak Merah	Hipertensi
Pokok Kia'	Sakit
Bonglai	Kayap, gout, dan ascites
Halia	Calar, luka, lebam
Tepus belang belang	Mengeluarkan angin (kanak-kanak)

Sumber: Diubah suai daripada Azliza Mad Anuar et.al (2012)

Masyarakat Jah Hut juga mempunyai pengetahuan membuat ubat-ubatan daripada herba. Ong et.al (2012) melalui kajian yang dijalankan ke atas masyarakat Orang Asli Jah Hut telah merekodkan sejumlah 53 spesies tumbuhan perubatan yang digunakan oleh kaum ini. Tumbuhan ini telah digunakan untuk merawat pelbagai penyakit yang dihadapi oleh penduduk kampung yang terdiri daripada penyakit minor seperti gatal dan kembung perut kepada keadaan yang lebih serius seperti hipertensi, batu dalam sistem kencing dan keracunan. Beberapa spesies juga telah dikenal pasti untuk merawat kajian masalah hati, menghentikan pendarahan dalaman, penawar kepada keracunan, anti-penuaan, dan merawat tumor. Jadual 2.9 menunjukkan spesies tumbuhan yang digunakan oleh kaum ini.

Jadual 2.9

Penggunaan Tumbuhan Perubatan Oleh Kaum Jah Hut, Ong HC et al (2012)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Telinga gajah	Untuk merawat kembung perut dan sebagai tonik lelaki	Rebus akar
Lentak bayak	Untuk merawat asma, stroke batuk, cirit-birit, kelemumur	Gel daun disapu
Pokok sembelit	Untuk merawat penyakit kuning, masalah hati	Rebus akar
Pokok gaharu	Untuk merawat pelbagai penyakit	Kayu kering dan daun dibakar
Pokok ubat dui	Merawat bengkak-bengkak, terutama di kepala kanak-kanak	Daun diumbuk dan disapu
Pokok pencuci darah	Untuk menghentikan darah selepas bersalin ibu	Rebus akar
Pokok rambai tiung	Merawat buasir	Rebus akar
Pokok peluruh darah	Menggugurkan kandungan	Rebus akar
Misai Ali	Sebagai tonik lelaki	Rebus akar
Pokok lemo	Sebagai ubat pencegahan terhadap penyakit yang berpotensi dan bencana	Jus buah-buahan dipetik bercampur-campur dalam air mandi

Jadual 2.9 (Sambungan)

Penggunaan Tumbuhan Perubatan Oleh Kaum Jah Hut, Ong HC et al (2012)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Pokok penawar racun	Sebagai penawar kepada keracunan	Akar dimamah dan jus ditelan
Pokok setawar	Bahagian daun digunakan dalam upacara penyembuhan untuk merawat pelbagai penyakit	Tidak dinyatakan
Serai cak	Untuk merawat pecah kulit kaki	Rebus daun dengan madu
Serai reom	Asas daun adalah salah satu daripada banyak kandungan digunakan untuk membuat minyak ubat untuk merawat kembung, sakit dan kesakitan	Tidak dinyatakan
Pokok seladap	Untuk merawat tekanan darah tinggi	Akar direbus dan diminum
Akar pemecah darah	Untuk menggugurkan kandungan	Akar direbus dan diminum
Pokok awet muda	Sebagai tonik umum dan anti-penuaan	Akar direbus dan diminum
Akar senggugut	Untuk merawat haid yang menyakitkan	Akar direbus dan diminum
Setuk nilang	Getah disapu pada sties	Disapu
Tongkat Ali putih	Sebagai tonik lelaki	Akar direbus dan diminum
Akar tenguk biawak	Untuk merawat haid yang menyakitkan	Batang dan akar direbus, diminum
Akar senggugut	Untuk merawat haid yang menyakitkan dan menggugurkan kandungan	Akar direbus dan diminum
Pokok pelada	Untuk tujuan anti-penuaan. Sebagai tonik lelaki	Akar direbus dan diminum. Direbus dengan tongkat ali putih , diminum
Pokok tunjuk langit	Untuk merawat cirit-birit dan hipertensi	Akar direbus dan diminum
Nohok getah	Untuk merawat cirit-birit	Jus batang dicampur dengan air panas yang menggelegak dan diminum
Kayu serapat	Untuk ibu-ibu selepas bersalin dapat mempercepatkan pengelutan organ	Akar direbus dan diminum
Pokok janggut baung	Untuk merawat tekanan darah tinggi	Akar direbus dan diminum
Bukau sepatah	Disapu pada keseleo	Daun ditumbuk dan disapu

Jadual 2.9 (Sambungan)

Penggunaan Tumbuhan Perubatan Oleh Kaum Jah Hut, Ong HC et al (2012)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Pokok remoyan batu	Untuk merawat demensia selepas bersalin, haid menyakitkan, sebagai pil perancang wanita	Akar dan batang direbus, diminum
Pokok geli	Disapu pada gatal-gatal	Daun ditumbuk dan disapu
Pokok sekentut	Untuk ibu-ibu selepas bersalin . dapat mempercepatkan pengeluaran organ	Akar direbus dan diminum
Pokok inai	Disapu pada melebet, luka dan luka, kehilangan rambut	Daun ditumbuk dan disapu
Sawi bangkok	Disapu pada kayap	Daun ditumbuk, dicampur dengan minyak tanah dan disapu
Pokok pelekat anak	Untuk wanita bagi menggalakkan kesuburan	Akar dimakan mentah atau direbus, diminum
Daun kreching	Penawar kepada keracunan	Diminum
Kayu sassi	Untuk merawat kembung, sebagai penawar kepada racun	Akar direbus dan diminum
Akar penjarang	Sebagai pil perancang wanita	Akar direbus dan diminum
Pokok pengubat luka	Digunakan untuk melebet, luka	Daun ditumbuk dan disapu
Pokok kulit	Untuk ibu-ibu selepas bersalin sebagai pembersih darah	Akar direbus dan diminum
Nohok penunduk	Untuk merawat tekanan darah tinggi. Daun digunakan dalam campuran sebatian untuk ubat pengasih	Akar direbus dan diminum
Kayu legong	Daun digunakan dalam upacara penyembuhan untuk merawat pelbagai penyakit	Tidak dinyatakan
Tongkat ali hitam	Tonik untuk lelaki	Akar direbus dan diminum
Pokok jambu	Untuk merawat cirit-birit	Daun muda ditumbuk dicampurkan dengan air dan diminum
Pokok sembelit merah	Untuk merawat sembelit	Akar direbus dan diminum
Pokok sekemang	Tonik untuk lelaki	Akar direbus dan diminum

Jadual 2.9 (Sambungan)

Penggunaan Tumbuhan Perubatan Oleh Kaum Jah Hut, Ong HC et al (2012)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Pokok salak	Daun digunakan dalam upacara penyembuhan untuk merawat pelbagai penyakit	Tidak dinyatakan
Pokok pengancur darah	Untuk merawat batu dalam organ-organ kencing	Akar direbus dan diminum
Jarum emas	Sebagai pil perancang wanita	Tumbuhan direbus dan diminum
Pokok kemenyan	Resin dibakar sebagai sebahagian daripada upacara penyembuhan untuk merawat penyakit	Dibakar
Daun mempelas	Untuk merawat pelbagai penyakit	Daun digantung di pintu sebagai sebahagian daripada upacara penyembuhan
Pokok pembenci	Untuk ubat benci	Keseluruhan tumbuhan digunakan dalam membuat minuman
Pokok ubat kayu barah	Digunakan pada ketumbuhan, bengkak	Akar dikikis pada batu
Daun penyempul	Daun digunakan dalam upacara penyembuhan untuk merawat pelbagai penyakit	Tidak dinyatakan

Sumber: Diubah suai daripada Ong HC et al (2012)

Herba juga banyak digunakan dalam kaum Semai seperti kajian ke atas kaum Semai oleh Ong et al (2012) di Perak. Kajian mereka merekodkan 37 spesies tumbuhan asli yang kebanyakannya ialah herba diikuti dengan pokok. Bahagian pokok yang sering digunakan ialah daun, akar dan bunga. Kebanyakan tumbuhan perubatan ini digunakan sebagai ubat luaran. Herba kebanyakannya digunakan untuk merawat ibu selepas bersalin.

Jadual 2.10

Penggunaan Tumbuhan Perubatan Oleh kaum Semai, Ong et al (2012)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Jerangau	Rhizome digunakan sebagai azimat dalam ritual penyembuhan	Tidak dinyatakan
Galu'	Digunakan untuk kedua-dua ibu selepas bersalin	Kulit dihiris
Sumbe	Untuk membuat corak pada buluh yang digunakan dalam upacara penyembuhan	Warna merah dari biji digunakan
Tabar bubu	Digunakan pada abses untuk menggalakkan penyembuhan	Daun dihancurkan
Coonk bantak	Untuk merawat demam	Sap daripada batang yang dipotong dan diminum
Tabar	Untuk mengusir roh-roh	Bahagian daun digunakan sebagai tongkat penyembuhan
Coonk kemas	Seluruh tumbuhan yang digunakan dalam upacara menuai	
Kasai	Digunakan sebagai kemenyan dalam penyembuhan dan ritual lain	Akar dicampur dengan resin styrus
Tebok	Daun digunakan sebagai penghalau lipas	
Jelai	Untuk mandi ibu-ibu selepas bersalin	Daun dihiris
Senggut	Untuk penyembuhan dan ritual lain	kulit dibakar sebagai kemenyan
Cencureuk	Untuk merawat demam dan sakit perut	Akar direbus dan diminum
Birtliir	Untuk melegakan berjalan	Menyedut aroma dari batang yang dipotong
Kemerlok	Daun digunakan sebagai tongkat dalam penyembuhan dan ritual lain	
Jarak	Sup tumbuhan digunakan pada ulser	
Mem	Untuk ibu-ibu selepas bersalin	Akar direbus dan diminum
Birdekok	Digunakan untuk mandi ibu-ibu selepas bersalin	Daun dihiris
Perawas	Digunakan untuk mandi ibu-ibu selepas bersalin	Daun dihiris

Jadual 2.10 (Sambungan)

Penggunaan Tumbuhan Perubatan Oleh kaum Semai, Ong et al (2012)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Se'ep	Untuk merawat kembung	Akar direbus dan diminum
Bengkeras	Digunakan untuk mandi ibu-ibu selepas bersalin	Daun dihiris
Coonk ribu'	Bahagian berdaun digunakan dalam upacara menuai	Tidak dinyatakan
Coonk karoh	Untuk merawat demam	Daun dihancurkan digunakan untuk mandi
Coonk bale'	Untuk merawat sakit perut	Batang direbus dan diminum
Serbok	Daun digunakan dalam penyembuhan dan ritual lain	Tidak dinyatakan
Ba'	Bijirin yang digunakan dalam penyembuhan dan ritual lain	Tidak dinyatakan
Betar	Untuk merawat kencing manis. penyakit buah pinggang	Akar direbus dan diminum
Kelawir	Daun digunakan sebagai azimat untuk bayi yang baru lahir untuk melindungi daripada kejahanatan dan menggalakkan kesihatan yang baik	Tidak dinyatakan
Leng'am	Digunakan untuk mandi ibu-ibu selepas bersalin	Daun dihiris
Dukong anak	Untuk merawat demam kuning, demam kuning	Tumbuhan direbus dan diminum
Lerher	Untuk merawat demam	Daun direbus dan diminum
Kemboja	Bunga digunakan dalam upacara penyembuhan dan lain-lain	
Pat mah	Untuk ibu-ibu selepas bersalin	Bunga dihiris, direbus dan diminum
Kemian	Resin dicampur dengan akar dianella digunakan sebagai license dalam penyembuhan dan ritual lain	Tidak dinyatakan
Bengi	Bunga digunakan dalam upacara penyembuhan dan lain-lain	Tidak dinyatakan
Bercuk	Untuk merawat kembung	Batang direbus dan diminum

Jadual 2.10 (Sambungan)

Penggunaan Tumbuhan Perubatan Oleh kaum Semai, Ong et al (2012)

Tumbuhan	Kegunaan	Cara
Berdak	Rizom digunakan dalam penyembuhan dan ritual lain	Tidak dinyatakan
Cadak	Infusi daun digunakan untuk mandi untuk merawat demam	Tidak dinyatakan

Sumber: Diubahsuai daripada Ong HC et al (2012)

Selain menggunakan herba untuk kesihatan wanita selepas bersalin, ada juga kajian yang menunjukkan penggunaan herba ketika mengandung dan kaitannya dengan kematian bayi prenatal seperti kajian oleh Rahman, Ahmad, Naing, Sulaiman, Hamid & Daud (2007). Mereka mendapati bahawa penggunaan herba yang tidak diketahui dan minyak kelapa semasa kandungan di peringkat akhir berupaya mengelakkan kematian bayi prenatal. Namun, mereka juga mendapati bahawa penggunaan herba yang tidak dikenali yang disediakan oleh bidan tradisional dan lain-lain herba pada peringkat awal mengandung akan meningkatkan risiko kematian bayi prenatal.

Berdasarkan sorotan kajian berkaitan penggunaan tumbuhan perubatan herba Orang Asli seperti yang tertera dalam jadual-jadual yang tersebut, beberapa justifikasi dapat dibuat. Dalam menangani isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli, penerapan ilmu perubatan herba Orang Asli melalui pendidikan merupakan satu bentuk cadangan pilihan pendidikan yang boleh dipertimbangkan oleh semua pihak. Pendekatan ini bukan sahaja memberi peluang kepada masyarakat orang Asli untuk mengekalkan tradisi serta ilmu perubatan herbanya, tetapi juga dapat membangun jati diri masyarakat Orang Asli yang unggul. Kehidupan Orang Asli dan alam semula jadi memang tidak dapat dipisahkan seperti aur dengan tebing. Mereka amat menghormati alam semula jadi dan hubungan ini membolehkan Orang Asli terus berperanan memulihara dan seterusnya dapat diwarisi oleh generasi akan datang (Syuhana Khalid, 2014). Justeru,

pengiktirafan bagi memelihara pengetahuan dan ilmu mereka yang berkaitan perubatan herba wajar diberi perhatian terutama dalam bidang pendidikan.

Melalui pendidikan, bentuk kurikulum serta nilai tradisi yang diingini dalam pembentukan jati diri anak-anaknya serta warisan ilmu Orang Asli dapat diwariskan kepada anak-anak menerusi satu sistem pendidikan yang diiktiraf. Isu ilmu perubatan herba Orang Asli yang dikatakan semakin hilang dan lenyap dari satu generasi kepada satu generasi tidak timbul lagi.

Pendidikan perubatan herba juga membuka peluang untuk mendidik anak-anak Orang Asli mengikut cara mereka bagi mewarisi ilmu perubatan herba Orang Asli. Kajian-kajian yang dijalankan terhadap pendidikan kanak-kanak Orang Asli banyak menyarankan *place-based indigenous pedagogy* (Battiste, Bell & Findlay, 2002; Shajahan, 2005) dalam usaha mempelajari dan mewarisi ilmu Orang Asli. Penyerapan ilmu perubatan herba Orang Asli melalui pendidikan ini bukan sahaja menggabungkan elemen budaya dan pengalaman kehidupan murid sebagai pedagogi responsif (Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Melur Sumari, Habib Mat Som, & Kamaliah Siraj, 2005; Saedah Siraj & Vanitha, 2010) sebaliknya dapat mengekal dan memartabatkan nilai ilmu Orang Asli dalam diri setiap kanak-kanak orang Asli.

Kesimpulan

Bab ini telah menghuraikan tinjauan perpustakaan tentang latar belakang masyarakat Orang Asli, perkembangan penyelidikan ilmu Orang Asli, konsep, kepentingan dan ilmu perubatan herba Orang Asli. Bab ini juga memberi gambaran tentang penggunaan tumbuhan perubatan Orang Asli di luar dan dalam negara untuk memperlengkapkan perbincangan dalam bab ini.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan

Bab ini akan membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan oleh penyelidik untuk menjalankan kajian. Penyelidik menumpukan perhatian terhadap reka bentuk kajian, kerangka kajian, persampelan, instrumen kajian, tata cara pengumpulan data dan prosedur penganalisaan data.

Reka Bentuk Kajian

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian reka bentuk dan pembangunan (Richey & Klein, 2014). Matlamatnya adalah bagi membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan. Kajian reka bentuk dan pembangunan memberi tumpuan kepada proses pembangunan produk dan melibatkan analisis konteks dan keadaan, serta penilaian produk. Produk-produk yang boleh yang boleh dihasilkan termasuklah model, teknik, modul atau program latihan.

Pembangunan penyelidikan dalam pendidikan mula dikesan dalam bidang teknologi pengajaran. Pembangunan dilihat sebagai proses menghasilkan bahan pengajaran. Satu takrifan yang lebih terperinci tentang pembangunan telah diberikan oleh Heinich, Molenda, Russel, dan Smaldino (2002) dalam Richey, Klein, dan Nelson (2004) yang menyatakan bahawa pembangunan pengajaran termasuk proses menganalisis keperluan, menentukan apa kandungan dan mestilah menguasai, mewujudkan matlamat pendidikan, mereka bentuk bahan-bahan untuk mencapai objektif, dan mengkaji semula program dari segi pencapaian pelajar.

Pembangunan penyelidikan juga boleh ditakrifkan sebagai “*the systematic study of designing, developing and evaluating instructional programs, processes and*

products that must meet the criteria of internal consistency and effectiveness’’. (Seels & Richey, 1994.hlm.127)

Manakala Richey dan Klein (2007) mendefinisikan kajian reka bentuk dan pembangunan ini sebagai “*the systematic study of design, development and evaluation processes with the aim of establishing an empirical basis for the creation of instructional and non-instructional products and tools and new or enhanced models that govern their development*”(hlm.1).

Menurut Richey, Klein, dan Nielson (2004), kajian pembangunan boleh mewakili salah satu daripada:

- i) Kajian tentang proses dan impak reka bentuk pengajaran yang spesifik dan usaha pembangunan; atau
- ii) Satu situasi di mana seseorang melakukan aktiviti reka bentuk pengajaran; pembangunan atau penilaian dan mengkaji proses pada masa yang sama; atau
- iii) Kajian reka bentuk pengajaran, pembangunan dan penilaian proses keseluruhan atau satu kumpulan tertentu proses

Kajian reka bentuk dan pembangunan oleh Richey dan Klein (2014) telah menamakan kajian jenis 1 kajian pembangunan kepada Penyelidikan Produk dan Perkakasan, manakala kajian jenis 2 kajian pembangunan dinamakan Penyelidikan Model.

Produk penyelidikan pembangunan melibatkan reka bentuk dan pembangunan produk atau program pengajaran atau bukan pengajaran. Keseluruhan proses dalam mereka bentuk dan membangunkan produk atau program adalah didokumenkan untuk kegunaan selanjutnya oleh pengamal. Jenis kedua memberi tumpuan kepada model dan

proses itu sendiri. Jenis penyelidikan ini tertumpu kepada pengeluaran pengetahuan baru dalam bentuk reka bentuk baru atau model.

Jadual 3.1

Fokus Dua Jenis Kajian Pembangunan (Richey & Klien, 2014)

Reka bentuk dan Penyelidikan Pembangunan	
Produk dan Alat Penyelidikan	Penyelidikan Model
Pembangunan dan Reka bentuk Projek Komprehensif <ul style="list-style-type: none">• Produk dan program Pengajaran• Produk dan program bukan Pengajaran	Pembangunan Model <ul style="list-style-type: none">• Pembangunan model yang komprehensif• Pembangunan proses komponen model
Fasa Projek Khusus <ul style="list-style-type: none">• Analisis• Rekabentuk• Pembangunan• Penilaian	Pengesahan Model <ul style="list-style-type: none">• Pengesahan Dalaman komponen model• Pengesahan Luar kesan model
Design & Development Tool Reka bentuk & Pembangunan Perkakasan <ul style="list-style-type: none">• Pembangunan• Penggunaan Alat Alat	Penggunaan Model <ul style="list-style-type: none">• Kajian keadaan kesan penggunaan model• Designer membuat keputusan penyelidikan• Designer kepakaran dan ciri-ciri penyelidikan

Jadual 3.1 menunjukkan fokus dua jenis kajian pembangunan oleh Richey dan Klien (2014). Jenis 1 kajian reka bentuk dan pembangunan melibatkan pembangunan produk tertentu atau program yang melibatkan proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian. Pembangunan produk adalah bergantung kepada hasil daripada keperluan dan analisis keadaan konteks yang spesifik. Oleh itu, dapatan kajian juga unik kepada konteks. Walau bagaimanapun, dapatan konteks spesifik boleh digunakan untuk konteks spesifik yang lain

Jenis 2 kajian reka bentuk dan pembangunan memberi tumpuan kepada pengeluaran pengetahuan baru dari segi model pembangunan ilmu dari segi reka bentuk baru atau teknik, yang dinilai melalui penilaian formatif, atau satu proses yang lengkap

pembangunan dengan model untuk satu atau lebih daripada fasa kajian reka bentuk dan pembangunan . Produk akhir adalah satu set prosedur atau model berdasarkan proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian.

Richey dan Klien (2014) menerangkan bahawa kajian reka bentuk dan pembangunan merupakan penyelesaian masalah berorientasikan pendekatan, yang menggunakan kaedah penyelidikan antara disiplin seperti kajian kes, eksperimen, kajian tindakan dan kajian penilaian.

Jadual 3.2

Penekanan dan Dapatan Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan (Richey, Klien & Nelson, 2007)

Reka bentuk dan Penyelidikan Pembangunan		
	Produk dan Alat Penyelidikan	Penyelidikan Model
Penekanan	Kajian spesifik produk atau reka bentuk perkakasan dan pembangunan projek	Kajian pembangunan model, pengesahan atau penggunaan
Dapatan	Pengajaran daripada membangunkan produk spesifik dan menganalisis syarat-syarat yang memudahkan penggunaan mereka	Reka bentuk dan pembangunan prosedur atau model baru, dan syarat-syarat yang memudahkan penggunaan
	Kesimpulan yang spesifik konteks	Kesimpulan Umum

Berdasarkan Norlidah Alias et al (2013) pula, terdapat 4 fasa dalam kajian reka bentuk dan pembangunan ini iaitu analisis keperluan, reka bentuk, pembangunan, dan pelaksanaan dan penilaian. Hubungan fasa-fasa dalam kajian dengan peringkat-peringkat pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan ditunjukkan dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3
Hubungan Fasa-fasa dalam Kajian dengan Peringkat-peringkat Pembangunan Model Kurikulum


Fasa Kajian	Pembangunan model kurikulum	Kaedah
Fasa 1: Analisis Keperluan	Analisis (sebelum reka bentuk model kurikulum)	Soal selidik
Fasa 2: Reka bentuk dan pembangunan model kurikulum	Menentukan reka bentuk menggunakan pendekatan berkaitan	Delphi Ubahsuaihan
	Membangunkan model menggunakan pendekatan berkaitan (semasa reka bentuk model kurikulum)	Soal selidik
Fasa 3: Penilaian	Pelaksanaan model dalam situasi sebenar dan keberkesanannya dinilai melalui beberapa pendekatan (selepas reka bentuk model kurikulum)	Fuzzy Delphi

Fasa Analisis Keperluan

Kajian dalam Fasa 1 ini merupakan fasa analisis keperluan iaitu ditentukan daripada data yang dikumpulkan melalui soal selidik atas 100 orang guru untuk menentukan pandangan dan pengetahuan guru tentang keperluan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan seperti Rajah 3.1. Kajian analisis keperluan ini penting agar dapat memberi gambaran tentang keperluan pembangunan sesuatu bahan pembelajaran (Morrison, Ross, & Kemp, 2007). Dalam kajian ini, soalan penyelidikan dalam fasa analisis bertujuan untuk mengetahui ciri-ciri ilmu perubatan herba yang perlu dimasukkan dalam kurikulum dalam konteks kajian. Di samping itu, kandungan model akan dianalisis untuk menentukan sumber diperlukan dalam kurikulum.

Soal selidik dalam fasa ini bertujuan memperoleh pandangan guru berkaitan Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba yang mengandungi enam bahagian iaitu i)

Latar belakang Guru ii) Latar Belakang Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba di Sekolah iii) Pandangan Guru Tentang Ilmu Perubatan Herba Orang Asli Terhadap Murid Orang Asli iv) Keperluan Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba Orang Asli Untuk Sekolah rendah masa depan v) Kesediaan Guru Terhadap Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba Orang Asli vi) Pengetahuan Guru Tentang Ilmu Perubatan Herba Orang Asli.



Rajah 3.1 Fasa Kajian

Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Reka bentuk yang dijalankan dalam fasa ini ialah menentukan dan mereka bentuk model kurikulum di sekolah rendah masa depan berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli. Jadual 3.4 menunjukkan proses kajian dalam fasa reka bentuk ini. Dalam fasa kedua kajian ini, penemuan fasa keperluan analisis keperluan digunakan untuk memandu reka bentuk model ini. Elemen yang dikenal pasti telah dianalisis untuk mengenal pasti kriteria yang penting dan utama dimasukkan dalam kurikulum.

Model kurikulum untuk sekolah rendah masa depan akan dibangunkan berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli.

Jadual 3.4

Proses kajian- Fasa Reka Bentuk Dan Pembangunan

FASA	REKA BENTUK	HASIL
REKA BENTUK & PEMBANGUNAN	<p>Menentukan reka bentuk model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli yang sesuai untuk sekolah rendah masa depan</p> <p>Menentukan bentuk kurikulum yang sesuai digunakan di sekolah rendah masa depan berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli mengikut konsensus pakar</p> <p>Menentukan model pengajaran yang sesuai berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli di sekolah rendah masa depan mengikut konsensus pakar</p>	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Senarai ciri-ciri ilmu perubatan herba Orang Asli yang sesuai untuk sekolah rendah masa depan mengikut konsensus pakar ➤ Senarai model pengajaran yang sesuai berasaskan ilmu Orang Asli mengikut konsensus pakar ➤ Pemilihan elemen daripada kesepakatan pakar ➤ Pemilihan model Hunkins ➤ Pembangunan Model ➤ Pemurnian Model oleh pakar

Teknik Delphi Ubah Suaian telah digunakan dalam fasa kedua kajian iaitu dengan menggunakan kaedah mendapatkan persetujuan pakar. Teknik Delphi Ubah Suaian dipilih kerana penyelidik mendapati bahawa teknik ini merupakan kaedah terbaik untuk mendapatkan persetujuan pakar dalam menentukan perkara-perkara yang akan dimasukkan dalam membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan. Penyelidik memilih teknik Delphi Ubah Suaian atas justifikasi beberapa faktor iaitu:

- 1) Kaedah Delphi merupakan cara yang sistematik menggabungkan keputusan individu bagi memperoleh satu kesimpulan bersama (Helmer, 1968).

- 2) Objektif utama teknik Delphi ialah mendapat maklum balas yang mempunyai kesahan yang tinggi terhadap masalah dan soal selidik yang diberi kepada sekumpulan pakar.
- 3) Teknik Delphi mempunyai tiga sifat yang istimewa iaitu ketelusan, maklum balas terkawal dan analisis statistik kumpulan, (Amstrong,1989; Dalkey,1969)

Menurut Saedah Siraj (2008), teknik Delphi membolehkan pakar-pakar lebih bersifat kreatif untuk melahirkan idea dan pandangan mereka ke atas sesuatu isu atau persoalan yang ditimbulkan. Oleh sebab pakar tidak terlibat dalam perbincangan terbuka, tidak ada risiko pendapat-pendapat individu dipengaruhi oleh individu yang lebih dominan atau lebih berpengalaman. Beliau telah menggariskan empat rumusan langkah-langkah yang perlu diambil dalam menjalankan kajian menggunakan teknik Delphi.

- 1) Pemilihan sampel (pakar yang tepat dan sesuai dengan tujuan kajian atau bidang yang hendak dikaji);
- 2) Satu soal selidik yang telah direka bentuk oleh penyelidik dihantar pula kepada sekumpulan pakar, soal selidik tersebut harus dijawab secara berasingan oleh sampel tanpa sebarang tekanan daripada mana-mana pihak; kemudian soal selidik tersebut dipungut semula; dan penyelidik merumuskan jawapan soal selidik daripada pakar-pakar; Ini adalah Delphi pusingan 1
- 3) Keputusan-keputusan soal selidik tersebut dihantar semula kepada setiap pakar supaya mereka berpeluang menilai semula jawapan asal masing-masing berdasarkan jawapan-jawapan anggota lain kumpulan pakar; Ini adalah Delphi pusingan Kedua

- 4) Kadang-kadang penyelidik menjalankan soal selidik Delphi pusingan ketiga atau keempat sebelum pemprosesan data terakhir dilakukan. Menjalankan soal selidik pusingan kedua, ketiga dan keempat bererti memberi peluang kepada pakar untuk mempertahankan jawapan asal masing-masing ataupun mengubah pandangan untuk bersetuju dengan majoriti anggota lain kumpulan pakar; penyelidik perlu mengkaji dan membincangkan semula cadangan dan bantahan daripada sampel dari setiap pusingan untuk memastikan jawapan yang tepat dan memperoleh pendapat majoriti pakar.

Maka dalam kajian ini, fasa reka bentuk model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah Orang Asli telah dibangunkan berdasarkan konsensus pakar. 7 orang pakar telah dipilih untuk ditemu bual bagi menentukan item-item mengikut kesesuaian model yang telah dibangunkan. Hasil temu bual telah ditemakan dan satu soal selidik telah dijalankan sebanyak 2 pusingan kepada 18 orang pakar yang keseluruhannya terlibat dengan masyarakat Orang Asli. Selain itu, satu tinjauan ke atas 144 pelaksana iaitu guru –guru dari 11 buah sekolah rendah Orang Asli negeri Selangor telah dijalankan untuk mendapatkan pandangan mereka terhadap model kurikulum perubatan herba Orang Asli ini.


Beberapa penyelidikan di peringkat Ijazah Doktor Falsafah turut menggunakan Teknik Delphi Ubah Suaian dengan tumpuan yang pelbagai seperti mengenal pasti budaya sains, pembangunan kurikulum, pembangunan modul dan kandungan kurikulum (Ahmad Sobri Shuib, 2009; Chiew Wye Mei, 2013; Chin Hai Leng 2009; Norlidah Alias, 2012; Rusilawati Otman, 2007; Zaharah Hussin, 2008). Selain itu, Teknik Delphi Tinjauan juga telah digunakan oleh beberapa pengkaji seperti Khaled., Nevatte, Tracy, Shaughn, 2013; Simon, Weingartner, Higginson, Voltz & Bausewein ,2013; Yeh, Yi-Fen; Hsu, Ying-Shao; Wu, Hsin-Kai, 2014; Martin G, Tobias; Jette L, 2013).

Fasa Penilaian

Dalam fasa penilaian, pelaksanaan model dalam situasi sebenar akan dinilai. Dalam fasa ini, model yang telah dibangunkan akan dinilai kebolehgunaannya oleh pakar untuk dinilai kesesuaianya kepada murid-murid sekolah rendah Orang Asli. Dalam fasa penilaian ini, model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah Orang Asli akan dinilai berdasarkan kesepakatan 15 orang pakar yang diperoleh melalui kaedah Fuzzy Delphi.

Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) adalah satu teknik yang diperkenalkan oleh Murray, Pipino dan Gigch (1985) dan dikaji oleh Kaufman dan Gupta pada tahun 1988. FDM adalah gabungan set kabur penomboran, atau teori set kabur, dan kaedah tradisional Delphi. Ini bermakna bahawa FDM bukan satu kaedah baru, tetapi merupakan instrumen yang telah dibuat penambahbaikan kepada kaedah Delphi. Peningkatan ini secara tidak langsung dapat menggunakan FDM sebagai alat pengukuran yang lebih berkesan kerana ia dilihat sebagai mampu menyelesaikan masalah dengan ketakpersisan kajian tertentu dan ketidaktentuan. (Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Zaharah Hussin, Nurul Rabiah Mat Noh, Ahmad Ariffin Sapar & Norlidah Alias, 2013; Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrabiah Mat Noh & Ahmad Ariffin Sapar, 2014)

Dua perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam FDM ialah *Triangular Fuzzy Number* dan *Defuzzification Process*. *Triangular Fuzzy Number* terdiri daripada 3 nilai (m_1, m_2, m_3) iaitu nilai minimum, nilai paling munasabah dan nilai maksimum. Rajah 3.2 menggambarkan ketiga-tiga nilai tersebut.



Rajah 3.2: Rajah Tiga segi bermakna terhadap tiga segi

Triangular Fuzzy number pula digunakan untuk menghasilkan skala linguistik (sama seperti skala Likert) manakala skala linguistik digunakan untuk menterjemahkan boleh ubah linguistik kepada *fuzzy number*. Bilangan aras persetujuan bagi skala linguistik ini mestilah di dalam bilangan ganjil (3,5,7). Sekiranya lebih tinggi skala linguistik, maka data yang diperoleh lebih jitu.

Jadual 3.5
Contoh Skala Linguistik

5 POINT SKALA LINGUISTIK			
Sangat Setuju	0.60	0.80	1.00
Setuju	0.40	0.60	0.80
Tidak Pasti / Sederhana	0.20	0.40	0.60
Setuju			
Tidak Setuju	0.10	0.20	0.40
Sangat Tidak Setuju	0.00	0.10	0.20

Defuzzification pula bertujuan untuk menentukan kedudukan (*ranking*) bagi setiap boleh ubah/sub-boleh ubah. Terdapat 3 rumus yang boleh diaplikasikan dalam menentukan kedudukan ini iaitu:

$$\text{i. } A_{\max} = 1/3 * (a_1 + a_m + a_2)$$

$$\text{ii. } A_{\max} = 1/4 * (a_1 + 2a_m + a_2)$$

$$\text{iii. } A_{\max} = 1/6 * (a_1 + 4a_m + a_2)$$

Antara langkah yang perlu diikuti dalam teknik ini ialah dengan merujuk Jadual 3.6

Jadual 3.6

Langkah dalam Teknik Fuzzy Delphi

Langkah	Keterangan
1	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Menentukan pakar-pakar yang terlibat ➢ Jumlah pakar terlibat dalam kajian delphi: <ul style="list-style-type: none"> i. 10-15 responden (Adler & Ziglo, 1996) ii. 10-50 responden (Jones & Twiss, 1978)
2	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Menentukan <i>Skala Linguistik</i>, berdasarkan kepada <i>triangular fuzzy number</i>.
3	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Segala data dijadualkan untuk mendapatkan nilai purata (m_1, m_2, m_3)
4	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Menentukan jarak di antara 2 nombor fuzzy bagi menentukan nilai <i>threshold</i>, d ➢ Syarat: sekiranya $d \leq 0.2$, bermaksud kesemua pakar mencapai kesepakatan <i>consensus</i>. Jika sebaliknya pusingan kedua diperlukan.
5	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Menentukan kesepakatan kumpulan (<i>group consensus</i>) ➢ Peratusan kesepakatan kumpulan mesti melebihi 75%, sekiranya tidak pusingan kedua mesti dilakukan. ➢ Lihat semula kepada Jadual <i>Linguistic Scale</i>
6	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Menentukan <i>Agregate Fuzzy Evaluation</i> dengan cara menambah semua nombor fuzzy
7	<ul style="list-style-type: none"> ➢ <i>Defuzzification Process</i>

Dalam kajian ini, penyelidik mengadaptasi teknik *Fuzzy Delphi* ubahsuai untuk menjalankan ujian kebolehgunaan. Terdapat dua pengubahsuaian utama dalam kaedah ini :

1. Kaedah ini digunakan untuk menilai kebolehgunaan modul yang mana akan dibangunkan. Dalam teknik Delphi, pakar akan membuat keputusan dalam produk pembangunan menggunakan pembolehubah yang ditentukan sebelum dibangunkan. Dalam kajian ini, ujian kebolehgunaan tidak memerlukan peserta untuk menjana pembolehubah walaupun melibatkan ujian kebolehgunaan dalam membuat keputusan. Walau bagaimanapun, teknik *Fuzzy Delphi* digunakan sebagai alat mengukur untuk membuat keputusan.
2. Pengubahsuaian kedua yang akan digunakan adalah proses *Defuzzification* dan ranking dalam *Fuzzy Delphi*. Proses *Defuzzification* dan ranking digunakan untuk menentukan pembolehubah kajian. Prosedur ujian kebolehgunaan kajian ini adalah untuk menentukan persetujuan antara peserta terhadap item yang telah diuji berdasarkan nilai *Defuzzification*.

Prosedur Memilih Responden

Pemilihan Persampelan

Pemilihan sampel dalam kajian dalam fasa pertama melibatkan 100 orang guru di sekolah yang mempunyai pelajar Orang Asli yang dipilih bersifat persampelan tujuan (*purposive sampling*). Pengumpulan data kuantitatif bagi analisa keperluan ini menggunakan persampelan tujuan (*purposive sampling*) yang melibatkan pertimbangan individu untuk memilih sampel iaitu berdasarkan pengetahuan penyelidik dan tujuan khusus penyelidikan (Noraini Idris, 2010).

Dalam hal penentuan pakar kajian, Saedah Siraj dan Faridah Abdullah (2005) menggariskan kriteria tersebut iaitu individu yang mempunyai latihan, pengetahuan dan pengalaman, golongan profesional yang memiliki pengalaman bekerja sebagai guru atau

pegawai teknologi pendidikan di sekolah atau jabatan masing-masing dan juga individu yang sanggup untuk mengambil bahagian dalam kajian ini.

Bagi tujuan fasa kedua kajian ini, tujuh orang panel pakar telah ditemui bual yang dipilih terdiri daripada seorang profesor bidang antropologi dan sosiologi (pengkhususan Orang Asli), seorang profesor madya bidang kajian kependudukan yang mengkaji tumbuhan perubatan Orang Asli. seorang profesor madya Orang Asli bidang antropologi (etnografi) pengajian Orang Asli; Pribumi Malaysia, seorang Sarjana Tamu dan Ahli Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Orang Asli, seorang Pegawai Penyelia Sekolah Orang Asli, seorang Guru Besar Sekolah Kebangsaan (Asli) dan seorang Tok Batin. Soal selidik yang telah dihasilkan melalui temu bual pakar telah ditadbirkan kepada 18 orang pakar sebanyak 2 pusingan. Seterusnya satu kajian tinjauan menggunakan soal selidik ditadbirkan kepada 144 orang guru yang mengajar di sekolah rendah Orang Asli. Agihan dan kriteria 18 panel pakar adalah seperti dalam jadual 3.7.

Jadual 3.7
Agihan panel pakar Delphi Ubah Suaian

Bidang	Kepakaran	Bilangan
Pensyarah bidang kependudukan	Terlibat dan berpengalaman mengkaji tumbuhan perubatan Orang Asli/pembangunan masyarakat Orang Asli	1
Pensyarah bidang antropologi/ethnografi Orang Asli/Pribumi	Pengalaman dalam pembangunan pendidikan murid-murid Orang Asli/masyarakat Orang Asli	1
Sarjana Tamu/Ahli Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Orang Asli	Penglibatan dan pengalaman dalam pendidikan dan aktiviti pembangunan masyarakat Orang Asli	1

Jadual 3.7 (Sambungan)
Agihan panel pakar Delphi Ubah Suai

Bidang	Kepakaran	Bilangan
Penyelidik Orang Asli <i>Environmental Sociologist/Traditional Knowledge/Pembangunan masyarakat Orang Asli</i>	Terlibat dalam penyelidikan tumbuhan dan penggunaan tumbuhan masyarakat Orang Asli. Penyelidik yang menjalankan kajian dan penulisan berkaitan pendidikan dan pembangunan masyarakat Orang Asli	3
Pegawai Penyelia Sekolah Orang Asli	Pengalaman menguruskan dan memantau pendidikan murid-murid dan sekolah Orang Asli	1
Guru Besar Sekolah Rendah (Asli)	Pengalaman mentadbir dan menguruskan sekolah Orang Asli dan murid-murid Orang Asli	2
Pegawai Bahagian Perkembangan Kurikulum (Unit Projek Khas)	Terlibat dalam pendidikan murid-murid Orang Asli. Berpengalaman menggubal serta menilai Kurikulum Orang Asli dan Penan (KAP)	1
Guru Orang Asli	Pengalaman sebagai murid Orang Asli dan kini mengajar anak-anak Orang Asli	3
Yang Dipertua PIBG Sekolah Rendah (Asli)	Pengalaman menguruskan kebajikan murid-murid Orang Asli dan ibu bapa masyarakat Orang Asli	1
Tok Batin	Pengalaman sebagai Tok Batin di perkampungan masyarakat Orang Asli	2
Bidan	Pengalaman sebagai bidan masyarakat Orang Asli	1
AJK JKK	Pengalaman sebagai masyarakat Orang Asli	1

Dalam fasa ketiga, penilaian model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan, responden yang dipilih terdiri daripada 15 orang pakar pelbagai bidang telah dilibatkan. Kriteria dan pemilihan pakar penilai model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan ditunjukkan dalam Jadual 3.8.

Jadual 3.8

Kriteria Pemilihan dan agihan pakar penilai Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba

Responden	Kriteria Pemilihan	Bilangan
Pensyarah	Pengalaman sama ada dalam pendidikan murid-murid Orang Asli, Kurikulum	5
Pegawai KPM	Terlibat dalam pendidikan murid-murid Orang Asli. Berpengalaman menggubal serta menilai Kurikulum Orang Asli dan Penan (KAP) Terlibat dalam program pembangunan pendidikan masyarakat Orang Asli	3
Pegawai JAKOA	Terlibat aktif dalam pembangunan pendidikan murid-murid Orang Asli di Malaysia	3
Penyelidik Orang Asli <i>Environmental Sociologist/Traditional Knowledge/</i>	Terlibat dalam penyelidikan tumbuhan dan penggunaan tumbuhan masyarakat Orang Asli. Penyelidik yang menjalankan kajian dan penulisan berkaitan pendidikan murid-murid Orang Asli	3
Aktivis Masyarakat (SUHAKAM)	Penglibatan aktif dalam aktiviti pendidikan murid-murid Orang Asli	1

Secara ringkasnya dalam kajian ini, penyelidik menggunakan beberapa sampel kajian. Antaranya ialah:

- a) Guru-guru yang mengajar di sekolah yang mempunyai murid Orang Asli. Guru-guru tersebut terlibat secara langsung dalam perolehan data dalam analisis keperluan serta reka bentuk dan pembangunan bagi mendapatkan pandangan mereka tentang kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli.
- b) Kumpulan pakar daripada pelbagai bidang iaitu bidang kurikulum, NGO berkaitan Orang Asli, tok batin, masyarakat Orang Asli, guru besar, dan pakar penyelidik yang telah membuat kajian ke atas Orang Asli.

Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data boleh dilihat melalui Jadual 3.9 di bawah.

Jadual 3.9
Prosedur Pengumpulan Data

FASA	RESPONDEN	KAEDAH KAJIAN	DAPATAN KAJIAN
Analisis Keperluan	<ul style="list-style-type: none"> 100 guru sekolah rendah yang mempunyai Orang Asli 	Soal Selidik	Menentukan keperluan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan
Reka bentuk dan pembangunan model kurikulum	<p>18 orang pakar</p> <ul style="list-style-type: none"> Seorang profesor madya bidang kajian kependudukan yang mengkaji tumbuhan perubatan Orang Asli Seorang profesor madya Orang Asli bidang antropologi (etnografi) pengajian Orang Asli; Pribumi Malaysia Seorang Sarjana Tamu dan Ahli Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Orang Asli Seorang Pegawai Penyelidik <i>Environmental Sociologist</i> Seorang Pegawai Penyelidik <i>Traditional Knowledge</i> Seorang Pegawai Penyelia Sekolah Orang Asli seorang pegawai Pusat Perkembangan Kurikulum bidang Kurikulum dan Pedagogi Orang Asli dan Penan seorang pegawai penyelidik EPRD bidang pembangunan masyarakat Orang Asli dua orang Guru Besar Sekolah Kebangsaan (Asli) seorang Yang Di Pertua Sekolah Rendah Orang Asli tiga orang guru Orang Asli dua orang Tok Batin seorang bidan Orang Asli seorang AJK JKK kampung Orang Asli 	<p>Teknik Delphi Ubah Suaian : Pembentukan instrumen Delphi (temu bual 7 orang pakar)</p> <p>Delphi 2 pusingan (18 orang pakar)</p> <p>Tinjauan (soal selidik 144 orang guru)</p>	Menentukan reka bentuk model kurikulum
Penilaian	<ul style="list-style-type: none"> Pakar (15 orang) 	Fuzzy Delphi	Kebolehgunaan model dinilai

Matriks Kajian

Hubungan fasa-fasa kajian dengan peringkat-peringkat pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan adalah seperti dalam rajah 3.3:

Soalan Kajian	Kaedah	Sasaran/analisis data
<p>Fasa 1: Analisis keperluan</p> <p>Soalan 1: Apakah keperluan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan?</p> <p>1.3) Apakah pandangan guru terhadap keperluan kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan?</p> <p>1.4) Sejauh mana pengetahuan guru mengenai ilmu perubatan herba Orang Asli ?</p>	Soal selidik	100 orang guru sekolah rendah yang ada murid Orang Asli
<p>Fasa 2: A: Reka bentuk Model Kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk Sekolah rendah masa depan</p> <p>Soalan 2. Apakah reka bentuk model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli di sekolah rendah masa depan?</p> <p>2.3) Apakah matlamat dan kandungan yang sesuai dalam kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli mengikut konsensus pakar?</p> <p>2.4) Apakah strategi pengajaran dan kaedah penilaian berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan mengikut konsensus pakar?</p>	<p>Teknik Delphi Ubah Suaian:</p> <p>Pembentukan instrumen Delphi (temu bual 7 orang pakar)</p> <p>Pusingan 1 & 2 (soal selidik kepada 18 orang pakar)</p> <p>Tinjauan kepada 144 orang guru</p>	<p>18 orang pakar terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Seorang profesor madya bidang kajian kependudukan yang mengkaji tumbuhan perubatan Orang Asli ➤ Seorang profesor madya Orang Asli bidang antropologi (etnografi) pengajian Orang Asli; Pribumi Malaysia ➤ Seorang Sarjana Tamu dan Ahli Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Orang Asli ➤ Seorang Pegawai Penyelidik <i>Environmental Sociologist</i> ➤ Seorang Pegawai Penyelidik <i>Traditional Knowledge</i> ➤ Seorang Pegawai Penyelia Sekolah Orang Asli ➤ seorang pegawai Pusat Perkembangan Kurikulum bidang Kurikulum dan Pedagogi Orang Asli dan Penan
<p>B. Pembangunan Model dan pemurnian</p> <ul style="list-style-type: none"> • pemilihan elemen daripada kesepakatan pakar • pembangunan model kurikulum 		

Soalan Kajian	Kaedah	Sasaran/analisis data
Prototaip model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk Sekolah rendah masa depan		<ul style="list-style-type: none"> ➤ seorang pegawai penyelidik EPRD bidang pembangunan masyarakat Orang Asli ➤ dua orang Guru Besar Sekolah Kebangsaan (Asli) ➤ seorang Yang Di Pertua Sekolah Rendah Orang Asli ➤ tiga orang guru Orang Asli ➤ dua orang Tok Batin ➤ seorang bidan Orang Asli ➤ seorang AJK JKK kampung Orang Asli
Fasa 3: Penilaian pelaksanaan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk Sekolah Rendah Orang Asli masa depan.	Julat Interkuartil Mendapatkan perbezaan pendapat pakar dalam setiap pusingan	Wilcoxon matched-pair signed-test Menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara pusingan satu dan dua

Fasa 3: Penilaian pelaksanaan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk Sekolah Rendah Orang Asli masa depan.

- Soalan 3: Apakah kebolehgunaan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli dalam memenuhi keperluan khas pendidikan khas murid-murid Orang Asli?
- 3.1) Apakah kesepakatan pakar mengenai kesesuaian elemen dalam model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli ?
- 3.2) Apakah kesepakatan pakar terhadap kebolehgunaan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan?

Rajah 3.3 Matriks Kajian

Instrumen Kajian

Instrumen kajian telah dibangunkan bagi setiap fasa melalui sorotan kajian dan pandangan pakar untuk menjawab soalan kajian pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan ini. Antara yang telah digunakan dalam kajian ini ialah temu bual, soal selidik, teknik Delphi Ubah suaian dan teknik *Fuzzy Delphi*.

Soal selidik

Soal selidik telah digunakan dalam Fasa Keperluan Analisis untuk 100 orang guru yang mengajar di sekolah rendah yang mempunyai Orang Asli. Soal selidik ini bertujuan menentukan keperluan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah.

Kajian Rintis

Kesahan bagi instrumen ini berdasarkan dari data yang telah dikutip dari kajian rintis. Kajian rintis merupakan kaedah terbaik untuk menentukan kesempurnaan sesebuah kajian kerana ia berupaya untuk menyelesaikan sesuatu masalah sebelum kajian lapangan dijalankan. Untuk menguji kesahan dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan anggaran ketekalan dalam Cronbach's Alpha (Cronbach,1951). Cronbach's Alpha biasanya digunakan untuk menguji sejauh mana pembolehubah-pembolehubah digunakan. Nilai yang diterima bagi Cronbach's Alpha adalah 0.7 atau lebih (Nunnally, 1978). Dengan ini tiada item yang perlu digugurkan memandangkan konstruk tersebut mempunyai nilai tahap kobolehpercayaan yang dapat diterima.

Jadual 3.10

Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Analisis Keperluan (Cronbach's Alpha)

Instrumen (Bilangan item)	Cronbach's Alpha
147 item	0.938

Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan menggunakan sampel kajian responden 30 orang guru yang mengajar murid-murid Orang Asli di daerah Petaling Perdana, instrumen kajian ini mempunyai nilai kesahan Cronbach Alpha 0.938.

Teknik Delphi Ubah Suaian

Kajian ini telah menggunakan teknik Delphi Ubah Suaian dua pusingan. Pembentukan instrumen dibuat menggunakan temu bual soalan terbuka ke atas tujuh orang pakar. Pusingan 1 dan 2 telah menggunakan soal selidik berstruktur dengan melibatkan 18 orang pakar.

Menurut Boonan (1979), bilangan pakar berupaya menentukan kebolehpercayaan dan purata ralat kumpulan terhadap konsensus yang dibuat. Jadual 3.9 memaparkan perkaitan antara penurunan ralat dengan saiz panel.

Jadual 3.11

Perkaitan Pengurangan Ralat dengan Saiz Panel

Saiz Panel	Pengurangan ralat	Perubahan Berkesan
1-5	1.20 kepada 0.70	0.50
5-9	0.70 kepada 0.58	0.12
9-13	0.58 kepada 0.54	0.04
13-17	0.54 kepada 0.50	0.04
17-21	0.50 kepada 0.48	0.02
21-25	0.48 kepada 0.46	0.02
25-29	0.46 kepada 0.44	0.02

Sumber: Boonan (1979)

Teknik Fuzzy Delphi

Kaedah mendapatkan persetujuan pakar melalui teknik *Fuzzy Delphi* digunakan dalam fasa ketiga kajian ini iaitu fasa penilaian. Teknik *Fuzzy Delphi* dipilih kerana penyelidik mendapati bahawa teknik ini adalah yang terbaik untuk memperoleh persetujuan pakar dalam menentukan mengenai kesesuaian dan kebolehgunaan model sebagai panduan dalam pelaksanaan kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba di sekolah rendah masa depan. Penilaian telah dijalankan ke atas 15 pakar-pakar dari lapangan pendidikan dan bukan pendidikan.

Antara kekuatan *Fuzzy Delphi* (Kaufman & Gupta, 1988, Murray, Pipino and Gigch, 1985; Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al, 2014):

1. Pengurangan masa kajian serta dapat menjimatkan kos.
2. Mengurangkan bilangan soal selidik dan meningkatkan serta menambah soal seldik.
3. Memberi peluang kepada pakar untuk meluahkan pendapat dalam memastikan ianya sempurna serta konsisten.
4. Mengambil kira *fuzziness* tidak boleh dielak semasa proses tinjauan.
5. Tidak menyalahafsirkan pendapat asal pakar serta memberi gambaran sebenar respon mereka.

Prosedur Penganalisaan Data

Data-data soal selidik untuk fasa pertama kajian ini iaitu analisis keperluan akan diproses dengan menggunakan ‘*Statistical Package for the Social Science*’ (SPSS). Statistik deskriptif telah digunakan untuk menghuraikan data latar belakang responden dalam bentuk frekuensi dan peratusan bagi memberi maklumat tentang unsur-unsur yang perlu dimasukkan.

Data teknik Delphi dalam fasa dua telah dianalisis menggunakan analisis stastik deskriptif min dan julat interkuartil. Julat interkuartil digunakan untuk mendapatkan perbezaan pendapat pakar dalam setiap pusingan.

Data temu bual dengan guru telah ditranskripsi dengan bantuan Microsoft Word. Data telah dianalisis secara tematik untuk pembentukan soal selidik.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menggunakan pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan iaitu mengandungi tiga fasa. Fasa 1 ialah analisis keperluan (kajian tinjauan menggunakan soal selidik untuk mengumpul data. Fasa ll merupakan reka bentuk dan pembangunan Model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan menggunakan Teknik Delphi Ubah Suaian dua pusingan dan dipadankan dengan kajian tinjauan. Manakala dalam Fasa III Penilaian model pula menggunakan Teknik Fuzzy Delphi iaitu soal selidik kepada pakar pelbagai bidang untuk menilai model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan yang telah dibangunkan melalui Teknik Delphi Ubah Suaian. Dapatan kajian akan dibincangkan seterusnya dalam bab 4, bab 5, bab 6 dan bab 7.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN FASA 1: ANALISIS KEPERLUAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan. Kajian ini telah dijalankan dalam tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa pembangunan dan fasa penilaian model. Fasa pertama iaitu analisis keperluan bertujuan untuk mengenal pasti pandangan dan pengetahuan guru tentang ilmu perubatan herba Orang Asli. Dapatan daripada fasa-fasa berikutnya akan dibincangkan dalam bab V dan IV. Bagi mendapatkan maklumat mengenai pandangan dan pengetahuan guru, soal selidik ke atas 100 orang guru sekolah yang ada murid Orang Asli telah dijalankan.

Dalam bahagian ini akan dibincangkan hasil kajian yang telah diperoleh berdasarkan analisis SPSS ke atas 100 orang guru sekolah yang ada murid Orang Asli. Penyelidik akan membincangkan analisis data dan dapatan kajian berdasarkan soalan kajian iaitu:

Soalan 1: Apakah keperluan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan?

- 1.1) Apakah pandangan guru terhadap keperluan kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan?
- 1.2) Sejauh mana pengetahuan guru mengenai ilmu perubatan herba Orang Asli?

Perbincangan analisis data dan dapatan kajian berdasarkan soalan kajian adalah seperti berikut:

- 1) Pandangan guru tentang ilmu perubatan herba Orang Asli kepada murid Orang Asli dari aspek:
 - a) Pengetahuan murid Orang Asli

- b) Nilai yang boleh diterima oleh murid Orang Asli
 - c) Kesan kurikulum perubatan herba kepada murid Orang Asli
- 2) Pandangan guru tentang pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli dari aspek:
- a) objektif yang seharusnya dicapai
 - b) standard yang boleh dicapai
 - c) kepentingan
 - d) keperluan membangunkan model
- 3) Pandangan guru tentang kesediaan guru untuk menjalankan kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli dari aspek:
- a) Kesediaan guru secara umum
 - b) Tahap pengetahuan guru
 - c) Tahap kemahiran guru
 - d) Tahap sikap guru
- 4) Pengetahuan guru tentang perubatan herba dari aspek
- a) Tumbuhan herba Orang Asli
 - b) Perubatan herba

Dapatan Kajian: Demografi Responden

Bahagian satu dalam soal selidik kajian tinjauan adalah berkait dengan demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Kajian ini melibatkan sampel 100 orang guru yang mengajar di sekolah yang ada murid Orang Asli di Selangor.

Jadual 4. 1
Suku Kaum Responden

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Melayu	95	95
Cina	2	2
India	3	3
Jumlah	100	100

Analisis deskriptif dalam Jadual 4.1 menunjukkan majoriti responden dalam kajian ini terdiri daripada guru-guru Melayu sebanyak 95%. Ini diikuti kaum India sebanyak 3% dan Cina 2%.

Jadual 4. 2
Kelulusan Akademik

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Sijil	3	3
Diploma	5	5
Ijazah Sarjana Muda	80	80
Ijazah Sarjana	12	12
Jumlah	100	100

Dapatan data kajian ini mendapati bahawa majoriti responden mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda sebanyak 80%, diikuti 12% mendapat pendidikan peringkat ijazah sarjana. Manakala 5% berkelulusan diploma dan 3% berkelulusan sijil.

Jadual 4. 3
Umur responden

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
20-25 tahun	1	1
26-35 tahun	33	33
36-49 tahun	52	52
50-55 tahun	10	10
56 tahun ke atas	4	4
Jumlah	100	100

Berdasarkan umur responden, majoriti berada dalam lingkungan umur 36-49 tahun iaitu sebanyak 52%. Ini diikuti dengan 33% lingkungan umur 26-35 tahun. Seterusnya 10% lingkungan umur 50-55 tahun. Hanya 4% berada di dalam lingkungan 56 tahun ke atas dan 1 % di dalam lingkungan 20-25 tahun.

Jadual 4. 4
Pengalaman Mengajar

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Kurang 2 tahun	1	1
2 - 5 tahun	16	16
6 - 10 tahun	22	22
10 tahun ke atas	61	61
Jumlah	100	100

Majoriti guru-guru yang terlibat sebagai responden soal selidik ini mempunyai 10 tahun ke atas pengalaman mengajar mereka iaitu sebanyak 61%. Hanya 1% sahaja yang pengalaman mengajarnya kurang daripada 2 tahun.

Jadual 4. 5
Pengalaman Terlibat Dengan Masyarakat Orang Asli

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Kurang 2 tahun	65	65
2 - 5 tahun	15	15
6 - 10 tahun	14	14
10 tahun ke atas	6	6
Jumlah	100	100

Dapatan data kajian mendapati bahawa majoriti guru kurang 2 tahun pengalaman terlibat dengan masyarakat Orang Asli iaitu sebanyak 65%. Hanya 6% sahaja yang mempunyai 10 tahun pengalaman dengan masyarakat Orang Asli.

Jadual 4. 6
Pernah Mengikuti kursus berkaitan herba

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Pernah	7	7
Tidak Pernah	93	93
Jumlah	100	100

Berdasarkan data dapatan kajian, majoriti guru tidak pernah mengikuti kursus berkaitan herba sepanjang perkhidmatan mereka iaitu sebanyak 93%. Hanya 7% sahaja yang pernah mengikuti kursus berkaitan herba.

Jadual 4. 7
Pihak bertanggungjawab melaksanakan perubatan herba

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Ibu bapa sahaja	8	8
Sekolah sahaja	1	1
Ibu bapa dan sekolah	51	51
Agensi kerajaan	21	21
Agensi bukan kerajaan/kelab/organisas/agensi di luar sekolah	19	19
Jumlah	100	100

Hasil kajian ini mendapati majoriti 51% responden memilih ibu bapa dan sekolah sebagai pihak yang bertanggungjawab melaksanakan kurikulum perubatan herba ini.

Jadual 4. 8
Pendidikan perubatan herba di sekolah rendah

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Ada	19	19
Tiada	81	81
Jumlah	100	100

Melalui kajian ini didapati 81% guru menyatakan bahawa pendidikan perubatan herba tidak diajar di sekolah rendah pada masa ini, manakala 19% pula menyatakan bahawa pendidikan perubatan herba ada diajar pada masa ini. Ini boleh dilihat melalui Jadual 4.8.

Jadual 4. 9
Mata pelajaran mengandungi perubatan herba

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Ada	30	30
Tiada	70	70
Jumlah	100	100

Seterusnya, 70% responden guru ini menyatakan pada masa ini tidak terdapat mata pelajaran yang mengandungi pembelajaran tentang perubatan herba, tetapi 30% responden menyatakan bahawa ada mata pelajaran di sekolah rendah yang mengandungi pembelajaran tentang perubatan herba.

Jadual 4. 10
Mata pelajaran yang sesuai untuk diajar perubatan herba

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Bahasa Melayu	28	28
Bahasa Inggeris	3	3
Matematik	1	1
Sains	60	60
Pendidikan Islam/Moral	1	1
Lain-lain	7	7
Jumlah	100	100

Majoriti responden sebanyak 60% memilih mata pelajaran Sains sebagai mata pelajaran yang sesuai untuk diajar tentang perubatan herba di sekolah rendah, diikuti Bahasa Melayu 28%.

Jadual 4. 11

Tahap sesuai untuk diajar perubatan herba

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Tahap 1	9	9
Tahap 2	64	64
Tahap 1 dan 2	27	27
Jumlah	100	100

Kajian turut mendapati tahap sesuai di ajar perubatan herba Orang Asli ini ialah tahap 2 sebanyak 64%.

Jadual 4. 12

Bahan dan sumber yang sesuai digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran perubatan herba

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Buku teks	56	56
Herba semula jadi	41	41
Bahan dari internet	3	3
Jumlah	100	100

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa 56% responden memilih buku teks sebagai bahan dan sumber yang sesuai digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran perubatan herba, diikuti herba semula jadi sebanyak 41% dan bahan dari internet 3% seperti yang terdapat dalam Jadual 4.12.

Jadual 4. 13
Keberkesanan pendidikan perubatan herba

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Sederhana berkesan	44	44
Sangat berkesan	54	54
Tidak berkesan	2	2
Jumlah	100	100

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan 54% responden menyatakan pendidikan perubatan ini sangat berkesan kepada murid-murid Orang Asli jika diperkenalkan di sekolah, diikuti 44% sederhana berkesan, manakala hanya 1% yang menyatakan mata pelajaran ini tidak berkesan.

Jadual 4. 14
Implementasi kurikulum perubatan herba yang berkesan

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Satu mata pelajaran	13	13
Mata pelajaran bersepadu	31	31
Merentas kurikulum	41	41
Aktiviti kokurikulum	13	13
Lain-lain	2	2
Jumlah	100	100

Dapatan kajian turut mendapati implementasi yang paling berkesan sekiranya kurikulum perubatan herba diperkenalkan ialah melalui merentas kurikulum sebanyak 41%. Mata pelajaran bersepadu sebanyak 31%, 13% untuk implementasi sebagai satu

mata pelajaran dan aktiviti kokurikulum. Manakala 2% pula untuk implementasi secara lain-lain.

Dapatan Kajian: Analisis Pandangan Guru Tentang Ilmu Perubatan Herba Orang Asli Kepada Murid Orang Asli

Jadual 4. 15

Pandangan guru tentang murid Orang Asli dari segi pengetahuan

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Tidak Bersetuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Sederhana Setuju)	4 (Setuju)	5 (Sangat Setuju)
1.1 Perubatan tradisi Orang Asli	0 (0%)	3 (3%)	23 (23%)	64 (64%)	10 (10%)
1.2 Jenis tanaman herba Orang Asli	0 (0%)	2 (2%)	21 (21%)	67 (67%)	10 (10%)
1.3 Kegunaan dan cara penggunaan herba	0 (0%)	2 (2%)	29 (29%)	60 (60%)	9 (9%)

n=100

Berdasarkan Jadual 4.15, pandangan guru tentang murid Orang Asli dari segi pengetahuan perubatan tradisi Orang Asli, 64% responden bersetuju bahawa murid-murid Orang Asli mempunyai pengetahuan tentang perubatan tradisi Orang Asli, manakala 67% bersetuju bahawa murid Orang Asli berpengetahuan tentang jenis tanaman herba Orang Asli. 60% pula bersetuju murid Orang Asli berpengetahuan tentang kegunaan dan cara penggunaan herba.

Jadual 4. 16

Pandangan guru tentang sumbangan nilai melalui kurikulum perubatan herba kepada murid Orang Asli

Item	Kekerapan/ Peratus				
	1 (Sangat Tidak Bersetuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Sederhana Setuju)	4 (Setuju)	5 (Sangat Setuju)
1.1 Minat dan bersifat ingin tahu tentang alam sekeliling	0 (0%)	1 (1%)	8 (8%)	79 (79%)	12 (12%)
1.2 Rajin dan tabah menjalankan sesuatu perkara	0 (0%)	2 (2%)	18 (18%)	72 (72%)	8 (8%)
1.3 Bertanggungjawab terhadap keselamatan diri dan rakan serta terhadap alam sekitar	0 (0%)	0 (0%)	14 (14%)	76 (76%)	10 (10%)
1.4 Menghargai dan mengamalkan kehidupan yang bersih dan sihat	0 (0%)	0 (0%)	15 (15%)	73 (73%)	12 (12%)
1.5 Menghargai keseimbangan alam semula jadi	0 (0%)	0 (0%)	10 (10%)	76 (76%)	14 (14%)
1.6 Berhemah tinggi dan hormat-menghormati	0 (0%)	1 (1%)	26 (26%)	66 (66%)	7 (7%)
1.7 Mensyukuri nikmat yang dikurniakan Tuhan	0 (0%)	1 (1%)	8 (8%)	79 (79%)	12 (12%)
1.8 Nilai-nilai murni	0 (0%)	1 (1%)	16 (16%)	76 (76%)	7 (7%)

n=100

Berdasarkan dapatan yang ditunjukkan dalam Jadual 4.16, pandangan guru tentang sumbangan nilai kurikulum perubatan herba kepada murid Orang menunjukkan nilai minat dan bersifat ingin tahu tentang alam sekeliling, dan nilai mensyukuri nikmat yang

dikurniakan Tuhan masing-masing mencatatkan peratus yang tertinggi iaitu 79% (79 orang responden). Manakala pandangan guru yang sangat bersetuju tentang sumbangan nilai kurikulum perubatan herba kepada murid Orang Asli yang mencatatkan peratus tertinggi ialah 14% (14 orang responden) bagi item menghargai keseimbangan alam semula jadi.

Jadual 4. 17

Pandangan guru tentang kesan kurikulum perubatan herba selepas tamat persekolahan

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Tidak Setuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Sederhana Setuju)	4 (Setuju)	5 (Sangat Setuju)
1.1 Boleh meneruskan pengajian dalam bidang akademik	0 (0%)	0 (0%)	17 (17%)	71 (71%)	12 (12%)
1.2 Boleh melanjutkan pelajaran dalam bidang vokasional	0 (0%)	2 (2%)	12 (12%)	75 (75%)	11 (10%)
1.3 Dapat memenuhi keperluan pasaran kerja	0 (0%)	2 (2%)	17 (17%)	72 (72%)	9 (9%)
1.4 Boleh bekerja sendiri	0 (0%)	1 (1%)	7 (7%)	78 (78%)	14 (14%)

n=100

Berdasarkan Jadual 4.17, pandangan guru tentang kesan kurikulum perubatan herba selepas tamat persekolahan menunjukkan majoriti responden bersetuju murid-murid Orang Asli boleh meneruskan pengajian dalam bidang akademik (71%), melanjutkan pelajaran dalam bidang vokasional (75%), dapat memenuhi keperluan pasaran kerja (72%) dan juga boleh bekerja sendiri (78%).

Dapatan Kajian: Analisis Pandangan Guru Keperluan Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba Orang Asli Untuk Sekolah Rendah Masa Depan

Jadual 4. 18

Pandangan guru tentang objektif model kurikulum perubatan herba

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Tidak Bersetuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Sederhana Setuju)	4 (Setuju)	5 (Sangat Setuju)
1.1 Memahami konsep asas dan menggunakan herba dalam kehidupan dengan betul	0 (0%)	2 (2%)	17 (17%)	80 (80%)	1 (1%)
1.2 Memberi kemahiran kepada murid Orang Asli tentang herba	0 (0%)	1 (1%)	18 (18%)	79 (79%)	2 (2%)
1.3 Memberi kecekapan kepada murid Orang Asli mengenal pasti herba	0 (0%)	1 (21)	18 (18%)	79 (79%)	3 (3%)

n=100

Merujuk Jadual 4.18 pula, pandangan guru tentang objektif model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli menunjukkan 80% bersetuju model ini perlu dibangunkan dengan objektif murid Orang Asli memahami konsep asas dan menggunakan herba dalam kehidupan dengan betul. Manakala kurikulum perubatan herba ini juga boleh mencapai objektif memberi kemahiran kepada murid Orang Asli tentang herba , memberi kecekapan kepada murid Orang Asli mengenal pasti herba yang masing-masing mencatatkan peratus tertinggi iaitu 79% (79 orang responden).

Jadual 4. 19

Pandangan guru tentang standard model kurikulum perubatan herba

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Tidak Bersetuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Sederhana Setuju)	4 (Setuju)	5 (Sangat Setuju)
1.1 Kebolehan memahami dan mengingati terma-terma	0 (0%)	3 (3%)	14 (14%)	81 (81%)	2 (2%)
1.2 Memahami asas mata pelajaran perubatan herba	0 (0%)	5 (5%)	19 (19%)	74 (74%)	2 (2%)
1.3 Mengandungi nilai yang baik	0 (0%)	4 (4%)	15 (15%)	76 (76%)	5 (5%)
1.4 mengandungi matlamat dipelajari	0 (0%)	3 (3%)	15 (15%)	79 (79%)	3 (3%)
1.5 membangunkan kemahiran yang berguna untuk menyelesaikan masalah	0 (0%)	3 (3%)	16 (16%)	78 (78%)	3 (3%)

n=100

Berdasarkan Jadual 4.19, pandangan guru tentang standard model kurikulum perubatan herba menunjukkan kebolehan memahami dan mengingati terma-terma mencapai peratusan setuju yang tertinggi iaitu 81% dan hanya 3% sahaja responden yang tidak bersetuju. Ini diikuti oleh item mengandungi matlamat dipelajari (79%), membangunkan kemahiran yang berguna untuk menyelesaikan masalah (78%), mengandungi nilai yang baik (76%) dan memahami asas mata pelajaran perubatan herba (74%).

Jadual 4. 20

Pandangan guru tentang kepentingan model kurikulum perubatan herba

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Tidak Bersetuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Sederhana Setuju)	4 (Setuju)	5 (Sangat Setuju)
1.1 Kurikulum perubatan herba penting dipelajari oleh murid Orang Asli	0 (0%)	3 (3%)	13 (13%)	77 (77%)	7 (7%)
1.2 Kurikulum perubatan herba penting dipelajari oleh guru-guru di sekolah Orang Asli	0 (0%)	4 (4%)	12 (12%)	80 (80%)	4 (4%)

n=100

Jika dilakukan pemerhatian secara menyeluruh bagi pandangan guru tentang kepentingan model kurikulum perubatan herba ini, adalah didapati 77% responden bersetuju bahawa kurikulum perubatan herba penting dipelajari oleh murid Orang Asli dan 80% bersetuju kurikulum perubatan herba penting dipelajari oleh guru-guru di sekolah Orang Asli.

Jadual 4. 21

Pandangan guru tentang keperluan membangunkan model kurikulum perubatan herba

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Tidak Bersetuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Sederhana Setuju)	4 (Setuju)	5 (Sangat Setuju)
1.1 Perubatan herba adalah lebih baik diajar sebagai satu mata pelajaran khusus di dalam kurikulum sekolah rendah Orang Asli	0 (0%)	5 (5%)	18 (18%)	73 (73%)	4 (4%)
1.2 Perlu untuk membangunkan model kurikulum berdasarkan perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan bagi membolehkan guru mengajar mata pelajaran perubatan herba	0 (0%)	4 (4%)	20 (20%)	72 (72%)	4 (4%)

n=100

Analisis data dalam Jadual 4.21 tentang pandangan guru tentang keperluan membangunkan model kurikulum perubatan herba menunjukkan bahawa 73% responden bersetuju perubatan herba adalah lebih baik diajar sebagai satu mata pelajaran khusus di dalam kurikulum sekolah rendah Orang Asli, manakala 72% responden bersetuju perlu untuk membangunkan model kurikulum berdasarkan perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan bagi membolehkan guru mengajar mata pelajaran perubatan herba.

Dapatan Kajian: Analisis Pandangan Guru Tentang Kesediaan Guru Terhadap Kurikulum Berdasarkan Ilmu Perubatan Herba Orang Asli

Jadual 4. 22

Pandangan guru tentang kesediaan guru terhadap kurikulum berdasarkan perubatan herba Orang Asli

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Rendah)	2 (Rendah)	3 (Agak Tinggi)	4 (Tinggi)	5 (Sangat Tinggi)
1.1 Penyediaan rancangan pengajaran berkaitan perubatan herba yang sesuai mengikut tahap murid Orang Asli	15 (15%)	50 (50%)	21 (21%)	13 (13%)	1 (1%)
1.2 Pemilihan objektif yang sesuai mengikut tahap murid Orang Asli	14 (0%)	51 (4%)	21 (12%)	13 (80%)	1 (4%)
1.3 Pemilihan strategi pengajaran yang sesuai mengikut tahap murid Orang Asli	15 (15%)	50 (50%)	20 (20%)	14 (14%)	1 (1%)
1.4 Penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut tahap murid Orang Asli	14 (14%)	44 (44%)	28 (28%)	14 (14%)	0 (0%)
1.5 Pembinaan bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut tahap murid Orang Asli	14 (14%)	47 (47%)	23 (23%)	15 (15%)	1 (1%)

Jadual 4. 22 (Sambungan)

Pandangan guru tentang kesediaan guru terhadap kurikulum berasaskan perubatan herba Orang Asli

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Rendah)	2 (Rendah)	3 (Agak Tinggi)	4 (Tinggi)	5 (Sangat Tinggi)
1.6 Penilaian terhadap keberkesanan perubatan herba dalam pendidikan	13 (13%)	48 (48%)	24 (24%)	14 (14%)	1 (1%)
1.7 Penerapan aspek-aspek nilai dalam kurikulum perubatan herba	13 (13%)	41 (41%)	26 (26%)	18 (18%)	2 (2%)

n=100

Berdasarkan jadual 4.22 tentang Pandangan guru tentang kesediaan guru terhadap kurikulum berasaskan perubatan herba Orang Asli menunjukkan 51% responden mempunyai kesediaan yang rendah terhadap pemilihan objektif yang sesuai mengikut tahap murid Orang Asli.

Jadual 4. 23

Pandangan guru tentang tahap kesediaan pengetahuan guru

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Rendah)	2 (Rendah)	3 (Agak Tinggi)	4 (Tinggi)	5 (Sangat Tinggi)
1.1 Tahu mengenai kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli	15 (15%)	59 (59%)	16 (16%)	9 (9%)	1 (1%)
1.2 Tahu langkah-langkah pelaksanaan kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli	16 (16%)	56 (56%)	15 (15%)	11 (11%)	2 (2%)

Jadual 4. 23 (Sambungan)

Pandangan guru tentang tahap kesediaan pengetahuan guru

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Rendah)	2 (Rendah)	3 (Agak Tinggi)	4 (Tinggi)	5 (Sangat Tinggi)
1.3 Tahu tentang jenis-jenis herba	14 (14%)	55 (55%)	20 (20%)	10 (10%)	1 (1%)
1.4 Tahu menetapkan matlamat dalam pelaksanaan kurikulum perubatan herba	15 (15%)	54 (54%)	18 (18%)	11 (11%)	2 (2%)
1.5 Tahu strategi pengajaran pelaksanaan kurikulum perubatan herba	15 (15%)	54 (54%)	17 (17%)	13 (13%)	1 (1%)
1.6 Tahu merancang pelan tindakan sebelum pengajaran perubatan herba	14 (14%)	51 (51%)	21 (21%)	13 (13%)	1 (1%)
1.7 Tahu menilai keberkesanan kurikulum perubatan herba	14 (14%)	52 (52%)	20 (20%)	13 (13%)	1 (1%)

n=100

Jadual 4.23 menunjukkan kekerapan dan peratus tahap kesediaan guru dari segi pengetahuan untuk menjalankan kurikulum perubatan herba bagi murid-murid Orang Asli. Daripada 7 item yang ditadbirkan, antara 51% hingga 59% responden mempunyai pengetahuan yang rendah tentang kurikulum perubatan herba dari aspek kurikulum, langkah pelaksanaan, jenis, matlamat, strategi pengajaran, perancangan dan penilaian keberkesanan kurikulum ini.

Jadual 4. 24

Pandangan guru tentang tahap kesediaan kemahiran guru

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Rendah)	2 (Rendah)	3 (Agak Tinggi)	4 (Tinggi)	5 (Sangat Tinggi)
1.1 Mendidik murid Orang Asli tentang perubatan herba	10 (10%)	47 (47%)	25 (25%)	16 (16%)	2 (2%)
1.2 Memperuntukkan masa pembelajaran perubatan herba	10 (10%)	41 (41%)	31 (31%)	15 (15%)	3 (3%)
1.3 Mengadaptasi kurikulum dan mengajar perubatan herba	10 (10%)	35 (35%)	34 (34%)	17 (17%)	4 (4%)
1.4 Mengumpul data dan maklumat untuk perancangan pengajaran	11 (11%)	38 (38%)	31 (31%)	19 (19%)	1 (1%)
1.5 Mengenal pasti kebolehan murid	10 (10%)	38 (38%)	34 (34%)	16 (16%)	2 (2%)
1.6 Memilih teknik yang sesuai	11 (11%)	37 (37%)	33 (33%)	18 (18%)	1 (1%)
1.7 Membuat pemerhatian secara konsisten	11 (11%)	44 (44%)	30 (30%)	13 (13%)	2 (2%)
1.8 Merekod data dan pemerhatian semasa proses pengajaran	11 (11%)	41 (41%)	32 (32%)	14 (14%)	2 (2%)
1.9 Menggunakan teknik peneguhan positif	11 (11%)	44 (44%)	27 (27%)	17 (17%)	1 (1%)
1.10 Memberi motivasi kepada murid	11 (11%)	43 (43%)	31 (31%)	14 (14%)	1 (1%)
1.11 Membuat refleksi pengajaran	11 (11%)	39 (39%)	32 (32%)	16 (16%)	2 (2%)

n=100

Jadual 4.24 menunjukkan kekerapan dan peratus responden terhadap sikap kesediaan guru dari segi kemahiran menjalankan kurikulum perubatan herba untuk murid

Orang Asli. Sebanyak 47% responden mempunyai sikap kesediaan yang rendah untuk mendidik murid Orang Asli tentang perubatan herba. Manakala hanya 1% sahaja yang sangat tinggi bersedia untuk mengumpul data dan maklumat untuk perancangan pengajaran, memilih teknik yang sesuai, menggunakan teknik peneguhan positif, dan memberi motivasi kepada murid. Bagi item yang agak tinggi pula ialah kesediaan mengadaptasi kurikulum dan mengajar perubatan herba, dan mengenal pasti kebolehan murid iaitu sebanyak 34%.

Jadual 4. 25

Pandangan guru tentang tahap kesediaan sikap guru

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Rendah)	2 (Rendah)	3 (Agak Tinggi)	4 (Tinggi)	5 (Sangat Tinggi)
1.1 Tidak bimbang dan khuatir	7 (7%)	41 (41%)	32 (32%)	15 (15%)	5 (5%)
1.2 Amalan profesionalisme keguruan	7 (7%)	37 (37%)	35 (35%)	19 (19%)	2 (2%)
1.3 Kesediaan pembelajaran sepanjang hayat: perubatan herba	7 (7%)	29 (29%)	43 (43%)	19 (19%)	2 (2%)
1.4 Prihatin terhadap murid	7 (7%)	28 (28%)	47 (47%)	16 (16%)	2 (2%)
1.5 Memberi panduan kepada murid	7 (7%)	26 (26%)	49 (49%)	16 (16%)	2 (2%)
1.6 Bekerjasama dengan ibu bapa dan komuniti murid Orang Asli	5 (5%)	30 (30%)	42 (42%)	21 (21%)	2 (2%)
1.7 Membantu murid Orang Asli meningkatkan prestasi	5 (5%)	26 (26%)	43 (43%)	24 (24%)	2 (2%)
1.8 Bersikap terbuka	4 (4%)	24 (24%)	43 (43%)	27 (27%)	2 (2%)
1.9 Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif	4 (4%)	25 (25%)	45 (45%)	22 (22%)	4 (4%)
1.10 Sentiasa berbincang dengan rakan sekerja	4 (4%)	24 (24%)	45 (45%)	24 (24%)	3 (3%)

n=100

Jadual 4.25 menunjukkan kekerapan dan peratus responden terhadap kesediaan sikap guru untuk menjalankan kurikulum perubatan herba kepada murid Orang Asli. Berdasarkan analisis tersebut, didapati tahap kesediaan sikap yang agak tinggi dalam kalangan responden ialah 49% iaitu memberi panduan kepada murid. Manakala 4% hingga 7% mempunyai sikap yang sangat rendah terhadap semua item yang dikemukakan.

Dapatan Kajian: Analisis Pengetahuan Guru Tentang Ilmu Perubatan Herba Orang Asli

Jadual 4. 26
Pengetahuan guru tentang perubatan herba

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Rendah)	2 (Rendah)	3 (Agak Tinggi)	4 (Tinggi)	5 (Sangat Tinggi)
1.1 Perubatan tradisi Orang Asli	35 (35%)	57 (57%)	5 (5%)	0 (0%)	3 (3%)
1.2 Nama herba Orang Asli	36 (36%)	56 (56%)	5 (5%)	2 (2%)	1 (1%)
1.3 Kegunaan herba	23 (23%)	53 (53%)	19 (19%)	2 (2%)	3 (3%)
1.4 Cara penggunaan herba	26 (26%)	52 (52%)	18 (18%)	3 (3%)	1 (1%)
1.5 Herba untuk kesihatan umum	21 (21%)	50 (50%)	24 (24%)	4 (4%)	1 (1%)
1.6 Herba untuk penyakit minor	27 (27%)	55 (55%)	14 (14%)	3 (3%)	1 (1%)
1.7 Herba untuk penyakit kronik	27 (27%)	57 (57%)	11 (11%)	4 (4%)	1 (1%)
1.8 Herba untuk wanita selepas bersalin	21 (21%)	45 (45%)	28 (28%)	4 (4%)	2 (2%)
1.9 Herba untuk kecantikan	19 (19%)	52 (52%)	21 (21%)	5 (5%)	3 (3%)

n=100

Jadual 4.26 merujuk kepada pengetahuan guru tentang perubatan herba. 57% responden mempunyai pengetahuan yang rendah tentang perubatan tradisi Orang Asli dan hanya 3% sahaja yang mempunyai pengetahuan yang sangat tinggi. Manakala bagi item

nama herba, kegunaan herba, cara penggunaan herba, herba untuk kesihatan umum, herba untuk penyakit minor, herba untuk penyakit kronik, dan herba untuk kecantikan masing-masing mencatatkan peratusan pengetahuan yang hampir sama iaitu dalam lingkungan 50% rendah pengetahuan mereka terhadap aspek tersebut. Sementara itu herba untuk wanita selepas bersalin pula sebanyak 45% responden rendah pengetahuan tentangnya.

Jadual 4. 27

Pengetahuan guru tentang nama tumbuhan herba Orang Asli

Bil	Nama Herba	Peratusan (%)	
		(Mengetahui)	(Tidak Mengetahui)
1	Pokok Tuba	19	81
2	Bisa Ular	7	93
3	Ulam Raja	87	13
4	Ubi Jaga	13	67
5	Halia Bara	72	28
6	Hempedu Bumi	39	61
7	Jeruju	8	92
8	Jelipan	4	96
9	Jerangau	23	77
10	Kacip Fatimah	83	17
11	Karas/Gaharu	31	69
12	Kemoyang	12	88
13	Kemunting	22	78
14	Lada Hitam	91	9
15	Mas Cotek	69	31
16	Mata Itek	5	95
17	Misai Kucing	86	14
18	Periuk Kera	74	26
19	Gajah Beranak	7	93
20	Pandan	80	20
21	Senduduk Putih	35	65
22	Tembaga Suasa	7	93
23	Tenggek Burung	42	58
24	Tepus	11	89
25	Setawar/sedingin	51	49
26	Tongkat Ali Hitam	41	59
27	Ipoh	6	94
28	All Spice	11	89
29	Tepus Tanah	5	95
30	Bonglai	16	84
31	Kunyit	92	8
32	Tembusu Paya	3	97
33	Bunga Cempaka Putih	26	74
34	Perah	10	90
35	Pinang Pacat/Cok Ribu	5	95
36	Lengkuas Berdak	13	87
37	Dukung Anak Hijau	29	71
38	Lemba	4	96
39	Cendawan Susu Harimau	12	88

Jadual 4. 27 (Sambungan)

Pengetahuan guru tentang nama tumbuhan herba Orang Asli

Bil	Nama Herba	Peratusan (%)	
		(Mengetahui)	(Tidak Mengetahui)
40	Raja Kayu	9	91
41	Akar Selinggot	9	91

n=100

Jadual 4.27 merupakan peratusan pengetahuan responden tentang nama tumbuhan herba Orang Asli. Daripada 41 jenis tumbuhan herba yang dinyatakan, pokok kunyit dan lada hitam yang tinggi diketahui oleh responden iaitu sebanyak 92% dan 91%. Manakala tumbuhan yang peratusannya tinggi tidak diketahui ialah pokok tembusu paya sebanyak 97%.

Rumusan Dapatan Fasa Analisis Keperluan

Hasil kajian fasa analisis keperluan dapat dirumuskan seperti berikut:

Berdasarkan analisis keperluan, hasil dapatan terhadap pandangan guru tentang ilmu perubatan herba Orang Asli menunjukkan responden bersetuju bahawa murid Orang Asli mempunyai pengetahuan tentang perubatan herba. Secara keseluruhan, responden bersetuju bahawa kurikulum perubatan herba dapat memberi sumbangan terhadap penerapan nilai kepada murid-murid Orang Asli. Di samping itu, responden juga mempunyai pandangan bahawa kurikulum perubatan herba dapat memberi kesan yang positif kepada murid Orang Asli selepas mereka tamat persekolahan.

Pandangan guru tentang pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli dari aspek objektif menunjukkan responden bersetuju dengan objektif yang boleh dicapai oleh murid Orang Asli melalui kurikulum perubatan herba ini. Manakala keseluruhan responden juga bersetuju dengan standard model kurikulum

perubatan herba yang hendak dicapai. Kepentingan model kurikulum perubatan herba ini untuk diajar kepada murid Orang Asli dan guru-guru di sekolah Orang Asli telah mendapat persetujuan responden dalam kajian fasa ini. Sehubungan itu, keseluruhan responden dalam kajian fasa ini turut bersetuju tentang keperluan membangunkan model kurikulum perubatan herba di sekolah rendah Orang Asli.

Hasil analisis mendapati pandangan guru tentang kesediaan guru terhadap kurikulum berdasarkan perubatan herba Orang Asli secara keseluruhannya adalah rendah. Begitu juga dengan pandangan guru terhadap kesediaan guru dari aspek pengetahuan guru yang keseluruhannya adalah rendah. Pandangan guru tentang tahap kesediaan kemahiran guru turut mencatatkan peratusan yang rendah. Seterusnya pandangan guru tentang tahap kesediaan sikap guru terhadap kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli pula menunjukkan tahap agak tinggi.

Analisis dapatan kajian pengetahuan guru tentang ilmu perubatan herba Orang Asli mendapati keseluruhannya adalah rendah dan peratusan yang agak rendah juga terhadap nama tumbuhan herba Orang Asli.

Oleh itu, dapatan kajian dalam fasa analisis ini menyokong model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah Orang Asli ini dibangunkan.

BAB V

FASA REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN

Kajian fasa kedua ialah pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan. Tujuan utama kajian ini ialah mendapatkan reka bentuk model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan berdasarkan konsensus pakar. Seterusnya, tujuan kedua fasa kedua kajian ini adalah mendapatkan pandangan pakar untuk membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan. Bahagian ini menghuraikan fasa pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan berdasarkan dua pendekatan berikut iaitu:

- Dapatan teknik Delphi Ubah Suaian
- Pembangunan prototaip model

Dapatan Teknik Delphi Ubah Suaian

Tujuan teknik Delphi Ubah Suaian digunakan dalam fasa reka bentuk model kurikulum ialah untuk mendapatkan persetujuan kesesuaian item-item yang perlu dimasukkan ke dalam model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan. Bahagian ini menjawab soalan-soalan kajian :

Apakah reka bentuk model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli di sekolah rendah masa depan?

- 2.1) Apakah matlamat dan kandungan yang sesuai dalam kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli mengikut konsensus pakar?

2.2) Apakah strategi pengajaran dan kaedah penilaian yang sesuai berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan mengikut konsensus pakar?

Analisis data merangkumi tema-tema berikut:

- Analisis data merangkumi tema-tema berikut:
- Deskripsi Panel Pakar
- Ringkasan Analisis Data
- Pembentukan Instrumen Delphi Ubah Suaian
- Analisis Dapatan Delphi Ubah Suaian
- Analisis Tinjauan
- Kesimpulan

Deskripsi Panel Pakar

Melalui teknik ini, satu siri soal selidik dua pusingan telah diedarkan kepada sekumpulan pakar seramai 18 orang yang terlibat dengan masyarakat Orang Asli.

Manakala dalam tinjauan yang dijalankan, satu siri soal selidik juga telah diedarkan kepada 144 orang guru yang mengajar di 11 buah Sekolah Rendah Orang Asli negeri Selangor.

Ringkasan Pengendalian Teknik Delphi dan Analisis Data

Teknik Delphi Ubah Suaian untuk kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pembentukan instrumen Delphi, Delphi Ubah Suaian pusingan pertama dan Delphi Ubah Suaian pusingan kedua. Pembentukan instrumen Delphi dibentuk melalui temu bual terbuka dengan 7 orang pakar. Data temu bual terbuka telah dianalisis secara tematik untuk pembentukan soal selidik.

Seterusnya soal selidik yang telah dibentuk tersebut ditadbirkan kepada 18 orang pakar dalam Delphi ubah suaian pusingan pertama dan pusingan kedua. Soal selidik ini meminta panel pakar menetapkan persetujuan mereka terhadap item-item komponen kurikulum, objektif, isi kandungan, kemahiran, nilai, aktiviti pelaksanaan, pentaksiran, peringkat pelaksanaan dan cara pelaksanaan. Setiap item yang dipersetujui oleh pakar dan item baru yang dicadangkan oleh panel pakar dimasukkan ke dalam soal selidik pusingan kedua. Kemudian, soal selidik pusingan kedua ditadbirkan semula kepada 18 orang pakar yang sama. Soal selidik pusingan kedua mempunyai perkara-perkara berikut :

- Maklum balas kesepakatan pakar terhadap setiap item daripada pusingan pertama
- Panel pakar diberi kebebasan untuk menilai semula mana-mana item, dan
- Panel pakar bebas memilih untuk tetap dengan pilihan asal mereka dalam pusingan pertama walaupun jawapan mereka berada di luar julat antara kuartil (IQR) dengan mengemukakan alasan.

Data dalam fasa ini telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu median, mod dan julat antara kuartil (IQR). Konsensus pakar terhadap item-item dalam reka bentuk model kurikulum berdasarkan ilmu Orang Asli disusun mengikut mod tertinggi, skor median tertinggi dan nilai julat antara kuartil (IQR) yang terkecil. Julat antara kuartil (IQR) merupakan perbezaan antara kuartil 3 dan kuartil 1 digunakan untuk menentukan sejauh mana konsensus pakar telah dicapai. Penyelidik berpandukan kajian Kaseem Boonan (1979), Ahmad Sobri Shuib (2009) dan Norlidah Alias (2010) dalam menetapkan tahap konsensus seperti berikut:

$$\text{Konsensus tinggi} = \text{Julat antara kuartil (IQR)} 0 - 1.00$$

$$\text{Konsensus sederhana} = \text{Julat antara kuartil (IQR)} 1.01 - 1.99$$

Tiada konsensus = Julat antara kuartil (IQR) = Julat antara kuartil (IQR) 2.00 ke atas.

Penyelidik menetapkan item yang pada nilai 1.00 dan di bawahnya sebagai item yang mencapai konsensus yang tinggi. Manakala item yang melebihi 1.00 dianggap tidak mencapai konsensus. Di samping itu, penyelidik menetapkan nilai 90% ke atas sebagai item yang sangat dipersetujui oleh pakar. Perbezaan antara median dan mod dianalisis untuk mengenal pasti tahap konsistensi pandangan pakar.

Kajian ini telah dijalankan menggunakan Teknik Delphi Ubah Suaian sebanyak dua pusingan. Rasional penentuan Teknik Delphi Ubah Suaian dua pusingan kerana nilai konsensus yang tinggi antara pusingan 1 dan 2. Selain itu, penyelidik-penyelidik seperti Zaharah Hussin (2008), Norlidah Alias (2010) juga telah menggunakan kaedah yang sama dalam penyelidikan mereka.

Pembentukan Instrumen Delphi

Temu bual separa berstruktur ke atas tujuh orang pakar merupakan asas untuk mendapatkan pandangan pakar dalam membentuk instrumen soal selidik Delphi Ubah Suaian. Pakar yang terlibat terdiri daripada :

- Seorang profesor bidang antropologi dan sosiologi (pengkhususan Orang Asli)
- Seorang profesor madya bidang kajian kependudukan yang mengkaji tumbuhan perubatan Orang Asli
- Seorang profesor madya Orang Asli bidang antropologi (etnografi) pengajian Orang Asli; Pribumi Malaysia
- Seorang Sarjana Tamu dan Ahli Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Orang Asli
- Seorang Pegawai Penyelia Sekolah Orang Asli

- seorang Guru Besar Sekolah Kebangsaan (Asli)
- seorang Tok Batin

Selain itu, penyelidik telah menggunakan sorotan kajian terhadap tumbuhan perubatan Orang Asli untuk memberi input kepada pakar tentang tumbuhan herba Orang Asli kerana ada antara pakar yang kurang mengenali herba Orang Asli.

Melalui analisis temu bual tujuh orang panel pakar tersebut, item-item telah disenaraikan dan ditemakan dalam instrumen Delphi Ubah Suaian pusingan 1 iaitu komponen kurikulum, objektif, isi kandungan, kemahiran, nilai, aktiviti pelaksanaan, pentaksiran, peringkat pelaksanaan dan cara pelaksanaan.

Terdapat 5 item komponen kurikulum, 7 item objektif, 27 item isi kandungan dan 56 jenis tanaman herba, 17 item kemahiran, 13 item nilai, 10 item aktiviti pelaksanaan iaitu 5 item teknik pengajaran dan 5 item aktiviti pembelajaran, 5 item pentaksiran, 2 item peringkat pelaksanaan, dan 3 item cara pelaksanaan. Skala likert 5 pilihan telah digunakan iaitu:

1 = Sangat tidak sesuai

2 = Kurang sesuai

3 = Sederhana sesuai

4 = Sesuai

5 = Sangat Sesuai

Analisis Dapatan Delphi Ubah Suaian Pusingan 1

Jadual 5.1.1 hingga 5.1.9 merupakan hasil dapatan Delphi ubah suaian pusingan 1 dan ditemakan kepada komponen kurikulum, objektif, isi kandungan, kemahiran, nilai, aktiviti pelaksanaan, pentaksiran, peringkat pelaksanaan dan cara pelaksanaan.

Jadual 5. 1.1
Komponen Kurikulum

Item	Peratus (%)	Med	Mod	Julat antara kuartil	Nilai konsensus pakar
Komponen kemahiran	100	4.5	4	1	Tinggi
Komponen Tugasan Luar/Amali	100	5	5	1	Tinggi
Komponen Pengetahuan	100	5	5	1	Tinggi
Komponen Nilai-nilai murni	100	5	5	1	Tinggi
Komponen latihan	88.8	4	4	1	Tinggi
<hr/> Cadangan tambahan oleh pakar: Tiada					

Paparan jadual menunjukkan semua item mendapat persetujuan sesuai antara 88.8% hingga 100%. Sementara nilai julat antara kuartil bagi semua item adalah 1 (konsensus tinggi) bagi semua item yang diuji. Manakala panel pakar tiada mencadangkan item baru dimasukkan.

Jadual 5.1. 2
Objektif Kurikulum Perubatan Herba Orang Asli

Item	Peratus (%)	Med	Mod	Julat antara kuartil	Nilai konsensus pakar
Menyemai nilai murni dalam menjaga alam sekitar	100	5	5	0	Tinggi
Memahami keperluan menjaga alam sekitar	100	5	5	0	Tinggi
Menggunakan herba dengan betul	100	5	5	0.3	Tinggi
Memahami konsep asas perubatan herba	100	5	5	1	Tinggi
Memberi kemahiran tentang herba	100	5	5	1	Tinggi
Memberi kecekapan mengenal pasti herba	100	5	5	1	Tinggi
Mengaplikasikan pengetahuan untuk menyelesaikan masalah	100	5	5	1	Tinggi
<hr/> Cadangan tambahan oleh pakar:					

Menggunakan teknologi dalam perusahaan herba
 Memahami kepentingan pengetahuan tradisi yang dimiliki

Jadual tersebut menunjukkan semua item objektif mendapat persetujuan sesuai 100% dan nilai julat antara kuartil adalah antara 0 hingga 1 (konsensus tinggi). Di samping itu, panel pakar telah mencadangkan dua item baru dimasukkan iaitu menggunakan teknologi dalam perusahaan herba dan memahami kepentingan pengetahuan tradisi yang dimiliki.

Jadual 5.1.3

Isi Kandungan Kurikulum Perubatan Herba Orang Asli

Item	Peratus (%)	Med	Mod	Julat antara kuartil	Nilai konsensus pakar
Pengenalan kepada perubatan herba Orang Asli					
Memahami ciri tumbuhan herba					
Keistimewaan tumbuhan herba	100	5	5	1	Tinggi
Pengetahuan tentang tumbuhan herba	100	5	5	1	Tinggi
Menghargai pelbagai jenis herba	100	5	5	1	Tinggi
Jenis-jenis dan nama tanaman herba Orang Asli					
Memahami bahagian dan fungsi tumbuhan herba	100	5	5	1	Tinggi
Kegunaan herba					
Menganalisis bahagian tumbuhan	88.9	4.5	5	1	Tinggi
Cara penggunaan herba					
Menganalisis tumbuhan dan bahagian Aplikasi pengetahuan tentang herba	88.9	4	5	1	Tinggi
Aplikasi pengetahuan tentang herba	88.9	5	5	1	Tinggi
Herba untuk kesihatan umum					
Jenis herba	100	5	5	1	Tinggi
Cara penggunaan	100	5	5	1	Tinggi
Herba untuk penyakit minor					
Jenis herba	88.9	5	5	1	Tinggi
Cara penggunaan	88.9	5	5	1	Tinggi
Herba untuk penyakit kronik					
Jenis herba	83.3	4	4	1	Tinggi
Cara penggunaan	83.4	4	4	1	Tinggi
Herba untuk wanita bersalin					
Jenis herba	77.7	4	4	1.5	Sederhana
Cara penggunaan	77.8	4	4	1.5	Sederhana

Herba untuk kecantikan

Jenis herba	88.9	4	4	1	Tinggi
Cara penggunaan	88.9	4	4	1	Tinggi

Cara menanam tumbuhan herba

Penyediaan tapak	100	5	5	1	Tinggi
Menyemai benih	100	5	5	1	Tinggi
Pembibitan tumbuhan herba	94.4	5	5	1	Tinggi

Cara penjagaan tumbuhan herba

Menyiraman	100	5	5	1	Tinggi
Merumput	100	5	5	1	Tinggi
Menggembur	100	5	5	1	Tinggi
Membaja	100	5	5	1	Tinggi
Pengawalan perosak dan penyakit	100	5	5	1	Tinggi

Tanaman Herba

Tepus tanah	100	4	4	1	Tinggi
Raja kayu	100	4	4	1	Tinggi
Tepus berdarah	100	4	4	0.2	Tinggi
Siak-siak jantan	100	4	4	1	Tinggi
Akar selinggot	100	4	4	0.3	Tinggi
Mangkeng	100	4	4	0.5	Tinggi
Ubi jaga	94.5	4	4	1	Tinggi
Jeruju	94.5	4	4	0	Tinggi
Jelipan	94.5	4	4	0	Tinggi
Jerangau	94.5	4	4	0	Tinggi
Kemoyang	94.5	4	4	1	Tinggi
Tenggek burung	94.5	4	4	0	Tinggi
Dukung anak hijau	94.5	4	4	1.3	Sederhana
Pandan	94.5	4	4	1	Tinggi
Periuk kera	94.5	4	4	1	Tinggi
Senduduk putih	94.5	4	4	1	Tinggi
Perah	94.5	4	4	0.2	Tinggi
Ara tanah	94.5	4	4	0.2	Tinggi
Dukung anak	94.5	4	4	0.2	Tinggi
Setawar	94.5	4	4	1	Tinggi
Cendawan susu harimau	94.5	4	4	1.3	Sederhana
Halia bara	94.4	4	4	1	Tinggi
Bonglai	94.4	4.5	5	1	Tinggi
Kunyit	94.4	4	4	1	Tinggi
Bisa ular	94.4	4	4	0.2	Tinggi
Gajah beranak	94.4	4	4	1.2	Sederhana
Ketumbit hitam	94.4	4	4	2	Tiada
Lengkuas / berdak	94.4	4	4	1.3	konsensus
Setawar/sedgingin	94.4	4	4	1	Sederhana
Ulam raja	94.4	4	4	1	Tinggi
Bunga cempaka putih	94.4	4	4	0.2	Tinggi
Lemba	89.0	4	4	1	Tinggi
Hempedu bumi	88.9	4	4	0.2	Tinggi
Kacip fatimah	88.9	4	4	1	Tinggi
Karas/gaharu	88.9	4	4	1	Tinggi
Kemunting	88.9	4	4	1	Tinggi
Lada hitam	88.9	4	4	1	Tinggi
Mas coteck	88.9	4	4	0	Tinggi
Mata itek	88.9	4	4	0.2	Tinggi

Tongkat Ali hitam	88.9	4	4	1	Tinggi
All spice	88.9	4	4	1.2	Sederhana
Meroyan kabut	88.9	4	4	2	Tiada konsensus
Rumput babi	88.9	4	4	1	Tinggi
Misai kucing	88.8	4	4	1	Tinggi
Meroyan	83.4	4	4	1	Tinggi
Tembusu Paya	83.4	4	4	0.5	Tinggi
Lidah Jin	83.4	4	4	0.5	Tinggi
Gasing bukit	83.3	4	4	1.2	Sederhana
Hancing Ali	83.3	4	4	1.2	Sederhana
Ipoh	83.3	4	4	1	Tinggi
Tembaga suasa	77.9	4	4	1.3	Sederhana
Derhaka mertua	77.8	4	4	1.3	Sederhana
Pinang Pacat/ Cok Ribu	77.8	4	4	1.5	Sederhana
Keladi murai	77.7	4	4	1.5	Sederhana
Ketambi jantan	77.7	4	4	1.5	Sederhana
Pokok Tuba	72.3	4	4	2	Tiada konsensus

Cadangan tambahan oleh pakar: Tiada

Jadual tersebut menunjukkan semua item persetujuan kesesuaian isi kandungan antara 72.3% hingga 100%. Sementara nilai julat antara kuartil adalah 0 hingga 2.5 (62 konsensus tinggi, 11 konsensus sederhana dan 10 tiada konsensus). Di samping itu panel pakar tiada mencadangkan item baru dimasukkan.

Jadual 5.1.4

Kemahiran yang perlu diterapkan

Item	Peratus (%)	Med	Mod	Julat antara kuartil	Nilai konsensus pakar
Pembangunan intelektual	100	5	5	0.3	Tinggi
Keupayaan bekerjasama	100	5	5	1	Tinggi
Mendapat dan menilai maklumat	100	5	5	1	Tinggi
Berkongsi dan prihatin	100	4.5	4	1	Tinggi
Tanggung jawab	100	4.5	4	1	Tinggi
Bersedia mematuhi norma hidup	100	4	4	1	Tinggi
Pemikiran logik	100	4	4	1	Tinggi
Mempraktikkan pembelajaran sepanjang hayat	94.5	5	5	1	Tinggi
Kemahiran keusahawanan	94.5	4	4	1	Tinggi
Pemikiran kreatif	94.4	4	4	1	Tinggi
Kemahiran berkomunikasi	94.4	5	5	1	Tinggi
Kemahiran sosial	94.4	5	5	1	Tinggi
Kepimpinan	88.9	4	4	1	Tinggi
Inisiatif	88.9	5	5	1	Tinggi
Pemikiran kritis	88.9	4	4	1	Tinggi
Pemikiran bercapah	88.9	4	4	1	Tinggi
Kemahiran bertutur	88.9	5	5	1	Tinggi

Cadangan tambahan oleh pakar: Tiada

Jadual tersebut menunjukkan semua item kemahiran mendapat persetujuan sesuai antara 88.0% hingga 100%. Sementara nilai julat antara kuartil adalah 0 hingga 1 (konsensus tinggi) bagi semua item yang diuji. Di samping itu, panel pakar tiada mencadangkan item baru dimasukkan.

Jadual 5.1.5

Nilai-nilai yang perlu diterapkan

Item	Peratus (%)	Med	Mod	Julat antara kuartil	Nilai konsensus pakar
Minat tentang alam sekeliling	100	5	5	0.3	Tinggi
Rajin menjalankan sesuatu perkara	100	5	5	1	Tinggi
Hormat menghormati	100	5	5	1	Tinggi
Mensyukuri nikmat Tuhan	100	5	5	1	Tinggi
Penyayang	100	5	5	1	Tinggi
Bekerjasama	100	5	5	1	Tinggi
Berfikiran rasional	100	5	5	1	Tinggi
Bertanggungjawab terhadap keselamatan diri dan rakan serta alam sekitar	94.4	5	5	1	Tinggi
Mengamalkan kehidupan yang bersih dan sihat	94.4	5	5	1	Tinggi
Menghargai keseimbangan alam semula jadi	94.4	5	5	1	Tinggi
Berani	94.4	5	5	1	Tinggi
Sistematik	94.4	5	5	1	Tinggi
Yakin dan berdikari	94.4	5	5	1	Tinggi
Cadangan tambahan oleh pakar:					
Bangga pada tradisi					
Memantapkan jati diri					

Jadual tersebut menunjukkan semua item mendapat persetujuan sesuai antara 94.4% hingga 100%. Sementara nilai julat antara kuartil adalah 0.3 hingga 1 (konsensus tinggi) bagi semua item yang diuji. Di samping itu, panel pakar telah mencadangkan dua item baru dimasukkan iaitu, bangga pada tradisi dan memantapkan jati diri.

Jadual 5.1.6

Aktiviti Pelaksanaan (Strategi Pengajaran dan Pembelajaran)

Item	Peratus (%)	Med	Mod	Julat antara kuartil	Nilai konsensus pakar
Teknik Pengajaran					
Teknik Projek	100	5	5	1	Tinggi
Teknik Inkuiri-Penemuan	100	4	4	1	Tinggi
Pembelajaran Kontekstual	100	4	4	1	Tinggi
Teknik Konstruktivisme	94.5	4	4	1	Tinggi
Eksperimen	94.5	4	4	1	Tinggi
Cadangan tambahan oleh pakar:					
Tiada					
Aktiviti					
Tugasan luar/amali	100	4.5	4	1	Tinggi
Menerima arahan guru	100	4	4	1	Tinggi
Memberi maklum balas	100	4	4	1	Tinggi
Perbincangan kumpulan	94.5	4	4	1	Tinggi
Mencari maklumat di internet	88.9	4	4	1	Tinggi
Cadangan tambahan oleh pakar:					
Tiada					

Jadual tersebut menunjukkan semua item teknik pengajaran mendapat persetujuan sesuai antara 94.5% hingga 100%. Sementara nilai julat antara kuartil adalah 1 (konsensus tinggi) bagi semua item yang diuji. Di samping itu, semua item aktiviti mendapat persetujuan antara 88.9% hingga 100%, manakala nilai julat antara kuartil juga adalah 1 (konsensus tinggi). Panel pakar tiada mencadangkan item baru dimasukkan.

Jadual 5.1. 7

Pentaksiran

Item	Peratus (%)	Med	Mod	Julat antara kuartil	Nilai konsensus pakar
Amali					
Ujian lisan dan kuiz	100	5	5	1	Tinggi
Pemerhatian	100	4	4	1	Tinggi
Persembahan secara lisan	100	4	4	1	Tinggi
Folio	94.4	4.5	5	1	Tinggi
Cadangan tambahan oleh pakar:					
Tiada					

Jadual tersebut menunjukkan semua item pentaksiran mendapat persetujuan antara 94.4% hingga 100%. Sementara nilai julat antara kuartil adalah 1 (konsensus tinggi) bagi semua item yang diuji. Di samping itu, panel pakar tiada mencadangkan item baru dimasukkan.

Jadual 5.1. 8
Peringkat Pelaksanaan

Item	Peratus (%)	Med	Mod	Julat antara kuartil	Nilai konsensus pakar
Tahap 2 (Darjah 4,5,6)	100	4.5	4	1	Tinggi
Tahap 1 (Darjah 1,2,3)	33.4	2	1	3	Tiada konsensus

Cadangan tambahan oleh pakar: Tiada

Jadual tersebut menunjukkan semua item peringkat pelaksanaan mendapat persetujuan 21.3% hingga 100%. Sementara nilai julat antara kuartil adalah 1.2 hingga 1 (1 sederhana dan 1 tinggi) bagi item yang diuji. Di samping itu, panel pakar tiada mencadangkan item baru dimasukkan.

Jadual 5.1. 9
Cara Pelaksanaan

Item	Peratus (%)	Med	Mod	Julat antara kuartil	Nilai konsensus pakar
Sebagai aktiviti kokurikulum	94.5	5	5	1	Tinggi
Bersepadan dengan KSSR	94.5	4	4	0.2	Tinggi
Sebagai Satu Mata pelajaran	83.4	4	4	1.3	Sederhana

Cadangan tambahan oleh pakar: Tiada

Jadual tersebut menunjukkan semua item cara pelaksanaan mendapat persetujuan antara 78.6% hingga 92.9%. Sementara nilai julat antara kuartil adalah 0.2 hingga 2.3 (2

tinggi dan 1 tiada konsensus) bagi item yang diuji. Di samping itu, panel pakar tiada mencadangkan item baru dimasukkan.

Rumusan Dapatan Delphi Ubah Suaian Pusingan 1

Rumusan Delphi Ubah Suaian pusingan 1 seperti dalam jadual 5.1.10

Jadual 5. 1.10

Rumusan Delphi Ubah Suaian Pusingan 1

Item	Konsensus Tingi (IQR: 0-100)	Konsensus Sederhana (IQR: 1.01-1.99)	Tiada konsensus (IQR: 2.00 ke atas)	Jumlah
Komponen Kurikulum	5	0	0	5
Objektif	7	0	0	7
Isi kandungan	66	14	3	83
Kemahiran	17	0	0	17
Nilai	13	0	0	13
Aktiviti	10	0	0	10
Pelaksanaan				
Pentaksiran	5	0	0	5
Peringkat	1		1	2
Pelaksanaan				
Cara Pelaksanaan	2	1	0	3
Jumlah	126 (86.9%)	15 (10.3%)	4 (2.8%)	145 (100%)

Dapatan dari Jadual 5.1.10 menunjukkan sebanyak 145 item yang terdiri daripada 9 kategori telah diuji menerusi teknik Delphi Ubah Suaian. Analisis dapatan menunjukkan sebanyak 86.9% item (126 item) berada pada julat antara kuartil 0.00-1.00 yang menunjukkan kesepakatan persetujuan pakar yang tinggi. Manakala sebanyak 10.3% item (15 item) berada pada nilai julat antara kuartil 1.01-1.99 iaitu tahap sederhana. Seterusnya 2.8% item (4 item) pula berada pada nilai julat antara kuartil 2.00 ke atas tidak mendapat kesepakatan pakar.

Analisis Dapatan Delphi Ubah Suaian Pusingan 2

Dapatan Delphi Ubah Suaian pusingan 2 yang telah dilaksanakan diuraikan dalam bahagian ini. Penyelidik telah menggunakan ujian Wilcoxon (*'Wilcoxon signed-rank-test'*) untuk melihat tahap konsistensi antara pandangan pakar dalam pusingan 1 dan 2 seperti kajian yang telah dilakukan oleh Zaharah Hussin (2008), Ahmad Sobri Shuib (2009) dan Norlidah Alias (2010). Nilai Wilcoxon ini ditandai dengan Z dan statistik diuji pada nilai 0 hingga -1.99. Apabila nilai Z berada dalam julat tersebut, bermakna pakar mempunyai konsistensi dalam memberi persetujuan mereka. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa tiada perubahan yang signifikan dibuat terhadap item pusingan 1 dan 2. Tetapi jika nilai *tailed* ialah -2.00 ke atas, ini menunjukkan pakar tidak konsisten dalam memberi persetujuan mereka dalam pusingan 1 dan 2. Ini juga menunjukkan terdapat perubahan yang signifikan terhadap persetujuan pakar dalam pusingan 1 dan pusingan 2. Item-item baru yang dicadangkan oleh pakar dalam pusingan 1 tidak diuji nilai Wilcoxon. Oleh itu, tiada nilai Wilcoxon bagi item-item tambahan seperti yang terdapat dalam dalam jadual 5.2.2 dan 5.2.5. Jadual 5.2.1 hingga 5.2.9 adalah untuk menjawab soalan kajian Apakah reka bentuk model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli di sekolah rendah masa depan?

Jadual 5. 2.1
Komponen Kurikulum

Item	Peratus (%)	Med	Mod	Julat antara kuartil	Nilai konsensus pakar	Z	Tiada perbezaan yang signifikan antara jawapan pakar dalam pusingan 1 dan 2
Komponen kemahiran	100	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Komponen Tugasan Luar/Amali	100	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Komponen Pengetahuan	100	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Komponen Nilai-nilai murni	100	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Komponen latihan	88.9	4.5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya

Paparan jadual menunjukkan nilai julat antara kuartil adalah 1 (konsensus tinggi) bagi semua item yang diuji. Manakala, nilai bacaan ujian Wilcoxon adalah -1.000 bagi semua item yang menunjukkan tiada wujud perbezaan yang signifikan antara jawapan pakar dalam pusingan 1 dan 2. Jadual turut menunjukkan komponen kurikulum yang paling sesuai untuk kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli ini dengan mendapat persetujuan pakar 100% ialah komponen kemahiran, komponen tugasam luar/amali, komponen pengetahuan dan komponen nilai-nilai murni.

Jadual 5.2.2

Objektif Kurikulum Perubatan Herba Orang Asli

Item	Peratus (%)	Med	Mod	Julat antara kuartil	Nilai konsensus pakar	Z	Tiada perbezaan yang signifikan antara jawapan pakar dalam pusingan 1 dan 2
Menyemai nilai murni dalam menjaga alam sekitar	100	5	5	0	Tinggi	0.000	Ya
Memahami keperluan menjaga alam sekitar	100	5	5	0	Tinggi	0.000	Ya
Menggunakan herba dengan betul	100	5	5	0.3	Tinggi	0.000	Ya
Memahami konsep asas perubatan herba	100	5	5	1	Tinggi	0.000	Ya
Memberi kemahiran tentang herba	100	5	5	1	Tinggi	0.000	Ya
Memberi kecekapan mengenal pasti herba	100	5	5	1	Tinggi	0.000	Ya
Mengaplikasikan pengetahuan untuk menyelesaikan masalah	100	5	5	1	Tinggi	0.000	Ya
Memahami kepentingan pengetahuan tradisi yang dimiliki	100	4.5	4	1	Tinggi	-	-
Mengukuhkan identiti Orang Asli	100	5	5	1	Tinggi	-	-
Menggunakan teknologi dalam perusahaan herba	83.4	4	4	0	Tinggi	-	-

Jadual di atas menunjukkan nilai julat antara kuartil adalah antara 0 hingga 1 (konsensus tinggi) bagi semua item yang diuji. Manakala, nilai bacaan ujian Wilcoxon adalah 0.000 bagi semua item yang menunjukkan tiada wujud perbezaan yang signifikan antara jawapan pakar dalam pusingan 1 dan 2. Nilai-nilai yang dipaparkan dalam jadual menunjukkan objektif yang paling sesuai untuk kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli ini dengan mendapat persetujuan pakar 100% ialah menyemai nilai murni dalam menjaga alam sekitar, memahami keperluan menjaga alam sekitar, menggunakan herba dengan betul, memahami konsep asas perubatan herba, memberi kemahiran tentang herba, memberi kecekapan mengenal pasti herba, mengaplikasikan pengetahuan untuk menyelesaikan masalah, memahami kepentingan pengetahuan tradisi yang dimiliki, dan mengukuhkan identiti Orang Asli.

Jadual 5.2.3

Isi Kandungan Kurikulum Perubatan Herba Orang Asli

Item	Peratus (%)	Med	Mod	Julat antara kuartil	Nilai konsensus pakar	Z	Tiada perbezaan yang signifikan antara jawapan pakar dalam pusingan 1 dan 2
Pengenalan kepada perubatan herba Orang Asli							
Memahami ciri tumbuhan herba	100	5	5	1	Tinggi	-1.414	Ya
Kepentingan tumbuhan herba	100	5	5	1	Tinggi	-1.414	Ya
Pengetahuan tentang tumbuhan herba	100	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Keistimewaan tumbuhan herba	100	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Menghargai pelbagai jenis herba	100	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Jenis-jenis dan nama tanaman herba Orang Asli							
Memahami bahagian dan fungsi tumbuhan herba	100	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya

Jadual 5.2.3 (Sambungan)

Isi Kandungan Kurikulum Perubatan Herba Orang Asli

Item	Peratus (%)	Med	Mod	Julat antara kuartil	Nilai konsensus pakar	Z	Tiada perbezaan yang signifikan antara jawapan pakar dalam pusingan 1 dan 2
Kegunaan herba							
Menganalisis bahagian tumbuhan	88.9	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Cara penggunaan herba							
Menganalisis tumbuhan dan bahagian	88.9	4.5	5	1	Tinggi	-1.414	Ya
Aplikasi pengetahuan tentang herba	88.9	5	5	1	Tinggi	-1.414	Ya
Herba untuk kesihatan umum							
Cara penggunaan	88.9	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Herba untuk penyakit kronik							
Jenis herba	83.3	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Cara penggunaan	83.3	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Herba untuk wanita bersalin							
Jenis herba	83.3	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Cara penggunaan	83.3	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Herba untuk kecantikan							
Jenis herba	88.9	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Cara penggunaan	88.9	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Cara menanam tumbuhan herba							
Penyediaan tapak	100	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Menyemai benih	100	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Pembibitan tumbuhan herba	94.5	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Cara penjagaan tumbuhan herba							
Menyiram	100	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Merumput	100	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Menggembur	100	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Membaja	100	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Pengawalan perosak dan penyakit	100	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya

Jadual 5.2.3(Sambungan)

Isi Kandungan Kurikulum Perubatan Herba Orang Asli

Item	Peratus (%)	Med	Mod	Julat antara kuartil	Nilai konsensus pakar	Z	Tiada perbezaan yang signifikan antara jawapan pakar dalam pusingan 1 dan 2
Tanaman Herba							
Tepus berdarah	100	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Tepus tanah	100	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Raja kayu	100	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Akar selinggot	100	4	4	0.5	Tinggi	-1.000	Ya
Mangkeng	100	4	4	1.3	Sederhana	-1.000	Ya
Siak-siak jantan	100	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Bisa ular	94.5	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Ulam raja	94.5	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Halia bara	94.5	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Periuk kera	94.5	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Pandan	94.5	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Senduduk putih	94.5	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Setawar/sedingin	94.5	4.5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Bonglai	94.5	5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Kunyit	94.5	4.5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Bunga Cempaka Putih	94.5	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Perah	94.5	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Lengkuas / berdak	94.5	4	4	1.3	Sederhana	-1.000	Ya
Lemba	94.5	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Ara tanah	94.5	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Dukung anak	94.5	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Ubi jaga	94.4	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Jeruju	94.4	4	4	0.2	Tinggi	-1.000	Ya
Jelipan	94.4	4	4	0.2	Tinggi	-1.000	Ya
Jerangau	94.4	4	4	0.2	Tinggi	-1.000	Ya
Kacip fatimah	94.4	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Karas/gaharu	94.4	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Kemoyang	94.4	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Gajah beranak	94.4	4	4	2	Tinggi	-1.000	Ya
Tenggek burung	94.4	4	4	0.2	Sederhana	-1.000	Ya
Dukung anak hijau	94.4	4	4	1.3	Sederhana	-1.000	Ya
Cendawan susu harimau	94.4	4	4	1.3	Sederhana	-1.000	Ya
Ketumbit hitam	94.4	4	4	2	Tiada konsensus	-1.000	Ya
Setawar	94.4	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Hempedu bumi	88.9	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Kemunting	88.9	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Lada hitam	88.9	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Mas cotek	88.9	4	4	0	Tinggi	-1.000	Ya
Mata itek	88.9	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya

Jadual 5.2.3(Sambungan)

Isi Kandungan Kurikulum Perubatan Herba Orang Asli

Item	Peratus (%)	Med	Mod	Julat antara kuartil	Nilai konsensus pakar	Z	Tiada perbezaan yang signifikan antara jawapan pakar dalam pusingan 1 dan 2
Misai kucing	88.9	4.5	5	1	Tinggi	-1.000	Ya
Tongkat Ali hitam	88.9	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Ipoh	88.9	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
All spice	88.9	4	4	2	Tiada konsensus	-1.000	Ya
Rumput babi	88.9	4	4	1	Tinggi	-1.000	Ya
Meroyan kabut	88.8	4	4	2	Tiada konsensus	-1.000	Ya
Analisis menunjukkan dapatan data bagi kesepakatan pakar terhadap kesesuaian elemen kemahiran dalam kurikulum model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli. Dalam item ini terdapat tujuh belas sub item kemahiran yang dimasukkan. Berdasarkan Jadual 6.9, majoriti pakar bersetuju dengan sub item 1.4.3 dengan nilai *defuzzification* (0.709). Ini menunjukkan kurikulum ini mampu membentuk kemahiran

berkongsi dan prihatin dalam kalangan murid-murid Orang Asli. Ini menjadikan sub item 1.4.3 berada pada kedudukan skor pertama dalam senarai keutamaan pakar berdasarkan persetujuan secara kolektif. Ini diikuti dengan sub item 1.4.5 dengan nilai *defuzzification* (0.707) yang menunjukkan kemahiran tanggung jawab. Hasil dapatan data juga menunjukkan pakar mencapai kesepakatan persetujuan untuk ‘sangat setuju’ dan ‘bersetuju’ terhadap semua sub item elemen kemahiran dalam kurikulum dengan nilai melebihi 0.60. Kedudukan mengikut persetujuan pakar bagi sub item 1.4.1-1.4.17 ditunjukkan dalam Jadual 6.9.

Jadual 6.10

Kesepakatan Pakar Terhadap Kesesuaian elemen nilai dalam kurikulum model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba

Item	Nilai Dalam Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	Penilaian Fuzzy (Fuzzy Evaluation)			Defuzzification	Kedudukan
1.5.1	Minat tentang alam sekeliling	7.7	10.6	13.6	0.709	3
1.5.2	Rajin menjalankan sesuatu perkara	6.6	9.6	12.6	0.640	7
1.5.3	Bertanggungjawab terhadap keselamatan diri dan rakan serta alam sekitar	7	10	13	0.667	5
1.5.4	Hormat-menghormati	6.6	9.6	12.6	0.640	7
1.5.5	Mensyukuri nikmat Tuhan	7.8	10.8	13.8	0.720	2
1.5.6	Penyayang	7.6	10.6	13.6	0.707	4
1.5.7	Bekerjasama	7.8	10.8	13.8	0.720	2
1.5.8	Berfikiran rasional	7.8	10.8	13.8	0.720	2
1.5.9	Mengamalkan kehidupan yang bersih dan sihat	7.6	10.6	13.6	0.707	4
1.5.10	Menghargai keseimbangan alam semula jadi	8.4	11.4	14.4	0.760	1
1.5.11	Sistematik	7	10	13	0.667	5
1.5.12	Yakin dan berdikari	7	10	13	0.667	5
1.5.13	Berani	6.7	9.6	12.6	0.642	6
1.5.14	Bangga pada tradisi	8.4	11.4	14.4	0.760	1
1.5.15	Memantapkan jati diri	7.8	10.8	13.8	0.720	2

Berdasarkan Jadual 6.10, dengan membandingkan nilai-nilai *defuzzification* bagi sub item, didapati sub item 1.5.10 dan sub item 1.5.14 menerima persetujuan persepakatan pakar yang tertinggi dengan masing-masing mencatatkan nilai *defuzzification* (0.760). Ini

menjadikan sub item 1.5.10 dan 1.5.14 berada pada kedudukan pertama dalam senarai keutamaan pakar berdasarkan kesepakatan persetujuan secara kolektif. Manakala sub item 1.5.5, sub item 1.5.7, sub item 1.5.8 dan sub item 1.5.15 berada di kedudukan yang sama iaitu kedua tertinggi yang menerima persetujuan kesepakatan pakar dengan nilai *defuzzification* 0.720. Sub item 1.5.2 dan sub item 1.5.4 pula mendapat tahap persetujuan pakar yang paling rendah dengan nilai *defuzzification* (0.640). Kedudukan mengikut keutamaan persetujuan pakar bagi setiap setiap sub item 1.5.1-1.5.15 ditunjukkan dalam Jadual 6.10.

Jadual 6.11

Kesepakatan Pakar Terhadap Kesesuaian elemen strategi pengajaran dalam kurikulum model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba

Item	Strategi Pengajaran Dalam Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	Penilaian Fuzzy (Fuzzy Evaluation)	Defuzzification	Kedudukan		
Teknik Pengajaran						
1.6.1	Teknik Projek	8	11	14	0.733	1
1.6.2	Teknik Inkuiri-Penemuan	7.1	10	13	0.669	4
1.6.3	Pembelajaran Kontekstual	7.3	10.2	13.2	0.682	3
1.6.4	Teknik Konstruktivisme	6.9	9.8	12.8	0.656	5
1.6.5	Eksperimen	7.6	10.6	13.6	0.707	2
Aktiviti						
1.6.6	Tugasan luar/amali	7.6	10.6	13.6	0.707	1
1.6.7	Menerima arahan guru	7.4	10.4	13.4	0.693	2
1.6.8	Memberi maklum balas	7.4	10.4	13.4	0.693	2
1.6.9	Mencari maklumat di internet	7	10	13	0.667	3
1.6.10	Perbincangan kumpulan	7.4	10.4	13.4	0.693	2

Berdasarkan Jadual 6.11, analisis dapatan secara keseluruhannya mendapati sub item 1.6.1-1.1.10, menerima penilaian kesepakatan pakar yang tinggi iaitu melebihi nilai *defuzzification* minimum iaitu 0.60. Ini menunjukkan bahawa semua pakar menyatakan kesepakatan ‘sangat bersetuju’ terhadap kesesuaian strategi pengajaran dalam kurikulum model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli.

Seterusnya berdasarkan nilai *defuzzification*, sub item 1.6.1 (teknik projek) di bawah teknik pengajaran berada pada kedudukan pertama dalam senarai keutamaan pakar berdasarkan kesepakatan persetujuan secara kolektif. Ini diikuti dengan sub item 1.6.5 (teknik eksperimen). Manakala bagi aktiviti yang sesuai pula ialah sub item 1.6.6 (Tugasan luar/amali) dengan mencatat nilai *defuzzification* (0.707) berada pada kedudukan pertama dalam senarai keutamaan pakar berdasarkan kesepakatan persetujuan secara kolektif. Ini dikuti dengan sub item 1.6.6, sub item 1.6.8 dan sub item 1.6.10 yang berada pada kedudukan kedua dalam senarai keutamaan pakar.

Jadual 6.12

Kesepakatan Pakar Terhadap Kesesuaian elemen pentaksiran dalam kurikulum model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba

Item	Pentaksiran Dalam Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	Penilaian Fuzzy (Fuzzy Evaluation)			Defuzzification	Kedudukan
1.7.1	Amali	6.9	9.8	12.8	0.656	1
1.7.2	Ujian lisan dan kuiz	6.8	9.8	12.8	0.653	2
1.7.3	Pemerhatian	6.6	9.6	12.6	0.640	3
1.7.4	Persembahan secara lisan	6.6	9.6	12.6	0.640	3
1.7.5	Folio	6.9	9.8	12.8	0.656	1

Hasil analisis dapatan data bagi item 1.7.1-1.7.5 (kesesuaian elemen pentaksiran dalam kurikulum model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli) menunjukkan kesepakatan persetujuan pakar secara kolektif terhadap sub item tersebut. Sub item 1.7.1 (amali) dan sub item 1.7.5 (folio) masing-masing mencatatkan nilai *defuzzification* (0.656) yang menjadikan sub item tersebut pada kedudukan pertama dalam senarai keutamaan pakar. Sub item 1.7.2 (ujian lisan dan kuiz) berada pada kedudukan kedua dengan nilai *defuzzification* 0.653 manakala sub item 1.7.3 (pemerhatian) dan sub item 1.7.4 (persembahan secara lisan) berada pada kedudukan ketiga dalam senarai pakar dengan nilai *defuzzification* 0.640. Ini menunjukkan bahawa semua pakar

mencapai sepakat untuk ‘bersetuju’ dengan pentaksiran yang sub item yang dicadangkan dalam model.

Jadual 6.13

Kesepakatan Pakar Terhadap Kesesuaian elemen tahap pelaksanaan kurikulum model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba

Item	Tahap Pelaksanaan Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	Penilaian Fuzzy (Fuzzy Evaluation)	Defuzzification	Kedudukan
1.8.1	Kurikulum ini dicadangkan pelaksanaannya pada Tahap 2 (Darjah 4,5,6) persekolahan	7 9.9 12.8	0.660	1

Berdasarkan Jadual 6.13, majoriti pakar bersetuju dengan item 1.8.1 dengan nilai *defuzzification* (0.660). Ini menunjukkan kesepakatan pakar secara kolektif terhadap kesesuaian tahap pelaksanaan kurikulum model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba adalah pada Tahap 2 persekolahan (Darjah 4,5,6).

Jadual 6.14

Kesepakatan Pakar Terhadap Kesesuaian elemen pelaksanaan kurikulum model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba

Item	Pelaksanaan Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	Penilaian Fuzzy (Fuzzy Evaluation)	Defuzzification	Kedudukan
1.9.1	Bersepada dengan KSSR	6.6 9.6 12.6	0.640	1
1.9.2	Sebagai aktiviti kokurikulum	6.5 9.3 12.2	0.622	2

Berdasarkan Jadual 6.14, majoriti pakar bersetuju dengan item 1.9.1 dengan *defuzzification* (0.640). Ini menunjukkan pelaksanaan kurikulum model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli ini sesuai dilaksanakan secara bersepada dengan KSSR di sekolah rendah pada masa depan. Ini menjadikan sub item 1.9.1 berada pada kedudukan pertama dalam senarai keutamaan pakar berdasarkan persetujuan secara kolektif. Ini diikuti dengan sub item 1.9.2 dengan nilai *defuzzification* (0.622) pada

kedudukan skor 2 yang menunjukkan pelaksanaan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli ini juga sesuai dilaksanakan sebagai aktiviti kokurikulum.

Jadual 6.15

Kesepakatan Pakar Terhadap Kesesuaian elemen jumlah herba yang sesuai diajar dalam kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba

Item	Jumlah Herba Yang Sesuai Diajar Dalam Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	Penilaian Fuzzy (Fuzzy Evaluation)			Defuzzification	Kedudukan
1.10.1	1 - 5	1.4	3.3	5.4	0.224	9
1.10.2	5 - 10	2	3.9	6	0.264	8
1.10.3	11 - 15	2.8	4.8	7.4	0.333	7
1.10.4	16 - 20	2.9	5	7.6	0.344	6
1.10.5	21 - 25	3.7	6.2	9	0.420	5
1.10.6	26 - 30	3.9	6.4	9.2	0.433	4
1.10.7	31 - 35	5.1	7.8	10.8	0.527	3
1.10.8	36 - 40	5.8	8.6	11.6	0.578	2
1.10.9	41 - 45	5.9	8.6	11.6	0.580	1
1.10.10	45 - 50	5.9	8.6	11.6	0.580	1

Analisis menunjukkan jumlah herba yang sesuai diajar dalam kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli. Berdasarkan Jadual 6.15, majoriti pakar bersetuju dengan item 1.10.9 dan 1.10.10 dengan nilai *defuzzification* (0.580). Walaupun sub item tersebut menerima kesepakatan pakar yang ‘sederhana setuju’, namun nilai *defuzzification* bagi sub item ini masih berada dalam julat ‘bersetuju’ oleh semua pakar yang dilantik.

Dapatan kajian kebolehgunaan model kurikulum berdasarkan ilmu Perubatan Herba Orang Asli.

Penilaian terakhir dalam model ini adalah kesepakatan pakar terhadap kebolehgunaan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli yang

dibangunkan ini untuk dilaksanakan di sekolah rendah Orang Asli pada masa depan dalam memenuhi keperluan khas pendidikan murid-murid Orang Asli

Jadual 6.16

Kesepakatan Pakar Terhadap Kebolehgunaan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli Untuk Sekolah rendah masa depan

Item	Kebolehgunaan Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	Penilaian Fuzzy (Fuzzy Evaluation)	Defuzzification	Kedudukan
2.1	Komponen kurikulum dalam model yang dibangunkan boleh digunakan dalam kurikulum perubatan herba masa depan untuk murid Orang Asli sama ada di dalam dan di luar kelas..	7.4 10.4 13.4	0.693	3
2.2	Objektif kurikulum dalam model yang dibangunkan boleh digunakan dalam kurikulum perubatan herba masa depan untuk murid Orang Asli sama ada di dalam dan di luar kelas.	7.8 10.8 13.8	0.720	1
2.3	Isi kandungan kurikulum dalam model yang dibangunkan boleh digunakan dalam kurikulum perubatan herba masa depan untuk murid Orang Asli sama ada di dalam dan di luar kelas	7.6 10.6 13.6	0.707	2
2.4	Kemahiran kurikulum dalam model yang dibangunkan boleh digunakan dalam kurikulum perubatan herba masa depan untuk murid Orang Asli sama ada di dalam dan di luar kelas	7.4 10.4 13.4	0.693	3
2.5	Nilai kurikulum dalam model yang dibangunkan boleh digunakan dalam kurikulum perubatan herba masa depan untuk murid Orang Asli sama ada di dalam dan di luar kelas	7.8 10.8 13.8	0.720	1
2.6	Pentaksiran kurikulum dalam model yang dibangunkan boleh digunakan dalam kurikulum perubatan herba masa depan untuk murid Orang Asli sama ada di dalam dan di luar kelas	5.7 8.6 11.6	0.576	7

Jadual 6.16 (Sambungan)

Kesepakatan Pakar Terhadap Kebolehgunaan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli Untuk Sekolah rendah masa depan

Item	Kebolehgunaan Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	Penilaian Fuzzy (Fuzzy Evaluation)	Defuzzification	Kedudukan
2.7	Strategi pengajaran kurikulum dalam model yang dibangunkan boleh digunakan dalam kurikulum perubatan herba masa depan untuk murid Orang Asli sama ada di dalam dan di luar kelas	7.2 10.2 13.2	0.680	4
2.8	Tahap pelaksanaan kurikulum dalam model yang dibangunkan boleh digunakan dalam kurikulum perubatan herba masa depan untuk murid Orang Asli sama ada di dalam dan di luar kelas	7 10 13	0.667	5
2.9	Cara pelaksanaan kurikulum dalam model yang dibangunkan boleh digunakan dalam kurikulum perubatan herba masa depan untuk murid Orang Asli sama ada di dalam dan di luar kelas	7.2 10.2 13.2	0.680	4
2.10	Pembahagian domain pengetahuan, pelaksanaan dan pentaksiran boleh digunakan dalam model yang dibangunkan ini.	6.8 9.8 12.8	0.653	6
2.11	Model kurikulum perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah Orang Asli memberi gambaran yang jelas mengenai bagaimana pembelajaran perubatan herba dapat dijalankan di sekolah.	7 10 13	0.667	5
2.12	Isi kandungan pembelajaran perubatan herba yang dibangunkan dalam model kurikulum perubatan herba ini adalah praktikal dalam menjalankan pembelajaran perubatan herba seperti yang ditunjukkan dalam model.	7.2 10.2 13.2	0.680	4
2.13	Model yang dibangunkan ini, dengan jelas menunjukkan bagaimana ilmu perubatan herba Orang Asli dapat membentuk pengalaman pembelajaran yang holistik kepada murid Orang Asli	6.8 9.8 12.8	0.653	6

Jadual 6.16 (Sambungan)

Kesepakatan Pakar Terhadap Kebolehgunaan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli Untuk Sekolah rendah masa depan

Item	Kebolehgunaan Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	Penilaian Fuzzy (Fuzzy Evaluation)	Defuzzification	Kedudukan
2.14	Model yang dibangunkan dengan jelas menunjukkan bagaimana kurikulum perubatan herba Orang Asli ini boleh menggalakkan dan memantapkan pegangan nilai murid Orang Asli bagi mengukuhkan ilmu mereka.	6.8 9.8 12.8	0.653	6
2.15	Model yang dibangunkan ini secara khususnya membantu kanak-kanak Orang Asli meningkatkan nilai dan amalan tradisi masyarakat Orang Asli bagi mengukuhkan identiti serta jati diri murid Orang Asli.	7 10 13	0.667	5
2.16	Model yang dibangunkan dengan jelas menunjukkan bagaimana elemen kurikulum perubatan herba ini saling berhubung dengan elemen yang lain dalam penerapan nilai kepada murid Orang Asli	7.2 10.2 13.2	0.680	4
2.17	Model yang dibangunkan ini secara khususnya dapat membantu murid Orang Asli untuk mencapai keperluan khas pembelajaran.	7 10 13	0.667	5
2.18	Model yang dibangunkan ini secara khususnya dapat membantu murid Orang Asli meningkatkan penyertaan dalam sistem pendidikan formal.	7.2 10.2 13.2	0.680	4
2.19	Model yang dibangunkan ini boleh digunakan sebagai garis panduan kepada perancang kurikulum atau pelaksana kurikulum untuk mengintergrasikan elemen kurikulum perubatan herba dengan pembelajaran yang menggunakan kurikulum kebangsaan.	6.8 9.8 12.8	0.653	6
2.20	Model yang dibangunkan ini boleh digunakan sebagai contoh untuk membangunkan lain-lain model pembelajaran perubatan herba bagi memenuhi keperluan khas pendidikan murid Orang Asli	7.4 10.4 13.4	0.693	3

Analisis dapatan bagi item 2 (kebolehgunaan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan) menunjukkan kesepakatan persetujuan pakar secara kolektif ‘bersetuju’ terhadap kebolehgunaan model yang dibangunkan. Berdasarkan Jadual 6.16, majoriti pakar bersetuju dengan sub item 2.2 dengan nilai *defuzzification* (0.720). Ini menunjukkan objektif kurikulum dalam model yang dibangunkan boleh digunakan dalam kurikulum perubatan herba masa depan untuk murid Orang Asli sama ada di dalam dan di luar kelas. Selain itu, sub item 2.5 juga mempunyai nilai *defuzzification* (0.720) yang menunjukkan nilai kurikulum dalam model yang dibangunkan boleh digunakan dalam kurikulum perubatan herba masa depan untuk murid Orang Asli sama ada di dalam dan di luar kelas. Ini menjadikan sub item 2.2 dan 2.5 berada pada kedudukan skor pertama dalam senarai keutamaan pakar berdasarkan kesepakatan persetujuan secara kolektif. Kedudukan mengikut persetujuan pakar bagi item 2.2-2.20 ditunjukkan dalam Jadual 6.16.

Rumusan Dapatan Fasa Penilaian

Secara keseluruhannya, analisis dapatan kajian daripada 10 tema kesesuaian elemen dalam model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan dan 1 tema kebolehgunaan model dapat dirumuskan berdasarkan Jadual 6.17. Paparan jadual menjelaskan nilai *fuzzy evaluation*, *defuzzification* dan kedudukan (*ranking*) bagi item yang mencapai konsensus pakar yang tertinggi. Kedudukan item menunjukkan tahap kesepakatan pakar berkaitan aspek tersebut berbanding item yang lain. Kedudukan skor 1 menunjukkan pangkat tertinggi yang konsisten berdasarkan nilai *defuzzification* yang tinggi untuk item tertentu.

Jadual 6.17

Kesepakatan Pakar Terhadap Kebolehgunaan Keseluruhan Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba Orang Asli Untuk Sekolah rendah masa depan

Item	Kebolehgunaan Kurikulum Berasaskan Ilmu Perubatan Herba	Penilaian Fuzzy (Fuzzy Evaluation)			Defuzzification	Kedudukan
1.1	Komponen kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli	6.9	9.9	12.7	0.661	6
1.2	Objektif kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli	7.3	10.3	13.3	0.689	3
1.3	Isi kandungan kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli	7.0	10.1	13.1	0.674	4
1.4	Kemahiran dalam kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli	7.0	9.3	13.0	0.664	5
1.5	Nilai dalam kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli	7.5	10.4	13.4	0.696	1
1.6	Strategi pengajaran dalam kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli	7.4	10.3	13.3	0.690	2
1.7	Pentaksiran dalam kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli	6.8	9.7	12.7	0.649	8
1.8	Tahap pelaksanaan kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli	7	9.9	12.8	0.660	7
1.9	Pelaksanaan kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli	6.6	9.5	12.4	0.631	9
1.10	Bilangan tanam herba yang sesuai diajar	4.0	6.3	9.0	0.428	10
2.0	Kebolehgunaan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan	7.1	10.1	13.1	0.674	4

Namun, penemuan yang paling penting dalam Fasa III kajian ini adalah kesepakatan pakar terhadap penilaian model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan yang diinterpretasikan melalui nilai *defuzzification* bagi setiap item.

Secara keseluruhannya, daripada dapatan yang dibentangkan dalam fasa ini, nilai *defuzzification* untuk semua item soal selidik melebihi nilai minimum sebanyak 0.60. Ini menunjukkan satu penemuan konklusif bahawa pakar mencapai kesepakatan dan konsensus bersetuju dengan semua item dalam penilaian model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli.

Kesimpulannya, berdasarkan konsensus penilaian pakar terhadap model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli mendapati bahawa pakar mencapai kesepakatan yang tinggi supaya model ini sesuai untuk diperaktikkan kebolehgunaannya dan dijadikan sebagai panduan dalam membangunkan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan.

BAB VII

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Bab ini dimulakan dengan ringkasan kajian, diikuti perbincangan dapatan kajian, implikasi dapatan kajian, cadangan kajian lanjutan dan rumusan. Bahagian ringkasan kajian memerihalkan penyataan masalah, tujuan kajian, kaedah kajian, persampelan, kaedah pengumpulan dan penganalisisan data. Seterusnya, perbincangan dapatan kajian merangkumi soal selidik fasa pertama, dapatan Teknik Delphi Ubah Suaian dan dapatan Teknik Fuzzy Delphi dalam fasa ketiga. Implikasi dapatan kajian terhadap teoritis dan amalan turut dimuatkan di dalam bab ini. Akhirnya, penyelidik mencadangkan beberapa kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan oleh penyelidik pada masa akan datang.

Ringkasan Kajian

Kajian ini berasaskan isu dalam pendidikan masyarakat Orang Asli dari dahulu hingga sekarang. Antara isu yang sering menjadi fokus ialah masalah keciciran, masalah ketidakhadiran, serta masalah literasi dan numerasi. Seterusnya, kajian yang menghubungkan ilmu masyarakat Orang Asli dalam bidang perubatan herba dilihat berpotensi untuk menarik minat murid Orang Asli ke sekolah. Maka tujuan utama kajian ini adalah untuk membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan.

Kajian ini telah dijalankan dalam tiga fasa. Fasa pertama kajian ialah kajian analisis keperluan. Data dikumpul menerusi soal selidik ke atas 100 orang guru sekolah yang ada murid Orang Asli dari daerah Petaling Perdana.

Seterusnya, fasa kedua ialah reka bentuk dan pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan yang merupakan bahagian utama kajian. Data awal dikumpul menerusi temu bual ke atas 7 orang pakar yang ditemakan dan dibentuk soal selidik. Data reka bentuk dikumpul

menerusi Teknik Delphi Ubah Suaian yang melibatkan 18 orang panel pakar terdiri daripada pensyarah bidang kajian kependudukan yang mengkaji tumbuhan perubatan Orang Asli, pensyarah Orang Asli bidang antropologi (etnografi) pengajian Orang Asli; Pribumi Malaysia, Sarjana Tamu dan Ahli Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Orang Asli, Pegawai Penyelidik *Environmental Sociologist*, Pegawai Penyelidik *Traditional Knowledge*, Pegawai Penyelia Sekolah Orang Asli, pegawai Pusat Perkembangan Kurikulum bidang Kurikulum dan Pedagogi Orang Asli dan Penan, pegawai penyelidik EPRD bidang pembangunan masyarakat Orang Asli, Guru Besar Sekolah Kebangsaan (Asli), Yang Di Pertua Sekolah Rendah Orang Asli, guru Orang Asli, Tok Batin, bidan Orang Asli, dan AJK JKK kampung Orang Asli. Seterusnya kajian juga menggunakan kajian tinjauan ke atas 144 orang guru yang mengajar di 11 buah sekolah rendah Asli negeri Selangor.

Fasa ketiga kajian ialah penilaian kebolehgunaan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli yang telah dibangunkan. Pengumpulan data berkaitan penilaian model ini dijalankan dengan pendekatan *Fuzzy Delphi*. Pakar penilai terdiri daripada 15 orang pakar pelbagai bidang berkaitan pendidikan Orang Asli iaitu, profesor madya Orang Asli, pensyarah Orang Asli, pensyarah etnografi Orang Asli, pakar kurikulum, penyelidik Orang Asli dari EPRD dan FRIM, aktivis Orang Asli dari SUHAKAM, pegawai Bahagian Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (Unit Projek Khas) dan pegawai Bahagian Pembangunan Minda dan Pendidikan JAKOA.

Dalam fasa pertama kajian iaitu fasa keperluan, 100 orang guru telah menjawab soalan soal selidik tentang pandangan dan pengetahuan mereka serta keperluan membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli.

Seterusnya, dalam fasa kedua kajian, iaitu fasa pembangunan yang melibatkan fasa reka bentuk, analisis temu bual dengan tujuh orang pakar telah membentuk elemen untuk

soal selidik Teknik Delphi Ubah Suaian. Elemen-elemen utama soal selidik Teknik Delphi Ubah Suaian ialah komponen kurikulum, objektif, isi kandungan, kemahiran, nilai, aktiviti pelaksanaan, pentaksiran, peringkat pelaksanaan dan cara pelaksanaan. Hasil analisis kesepakatan 18 orang pakar dari Teknik Delphi Ubah Suaian telah digunakan untuk mereka bentuk model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli. Kajian ini menunjukkan bahawa pakar telah mencapai konsensus yang tinggi pada item yang dipilih dalam membuat keputusan terhadap elemen dalam model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan. Dalam bahagian kedua fasa pembangunan tersebut, prototaip model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli telah dibangunkan.

Akhirnya, prototaip model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli dinilai oleh pakar menerusi Teknik *Fuzzy Delphi* ke atas 15 orang pakar. Model ini dinilai dalam 2 aspek iaitu kesesuaian elemen dalam model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli dan kebolehgunaan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli yang telah dibangunkan.

Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu perbincangan dapatan analisis keperluan, dapatan kajian fasa kedua iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan, serta dapatan fasa ketiga iaitu penilaian. Berikut ialah perbincangan dapatan secara terperinci.

Perbincangan Dapatan Analisis Keperluan

Perbincangan dapatan kajian dalam bahagian ini selaras dengan soalan kajian 1 iaitu “Apakah keperluan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli

untuk sekolah rendah masa depan” Berikut merupakan perbincangan dapatan analisis keperluan.

Bagi menjawab soalan kajian tersebut, satu set soal selidik telah digunakan yang menjurus kepada dapatan kajian tentang:

- 1) Pandangan guru tentang ilmu perubatan herba Orang Asli kepada murid Orang Asli
- 2) Pandangan guru tentang pembangunan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli
- 3) Pandangan guru tentang kesediaan untuk menjalankan kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli
- 4) Pengetahuan guru tentang perubatan herba

Hasilan soal selidik yang telah dijalankan ke atas 100 orang guru sekolah yang ada murid Orang Asli di dua buah sekolah daerah Petaling Perdana menunjukkan dalam konteks kajian ini, hasil dapatan terhadap pandangan guru tentang ilmu perubatan herba Orang Asli menunjukkan responden bersetuju bahawa herba Orang Asli mempunyai pengetahuan tentang perubatan herba. Hal ini selaras dengan dapatan kajian lalu yang menyatakan bahawa Orang Asli sangat berpengetahuan luas tentang ilmu berkaitan tumbuh-tumbuhan ubatan (Hood Salleh et al, 2009; Itam Wali Nawan, 1993; Kamaruzaman Yahya, 1998; Mustafa Omar & Zanisah Man, 2010; Zainon Abu Samah, 2002).

Secara keseluruhan, dalam konteks kajian ini, responden bersetuju bahawa kurikulum perubatan herba dapat memberi sumbangan terhadap penerapan nilai kepada murid-murid Orang Asli. Di samping itu, responden juga mempunyai pandangan bahawa kurikulum perubatan herba dapat memberi kesan yang positif kepada murid Orang Asli selepas mereka tamat persekolahan. Dapatan ini selari dengan hasrat Kementerian

Pendidikan Malaysia (2012) yang telah menggariskan tujuh teras strategi untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan masyarakat Orang Asli.

Seterusnya dalam konteks kajian ini, pandangan guru tentang pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli dari aspek objektif menunjukkan responden bersetuju dengan objektif yang boleh dicapai oleh murid Orang Asli melalui kurikulum perubatan herba ini. Manakala keseluruhan responden juga bersetuju dengan standard model kurikulum perubatan herba yang hendak dicapai. Hasil dapatan kepentingan model kurikulum perubatan herba ini untuk diajar kepada murid Orang Asli dan guru-guru di sekolah Orang Asli telah mendapat persetujuan responden dalam kajian fasa ini. Sehubungan itu, keseluruhan responden dalam kajian fasa ini turut bersetuju tentang keperluan membangunkan model kurikulum perubatan herba di sekolah rendah Orang Asli. Dapatan kajian ini sangat relevan untuk mengatasi permasalahan dan isu yang terdapat dalam pendidikan masyarakat Orang Asli seperti keciciran, tidak minat ke sekolah, jemu dan bosan seterusnya boleh memberi impak yang diharapkan dalam Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli (PTPOA 2013-2017). Hasil dapatan ini juga boleh memenuhi saranan Hood Salleh (1980) yang telah mencadangkan agar '*culturally sensitive strategies*; dilaksanakan untuk mengatasi masalah keciciran pendidikan murid-murid Orang Asli ini.

Dapatan kajian fasa analisis keperluan dalam konteks kajian ini mendapati pandangan guru tentang kesediaan guru terhadap kurikulum berasaskan perubatan herba Orang Asli secara keseluruhannya adalah rendah. Begitu juga dengan pandangan guru terhadap kesediaan guru dari aspek pengetahuan guru dalam aspek perubatan herba Orang Asli yang keseluruhannya adalah rendah. Pandangan guru tentang tahap kesediaan kemahiran guru mengenai perubatan herba Orang Asli turut mencatatkan peratusan yang rendah. Seterusnya pandangan guru tentang tahap kesediaan sikap guru terhadap kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli pula menunjukkan tahap agak

tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa cadangan untuk membangunkan kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli perlu diberi perhatian terhadap aspek pengetahuan serta kemahiran guru mengenai perubatan herba Orang Asli. Ini bererti, latihan serta kursus perlu diberikan sebelum implementasi model kurikulum ini. Hal ini demikian kerana dapatan kajian mendapati kesediaan guru dalam aspek sikap terhadap kurikulum perubatan herba ini sangat tinggi. Hasil dapatan ini sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Norlidah Alias, Mohd Nazri Abdul Rahman dan Saedah Siraj (2013) yang mendapati bahawa guru-guru yang mengajar di sekolah Orang Asli bersikap positif dan berkomitmen tinggi dalam melaksanakan pedagogi berasaskan komuniti khususnya sosiobudaya masyarakat Orang Asli.

Seterusnya, dalam konteks kajian ini, dapatan kajian fasa analisis keperluan juga menunjukkan analisis dapatan pengetahuan guru tentang ilmu perubatan herba Orang Asli mendapati keseluruhannya adalah rendah dan peratusan yang agak rendah juga terhadap nama tumbuhan herba Orang Asli.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan majoriti 100 orang guru Orang Asli dalam fasa analisis ini menyokong model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah Orang Asli ini dibangunkan. Oleh itu, wujud keperluan untuk membangunkan model ini selaras dengan hasrat pendidikan negara dan antarabangsa yang menekankan pendidikan pembangunan lestari, kepelbagaian budaya dan pemuliharaan biodiversiti (UNESCO, 2012; Pelan Tindakan PBB, 2005-2014). Di samping itu, usaha ini dapat memberi kesedaran untuk terus memulihara kepelbagaian biologi sebagaimana salah satu objektif yang dianjurkan oleh Konvensyen Kepelbagaian Biologi (Convention on Biological Diversity 1993 –CBD).

Oleh itu, berdasarkan analisis keperluan yang dijalankan kepada 100 guru yang mengajar murid orang Asli ini, beberapa kesimpulan dapat dibuat berkaitan keperluan pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli. Dalam

menangani isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli, aplikasi model kurikulum perubatan herba ini merupakan satu bentuk cadangan pendidikan yang boleh dipertimbangkan oleh semua pihak. Murid Orang Asli perlu diberi peluang untuk mendapatkan pendidikan yang terbaik (Fatan Hamamah Yahya, 2008; SUHAKAM, 2010). Masyarakat Orang Asli mahukan modul pendidikan yang melambangkan identiti/jati diri Orang Asli yang meliputi sistem sosial dan budaya mereka (Nicholas, 2008; Mohd Nazri Abdul Rahman, Norlidah Alias & Saedah Siraj, 2012; Aniza Mohd Said, Mohd Nazri Abdul Rahman, Norlidah Alias & Saedah Siraj, 2014). Maka, wujud keperluan untuk membangunkan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli agar kebijaksanaan mereka dalam bidang perubatan herba tidak pupus begitu sahaja selain dapat mengekalkan tradisi budaya mereka. Hal ini demikian kerana pedagogi yang memupuk perasaan *sense of ownership* terhadap ilmu yang dipelajari mampu menarik minat pembelajaran dalam kalangan pelajar Orang Asli (Battiste, M, 2002). Situasi ini juga pastinya akan memberi lebih keyakinan kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anaknya ke sekolah kerana segala kemahiran, amalan tradisi serta pegangan hidup yang ingin diwariskan kepada anak-anak dipenuhi dalam model kurikulum berdasarkan perubatan herba Orang Asli ini.

Kesimpulannya, dalam usaha memperkasa pendidikan masyarakat Orang Asli nilai-nilai utama dalam pendidikan peribumi perlu diberi perlu diambil kira merangkumi identiti, keterkaitan, keterangkuman, ketimbalbalikan, pemupukan dan menghormati (Mustaffa Omar et al, 2012). Justeru melalui pembangunan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli ini diharap mampu membangunkan personaliti dalam murid-murid Orang Asli dengan tradisi budaya yang mereka warisi (Mohd Nazri Abdul Rahman, Norlidah Alias, Saedah Siraj & Dorothy Dewitt, 2014).

Perbincangan Dapatan Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Perbincangan dapatan kajian dalam bahagian ini selaras dengan soalan kajian 2 iaitu “Apakah reka bentuk model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli di Sekolah rendah masa depan?”.

- 2.5) Apakah matlamat dan kandungan yang sesuai dalam kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli mengikut konsensus pakar?
- 2.6) Apakah strategi pengajaran dan kaedah penilaian berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan mengikut konsensus pakar?

Berikut merupakan perbincangan dapatan fasa reka bentuk dan pembangunan. Dalam konteks kajian ini, dapatan Teknik Delphi Ubah Suaian telah menggariskan komponen utama khususnya berkaitan matlamat serta isi kandungan yang bersesuaian dalam kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli.

Secara keseluruhannya dapatan kajian fasa reka bentuk menunjukkan kesepakatan pakar telah menyenaraikan komponen kurikulum, objektif, isi kandungan, kemahiran, nilai, aktiviti pelaksanaan, pentaksiran, peringkat pelaksanaan dan cara pelaksanaan. Dapatan analisis kajian telah menyenaraikan item-item yang bersesuaian yang telah mencapai konsensus yang tinggi dan telah disusun berdasarkan kepada peratus, median dan mod. Dalam elemen komponen kurikulum, kesemua item telah mencapai kesepakatan yang tinggi iaitu dengan pemilihan yang teratas ialah komponen kemahiran, diikuti komponen tugasan luar./amali, komponen pengetahuan, komponen nilai murni dan komponen latihan yang perlu diterapkan dalam kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli.

Seterusnya, bagi dapatan kajian konsensus yang tinggi terhadap elemen objektif pula menunjukkan objektif yang utama ialah menyemai nilai murni dalam menjaga alam sekitar diikuti memahami keperluan menjaga alam sekitar. Kedua-dua objektif ini selari

dengan saranan Mukaddes & Angelo (2009) tentang pendidikan untuk kelestarian yang membolehkan murid-murid mengintegrasikan pertimbangan persekitaran secara berhemah. Manakala objektif lain yang berkaitan dengan kemahiran dan kecekapan penggunaan herba membolehkan murid-murid Orang Asli untuk mengaplikasi pengetahuan dan mengukuhkan jati diri mereka selaras dengan Artikel 8 (j) dalam Konvensyen CBD yang jelas menyatakan tanggungjawab negara untuk mengambil tindakan bagi menghormati, memulihara dan mengekalkan pengetahuan, inovasi dan amalan masyarakat Orang Asli. Oleh itu wajarlah terdapat pakar yang telah mencadangkan agar menggunakan teknologi dalam perusahaan herba ini turut dimasukkan dalam objektif kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli ini selaras dengan konsep inovasi tersebut.

Analisis dapatan bagi isi kurikulum perubatan herba pula menunjukkan konsensus pakar dalam menentukan isi pelajaran untuk model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba ini iaitu bermula dengan pengenalan kepada perubatan herba Orang Asli, diikuti jenis-jenis dan nama tanaman herba Orang Asli, kegunaan herba dan cara penggunaan herba. Seterusnya, pembahagian jenis herba dan cara penggunaan kategori herba iaitu herba untuk kesihatan umum, herba untuk penyakit minor, herba untuk kecantikan, herba untuk penyakit kronik dan herba untuk wanita bersalin turut mendapat konsensus yang tinggi. Begitu juga dengan cara menanam dan penjagaan tumbuhan herba yang turut mendapat konsensus tinggi dari pakar. Bagaimanapun dari aspek tanaman herba yang boleh diajar kepada murid-murid, daripada 56 jenis herba yang dicadangkan, hanya 47 sahaja yang mendapat konsensus oleh pakar. Sembilan jenis herba yang tidak mendapat konsensus pakar ialah ketumbit hitam, *all spice*, meroyan kabut, gasing bukit, hancing Ali, Pinang pacat/cok ribu, keladi murai, ketambi jantan dan pokok tuba. Meskipun begitu, isi kandungan yang telah mendapat konsensus pakar ini boleh diaplikasikan dalam pendidikan murid-murid Orang Asli pada masa depan dengan tujuan ilmu perubatan mereka ini tidak

hilang kerana seperti yang dinyatakan oleh Itam Wali Nawan (1993) bahawa nilai dan etos Orang Asli banyak diwarnai oleh keadaan alam sekeliling.

Konsensus pakar yang tinggi juga diperoleh ke atas elemen kemahiran yang boleh diterapkan dalam kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan ini yang bermula dengan pembangunan intelektual. Dapatan ini selaras dengan kesimpulan yang telah dibuat oleh Mohammad Johdi Salleh dan Abdul Razaq Ahmad (2009) tentang kesedaran pendidikan dalam masyarakat Orang Asli bahawa setiap individu mempunyai potensi untuk berjaya.

Dapatan kajian tentang nilai yang boleh diterapkan dalam model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli ini juga mendapat konsensus yang tinggi oleh pakar. Nilai yang mendapat konsensus paling utama ialah minat tentang alam sekeliling. Dalam hal ini memang tidak dinafikan bahawa masyarakat Orang Asli memang mempunyai hubungan yang kuat dengan alam sekeliling (Itam Wali Nawan, 1993; Hood Salleh et al, 2009; Hanina H. Hamsan & Asnarulkhadi Abu Samah, 2008).

Selain itu, pakar juga mencapai konsensus terhadap strategi pengajaran dan kaedah penilaian yang bersesuaian bagi pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli. Dapatan kajian ini telah menyenaraikan aktiviti pelaksanaan pengajaran yang sesuai ialah teknik projek, diikuti teknik inkuiri-penemuan, pembelajaran kontekstual, teknik konstruktivisme dan eksperimen. Manakala bagi aktiviti pembelajaran pula aktiviti yang utama ialah tugas luar/amali, menerima arahan guru, memberi maklum balas, mencari maklumat di internet dan perbincangan kumpulan. Di samping itu juga, konsensus pakar terhadap elemen pentaksiran sebagai kaedah penilaian yang sesuai untuk kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli ini telah diperoleh iaitu yang utama ialah amali, diikuti dengan ujian lisan dan kuiz, pemerhatian, persempahan secara lisan dan folio.

Seterusnya kurikulum ini mendapat konsensus tinggi pakar untuk peringkat pelaksanaannya yang dicadangkan pada Tahap Dua iaitu Darjah 4, 5 dan 6. Cara pelaksanaan kurikulum yang mendapat konsensus tinggi pula dicadangkan oleh pakar untuk dilaksanakan secara bersepadu dengan KSSR dan juga sebagai aktiviti kokurikulum.

Dalam konteks kajian ini, dapatan dari kajian tinjauan juga menunjukkan konsensus yang tinggi bagi setiap elemen dan item yang dicadangkan. Hanya tiga item yang tidak mendapat konsensus iaitu dua elemen isi kandungan dari item tanaman herba dan satu daripada elemen cara pelaksanaan iaitu item sebagai satu mata pelajaran. Ini menunjukkan bahawa pakar pelaksana turut bersetuju akan kesesuaian elemen-elemen yang terkandung dalam model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli ini.

Secara ringkasnya, dapatan rumusan teknik Delphi Ubah Suaian bagi reka bentuk model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli dapat memberi ruang dan peluang kepada pihak berkepentingan untuk membangunkan pendidikan masyarakat Orang Asli sesuai dengan budaya mereka. Dapatan kajian ini mengisi jurang dalam menentukan kurikulum yang sesuai untuk pendidikan murid-murid Orang Asli pada masa depan. Rumusan teknik Delphi Ubah Suaian dapat memberi garis panduan kepada pihak KPM dan JAKOA dalam merealisasikan Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli (2013-2017).

Perbincangan Dapatan Fasa Penilaian

Perbincangan dapatan kajian dalam bahagian ini selaras dengan soalan kajian 3 iaitu: Soalan 3: Apakah kebolehgunaan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli dalam memenuhi keperluan khas pendidikan khas murid-murid Orang Asli? Berikut merupakan perbincangan dapatan fasa penilaian.

Dapatan soal selidik melalui Teknik *Fuzzy Delphi* secara keseluruhannya menunjukkan kesepakatan pakar terhadap penilaian tahap kebolehgunaan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli yang telah dibangunkan. Berdasarkan

persoalan kajian, model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan ini dinilai berdasarkan dua aspek utama iaitu :

- 1) kesepakatan pakar mengenai kesesuaian elemen dalam model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli
- 2) kesepakatan pakar terhadap kebolehgunaan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli

Dalam konteks kajian ini, proses penilaian model telah melibatkan 15 orang pakar dari pelbagai bidang yang berkaitan dengan pendidikan murid Orang Asli. Dalam fasa ini pakar-pakar dikehendaki mengisi satu set borang soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian I (maklumat latar belakang pakar) dan bahagian II (penilaian terhadap model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan). Bahagian II penilaian model ini mengandungi 123 sub item dalam 2 konstruk.

Berdasarkan nilai *threshold*, “*d*” dan nilai *defuzzification*, dapatan analisis kajian mendapati bahawa kesemua pakar mencapai kesepakatan untuk bersetuju dengan dua aspek penilaian model ini iaitu kesesuaian elemen dalam model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli dan kebolehgunaan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli. Ini menunjukkan bahawa pakar mencapai konsensus bersetuju bahawa model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli sesuai dijadikan garis panduan kepada pihak berkepentingan untuk dilaksanakan di sekolah Orang Asli pada masa depan.

Seterusnya, dapatan kajian ini juga memperincikan bagaimana pelaksanaan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli ini boleh dilaksanakan bagi memenuhi keperluan khas murid-murid Orang Asli.

Implikasi Kajian

Bahagian ini merupakan perbincangan tentang implikasi dan cadangan kajian berdasarkan perbincangan dapatan kajian sebelum ini. Terdapat dua implikasi utama hasil daripada dapatan kajian lalu iaitu implikasi teoritis dan implikasi amalan. Implikasi teoritis merujuk kepada perbincangan untuk membandingkan hasil dapatan kajian dengan teori yang digunakan dalam kajian. Manakala implikasi amalan ialah langkah-langkah yang disarankan diambil tindakan oleh pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, guru di sekolah Orang Asli, murid Orang Asli dan sumbangan kepada ilmu bidang. Berikut merupakan perbincangan berkaitan implikasi dan cadangan kajian.

Implikasi dan Cadangan Terhadap Teoritis

Dalam perbincangan berkenaan implikasi terhadap teori, pelaksanaan kurikulum memerlukan perancangan yang strategik untuk memastikan cadangan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli ini relevan dengan kehendak masa depan. Kajian ini menggabungkan tiga teori iaitu model kurikulum Hunkins (1980), model kurikulum masa depan Slaughter (1996) dan teori Konstrukstivisme Sosial oleh Vygotsky yang menjadi asas kepada kerangka teori kajian ini dan selaras dengan hasil dapatan kajian.

Kajian ini telah menghasilkan suatu pengukuhan terhadap kerangka teori kajian yang dibina dalam kajian ini dan turut memberi implikasi langsung terhadap penghasilan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan yang terbukti praktikal seperti yang telah dinilai oleh kumpulan pakar melalui Teknik *Fuzzy Delphi*. Hasil daripada dapatan dan perbincangan kajian, telah membentuk prototaip model yang meliputi empat aspek utama pembinaan kurikulum iaitu matlamat, kandungan, implementasi dan penilaian yang telah diintegrasikan menerusi elemen komponen kurikulum, objektif, isi kandungan, kemahiran, nilai, strategi pengajaran dan

pembelajaran, dan penilaian yang didapati sesuai untuk diperaktikkan kerana memenuhi keperluan khas pendidikan murid-murid Orang Asli dan hasrat masyarakat Orang Asli.

Dalam konteks kajian ini, model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah masa depan telah dibangunkan menerusi kajian reka bentuk dan pembangunan. Fasa pertama kajian ini iaitu analisis keperluan yang menggunakan pendekatan kajian tinjauan iaitu soal selidik bagi mendapatkan keperluan pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba dengan merujuk kepada tujuan, matlamat dan objektif yang perlu dicapai dalam model Hunkins (1980) yang digariskan dalam fasa mengkonsepsikan kurikulum dan mendapat kesahan, serta fasa diagnosis. Secara ringkasnya berasaskan kerangka Model Hunkins (1980), kajian ini mencadangkan bahawa wujud keperluan untuk membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli sebagai satu mata pelajaran khusus di sekolah rendah pada masa depan dan membolehkan guru mengajar mata pelajaran tersebut.

Seterusnya fasa kedua kajian iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan menggunakan Teknik Delphi Ubah Suaian. Berdasarkan model Hunkins (1980), fasa kedua ini merujuk kepada pembentukan mata pelajaran yang digaris dalam fasa pemilihan kandungan, pelaksanaan dan penilaian yang sesuai dibangunkan sebagai model. Seramai 18 orang pakar terlibat dalam proses mereka bentuk dan membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli yang kemudian dipadankan dengan tinjauan ke atas 144 orang pakar pelaksana menerusi pendekatan Delphi Ubah Suaian. Dapatkan kajian daripada model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan yang dibangunkan ini memberi implikasi kepada penentuan komponen kurikulum, objektif, isi kandungan, kemahiran, nilai, strategi pengajaran dan pentaksiran yang sesuai dengan murid-murid Orang Asli.


Dalam fasa ketiga kajian iaitu fasa penilaian kebolehgunaan model, model Hunkins (1980) digunakan untuk merujuk kepada aspek pengekalan yang melibatkan cara untuk

mengurus kurikulum supaya berkesan sesuai dengan keperluan pendidikan masyarakat Orang Asli. Pendekatan *Fuzzy Delphi* digunakan dalam fasa ini untuk menilai kesesuaian dan kebolehgunaan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan yang dibangunkan mengikut pandangan pakar. Pendekatan ini membolehkan ramai pakar dilibatkan meliputi pelbagai aspek penilaian. Oleh itu, berdasarkan kajian ini, jelas bahawa model kurikulum Hunkins (1980) boleh diaplikasikan dalam membangunkan model kurikulum berasaskan perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan.


Seterusnya melalui teori konstruktivisme sosial oleh Vygotsky pula, prestasi pelajar dapat dikembangkan melalui kemahiran dan ilmu dengan mendapat bantuan daripada orang dewasa ataupun kerjasama dengan rakan dalam zon perkembangan prokimal. Dalam aspek kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli, proses ini berlaku secara langsung dan tidak langsung melalui interaksi interpersonal di sekitarnya. Ini menunjukkan bahawa dalam teori Vygotsky, konteks pembelajaran sosial ditekankan terutamanya dalam proses *scaffolding* yang dianggap sebagai peranca atau penyokong yang berbentuk bantuan sosial dalam ZPD. Proses ini bergerak daripada komunikasi sosial luaran kepada proses metakognisi dalam seseorang murid bagi mengembangkan pemikirannya supaya dapat memilih strategi yang efektif dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Kefahaman pelajar dinilai berdasarkan aktiviti dan tugas mengikut tahap sehingga matlamat tercapai. Strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam model ini dapat meningkat proses metakognisi seseorang murid supaya dapat berfikir cara terbaik untuk menghasilkan sesuatu tugas yang terbaik.

Justeru, hasil konsensus pakar melalui model Hunkins (1980) telah memberi impak dalam mereka bentuk model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli sebagai satu *scaffolding* dalam pendidikan masyarakat Orang Asli agar dapat dilaksanakan pada masa depan. Gabungan model ini ditunjukkan melalui Rajah 7.1 berikut.

Model Hunkins (1980)



Teori Vygotsky



Rajah 7.1 Gabungan Model Kurikulum Hunkins dan Teori Vygotsky dalam Model Kurikulum Berasaskan Ilmu Orang Asli Untuk Sekolah Rendah Masa Depan

Dapatkan kajian ini juga turut memberi implikasi terhadap teoritis khususnya model kurikulum masa depan (Model *The Core of Future Studies*). Pembangunan model kurikulum perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan dapat memenuhi kehendak serta keperluan pendidikan masyarakat Orang Asli pada masa kini dan seterusnya menjamin kelangsungan identiti masyarakat dalam menangani perubahan sosial pada masa depan seperti yang dijelaskan dalam model *The Core of Future Studies* (Slaughter, 1996). Dalam konteks kajian ini, perubahan sosial dan inovasi dalam pembangunan kurikulum pendidikan diberi tumpuan dari segi kesepaduan kaedah pembelajarannya. Menerusi model ini, proses penguasaan ilmu tidak hanya lagi tertumpu dari segi pengajian secara formal di dalam kelas atau buku teks tetapi dalam masa yang sama dijayakan melalui kaedah tidak formal membabitkan pembangunan persekitaran dan budaya pembelajaran yang selari dengan budaya masyarakat Orang Asli. Hal ini kerana perancangan kurikulum masa depan diatur menerusi pembangunan model ini adalah berdasarkan nilai-nilai dan kepercayaan-kepercayaan masyarakat Orang Asli.

Dalam konteks kajian ini juga, pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli menggunakan data empirikal yang diperoleh dan meliputi elemen yang diperlukan dalam pembangunan kurikulum masa depan seperti matlamat, kandungan, pendekatan pelaksanaan dan bentuk penilaian. Data empirikal ini diperoleh melalui beberapa metodologi kajian masa depan iaitu Teknik Delphi Ubah Suaian dan Teknik *Fuzzy Delphi*.

Seterusnya pembangunan model kurikulum ini juga menggunakan tenaga kepakaran pelbagai organisasi seperti yang disarankan dalam model *The Core of Future Studies*. Kepelbagaian organisasi yang terlibat mencerminkan kepelbagaian kepakaran yang diperlukan dalam perancangan sesuatu kurikulum. Ini secara tidak langsung memberi konotasi kepelbagaian pandangan, idea dan pilihan pakar terhadap elemen yang sesuai pada masa depan dalam model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba untuk sekolah

rendah masa depan. Antara organisasi yang terlibat ialah institusi pengajian tinggi, badan bukan kerajaan, KPM, FRIM dan SUHAKAM.

Malah melalui kajian literatur, dapatan kajian ini turut memberi satu perancangan untuk menentukan dengan jelas hala tuju pendidikan murid-murid Orang Asli, dari aspek kualiti, sasaran matlamat negara mahupun generasi Orang Asli masa depan yang mempunyai intelektualisme yang tinggi, berakhhlak mulia, bijaksana dan berpengetahuan luas.

Berdasarkan model *The Core of Future Studies* (Slaughter, 1996), pembangunan sebuah kurikulum perlu memberi penekanan terhadap teori, idea dan imej yang dihasratkan pada masa depan. Maka, penggunaan teori Hunkins (1980) dan teori Vygotsky yang turut digunakan dalam membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli masa depan ini adalah bertepatan dengan idea untuk mengekalkan ilmu yang diwarisi oleh masyarakat Orang Asli selari dengan elemen utama dalam kurikulum masa depan iaitu mengenal pasti *event* yang berkemungkinan berlaku pada masa depan dan jangkaan ataupun menganggar trend-trend nasional dan global pada masa depan yang ada kaitannya dengan masyarakat Orang Asli.

Justeru, penggunaan model kurikulum masa depan yang dibangunkan menerusi teoritikal model *The Core of Future Studies* (Slaughter, 1996) juga dapat memastikan pengekalan bahasa dan ilmu perubatan herba Orang Asli daripada terhakis pada masa depan.

Implikasi Amalan

Kajian ini mampu menjadi garis panduan atau pertimbangan kepada pihak berkepentingan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membangunkan model untuk keperluan pendidikan murid Orang Asli. Berdasarkan kajian ini, jelas bahawa dalam membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli,

beberapa perkara perlu diberi perhatian. Antaranya ialah pandangan pihak berkepentingan perlulah diberi perhatian. Dalam konteks kajian ini, pandangan guru, pakar bidang dan masyarakat Orang Asli perlu diberi pertimbangan sebelum model ini dibangunkan. Selain itu, model yang dibangunkan mestilah dinilai secara tersusun melibatkan semua peringkat pakar bidang. Segala pandangan dan input pakar perlu dijadikan panduan bagi memperbaiki model kurikulum yang dibangunkan.

Implikasi dan Cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia

Sejajar dengan pendemokrasian pendidikan, semua murid perlu mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti tanpa mengira kaum dan tempat tinggal. Setiap murid Orang Asli juga berhak mendapat pendidikan asas dalam bahasa serta budaya mereka sendiri (UN-DRIP, 2007). Kaedah pengajaran dan pengajaran murid Orang Asli perlu diberi perhatian agar ilmu yang disampaikan mudah diterima dan memberi makna kepada murid-murid Orang Asli. Oleh itu, kurikulum yang bersesuaian dengan keperluan masyarakat perlu dibangunkan supaya relevan dan menepati keperluan masyarakat tersebut (Abu Bakar Nordin, 2014; Battiste, Bell & Findlay, 2002; Boon, 2008; Fein, 2010).

Kajian ini merupakan cadangan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan yang mengandungi komponen kurikulum, objektif, isi kandungan, kemahiran, nilai, strategi pengajaran, pentaksiran, tahap pelaksanaan dan cara pelaksanaan. Reka bentuk model kurikulum yang dibentuk melalui kesepakatan pakar berpotensi memberi input kepada Kementerian Pendidikan Malaysia khasnya Pusat Perkembangan Kurikulum untuk mempertimbangkan elemen-elemen yang sesuai dalam pendidikan murid Orang Asli pada masa depan.

Selain itu, dalam usaha mencapai kecemerlangan pendidikan masyarakat Orang Asli ini, kajian ini selaras dengan fokus utama yang telah diberi keutamaan oleh Pusat Perkembangan Pedagogi Peribumi iaitu penjanaan ilmu, transisi dan aplikasi ilmu serta

pemuliharaan dan pengekalan budaya (Mazlan Mohamad, Mohamad Azhar Mat Ali & Aminuddin Mohamed, 2009).

Kurikulum kebangsaan yang sistematik perlu ada untuk pendidikan kanak-kanak. Namun sistem pendidikan untuk murid-murid Orang Asli perlu mempunyai satu pengkhususan kurikulum untuk mengekalkan dan memantapkan identiti masyarakat Orang Asli sampai bila-bila melalui pendidikan. Selain itu, pengkhususan kurikulum di Sekolah Orang Asli ini dapat memartabatkan harga diri masyarakat Orang Asli agar mereka bangga dengan harga diri. Ini boleh mendorong ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah secara formal jika ada pengkhususan dalam kurikulum di sekolah Orang Asli. Dengan adanya model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan ini, diharapkan amalan-amalan yang boleh memperkasa jati diri masyarakat Orang Asli iaitu dengan cara mengiktiraf ilmu mereka sebagai bidang latihan ilmu oleh sekolah melalui sistem pendidikan formal.

Implikasi dan Cadangan Terhadap Guru

Kajian masa depan berkenaan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli ini sebenarnya dapat memberi satu dimensi baharu kepada para guru untuk menambah bidang ilmu mereka. Berdasarkan kepada analisis keperluan kajian ini, menunjukkan guru tidak mengetahui tentang tumbuhan herba Orang Asli. Keperluan guru untuk mendalami perubatan herba Orang Asli boleh diperoleh melalui latihan dan kursus secara berkala agar proses pengajaran dan pembelajaran perubatan herba ini dapat berjalan dengan lancar. Kajian analisis keperluan menunjukkan bahawa 77% guru bersetuju bahawa kurikulum perubatan herba penting dipelajari oleh murid Orang Asli dan 80% guru bersetuju kurikulum perubatan herba penting dipelajari oleh guru-guru di sekolah Orang Asli. Hal ini menunjukkan satu tanda positif akan kesediaan guru untuk mengajar mata pelajaran ini. Selain itu, 72% guru bersetuju bahawa perlu untuk membangunkan model

kurikulum berasaskan perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan bagi membolehkan guru mengajar mata pelajaran perubatan herba.

Sikap guru yang positif ini menunjukkan pemikiran guru yang secara tidak langsung menggambarkan bahawa mereka sebenarnya mempunyai pemikiran yang reflektif terhadap tugasnya. Segala perancangan dan pelaksanaan yang dibuat adalah berdasarkan pengalamannya semasa mengajar. Jadi, sebagai guru, mereka perlu mereflek untuk memperbaiki keadaan mereka dengan merancang, bertindak, berkongsi pengalaman, berbincang untuk bertindak dan bersama mencari penyelesaian masalah (Aniza Mohd Said, 2000).

Sehubungan itu, guru-guru perlu sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu dan bersedia dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran khususnya terhadap murid-murid Orang Asli ini, seterusnya melaksanakan tanggung jawabnya. Hal ini kerana guru yang berkualiti terdiri daripada mereka yang memiliki kriteria tertentu seperti keikhlasan, keazaman, kreativiti, dedikasi dan komited terhadap tugas serta tanggungjawab (Kamarudin Hj, Husin, 1993). Selaras dengan itu, guru-guru perlu mempunyai bimbingan dan latihan yang sewajarnya bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran tentang perubatan herba Orang Asli agar dapat membantu murid-murid Orang Asli dengan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan lagi. Kursus dalam perkhidmatan boleh memberi peluang penambahan pengetahuan baharu dalam usaha meningkatkan prestasi seseorang guru (Holly, 1982). Selain itu, kolaborasi antara pihak sekolah, guru dan ibu bapa perlu untuk mencapai objektif yang dirancangkan kepada pelajar (Ahmad Sabri Yasidi, 2008; Hemara, 2000). Hal ini menunjukkan bahawa guru perlu bertindak sebagai pembimbing dan memberi peluang kepada murid Orang Asli untuk menunjukkan potensi mereka dalam bidang pendidikan yang sesuai dengan budaya mereka. Dapatkan ini menepati cadangan Mohd Nazri Abdul Rahman, Norlidah Alias & Saedah Siraj (2013)

yang menyatakan bahawa proses pembangunan pendidikan perlu selari dengan sosiobudaya masyarakat Orang Asli.

Implikasi dan Cadangan Terhadap JAKOA, Ibu bapa dan Masyarakat Orang Asli

Model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli mampu memelihara dan mengekalkan nilai tradisi masyarakat Orang Asli. Sehubungan itu, keistimewaan golongan ini yang mempunyai kebijaksanaan dalam ilmu perubatan herba secara tidak langsung dapat dipertahankan dan diturunkan kepada generasi akan datang melalui sistem pendidikan formal.

Model yang dibangunkan ini juga boleh digunakan oleh pihak JAKOA dalam merancang dan membangunkan pendidikan masyarakat Orang Asli. Hal ini disebabkan kurikulum khusus untuk murid-murid Orang Asli adalah sangat perlu supaya matlamat khusus untuk memantapkan identiti masyarakat dapat direalisasikan melalui pendidikan. Sehingga kini masih tidak ada langkah untuk memperkasa dan membudayakan identiti Orang Asli dalam pendidikan. Jadi model ini boleh dijadikan sandaran untuk memartabatkan harga diri mereka kerana masyarakat Orang Asli sangat bangga dengan harga diri mereka. Secara tidak langsung sekiranya model ini diadaptasi di sekolah rendah pada masa depan, ibu bapa terdorong untuk menghantar anak ke sekolah secara lebih formal.

Di samping itu juga, pembangunan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba ini dapat membantu masyarakat Orang Asli agar menjadi pakar rujuk yang boleh menyumbang pandangan dan idea kepada '*content substance*' maklumat yang hendak disampaikan.

Memandangkan terdapat keimbangan generasi muda masyarakat Orang Asli pada masa ini yang sudah mula berpecah dan melupakan ilmu nenek moyang mereka, model ini boleh digarap untuk memantapkan harga diri dan mencari semula nilai-nilai amalan-

amalan yang boleh memperkasakan jati diri masyarakat Orang Asli iaitu dengan cara ilmu perubatan herba ini diiktiraf sebagai bidang latihan ilmu oleh sekolah melalui sistem pendidikan formal. Hal ini sangat penting kepada ibu bapa dan masyarakat Orang Asli agar nilai dan budaya serta ilmu masyarakat Orang Asli tidak terpinggir dan terhakis dalam jiwa anak-anak mereka.

Implikasi dan Cadangan Terhadap Murid Orang Asli

Dengan mengetengahkan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli pada masa depan, adalah diharapkan murid-murid Orang Asli akan mempunyai motivasi dalaman yang kuat. Hal ini demikian kerana kurikulum ini adalah bersifat mesra alam sekitar yang dapat membentuk pembelajaran yang holistik kepada mereka, sesuai dengan yang dinyatakan oleh Robinson dan Nichol (1998) bahawa pedagogi peribumi perlu mempunyai elemen holistik, imaginatif, kinestatik, koperatif, kontekstual dan berorientasikan murid. Persekolahan arus perdana tidak dapat memenuhi keperluan khas pendidikan murid-murid Orang Asli secara khusus terutamanya dalam mengekalkan pengetahuan tradisi mereka (Norlidah Alias, Mohd Nazri Abdul Rahmah, Saedah Siraj & Dorothy Dewitt, 2013). Analisis keperluan yang dijalankan dalam fasa 1 turut mendapat wujudnya keperluan kepada pembangunan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli. Maka, pembangunan model kurikulum berdasarkan ilmu perubatan herba Orang Asli ini dilihat mampu menyediakan pendidikan yang memartabatkan ilmu mereka terutama dalam perubatan herba secara formal .

Selain mempelajari nilai dan tradisi masyarakat yang perlu dipertahankan, murid-murid Orang Asli juga dapat memantapkan pegangan nilai dan meningkatkan ilmu mereka dalam bidang herba agar dipertahankan serta untuk mengelakkan murid-murid Orang Asli terus terasing dalam konteks pendidikan murid-murid Orang Asli.

Sumbangan Terhadap Ilmu Bidang

Sebagai sumbangan kepada pembangunan pendidikan masyarakat Orang Asli, kajian ini telah berupaya mendapatkan konsensus pakar terhadap elemen-elemen dalam model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli dari aspek komponen kurikulum, objektif, isi kandungan, kemahiran, nilai, strategi pengajaran, pentaksiran, tahap pelaksanaan dan cara pelaksanaan.

Kajian ini berpotensi untuk diguna pakai bagi memenuhi keperluan khas pembangunan pendidikan kepada murid-murid Orang Asli. Selain itu, kajian ini juga secara khususnya membantu murid Orang Asli meningkatkan penyertaan mereka dalam sistem pendidikan formal selaras dengan penekanan kepada kepentingan pendidikan lestari, kepelbagaiannya budaya dan pemuliharaan biodiversiti.

Seterusnya, kajian ini secara tidak langsung dapat melestarikan legasi pengetahuan tradisi masyarakat Orang Asli agar tidak pupus, sebaliknya terus dimartabatkan agar murid-murid Orang Asli bangga pada tradisi dan memantapkan jati diri mereka.

Cadangan Kajian Lanjutan

Bahagian ini akan membincangkan beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dijadikan panduan kepada para penyelidik akan datang. Kajian ini telah meneliti elemen-elemen yang sesuai untuk dimasukkan ke dalam model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan dengan menggunakan Teknik Delphi Ubah Suaian dan menilai kesesuaian serta kebolehgunaan model mengikut pandangan pakar. Dicadangkan untuk kajian berikutnya, pengkaji boleh menggunakan kaedah yang sama untuk mereka bentuk pembangunan modul perubatan herba untuk kegunaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan menjalankan penilaian secara eksperimental untuk memastikan impak yang lebih memberangsangkan

kepada ilmu bidang ini agar terus dapat memartabatkan pendidikan untuk masyarakat Orang Asli.

Seterusnya, kajian ini hanya berfokus kepada model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli secara umum dan tidak mengikut suku kaum secara khusus. Pembangunan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba ini boleh dijalankan mengikut suku kaum yang tertentu. Usaha ini boleh memberikan banyak maklumat tentang ilmu perubatan herba masyarakat Orang Asli.

Selain itu, pembinaan modul pengajaran ilmu perubatan herba ini juga dicadangkan menggunakan pendekatan *Interpretive Structural Modeling* (ISM) atau menggunakan kajian reka bentuk dan pembangunan (DDR).

Akhir sekali, kajian kurikulum futuristik melalui model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli ini perlu diteruskan agar dapat membawa perubahan kurikulum terutama untuk sekolah rendah masa depan dengan menyediakan modul-modul pengajaran yang sesuai.

Penutup dan Rumusan

Kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik mempunyai objektif untuk membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan. Kajian ini menggunakan kaedah kajian reka bentuk dan pembangunan yang melibatkan tiga fasa kajian. Fasa pertama iaitu analisis keperluan telah menggunakan soal selidik ke atas 100 orang guru yang mengajar di sekolah yang ada murid Orang Asli, dengan tujuan untuk mendapatkan pandangan mereka tentang keperluan model kurikulum berasaskan perubatan herba Orang Asli ini.

Fasa kedua iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan telah menggunakan teknik Delphi ubah suaian. Data telah dikumpul menerusi teknik Delphi Ubah Suaian 2 pusingan dengan melibatkan 18 orang pakar. Analisis *Wilcoxon signed- rank test* telah dibuat yang

menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan terhadap majoriti item yang diuji antara pusingan pertama dan kedua bagi item yang bersifat konsisten pada kedua-dua pusingan Delphi. Seterusnya satu tinjauan menggunakan soal selidik telah ditadbirkan kepada 144 orang guru yang mengajar di sekolah rendah Orang Asli. Elemen daripada dapatan kesepakatan Delphi Ubah Suaian merupakan reka bentuk kepada model kurikulum perubatan herba Orang Asli.

Kajian fasa ketiga pula adalah fasa penilaian model berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan pendekatan *Fuzzy Delphi*. Model yang dihasilkan dalam fasa kedua seterusnya melalui proses penilaian pakar pelbagai bidang berkaitan pendidikan murid-murid Orang Asli.. Data telah dikumpul menerusi soal selidik *fuzzy* kepada 15 orang pakar. Dapatan kajian menunjukkan 15 pakar telah mencapai kesepakatan terhadap model yang dihasilkan sesuai untuk dilaksanakan oleh pihak berkepentingan.

Terdapat beberapa implikasi daripada dapatan kajian ini . Antaranya dalam konteks teoritis, impak yang dihasilkan daripada keputusan konsensus pakar menunjukkan satu kerangka baharu dalam menentukan kesesuaian model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan sebagai satu peranca atau *scaffolding* dalam membantu murid Orang Asli. Seterusnya model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah masa depan ini dapat memberi panduan kepada penyelidik lain tentang proses baharu dalam kajian pembangunan.

Dari sudut amalan pula, kajian ini mencadangkan pelaksanaan model kurikulum baharu kepada pihak berkepentingan terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menimbangkan elemen-elemen yang sesuai untuk pendidikan murid Orang Asli pada dengan memperkenalkan kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli di sekolah rendah masa depan.

Diharapkan agar kajian ini dapat menyelesaikan permasalahan yang wujud dalam pendidikan masyarakat Orang Asli. Dengan wujudnya model ini sebagai satu kerangka

baharu dalam bidang pendidikan masyarakat Orang Asli, adalah diharapkan agar usaha-usaha untuk membangunkan taraf pendidikan terhadap masyarakat ini terus meningkat selaras dengan pelan transformasi pendidikan masyarakat Orang Asli.

Kajian ini juga menyarankan agar penyelidik akan datang untuk melengkapkan kajian ini dengan menghasilkan satu kajian pembangunan modul kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli menggunakan pendekatan *Interpretive Structural Modeling (ISM)* ataupun dengan menggunakan kajian reka bentuk dan pembangunan (DDR).

Akhir sekali, penyelidik mencadangkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan ini digunakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memenuhi keperluan khas pendidikan murid Orang Asli di Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Abd Ghafar Shamsuddin. (2004). *Sikap serta hubungannya dengan pencapaian pelajar Orang Asli terhadap mata pelajaran Matematik di sekolah rendah kawasan Jengka, Maran , Pahang. Sarjana Muda Pendidikan.* Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim
- Abd Ghani, Mohamed Kamel & Yusof, H. (2011). Blastocystis hominis: Its Presence in the Faecal Samples of Orang Asli Children at Pos Lenjang, Pahang, Malaysia. *Sains Malaysiana*, 40(10), 1123–1127
- Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas. (2009). *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya.* Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdul Razaq Ahmad, Pang Shieu Wai, Nor Aniza Ahmad. & Ahmad Ali Seman. (2009). Masa Hadapan Orang Asli di Malaysia: Pendidikan dan Pembangunan. Dalam Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Mohd Jelas (Ed.) *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya.* Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdul Talib Bon. (2003). *Kenali kami masyarakat Orang Asli di Malaysia.* Batu Pahat:: Penerbit KUiTTHO, Johor
- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman. (2003). *Falsafah Pendidikan dan kurikulum.* Tanjung Malim, Perak: Quantum Books
- Abu Bakar Nordin. (1991). *Kurikulum: Perspektif dan Pelaksanaan.* Kuala Lumpur: Pustaka Antara
- Abu Bakar Nordin. (2014). Asas Pemikiran dalam Kurikulum. Dalam Norlidah Alias, Abu Bakar Nordin, Saedah Siraj & Mohd Nazri Abdul Rahman (Ed.) *Kurikulum Satu Disiplin Yang Dinamik* (pp. 1–11). Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn Bhd
- Adi Haji Taha, D. (2006). *Orang Asli: Khazanah Tersembunyi.* Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia
- Adler, M., & Ziglio, E. (1996). *Gazing into the oracle.* Jessica Kingsley Publishers: Bristol, PA
- Ahmad Sabri Yasidi, (2008), Penglibatan Ibu bapa dalam Pendidikan Khas untuk Pelajar Bermasalah Pembelajaran, Tesis M.Ed yang tidak diterbitkan: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ahmad Sobri Shuib. (2009). Rekabentuk Kurikulum m-Pembelajaran Sekolah Menengah, *Disertasi Ijazah Doktor Falsafah Yang Tidak Diterbitkan.* Universiti Malaya
- Ahmed, A, Al-Mekhlafi, H, Azam, MN, Ithoi, I, Al-Adhroey, AH, Abdulsalam, AM & Surin, J. (2012). Soil-transmitted helminthiasis: a critical but neglected factor influencing school participation of Aboriginal children in rural Malaysia. *Parasitology*, 139(6), 802–808. doi:10.1017/S003118201100237X

Ahmed, Abdulhamid, Al-Mekhlafi, Hesham M., Al-Adhroey, Abdulelah H., Itoi, Init, Abdulsalam, Awatif M., & Surin, Johari. (2012). The nutritional impacts of soil-transmitted helminths infections among Orang Asli schoolchildren in rural Malaysia. *Parasites & Vectors*, 5, 119. doi:10.1186/1756-3305-5-119

Aiken, S. Robert & Leigh, C. H. (2011). In The Way of Development: Indigenous Land-Rights Issues In Malaysia. *Geographical Review*, 1(4), 471–496

Alcorn, J.B., 1994. *Noble savage or noble state? Northern myths and southern realities in biodiversity conservation*. Etnoecologica, 2(3), pp.7–19

Alias, Anuar, Kamaruzzaman SN, & Daud, Md Nasir. (2010). Traditional lands acquisition and compensation: The perceptions of the affected Aborigines in Malaysia. *International Journal Of The Physical ScienceS*, 5(11), 1696–1705

Alias, Asmara, Hamid, Jamilah, Zin, Harnani Mat, Khan, Saira Banu Omar, & Ubaidullah, Norhasbiah. (2011). Development of ICTL Module-based on Suitable Teaching Methodology for Orang Asli (ICTL-TeMfOA): The Preliminary Study of Suitable Teaching Strategy. *7th International Conference On Information Technology In Asia (Cita 11)*

Allan C.Ornstein, F. P. H. (1998). *Curriculum, Foundation, Principles and Issues, 3rd edition*

Al-Mekhlafi, HM, Mahdy, MAK, Azlin, MY, Fatmah, MS, & Norhayati, M. (2011). Childhood Cryptosporidium infection among aboriginal communities in Peninsular Malaysia. *Annals Of Tropical Medicine And Parasitology*, 105(2), 135–143. doi:10.1179/136485911X12899838683368

Aniza Mohd Said, Mohd Nazri Abdul Rahman, Norlidah Alias & Saedah Siraj. (2014) *Homeschooling Berasaskan Local Knowledge Perubatan Herba Orang Asli*. 2nd International Seminar Of Teaching Excellence and Innovation, 25 February 2014, Universiti Malaya: Kuala Lumpur

Aniza Mohd Said. (2000). *Pemikiran Guru Terhadap Pengetahuan Isi Kandungan Dalam Kurikulum Sejarah Menengah Atas*, Sarjana Pendidikan, Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang

Anthony Ratos. (2006). *Orang Asli And Their Wood Art*. Marshall Cavendish.

Anuar, TS, Al-Mekhlafi, HM, Ghani, MKA, Osman, E, Yasin, AM, Nordin, A, Azreen, SN, Salleh, FM, Ghazali, N, Bernadus, M & Moktar, N. (2012). Giardiasis among different tribes of Orang Asli in Malaysia: Highlighting the presence of other family members infected with Giardia intestinalis as a main risk factor. *International Journal For Parasitology*, 42(9), 871–880. doi:10.1016/j.ijpara.2012.07.003

Anuar, TS, Al-Mekhlafi, HM, Ghani, MKA, Osman, E, Yasin, AM, Nordin, A, Azreen, SN, Salleh, FM, Ghazali, N, Bernadus, M & Moktar, N. (2012). Prevalence and Risk Factors Associated with Entamoeba histolytica/dispar/moshkovskii Infection among Three Orang Asli Ethnic Groups in Malaysia. *Plos One*, 7(10). doi:10.1371/journal.pone.0048165

Anuar, TS, Ghani, MKA, Azreen, SN, Salleh, FM, & Moktar, N. (2013). Blastocystis infection in Malaysia: Evidence of waterborne and human-to-human transmissions among the Proto-Malay, Negrito and Senoi tribes of Orang Asli. *Parasites & Vectors*, 6 Article. doi:1186/1756-3305-6-40.

Armstrong, M. A. (1989). The Delphi technique. Dimuat turun daripada <http://www.pei.int.com/Research/Market/Delphi.htm>

Asma Ahmat. (1996). *Pribumi Asli di Semenanjung satu bibliografi*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Asmaa' Mohd Arshad. (2009). *Developing a Curriculum content for children character developing based on Thadhib Al-Akhlaq Wa Tathir Al-A'Raq and Ihya' Ulum Al-Din*. Tesis PhD, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Asnarulkhadi Abu Samah & Hanina H.Hamsan. (2008). Pendekatan dan Model Pembangunan Komuniti Orang Asli: Satu Ulasan. Dalam Ma'Rof Redzuan dan Sarjit S.Gill (Ed.) *Orang Asli. Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Asnarulkhadi Abu Samah, Maria Mansor, Zahid Emby, Mariani Mansor,& Hanina H. Hamsan. (2007). Kurikulum Bersepadu Orang Asli/Penan (KAP)-Satu Pendekatan Baru dalam Pembangunan Pendidikan Komuniti Orang Asli/Penan Dalam *Seminar Kebangsaan Sains Sosial*. Universiti Putra Malaysia,Serdang.

Asnarulkhadi Abu Samah, Marof Redzuan & Sarjit, S. G. (2006). Orang Asli and Their Education Towards Vision 2020. In *5th International Malaysian Studies Conference (MSC5)*.

Atchoarena, D., & Sedel, C. (2003). *Education and rural development: setting the framework*. In D. Atchoarena, & L. Gasperini, *Education for rural development: towards new policy responses* (pp. 35-76). Rome, Italy: *Food and Agriculture Organization of the United Nations; and Paris*: United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization.

Atran, S. (1999). *Managing the Maya Commons: The Value of Local Knowledge*. In V. D. Nazarea Ethnoecology: *Situated Knowledge/Located Lives* (pp. 190-214). Tucson: University of Arizona Press

Australian Curriculum and Assessment Reporting Authority (ACARA), (2010). Cross curriculum perspectives. Dimuat turun dari : http://www.acara.edu.au/cross_curriculum_perspectives.html

Australian Curriculum and Assessment Reporting Authority (ACARA), (2012). Cross curriculum perspectives. Dimuat turun dari http://www.acara.edu.au/verve/_resources/the_shape_of_the_australian_curriculum_v3.pdf

Azizah Bte Daud, Junainah Bte Samidon, Mariana Bte Abdullah, Rozainah Bte Ramli,& Sujaiyah Bte Che Salim. (2000). *Peranan Pendidikan Terhadap Pembangunan Masyarakat Orang Asli di Malaysia Selepas Merdeka*, Universiti Sains Malaysia

Azlima Binti Deraman. (2006). Kajian Amalan Pemakanan Dan Pencapaian Mata Pelajaran Sains Pelajar Orang Asli di Sebuah Sekolah di Slim River, *Tesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim

Azliza, MA, Ong, HC, Vikineswary, S, Noorlidah, A, & Haron, N. W.(2012). Ethno-medicinal Resources Used By the Temuan in Ulu Kuang Village. *Studies On Ethno-Medicine*, 6(1), 17–22

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2009). *Murid Orang Asli dan Penan (KAP): Modul Pengajaran Mari Ke Sekolah*

Bahagian Perancangan dan Penyelarasian Kementerian Pembangunan Luar Bandar. (2001). *Isu-isu Pembangunan Masyarakat Orang Asli*

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Jabatan Kemajuan Orang Asli.(2011) *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015*

Bahagian Sekolah, K. P. M. (1997). *Laporan Kajian Persepsi Guru, Penjaga Murid dan Murid Berkenaan Pelaksanaan Program Pendidikan di Sekolah Orang Asli*

Barnhardt, R., & Kawagley, A. O. (2005). Indigenous Knowledge Systems and Alaska Native Ways of Knowing. *Anthropology Education Quarterly*, 36(1), 8–23. doi:10.1525/aeq.2005.36.1.008

Barnhardt, Ray. (2004). Culture, Chaos and Complexity: Catalysts for Change in Indigenous Education. *Cultural Survival Quarterly* 27(4): 59-64.

Battise, M, Bell, L. & Findlay, L.M. (2002). Decolonizing Education In Canadian Universities: An Interdisciplinary, International, Indigenous Research Project. *Canadian Journal of Native Education*, 26(2), 82–95

Battiste, M., & Jean Barman (Editors): *First Nations Education in Canada: The Circle Unfolds*. Vancouver: UBC Press.

Battiste, M. (1993). Indigenous Knowledge : Foundations for First Nations

Battiste, M. (2002). *Indigenous Knowledge and Pedagogy in First Nations Education-A Literature Review with Recommendations*. In National Working Group On Education, Our Children: Keepers of the Sacred Knowledge. Ottawa, ON: Indian and Northern Affairs Canada

Battiste, M. (2005). *Post-colonial remedies for protecting Indigenous Knowledge*. In P. Tripp & L. Muzzin (Eds.), Teaching as activism: Equity meets environmentalism (pp. 224-232). Kingston: McGill-Queen's University Press

Battiste, Marie & Henderson, James (Sa'ke'j). (2000). *Protecting Indigenous knowledge and heritage: A global challenge*. Saskatchewan: Purich Publishing Ltd.

- Beresford Q. (2003). The Context of Aboriginal Education.In: Beresford Q, Partington G, editors. *Reform and resistance in Aboriginal education*.Perth: University of Western Australia Press;.p.10–40.
- Bidin, A.A., & Latiff, A. (1995). The Status of Terrestrial Biodiversity in Malaysia. In *Prospects in Biodiversity Prospecting*. (pp. 59–76). Genetic Society of Malaysia & UKM
- Biro Rundingan Dan Inovasi. (1997). *Orang Asli Berjaya: Mengenal pasti Faktor Yang Mencetus Kejayaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Biro Rundingan Dan Inovasi. (1999). ,*Kajian Orang Asli Berjaya*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Bishop, R. A. (2008). Te Kotahitanga: Kaupapa Maori in mainstream classrooms. In N. K. Denzin, Y. S. Lincoln & L. T. Smith (Eds.), *Handbook of critical and indigenous methodologies* (pp. 439-458). Thousand Oaks, California: SAGE Publications
- Bishop, R., & O'Sullivan, D. (2005). *Taking a reform project to scale: Considering the conditions that promote sustainability and spread of reform. A monograph prepared with the support of Nga Pae o te Maramatanga*, The National Institute for Research Excellence in Maori Development and Advancement. Unpublished manuscript.
- Bishop, R., Berryman, M., Cavanagh, T., Teddy, L., & O'Sullivan, D. (2007). *The Experiences of Year 4 and 5 Māori Students in Primary School Classrooms*. Report to Ministry of Education.
- Bishop, R., Berryman, M., Tiakiwai, S., & Richardson, C. (2003). *Te Kotahitanga:The Experiences of Year 9 and 10 Māori Students in Mainstream Classrooms*. Wellington: Ministry of Education. www.minedu.govt.nz/goto/tekotahitanga
- Bishop, Russell, & Glynn, Ted (1998). The development of Kaupapa Maori education initiatives in Aotearoa, New Zealand. *Education Canada*. 38.2. (Summer 1998): 50
- Boon, H. J. (2008). *Risk or resilience? What makes a difference?* The Australian Educational Researcher, 35(1), 81-102
- Boonan K. (1979). *The Future of Teacher Education in Thailand*. Universiti of Alabama, Tuscaloosa
- Brant Castelano M., Davis, L. & Lahache, L. (2000). *Aboriginal education : Fulfilling the promises*. Vancoucer: University of British Columbia Press.
- Briggs, John (2005). The Use of Indigenous Knowledge in Development: Problems and Challenges. *Progress in Development Studies* 5:99-114
- Burkill, I.H. (1935). *A Dictionary of the Economic Product of the Malay Peninsar*. Percetakan Negara, Malaysia
- Cairns, A (2000). *Citizen Plus: Aborigines People and the Canadian State*. Vancouver University of British Columbia Press.Canada Ltd.

Canadian Council on Learning, *Redefining how Success is Measured in First Nations, Inuit and Métis Learning* (Ottawa: 2007). Dimuat turun daripada http://www.ccl-cca.ca/pdfs/RedefiningSuccess/Redefining_How_Success_Is_Measured_EN.pdf

Carey, Iskandar (1976). *Orang Asli : the aboriginal tribes of peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur ; New York : Oxford University Press, 1976

Castellano, M. B. (1999). *Updating traditions of Aboriginal knowledge*. In B. L. Hall, G. J. S. Dei, & D. G. Rosenberg (Eds.) *Indigenous Knowledges in Global Contexts* (pp. 21-36). Toronto, ON: University of Toronto PressCathie Burgess. (2008). What Good a National Curriculum for Indigenous Students?, 2008(January), 1-10

Chiew Wye Mei. (2013). *Futuristic Business Studies Curriculum For Upper Secondary Schools*. Universiti Malaya

Chin Hai Leng. (2009). *Pembangunan Dan Penilaian Laman Portal Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Melayu Tingkatan Dua Tesis PhD Yang Tidak Diterbitkan*. Universiti Malaya

Claudia, Sobrevila (2008) *The Role of Indigenous Peoples in Biodiversity Conservation*

Coburn, C. E. (2003). *Rethinking scale: Moving beyond numbers to deep and lasting change*. *Educational Researcher*.

Comer, L (2008), *Closing the Gaps – Lessons from New Zealand* (presentation to Ministerial Council for Aboriginal and Torres Strait Islander Affairs), Te Puni Kōkiri, Wellington.

Corsiglia, John, & Snively, Gloria. (1997). Knowing home: NisGa'a traditional knowledge and wisdom improve environmental decision making. *Alternatives Journal: Environmental Thought, Policy and Action*, 23(3), 22-27

Dalkey, N. (1969). An experimental study of group opinion: The Delphi method. *Futures*, 1(5), 408-426

Dasman, R.F. (1988). "Towards a biosphere consciousness," in *The ends of the earth : Perspective on modern environmental history*. Edited by D. Worster, pp. 177-188. Cambridge: Cambridge University Press

Deepa Srikantaiah. (2005). Education: Building on Indigenous. Retrieved from <http://www.worldbank.org/afrik/default.htm>

Dei, G. J. S. (2000). Rethinking The Role Of Indigenous Knowledge In The Academy. *International Journal of Inclusive Education*, 4(2), 111-132

Dei, Jerry Sefa. (2002). *Indigenous knowledge in global contexts: Multiple readings of our world*. Toronto: University of Toronto Press, pp.1-17

Dei, S.G. J, Hall. B.L. & D.G. Rosenberg, D. (2002). *Indigenous knowledges in global contexts: multiple readings of our world*. Toronto: University of Toronto Press

Dooley,C.M.,& Assaf, L. C. (2009). Context matter: Two teachers language arts instruction in this high status esa. *Journal of Literacy Research*. Retrieved from <http://www.informaworld.com/smpp/>

Doris Padmini Selvaratnam, Abdul Hamid Jaafar, Norlida Hanim Mohd Salleh, Redzuan Othman, & S. H. I. (2012). Transformasi Modal Insan melalui Peningkatan Pendidikan: Kajian Kes Komuniti Orang Asli di Cameron Highland, Pahang. Dalam *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII)* (pp. 1215–1224)

Durie, M (2011), *Nga Tini Whetu – Navigating Maori Futures*, Huia Publishers: Wellington

Easton, P.B. (2004). Education and indigenous knowledge. In P.B. Easton (Ed.), *Indigenous knowledge: Local pathways to global development: Marking five years of the World Bank indigenous knowledge for development plan* (pp. 1-12)

Erni, C. (2008). *The concept of indigenous people in Asia: a resource book*. Publication Information Copenhagen:International work Group for indigenous Affairs

Fakirah Binti Jamaludin. (2011). Masyarakat Orang Asli di Lenggong, Perak. *Tesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim

Farah Amaneena Abdul Rahman. (2011). *Isu-isu Pendidikan di Kalangan Masyarakat Orang Asli Sekitar Slim River, Perak*, Disertasi Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan), Fakulti Sains Kemanusiaan. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim

Fatan Hamamah Yahaya. (2008). Pendidikan Masyarakat Orang Asli. Dalam Ma'Rof Redzuan dan Sarjit S.Gill (Ed.) *Orang Asli. Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia

Fatanah, NZ, Omar, M, & Daim, S. (2012). Lawad, Ye' Yo' and Tum Yap: The Manifestation of Forest in the Lives of the Bateks in Taman Negara National Park. In *Asean Conference On Environment-Behaviour Studies (ACE-BS) Book Series: Procedia Social and Behavioral Sciences Vol 42* (pp. 190–197). doi:10.1016/j.sbspro.2012.04.181

Fauzi Hassan. (2006). *Faktor-faktor Berkaitan Dengan Prestasi Akademik di Kalangan Pelajar-pelajar Orang Asli: Kajian Kes di Gua Musang, Kelantan.*, *Tesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris

Fazillah Panjang. (1997). *Sikap dan aspirasi Orang Asli terhadap pendidikan anak mereka*, Ijazah Bachelor Sains. Universiti Putra Malaysia, Serdang

Fischer, Michael Denley (2004).*'Culture and Indigenous Knowledge Systems: Emergent order and the internal regulation of shared symbolic systems.'* Cybernetics and Systems Research

Francis P.Hunkins. (1980). *Curriculum Development Program Improvement*. Columbus, Ohio: Merrill

Friesen J.W. & Friesen, V.L. (2002) *Aboriginal education in Canada: A plea for integration*.Calgary, AB: Detselig Enterprise Ltd.

Fullan, M. (1993). “*Why teachers must become change agents*”: Educational Leadership, 50,12-17

Gay, G. (2000). *Culturally responsive teaching: Theory, research, and practice*. New York, NY: Teachers College Press

George Ong Hean Chooi. (1995). Perubatan Di Kalangan Orang Asli Kaum Temuan. Dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Etnobotani Pertama*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia

Gimlett, J.D. (1920). *Malay Poison and Charms Cures*. Oxford University Press

Gimlett, J.D., & Burkhill I.H. (1930). *The Medical Book of Malaysian Medicine*. Gards, Bull. Str. Settl.6: 333-449

Gollan, S. Steen, T. & Gollan, M. (2008). *Cultural inclusive curriculum and indigenous Australian learning spaces: Theory versus practice*. Dimuat turun dari http://l08.cgpublisher.com/proposals/253/index_html

Grenier, L. (1998). *Working with indigenous knowledge: A guide for researchers*. Otawa: International Development Research Centre

Gurdial Singh Nijar & Azmi Sharom. (2004). *Indigenous Peoples' Knowledge Systems and Protecting Biodiversity Advanced Profesional Courses (APC)*. Kuala Lumpur.

Haig-Brown, Celia. (1988). *Resistance and Renewal: Surviving the Indian Residential*

Haji Kamarudin Bin Haji Abu Hassan & Narendra Kumar Anopchand. (2009). Hati ke Hati Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA 2M) Sekolah Angkat Anak Orang Asli. *Jurnal Akademik,IPG Kampus Perempuan Melayu, Melaka*, 13, 9.

Hampton, Eber.(1995). Towards a Redefinition of Indian Education, pp. 5-46 in Marie

Hanina H.Hamsan & Asnarulkhadi Abu Samah. (2008). Kesihatan dan Perubatan Masyarakat Orang Asli. Dalam Ma'Rof Redzuan dan Sarjit S.Gill (Ed.) *Orang Asli. Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Hap Gilliland. (1987). Curriculum Development for Native American Students. Retrieved from <http://jan.ucc.nau.edu/~jar/Curr.html>

Harrison, Barbara, & Papa, Rahui (2005). The Development of an Indigenous Knowledge Program in a New Zealand Maori-Language Immersion School. *Anthropology and Education Quarterly*, 36-1 (Mar 2005): 57-72

Harrison, N. (2008). *Teaching and learning in Indigenous education*. Melbourne: Oxford University Press.

Hart, M. A. (2010). Indigenous Worldviews , Knowledge , and Research : The Development of an Indigenous Research Paradigm, 1(1), 1–16

Hasan Mat Nor. (2000). *Pendidikan dan masa depan komuniti Orang Asli*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Hasan Mat Nor. (2009). Cabaran Pendidikan Masyarakat Orang Asli di Malaysia. Dalam Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Mohd Jelas (Ed.) *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Hasan Mat Nor. (1997). *Kajian Keciciran Di kalangan Pelajar Orang Asli Peringkat Sekolah Rendah*, Biro Rundingan dan Inovasi, UKM: Bangi

Hasan Mat Nor. (1998). Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan. *Kertas Kadangkala* Bil. 8. Jabatan Antropologi & Sosiologi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hasmah Abdul Manaf. (2011). Hak Pendidikan Kaum Minoriti (Kanak-kanak Orang Asli) Dari Perspektif Hak Asasi Manusia. Dalam *Persidangan Kaum Minoriti, Institut Aminudin Baki*

Heinich, R., Molenda, M., Russel,J.D., & Smaldiino, S. E. (2002). *Instructional media and technologies for learning.(7th. ed.)*. Upper Saddle River: Merril/Prentice Hall

Helmer, O. (1968). Analysis of the future: The Delphi Method. Dalam *J.R. Brought (Ed),Technological forecasting for industry and government: methods and application*. Englewood Cliff, NJ: Prentice Hall

Hemara, W. (2000). *Maori Pedagogies: A View From The Literature*. New Zealand Council For Education: Wellington

Holly, M.L.(1982). *Teachers view on inservice training*. Phi Delta Kappau, February, 417-418

Hood Haji Mohd Salleh. (2004). Masa depan sosioekonomi Orang Asli dalam milenium baru. In *Seminar Warisan Orang Asli*. Kuala Lumpur

Hood Mohamad Salleh. (1978). *Semelai Rituals Of Curing*. St. Catherine"s College, Oxford

Hood Salleh, (1980). *Orang Asli And Development*. Seminar On Economics, Development And The Consumer (17-22 Nov 1980: Penang) : Vol.1, Paper 1. Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli, (2009). *Data Maklumat Asas*

Hood Salleh, Ruzy Suliza Hashim, Christof Jaenicke, Joerg Cruenwald & Zurinawati Zainal Abidin. (2009). *Health and Beauty from the Rainforest*. Singapura: Editions Didier Millet

Hood Salleh. (1993). Orang Asli An Appreciation. In *Colloquium on Indigenous Peoples of the World*. Bangi: Department of Anthropology and Sociology,Universiti Kebangsaan Malaysia

Hood Salleh. (2004). *Dunia Peribumi dan alam sekitar: Langkah Ke Hadapan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Humi Bte Pandak Rahman. (2006). *Penglibatan Ibu Bapa Masyarakat Orang Asli dalam Pendidikan Anak-anak. Disertasi Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan).* Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia. Universiti Utara Malaysia

Hunn, E. S. (2003). *The Value of Subsistence for the Future of the World.* In V. D. Nazarea, Ethnoecology: *Situated Knowledge/Located Lives* (pp. 23-36). Tucson: University of Arizona Press

Hunn, E. S., Johnson, D. R., Russell, P. N., & Thornton, T. F. (2003). *Huna Tlingit Traditional Environmental Knowledge, Conservation, and the Management of a "Wilderness" Park.* *Current Anthropology*, 44: S79-S103

INAC (Indian Northern Affairs Canada) 1997. *Gathering Strength: Canada's Aboriginal Action Plan.* Ottawa INAC

Institut Perguruan Sultan Abdul Halim. (2006). *Pedagogi Pribumi.* Sungai Petani, Kedah: Institut Perguruan Sultan Abdul Halim

Ismail, Khaled M. K., Nevatte, Tracy; & O'Brien, S. (2013). Clinical subtypes of core premenstrual disorders: a Delphi survey. *Archives Of Womens Mental Health*, 16(3), 197–201

Itam Wali Nawan. (1985). *Perkhidmatan pelajaran untuk Orang Asli Semenanjung Malaysia.* Gombak: Perpustakaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

Itam Wali Nawan. (1993). Di Manakah Kami Sekarang? In *Orang Asli An Appreciation.* Bangi: Department of Anthropology and Sociology, Universiti Kebangsaan Malaysia

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, September 2000. *Analisis Profil Orang Asli Semenanjung Malaysia*

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (2004). *Orang Asli Berjaya Edisi III,* Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia

Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2011). Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015

Jabatan Muzium Malaysia. (2010). *Katalog Pameran Magis Belantara Herba Orang Asli.*

Jimin Idris. (1983). *Planning And Administration of Development Programmes For Tribal People.* Kuala Lumpur. Malaysia Country Report

Johari Talib & Nazri Muslim, Bagaimana kanak-kanak Orang Asli Gagal di Sekolah? MALIM: Jurnal Pengajian Umum, 8, 51-76

John Fien. (2010). Teaching and Learning For A Sustainable Future. UNESCO

John W. Creswell. (2012). *Educational Research.* Pearson

Johnson, M. (1992). *Research on traditional environmental knowledge: its development and its role,* in M. Johnson (Editor). *Lore: Capturing Traditional Environmental Knowledge.* Northwest Territories, Canada: Dene Cultural Institute

Jones, H & Twiss,B.L. (1978). *Forecasting technology for planning decisions*. New York: Macmillan

Juli Edo (1990). Tradisi Lisan Masyarakat Semai, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Monograf Bilangan 16, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Hlm.1

Juli Edo. (1984). Pendidikan Dan Masalah Pencapaian Akademik Orang Asli Kini. Dalam *Simposium Pembangunan Masa Depan Orang Asli di Semenanjung Malaysia*. Bangi

Juli Edo. (2012). Pendidikan Orang Asli: Harapan dan Peluang. Dalam Ramlee Abdullah. Mohamad Hafis Amat Simin, Azlina Abdullah & Zurina Mansor (Ed.), *Pendidikan dan Orang Asli dalam Arus Perdana* (pp. 31–34). Kuala Terengganu: penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin

Kadir, M. F., Bin Sayeed, Muhammad Shandaat, & Mia, M. M. K. (2012). Ethnopharmacological survey of medicinal plants used by indigenous and tribal people in Rangamati, Bangladesh. *Journal of ethnopharmacology*, 144(3), 627–37. doi:10.1016/j.jep.2012.10.003

Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Abd Aziz. (2004). *Pedagogi Asas Pendikan*. Kuala Lumpur: Karyaazano Enterprise

Kamarudin Mat Salleh, G. Kusalah & A. Latiff. (2001). Peranan Tumbuhan Di Dalam Budaya Masyarakat Tempatan: Status Kajian Etnobotani Masa Kini Di Malaysia. Sains Malaysiana

Kamarulzaman Kamaruddin. & Osman Jusoh. (2008). Educational Policy and Opportunities of Orang Asli: a Study on indigenous people in Malaysia. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*, 4(1), 86–97

Kamarulzaman Yahya. (1988). Perubatan Tradisi Di Kalangan Masyarakat Orang Asli, dalam Perubatan Tradisi Malaysia. In *Porcedings of the seminar on Malaysia Traditional Medicine* (pp. 226–228). Kuala Lumpur

Kavitha Subramaniam. (2003). *Perubahan Sosial Masyarakat Orang Asli Temuan: Kajian Kes di Desa Temuan, Bukit Lanjan, Damansara ,Selangor Darul Ehsan, Tesis Sarjana Muda Sastera Yang Tidak Diterbitkan*. Universiti Malaya

Kementerian Kebudayaan Dan Warisan Malaysia. (2006). *Orang Asli Khazanah Tersembunyi*. Jabatan Muzium Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia (2011). *Dokumen Standard Pendidikan Kesihatan Tahap1*

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Buku Pembangunan Pendidikan 2001-2010*

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1998). *Budaya, Pantang Larang dan Amalan Kesihatan Orang Asli Semenanjung Malaysia*

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2007). *Pendidikan di Malaysia Edisi 2007*

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Dokumen Standard Kurikulum Sains Tahap 1*
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Laporan Tahunan 2012 Bahagian Pengurusan Sekolah Harian.*
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli.*
- Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah. (2007). *Pembangunan Mapan Orang Asli.* Johor Bahru: Penerbit UTM
- Kirkness, V. J. (1992). *First Nation and School: Triumph and Struggles.* Toronto: Canadian Education Association
